05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM KEUSAHAWANAN BERASASKAN MODEL KIPP DI KOLEJ KOMUNITI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MUHAIMIN BIN ROJI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM KEUSAHAWANAN BERASASKAN MODEL KIPP DI KOLEJ KOMUNITI

MUHAIMIN BIN ROJI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
اونيۏرسيتي ڤندidikan سلطان ادريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12 (hari bulan) 3 (bulan) 2024

Perakuan Pelajar:
Saya, MUHAIMIN BIN ROJI, P20161000912 FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM KEUSAHAWANAN BERASASKAN MODEL KIPP DI KOLEJ KOMUNITI adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya DR NOR HASNIDA BINTI CHE MD GHAZALI dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM KEUSAHAWANAN BERASASKAN MODEL KIPP DI KOLEJ KOMUNITI dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENGUKURAN PENDIDIKAN).

12/3/2024
Tarikh

Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title:*	PENILAIAN PELAKSANAAN KURIKULUM KEUSAHAWANAN BERASASKAN MODEL KIPP DI KOLEJ KOMUNITI
No. Matrik / *Matric's No.:*	P20161000912
Saya / *I:*	MUHAIMIN BIN ROJI

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD.**
   The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐ **TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*.
/ **TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 12/3/2024

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

DR. NORHASNIDA CHE MD GHAZALI
Senior Lecturer
Department of Educational Studies
Faculty of Human Development
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertesi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD.**
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentially or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim…

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam dan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana dengan keizinan daripada-Nya memberi kekuatan untuk saya menyempurnakan tesis ini bagi memenuhi syarat utama untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pengukuran Pendidikan. Syukur Ya Allah untuk segala kekuatan, ketabahan dan keyakinan diri dalam menghadapi segala dugaan dan cabaran sepanjang proses menyiapkan penyelidikan tesis ini. Hanya Allah Yang Maha Mengetahui segalanya.

Dengan berbesar hati, sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Fakulti Pembangunan Manusia, UPSI terutamanya kepada penyelia yang dihormati, Dr Nor Hasnida Binti Che Md Ghazali yang tidak pernah jemu memberi tunjuk ajar, panduan, motivasi dan sokongan dalam segala hal terutamanya berkaitan penyelidikan tesis ini. Turut dititipkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam kajian ini antaranya Dr. Ammar Badruddin Bin Romli yang memberi panduan untuk melengkapkan tesis ini, Pegawai-pegawai penyelidik di Politeknik dan Kolej Komuniti antaranya Dr. Hjh Wan Rosmehah Binti Wan Omar dan Dr. Rosmanizah Binti Derahman. Sahabat-sahabat di Kolej Komuniti yang membantu dalam penyelidikan ini antaranya Gurmin, Aini dan Farhana.

Selain itu terima kasih tidak terhingga kepada Pengurusan Tertinggi Politeknik Bagan Datuk yang memberi ruang dan peluang serta masa untuk menguruskan penghantaran tesis ini. Begitu juga kepada unit Unit Pengajian Am KKSB iaitu Razizan, Kak Akmar, Kak Na, Kak Yana, Kak Azema, Qistina, Nora, Ustazah Hilwa dan Ustazah Azura yang sentiasa menjadi penceria di sebalik cabaran menyiapkan tesis ini.

Buat insan teristimewa, isteri yang dicintai Noor Lina Binti Ishak yang menjadi obor pembakar semangat, menerangi disegenap suluh kehidupan suamimu ini. Alhamdulillah, ini hadiah untuk kita. Terima kasih untuk segala-galanya. Anak-anak disayangi, Aniq Amsyar, Aniq Umar dan Annur Zinnirah. Terima kasih untuk segala masa, bantuan, sokongan tidak berbelah bahagi dan segalanya. Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi buat anak-anak bapak dan ibu.

Penghargaan teristimewa buat bapak disayangi, Roji Bin Soib dan mak tercinta Fahimah Binti Shahid yang sentiasa mendoakan dan telah mencurahkan lautan jasa dan pengorbanan kepada anakanda. Terima kasih segalanya,

Akhir kalam, semoga penghasilan tesis ini diterima oleh Allah S.W.T. Semoga sumbangan yang diberikan dalam membantu menyiapkan tesis ini mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT. Semoga tesis ini juga dapat menjadi panduan dan rujukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada yang memerlukan. Hanya Allah yang selayaknya membalas segala jasa kalian. Aamiin….

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan di Kolej Komuniti berasaskan Model Konteks-Input-Proses-Produk (KIPP) dengan memberi fokus kepada aspek kepentingan kurikulum, objektif, struktur penyampaian, pentaksiran, isi kandungan, bahan PdP, kemudahan prasarana, proses PdP, kefahaman, motivasi dan kesediaan pelajar menjadi usahawan. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan. Soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan data persepsi pelajar daripada lapan buah Kolej Komuniti Kluster 1 mengenai pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan. Seramai 416 orang pelajar telah terpilih sebagai responden kajian melalui persampelan rawak mudah. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis dengan menggunakan Analisis Faktor Pengesahan (*Confirmatory Factor Analysis*, CFA) dan Pemodelan Persamaan Berstruktur (*Structural Equation Modeling*, SEM) dengan menggunakan perisian IBM SPSS-AMOS versi 24.0. Dapatan kajian deskriptif menunjukkan, penilaian responden terhadap aspek Dimensi Konteks (min=3.99), Input (min=4.02), Proses (min=4.11) dan Produk (min=4.08) adalah tinggi. Selain itu, dapatan statistik inferensi menunjukkan terdapat kesepadanan model berstruktur bagi Dimensi Konteks, Input, Proses dan Produk dalam pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan dengan data kajian. Dapatan kajian juga telah menunjukkan bahawa terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara Dimensi Input terhadap Dimensi Proses ($p < 0.001$, B = 0.559), Dimensi Input terhadap Dimensi Produk ($p < 0.001$, B = 0.363), Dimensi Proses terhadap Dimensi Produk ($p < 0.001$, B = 0.351), Dimensi Konteks terhadap Dimensi Produk ($p = 0.018$, B = 0.101), Dimensi Konteks terhadap Dimensi Input ($p < 0.001$, B = 0.450) dan Dimensi Konteks terhadap Dimensi Proses ($p < 0.001$, B = 0.228). Dapatan kajian ini telah memberikan implikasi terhadap pembentukan model kurikulum berkualiti yang mencadangkan agar kesan pengaruh Dimensi Proses terhadap Dimensi Produk harus dikekalkan. Manakala kesan pengaruh Dimensi Konteks dan Dimensi Input terhadap Dimensi Produk harus dipertingkatkan bagi melahirkan pelajar yang berpengetahuan, bermotivasi dan bersedia menjadi usahawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

EVALUATION OF THE IMPLEMENTATION OF ENTREPRENEURSHIP CURRICULUM BASED ON THE CIPP MODEL IN COMMUNITY COLLEGES

ABSTRACT

This study aims to evaluate the implementation of the Entrepreneurship Curriculum at Community Colleges based on the Context-Input-Process-Product Model (CIPP) by focusing on aspects of the importance of the curriculum, objectives, delivery structure, assessment, content, PdP materials, infrastructure facilities, PdP process, understanding, motivation and willingness of students to become entrepreneurs. The research method used in this study is a quantitative approach in the form of a survey. A questionnaire was used to obtain student perception data from eight Cluster 1 Community Colleges regarding implementing the Entrepreneurship Curriculum. A total of 416 students were selected as study respondents through simple random sampling. The data obtained was then analyzed using Confirmatory Factor Analysis (CFA) and Structural Equation Modeling (SEM) using IBM SPSS-AMOS version 24.0 software. The findings of the descriptive study show that the respondent's evaluation of the aspects of the Context Dimension (mean=3.99), Input (mean=4.02), Process (mean=4.11), and Product (mean=4.08) are high. In addition, a structural model matches the context, input, process, and product dimensions in implementing the entrepreneurship curriculum with the research data. The findings of the study have also shown that there is a significant effect of influence between Input Dimensions on Process Dimensions ($p < 0.001$, $B = 0.559$), Input Dimensions on Product Dimensions ($p < 0.001$, $B = 0.363$), Process Dimensions on Product Dimensions ($p < 0.001$, $B = 0.351$), Context Dimension to Product Dimension ($p = 0.018$, $B = 0.101$), Context Dimension to Input Dimension ($p < 0.001$, $B = 0.450$) and Context Dimension to Process Dimension ($p < 0.001$, $B = 0.228$). The findings of this study provide implications for developing a quality curriculum model that suggests that the influence of the process dimension on the product dimension should be maintained. While the influence of the Context Dimension and the Input Dimension on the Product Dimension should be enhanced to produce knowledgeable, motivated students and ready to become entrepreneurs.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN		ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS		iii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		vi
ABSTRACT		vii
KANDUNGAN		viii
SENARAI JADUAL		xvi
SENARAI RAJAH		xxi
SENARAI SINGKATAN		xxii
BAB 1	**PENGENALAN**	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	5
	1.3 Pernyataan Masalah	14
	1.4 Objektif Kajian	19
	1.5 Persoalan Kajian	20
	1.6 Hipotesis Kajian	21
	1.7 Kerangka Konseptual Kajian	22
	1.8 Batasan Kajian	26
	1.8.1 Tempat Kajian	27
	1.8.2 Institusi Kajian	27
	1.8.3 Sampel Kajian	28

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

		1.8.4 Aspek Kajian	28
	1.9	Kepentingan Kajian	29
	1.10	Definisi Operasional	32
		1.10.1 Penilaian Pelaksanaan	32
		1.10.2 Kurikulum	33
		1.10.3 Kurikulum Keusahawanan	34
		1.10.4 Kolej Komuniti	34
		1.10.5 Model KIPP	34
	1.11	Rumusan	35
BAB 2	**TINJAUAN LITERATUR**		
	2.1	Pengenalan	36
	2.2	Kurikulum	37
		2.2.1 Konsep Kurikulum	37
		2.2.2 Unsur Penilaian Dalam Model Pelaksanaan Kurikulum	39
	2.3	Kurikulum Keusahawanan	43
	2.4	Kurikulum Keusahawanan Dalam Konteks Kolej Komuniti Malaysia	47
		2.4.1 Strategi Pentaksiran Kurikulum Keusahawanan Kolej Komuniti	50
	2.5	Teori Pembelajaran Berkaitan Proses Pelaksanaan Kurikulum	51
		2.5.1 Teori Pembelajaran Konstruktivisme	51
	2.6	Penilaian	55
		2.6.1 Konsep Penilaian	55
		2.6.2 Penilaian Kurikulum	58
		2.6.2.1 Tujuan Penilaian Kurikulum	58

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.2.2 Penilaian Formatif dan Penilaian Sumatif 60

2.7 Kajian Lepas Penilaian Dalam Bidang Kurikulum atau Program Pendidikan 62

2.8 Pendekatan Model Penilaian 67

2.8.1 Pendekatan Berorientasikan Pelanggan 67

2.8.2 Pendekatan Berorientasikan Objektif 68

2.8.3 Pendekatan Sebenar dan Berorientasi Peserta 69

2.8.4 Pendekatan Berorientasikan Kepakaran 70

2.8.5 Pendekatan Berorientasikan Pengurusan 71

2.9 Model-model Penilaian 73

2.9.1 Model Penilaian Sokongan Stakes 74

2.9.2 Model Penilaian Perbezaan Provus 75

2.9.3 Model Penilaian Matlamat Bebas Scriven 76

2.9.4 Model Penilaian Tyler 76

2.9.5 Model penilaian Kirkpatrick 78

2.9.6 Model penilaian Logik 80

2.9.7 Model Penilaian Metfessel dan Micheal 81

2.9.8 Model Penilaian Hammond 82

2.9.9 Model Penilaian Illuminative Parlett dan Hamilton 82

2.9.10 Model Penilaian Responsif Stakes 83

2.9.11 Model Penilaian Demokratik 84

2.9.12 Model Penilaian Naturalis 85

2.9.13 Model Penilaian Eisner's Connoisseurship and Critism 86

2.9.14 Model Penilaian Kumpulan Akreditasi 87

2.9.15 Model Penilaian UCLA Alkin 88

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.16 Model Penilaian Warr, Bird & Rackhman 89

2.10 Penggunaan Model KIPP Dalam Penilaian Kurikulum Keusahawanan 90

2.10.1 Dimensi Penilaian Konteks 92

2.10.2 Dimensi Penilaian Input 94

2.10.3 Dimensi Penilaian Proses 96

2.10.4 Dimensi Penilaian Produk 97

2.11 Model Penilaian KIPP Dalam Kajian Lepas 99

2.12 Tinjauan Terhadap Sub Konstruk Dalam Kajian 104

2.12.1 Kepentingan, Objektif, Struktur Penyampaian dan Pentaksiran Kurikulum 104

2.12.2 Isi Kandungan Kurikulum dan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) 105

2.12.3 Kemudahan Prasarana 107

2.12.4 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) 107

2.12.5 Penguasaan Kefahaman Pelajar 111

2.12.6 Motivasi Keusahawanan Pelajar 113

2.12.7 Kesediaan Keusahawanan Pelajar 114

2.13 Rumusan 115

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan 116

3.2 Reka Bentuk Kajian 117

3.3 Populasi dan Sampel Kajian 122

3.3.1 Kaedah Persampelan Data 125

3.3.1.1 Persampelan Institusi 126

3.3.1.2 Persampelan Pelajar 127

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4	Instrumen Kajian		132
	3.4.1	Instrumen Soal Selidik Pelajar	133
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan		136
	3.5.1	Kesahan Muka dan Kesahan Kandungan	137
3.6	Kajian Rintis		139
	3.6.1	Dapatan Kajian Rintis	140
		3.6.1.1 Kesahan Konstruk dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Pelajar	140
		3.6.1.2 Dapatan Kesahan dan Kebolehpercayaan Dimensi Konteks	144
		3.6.1.3 Dapatan Kesahan dan Kebolehpercayaan Dimensi Input	149
		3.6.1.4 Dapatan Kesahan dan Kebolehpercayaan Dimensi Proses	153
		3.6.1.5 Dapatan Kesahan dan Kebolehpercayaan Dimensi Produk	159
3.7	Prosedur Pengumpulan Data		164
3.8	Kaedah Analisis Data		165
	3.8.1	Analisis Deskriptif	165
	3.8.2	Pemodelan Persamaan Berstruktur (SEM - Structural Equation Modeling)	166
		3.8.2.1 Petunjuk Kesepadanan Model Persamaan Berstruktur (SEM)	168
3.9	Kerangka Operasi Kajian		175
3.10	Rumusan		177
BAB 4	**DAPATAN KAJIAN**		
4.1	Pengenalan		179
4.2	Analisis Data Awalan		180

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1 Data Hilang 180

4.2.2 Data *Outlier* 181

4.2.3 Menilai Taburan Normal 182

4.3 Profil Responden 185

4.4 Analisis Deskriptif: Keputusan Analisis Objektif Kajian 1 188

4.4.1 Persepsi Dimensi Konteks 188

4.4.2 Persepsi Dimensi Input 192

4.4.3 Persepsi Dimensi Proses 195

4.4.4 Persepsi Dimensi Produk 200

4.5 Analisis Syarat Pemodelan Persamaan Berstruktur 205

4.5.1 Analisis dan Keputusan Model Pengukuran 206

4.5.1.1 Model Pengukuran Dimensi Konteks 207

4.5.1.2 Model Pengukuran Dimensi Input 215

4.5.1.3 Model Pengukuran Dimensi Proses 224

4.5.1.4 Model Pengukuran Dimensi Produk 233

4.5.2 Rumusan Pengesahan Model Pengukuran 240

4.5.3 Model Pengesahan Gabungan 241

4.6 Model Persamaan Berstruktur (SEM) dan Keputusan Analisis Objektif Kajian 2 dan Hipotesis, H_1 249

4.7 Keputusan Analisis Objektif Kajian 3, 4, 5, 6, 7, 8 dan Hipotesis Kajian H_2, H_3, H_4, H_5, H_6, H_7 252

4.8 Kesimpulan Dapatan Kajian 255

4.9 Rumusan 256

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan 258

5.2 Ringkasan Kajian 259

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Pebincangan Dapatan Kajian 260

5.3.1 Persepsi Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan Dari Dimensi Konteks 260

5.3.2 Persepsi Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan Dari Dimensi Input 262

5.3.3 Persepsi Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan Dari Dimensi Proses 264

5.3.4 Persepsi Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan Dari Dimensi Produk 267

5.3.5 Kesepadanan Model Persamaan Berstruktur Bagi Dimensi Konteks, Input, Proses dan Produk Dalam Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan 270

5.3.6 Pengaruh Dimensi Input Terhadap Dimensi Proses Dalam Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan 273

5.3.7 Pengaruh Dimensi Input Terhadap Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan 274

5.3.8 Pengaruh Dimensi Proses Terhadap Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan 275

5.3.9 Pengaruh Dimensi Konteks Terhadap Dimensi Produk, Dimensi Input dan Dimensi Proses Dalam Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan 279

5.4 Implikasi Kajian 281

5.4.1 Bidang Ilmu 282

5.4.2 Teoritikal 285

5.4.3 Praktikal 287

5.4.3.1 Kualiti Pengajaran Pensyarah 287

5.4.3.2 Penyediaan Kemudahan Pembelajaran 289

5.5 Cadangan 290

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan 291

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.7 Rumusan 292

RUJUKAN 294

LAMPIRAN 326

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Kaedah Penilaian Sumatif Kurikulum Keusahawanan	51
2.2	Perbezaan Pembelajaran Tradisional dan Konstruktivisme	54
2.3	Ringkasan Pendekatan Penilaian dan Model-Model Penilaian	72
2.4	Tahap dan Fokus Penilaian Model Kirkpatrick	78
3.1	Populasi Kajian (Sumber : e-pelajar JPPKK)	123
3.2	Bilangan Saiz Sampel Minimum Bagi Model Pengukuran	124
3.3	Bilangan Minimum Sampel Berdasarkan Ujian Analisis Statistik	125
3.4	Jumlah Sampel	130
3.5	Rumusan Jumlah Sampel Pelajar Mengikut Kolej Komuniti Kluster 1	131
3.6	Aras Pengukuran Skala Likert	133
3.7	Komponen Soalan dan Bilangan Item Dalam Soal Selidik Pelajar	135
3.8	Interpretasi Skor Bagi Nilai Alpha Cronbach	139
3.9	Indeks Kebagusan (*Goodness of Fit Indexes, GoF*) Untuk Analisis Faktor Penerokaan (EFA)	144
3.10	Kebolehpercayaan Konstruk-Konstruk Bagi Dimensi Konteks	145
3.11	Analisis Faktor Dimensi Konteks Kali Pertama	147
3.12	Analisis Faktor Dimensi Konteks Kali Kedua	148
3.13	Analisis Faktor Dimensi Konteks Kali Terakhir	149
3.14	Kebolehpercayaan Konstruk-Konstruk Bagi Dimensi Input	150
3.15	Analisis Faktor Dimensi Input Kali Pertama	152

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.16	Analisis Faktor Dimensi Input Kali Terakhir	152
3.17	Kebolehpercayaan Konstruk-Konstruk Bagi Dimensi Proses	154
3.18	Analisis Faktor Dimensi Proses Kali Pertama	156
3.19	Analisis Faktor Dimensi Proses Kali Kedua	157
3.20	Analisis Faktor Dimensi Proses Kali Terakhir	158
3.21	Kebolehpercayaan Konstruk-Konstruk Bagi Dimensi Produk	160
3.22	Analisis Faktor Dimensi Produk Kali Pertama	161
3.23	Analisis Faktor Dimensi Produk Kali Kedua	162
3.24	Analisis Faktor Dimensi Produk Kali Terakhir	163
3.25	Rumusan Pertukaran Item-Item Setiap Dimensi	164
3.26	Interpretasi Skor Min	166
3.27	Indeks Kesesuaian Dan Kelengkapan Model (*Goodness Of Fit Indexes*)	172
3.28	Jenis Dan Syarat Kesahan Dalam Model Pengukuran SEM	174
3.29	Syarat Kebolehpercayaan Dalam Model Pengukuran SEM	175
4.1	Julat Minimum Dan Maksimum Bagi Setiap Item	181
4.2	Statistik Bagi Taburan Normal Item-Item	183
4.3	Panduan Skewness dan Kurtosis Taburan Kenormalan Data	185
4.4	Profil Responden Kajian (N = 416)	187
4.5	Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Kepentingan Kurikulum	189
4.6	Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Objektif Kurikulum	190
4.7	Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Stuktur Penyampaian Kurikulum	191
4.8	Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Struktur Pentaksiran Kurikulum	192

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.9	Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Isi Kandungan Kurikulum	193
4.10	Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Bahan PdP	194
4.11	Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Kemudahan Prasarana	195
4.12	Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Kaedah PdP	196
4.13	Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Kaedah Pentaksiran	198
4.14	Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Penggunaan Bahan PdP	199
4.15	Analisis Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Penguasaan Kefahaman Pelajar	200
4.16	Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Motivasi Pelajar Menjadi Usahawan	202
4.17	Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Kesediaan Pelajar Menjadi Usahawan	203
4.18	Ringkasan Dapatan Analisis Deskriptif Min (Analisis Objektif Kajian 1)	203
4.19	Rumusan Statistik Amos Model Konteks Kali Pertama	207
4.20	Nisbah Kritikal Perbezaan Antara Parameter Model Konteks Kali Pertama	209
4.21	MI Yang Mewakili Kovarian Setiap Item Yang Berpasangan Di Dalam Model Pengukuran Dimensi Konteks Kali Kedua	211
4.22	Penilaian Indeks Kesepadanan (Goodness of Fit Indexes, GoF) Model Pengukuran Konstruk Dimensi Konteks Kali Kedua	211
4.23	Penilaian Taburan Normal Model Konteks Kali Kedua	212
4.24	Statistik Kesahan Dan Kebolehpercayaan Model Pengukuran Konteks Kali Kedua	213
4.25	Statistik AVE Dan Korelasi Antara Konstruk Model Konteks Kali Kedua	215
4.26	Rumusan Statistik Amos Model Input Kali Pertama	215

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.27	Nisbah Kritikal Perbezaan Antara Parameter Model Input Kali Pertama	217
4.28	MI Yang Mewakili Kovarian Setiap Item Yang Berpasangan Di Dalam Model Pengukuran Dimensi Input Kali Kedua.	219
4.29	Penilaian Indeks Kesepadanan (Goodness of Fit Indexes, GoF) Model Pengukuran Konstruk Dimensi Input Kali Ketiga	221
4.30	Penilaian Taburan Normal Model Input Kali Ketiga	222
4.31	Statistik Kesahan dan Kebolehpercayaan Model Pengukuran Input Kali Ketiga	223
4.32	Statistik AVE Dan Korelasi Antara Konstruk Model Input Kali Ketiga	224
4.33	Rumusan Statistik Amos Model Proses Kali Pertama	224
4.34	Nisbah Kritikal Perbezaan Antara Parameter Model Proses Kali Pertama	226
4.35	MI Yang Mewakili Kovarian Setiap Item Yang Berpasangan Di Dalam Model Pengukuran Dimensi Proses Kali Kedua.	228
4.36	Penilaian Indeks Kesepadanan (Goodness of Fit Indexes, GoF) Model Pengukuran Konstruk Dimensi Proses Kali Ketiga	230
4.37	Penilaian Taburan Normal Model Proses Kali Ketiga	231
4.38	Statistik Kesahan dan Kebolehpercayaan Model Pengukuran Proses Kali Ketiga	232
4.39	Statistik AVE dan Korelasi Antara Konstruk Model Proses Kali Ketiga	233
4.40	Rumusan Statistik Amos Model Produk Kali Pertama	234
4.41	Nisbah Kritikal Perbezaan Antara Parameter Model Produk Kali Pertama	235
4.42	MI Yang Mewakili Kovarian Setiap Item Yang Berpasangan Di Dalam Model Pengukuran Dimensi Produk Kali Kedua	236
4.43	Penilaian Indeks Kesepadanan (Goodness of Fit Indexes, GoF) Model Pengukuran Konstruk Dimensi Produk Kali Kedua	237

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.44	Penilaian Taburan Normal Model Produk Kali Kedua	238
4.45	Statistik Kesahan dan Kebolehpercayaan Model Pengukuran Produk Kali Kedua	239
4.46	Statistik AVE Dan Korelasi Antara Konstruk Model Produk Kali Kedua	240
4.47	Rumusan Model-Model Pengukuran	241
4.48	Rumusan Statistik Model Penilaian Kurikulum Keusahawanan Kali Pertama	242
4.49	MI Yang Mewakili Kovarian Setiap Item Yang Berpasangan Di Dalam Model Pengesahan Gabungan Kali Pertama	243
4.50	Penilaian Taburan Normal Model Pengesahan Gabungan Kali Kedua	245
4.51	Statistik Kesahan dan Kebolehpercayaan Model Pengesahan Gabungan Kali Kedua	248
4.52	Statistik AVE dan Korelasi Antara Konstruk Model Pengesahan Gabungan Kali Kedua	249
4.53	Penilaian Indeks Kesepadanan (Goodness of Fit Indexes, GoF) Model Persamaan Berstruktur Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan	251
4.54	Persoalan Kajian 3,4,5,6,7,8 dan Hipotesis Kajian H_2, H_3,H_4,H_5,H_6,H_7	252
4.55	Rumusan Hipotesis Hubungan dan Kesan Pengaruh Antara Dimensi	253
4.56	Kekuatan Kesan Pengaruh Antara Dimensi	255
4.57	Rumusan Persoalan dan Hipotesis Kajian	256

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konsep Kajian	22
2.1	Model Pelaksanaan Kurikulum Saylor (1981)	40
2.2	Komponen Penilaian KIPP dan Perkaitannya Dengan Penilaian Kurikulum	90
3.1	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie Dan Morgan (1970)	130
3.2	Kerangka Operasi Kajian	177
4.1	Model Pengukuran Dimensi Konteks Kali Pertama	208
4.2	Model Pengukuran Dimensi Konteks Kali Kedua	210
4.3	Model Pengukuran Dimensi Input Kali Pertama	216
4.4	Model Pengukuran Dimensi Input Kali Kedua	218
4.5	Model Pengukuran Dimensi Input Kali Ketiga	220
4.6	Model Pengukuran Dimensi Proses Kali Pertama	225
4.7	Model Pengukuran Dimensi Proses Kali Kedua	227
4.8	Model Pengukuran Dimensi Proses Kali Ketiga	229
4.9	Model Pengukuran Dimensi Produk Kali Pertama	234
4.10	Model Pengukuran Dimensi Produk Kali Kedua	236
4.11	Model Pengesahan Gabungan Kali Pertama	242
4.12	Model Pengesahan Gabungan Kali Kedua	244
4.13	Model Persamaan Berstruktur Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan	247
5.1	Model Penilaian Kurikulum Berkualiti	285

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

AVE	*Average Variance Extracted*
CFA	*Confirmatory Factor Analysis*
CR	*Composite Reliability*
EFA	*Exploratory Factor Analysis*
GoF	*Goodness of Fit Indexes*
HPK	Hasil Pembelajaran Kurikulum
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PSPTN	Pelan Strategik Pembangunan Pendidikan Tinggi Negara
SEM	*Structural Equation Modeling*
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknik Vokasional

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A Soal Selidik

B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian

C Pengesahan Instrumen Oleh Pakar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Keusahawanan merupakan kemahiran modal insan yang amat penting dalam membantu pertumbuhan ekonomi negara terutamanya dalam proses Malaysia mencapai status negara maju. Dalam menggerakkan usaha bagi mencapai wawasan negara, modal insan yang inovatif dan kreatif serta berpengetahuan tinggi adalah aset penting yang perlu difokuskan. Maka langkah pertama yang perlu dimulakan adalah dengan membangunkan modal insan berciri usahawan melalui sistem pendidikan. Dalam pendidikan, tanpa melakukan penambahbaikan kurikulum pendidikan sedia ada, tidak mungkin kita dapat bersaing dalam pertandingan globalisasi semasa. Kerajaan akan memastikan tidak ada pihak yang tercicir dari sistem pendidikan dan setiap pelajar yang melalui sistem ini bukan sahaja dapat memenuhi kehendak pasaran dalam negara malah kehendak pasaran antarabangsa. Berdasarkan kepentingan ini, kerajaan perlu terus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berusaha bersama pelbagai pihak yang berkepentingan untuk pembangunan modal insan yang bukan sahaja mempunyai kecemerlangan dalam akademik tetapi mempunyai nilai-nilai insaniah yang tinggi.

Kemahiran keusahawanan adalah merupakan kemahiran yang perlu dimiliki oleh seseorang untuk berfungsi dengan berkesan sewaktu melakukan pekerjaan mengikut kemahiran-kemahiran khusus yang dimiliki (Mohd Salleh et al, 2010). Perniagaan adalah salah satu contoh elemen keusahawanan. Sejak akhir ini, aktiviti keusahawanan merupakan antara kerjaya yang menjadi tumpuan di seluruh dunia. Sebagai contoh, Negara Britain sentiasa memberi sokongan dan bantuan kepada usahawan tempatan mereka. Dalam kenyataan Nona dan Dmistri (2018) dalam Fadilla Che Faizu dan Norasmah Othman (2020), negara ini menggalakkan rakyat mereka untuk mendapatkan pendapatan yang lumayan dengan menceburi kegiatan keusahawanan serta menubuhkan perusahaan sendiri. Kenyataan ini sependapat dengan Jaana et al. (2019) yang menyatakan bahawa penerapan ilmu keusahawanan secara formal oleh negara Eropah telah dapat mengembangkan aktiviti keusahawanan.

Tambahan lagi, dengan mempunyai kemahiran keusahawanan yang baik, proses pengajaran dan pembelajaran diandaikan dapat dilaksanakan dengan berkesan terutamanya dalam mencapai matlamat dan objektif pendidikan. Keusahawanan telah mendapat perhatian yang sangat penting di seluruh dunia. Banyak faktor yang menyumbang kepada minat yang semakin meningkat dalam bidang keusahawanan. Dalam ekonomi yang sedang membangun, aktiviti-aktiviti keusahawanan dan pembangunan syarikat-syarikat baru telah melonjakkan semula ekonomi yang lemah (Gürol & Nuray, 2006; Kuratko, 2005). Dalam meningkatkan dan membangunkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ekonomi, keusahawanan mempunyai peranan yang penting dalam mewujudkan peluang pekerjaan (Karimi et al, 2010; Papayannakis et al, 2008; Gürol dan Nuray, 2006; Kuratko, 2005).

Kemahiran keusahawanan adalah merupakan antara kemahiran insaniah yang penting samada dari peringkat pengajian rendah atau peringkat pengajian tinggi. (Norasmah et al, 2003). Bidang keusahawanan dianggap berupaya melahirkan sumber tenaga manusia yang dapat memelihara kestabilan ekonomi, sosial dan politik negara. Ia merupakan elemen kepada pembangunan modal insan (Sarimah et al., 2010). Penerapan kurikulum keusahawanan perlu dimulakan dari bangku sekolah rendah lagi. Pendedahan terhadap budaya keusahawanan ini adalah menepati hasrat dan objektif pihak kerajaan untuk mewujudkan masyarakat usahawan yang berdaya saing dan maju. Keusahawanan juga telah menjadi satu teras yang amat penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial di seluruh dunia (Landstrom, 2005). Aktiviti keusahawanan menggalakkan inovasi, menambah peluang pekerjaan, meningkatkan daya saing global sesebuah syarikat, di samping memacu dan meningkatkan ekonomi (Bennett, 2006; Bygrave, 2004). Kemahiran keusahawanan bolehlah dirumuskan sebagai minat dan keupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran terhadap risiko kreativiti dan inovasi dalam aktiviti berkaitan perniagaan dan pekerjaan. Pembelajaran dalam kurikulum keusahawanan merupakan satu proses memupuk dan melahirkan pelajar dengan budaya berniaga (Hussaini et al., 2008).

Bidang keusahawanan juga adalah satu bidang penting bagi sesebuah negara kerana melaluinya budaya makan gaji dapat dikikis dalam kalangan rakyat, sebaliknya budaya mencipta pekerjaan sendiri dapat dipupuk (Judeh dan Rahim, 2011). Pada tahun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2006, Rancangan Malaysia kesembilan (RMke-9) telah dilancarkan. Antara agenda RMK ke-9 termasuk merangka strategi untuk membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian generasi kedua (MPPB2) dalam usaha membangunkan usahawan yang berdaya saing, berdaya tahan dan mantap (Norasmah et al, 2009). Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara 2011-2015 meletakkan fokus kepada usaha mengarusperdanakan pendidikan keusahawanan. Objektif usaha ini adalah untuk meningkatkan daya keusahawanan dalam kalangan semua pelajar yang akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Menurut Pelan tersebut juga, Kementerian Pengajian Tinggi pada ketika itu berpendapat adalah signifikan bagi pelajar Universiti, Politeknik dan Kolej Komuniti untuk diberikan pendedahan dan diterapkan dengan nilai-nilai dan kemahiran keusahawanan yang merangkumi aspek kepimpinan, inovasi, kreativiti, berdaya saing, berdikari, mengambil risiko terkira dan kebolehan untuk mengenal pasti dan mengambil peluang. Sehubungan dengan itu, dasar pembangunan keusahawanan Institut Pengajian Tinggi (IPT) telah dilancarkan pada 13 April 2010 yang bertujuan menggalakkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik dalam kalangan Institut Pengajian Tinggi (Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara 2011-2015, PSPTN Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia).

Menyedari kepentingan pembangunan keusahawanan di negara ini, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 pula telah dilancarkan bagi memenuhi keperluan program akademik dalam institusi pendidikan tinggi yang mempunyai pendidikan keusahawanan untuk menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran keusahawanan. Kementerian Pendidikan mahu semua institusi pendidikan tinggi menghasilkan graduan yang boleh mencipta pekerjaan berbanding

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka yang hanya mencari pekerjaan atau makan gaji. Pelajar juga perlu digalakkan memulakan perniagaan mereka sebelum mereka menamatkan pengajian (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2015). Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015–2025 yang dilancarkan selepas PSPTN, terdapat 10 lonjakan dalam mencapai aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. Lonjakan pertama jelas menunjukkan bahawa kerajaan ingin melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Justeru itu, satu langkah proaktif telah dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dengan mewajibkan pelajar di Kolej Komuniti untuk mengambil Modul Kurikulum Keusahawanan. Satu modul khas kurikulum keusahawanan dengan kod MPU1222 telah diwujudkan bagi membantu pelajar mendalami bidang keusahawanan dengan lebih terancang. Kemahiran keusahawanan merupakan elemen penting dalam kemahiran-kemahiran insaniah yang harus dimiliki oleh pelajar-pelajar Kolej Komuniti. Ini kerana bidang keusahawanan dianggap berupaya melahirkan sumber tenaga manusia yang dapat memelihara kestabilan ekonomi, sosial dan politik negara. Ia merupakan landasan kepada pembangunan modal insan (Sarimah et al, 2010).

1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang menuju ke arah negara maju. Ini menyebabkan negara memerlukan bilangan usahawan yang ramai dan berkualiti. Keusahawanan dapat meningkatkan taraf kehidupan sesebuah masyarakat dan pada masa yang sama dapat meningkatkan pembangunan ekonomi negara. Setiap tahun ramai graduan yang keluar daripada institusi pengajian tinggi awam atau swasta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mahupun dari institusi latihan kemahiran. Ini menjadikan bilangan yang begitu ramai akan mencari pekerjaan dan sudah tentu bukan semua akan mendapat pekerjaan. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia (2016) mendapati kadar pengangguran pada tahun 2016 adalah sebanyak 504100 orang iaitu 3.4%. Kadar ini semakin meningkat berbanding pada tahun 2015 sebanyak 450300 iaitu 3.1%.

Terdapat juga pihak mempersoalkan kualiti pendidikan di negara ini memandangkan masih terdapat sebahagian besar graduan tempatan menjadi penganggur. Ramai yang menyalahkan siswazah sendiri dan ramai juga yang menyalahkan pihak institusi pendidikan yang dikatakan tidak menyediakan kurikulum dan program yang bersesuaian dengan kehendak majikan (Mohd Hafeez, 2013). Persaingan sengit di dunia pasaran kerja pada hari ini mengakibatkan graduan tidak mendapat jaminan kerja walaupun mempunyai keterampilan akademik yang tinggi. Kebanyakan majikan masa kini bukan sahaja menjadikan pencapaian akademik sebagai kriteria utama pemilihan pekerja, tetapi juga meletakkan penguasaan kemahiran insaniah dalam kalangan graduan sebagai kriteria pemilihan bakal pekerjanya. Berdasarkan Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (2006), antara kelemahan graduan termasuklah tidak memiliki keterampilan dan tidak memiliki kemahiran, khususnya kemahiran insaniah sebagaimana yang dituntut oleh majikan, di samping pasaran kerja yang kompetitif (Mohd Hafeez, 2013).

Kemahiran keusahawanan merupakan salah satu daripada kemahiran insaniah yang menjadi rujukan IPT di Malaysia dan merupakan satu bidang yang sangat penting dalam memastikan pembangunan sesebuah negara (Mohd Hafeez, 2013). Keusahawanan adalah elemen penting yang ingin diterapkan oleh Kementerian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan Tinggi (KPT) kerana keusahawanan mendorong kepada penghasilan inovasi yang akhirnya menggerakkan ekonomi berpendapatan tinggi. Institusi pendidikan memainkan peranan utama di dalam memupuk kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar bagi menghasilkan lebih ramai usahawan pada masa hadapan (Fuchs, Werner, & Wallau, 2008). Dalam konteks Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), kementerian telah memperkenalkan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT yang bertujuan menggalak dan memantapkan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan menyeluruh. Untuk merealisasikan dasar tersebut, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah merancang strategi untuk memartabatkan lagi Kolej Komuniti dengan memperkenalkan kurikulum keusahawanan dan memperkenalkan Pelan Pengukuhan Keusahawanan Kolej Komuniti (Yusrizal Yusof, 2012). Pelan ini memberikan kesediaan kepada pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan sekiranya gagal mendapat pekerjaan setelah tamat pengajian.

Namun sikap graduan yang memilih kerja terutama berdasarkan kelayakan akademik dan mengharapkan kerja makan gaji menyebabkan bidang keusahawanan ini menjadi pilihan kedua apabila gagal mendapatkan pekerjaan (Mohd Hassan, 2007). Jika diberi peluang, mereka tetap memilih kerjaya makan gaji sebagai pilihan. Hal ini kerana pelajar belum mendapat persediaan yang secukupnya dari segi kefahaman dan motivasi usahawan dalam diri mereka. Pelajar perlu sedar bahawa keusahawanan merupakan satu elemen yang menjadi tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi dan masyarakat yang mempunyai paling ramai usahawan dianggap masyarakat yang paling baik. Dari segi ekonomi, bidang keusahawanan dikatakan menjadi penyelesaian kepada banyak masalah terutamanya menjadi penyumbang kepada pekerjaan atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagai salah satu jalan dalam menyelesaikan masalah pengangguran (Shahrin dan Noraini, 2011). Keusahawanan memainkan peranan yang amat penting dalam ekonomi negara di mana keusahawanan merupakan daya penggerak kepada pertumbuhan ekonomi dan mencipta peluang kerja. Ini dibuktikan apabila Modul Kemahiran Insaniah (2006) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) negara ini mengambil kira aspek keusahawan sebagai salah satu aspek kemahiran insaniah yang perlu dikuasai oleh para graduan (Mohd Izham et al., 2010).

Kerjaya dalam bidang keusahawanan juga merupakan salah satu pekerjaan terbaik yang boleh diceburi oleh para siswazah untuk mengatasi pengangguran (Nabi & Holden, 2008; Norasmah & Halimah, 2007). Ini disokong oleh Norasmah & Salmah (2011) yang menyatakan bahawa para graduan perlu berfikir sebagai seorang pencipta kerja daripada berfikir mencari pekerjaan. Kerajaan telah mewujudkan pelbagai program keusahawanan kepada pelajar untuk melahirkan graduan yang bersedia bermotivasi dan berminda usahawan. Walaubagaimanapun, kerjaya usahawan masih belum mendapat tempat sebagai kerjaya pilihan dalam kalangan graduan. Dalam usaha untuk menarik siswazah menceburi bidang usahawan, pelbagai usaha dan langkah yang diambil oleh kerajaan termasuklah mewujudkan kurikulum keusahawanan di institusi pendidikan namun langkah tersebut seolah-olah kurang memberi impak apabila bilangan siswazah yang menceburi bidang keusahawanan masih lagi rendah (Nor Aishah et al., 2010; Norasmah & Faridah, 2010; Hoe, 2006). Institusi pendidikan tinggi di Malaysia harus menilai kurikulum keusahawanan yang ada untuk melakukan penambahbaikan bagi mewujudkan pendidikan keusahawanan yang efektif. Dalam pada itu, penumpuan terhadap reka bentuk kurikulum yang lebih baik oleh semua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

institusi pendidikan tinggi amat penting bagi meningkatkan kecekapan dalam penyampaian pendidikan keusahawanan. Melalui kurikulum keusahawanan yang efektif, maka graduan akan menjadi usahawan yang berjaya dan dapat mengharungi cabaran dalam dunia ekonomi global hari ini (Yu Cheng, Sei Chan, & Mahmood, 2009).

Selain itu, kurikulum keusahawanan telah diberi perhatian dan dititikberatkan oleh kerajaan kerana kerjaya usahawan dilihat antara jalan penyelesaian kepada isu pengangguran. Keusahawanan dilihat mampu membantu kerajaan dalam menangani isu pengangguran, meningkatkan ekonomi negara di samping mewujudkan masyarakat yang berdaya saing. Malisa Aini (2009) menyatakan isu pengangguran dalam kalangan graduan bukan perkara baru dan menjadi masalah kepada negara. Masalah pengangguran berlaku setiap kali universiti mahupun institut latihan kemahiran mengeluarkan beribu-ribu graduan setiap tahun. Bagi mengatasi masalah ini, graduan Kolej Komuniti perlu didedahkan dengan kurikulum keusahawanan ketika di kolej lagi. Tujuannya adalah untuk membantu pelajar bersedia menghadapi dunia pekerjaan kelak. Kurikulum keusahawanan telah diintegrasikan dalam sistem pendidikan dan meninggalkan kesan yang positif terhadap pelajar. Didapati bahawa kurikulum keusahawanan telah berjaya menimbulkan kesedaran dan mengubah sikap serta persepsi pelajar kepada lebih positif terhadap bidang keusahawanan (Chum et al, 2010).

Tambahan pula, sikap ingin makan gaji dalam kalangan lepasan pelajar institusi pengajian ini amat membimbangkan. Perkara ini terjadi adalah disebabkan oleh tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan graduan dan ibu bapa terhadap aspek dan kurikulum keusahawanan yang merupakan alternatif penyelesaian kepada masalah pengangguran dalam kalangan graduan (Norani Mohd. Noor & Norisham A. Rahim,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2011). Dalam melahirkan para pelajar yang berkebolehan, matang dan mampu menjalankan sesuatu perniagaan, peranan guru dan pentadbir institusi pendidikan amat penting (Nasharudin & Harun, 2010). Begitu juga situasi di Kolej Komuniti, pentadbir dan pensyarah perlu berganding bahu menyediakan aktiviti yang menjurus kepada keusahawanan. Pensyarah perlu menerapkan ciri-ciri usahawan kepada pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum keusahawanan. Penerapan keusahawanan ini membolehkan pelajar bersedia untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya.

Dalam konteks Kolej Komuniti, kemahiran keusahawanan diterapkan dalam kurikulum keusahawanan. Kurikulum merupakan skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sekolah atau lain-lain, senarai kesemua mata pelajaran (kursus pengajian) di sekolah dan lain-lain institusi pendidikan (Kamus Dewan, 2005). Konsep kurikulum adalah merupakan sebagai dokumen khas terhadap kursus pengajaran, mempunyai isi kandungan pelajaran, merujuk kepada mata pelajaran yang diajar dalam sesuatu program pengajian, sebagai pengalaman pembelajaran yang terancang, sebagai siri hasil pembelajaran yang berstruktur dan sebagai pelan tindakan bertulis (Ishak Ramly, 2008). Kurikulum keusahawanan sangat berkait rapat dengan institusi pendidikan tinggi di Malaysia. Keusahawanan kini dilihat sebagai salah satu cara untuk mengurangkan kebergantungan rakyat Malaysia terhadap kerajaan untuk menyediakan peluang pekerjaan. Oleh itu kurikulum keusahawanan amat penting dalam melahirkan bakal usahawan kelak. Kurikulum keusahawanan juga menjadi fenomena penting yang menyumbang dalam ekonomi dan sosial sebagai salah satu subjek kajian utama (Li, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh kerana keusahawanan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan inovasi, keusahawanan kini dimasukkan dalam kurikulum kebangsaan untuk Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di kebanyakan negara di Eropah (European Commission, 2009). Laporan itu juga menunjukkan bahawa pelajar di negara-negara Eropah mengambil bahagian dalam beberapa bentuk aktiviti keusahawanan semasa proses pembelajaran mereka. Langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk menggalakkan pelajar TVET seperti Kolej Komuniti dan Politeknik untuk masuk ke dalam bidang keusahawanan dengan menawarkan kursus kurikulum keusahawanan dalam kurikulum TVET.

Dalam Pelan Pengukuhan Keusahawanan Kolej Komuniti, tumpuan telah diberikan dalam usaha mewujudkan pelajar Kolej Komuniti dan masyarakat setempat yang memiliki ciri dan kompetensi keusahawanan, berdaya saing dan mempunyai jati diri yang tinggi selari dengan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT. Matlamat utama pelan ini ialah untuk menyediakan garis panduan dalam melaksanakan program-program keusahawanan di Kolej Komuniti bagi tujuan untuk melahirkan lebih ramai modal insan yang mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan. Pelan Strategik Pengukuhan Keusahawanan Kolej Komuniti, berdasarkan 6 teras Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT iaitu:

i. Menubuhkan pusat keusahawanan di Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti dan di Kolej Komuniti.
ii. Menyediakan pendidikan dan program keusahawanan yang terancang dan holistik.
iii. Memantapkan program pembangunan dan pengukuhan keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Mewujudkan mekanisme pengukuran yang berkesan.

v. Menyediakan persekitaran dan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan keusahawanan.

vi. Mengukuhkan kompetensi penyelaras keusahawanan.

(Yusrizal Yusof, 2012)

Di Kolej Komuniti, kursus yang ditawarkan adalah berbentuk sijil kemahiran yang perlu diambil dalam tempoh masa dua tahun. Pihak Kolej Komuniti sangat menggalakkan pelajarnya bekerja sendiri atau dengan kata lainnya menjadi usahawan selepas tamat pengajian. Pengenalan kurikulum keusahawanan dan penubuhan *E-Tech Centre* di setiap Kolej Komuniti dapat membantu memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan aktiviti keusahawanan samada secara teori atau praktikal. Namun sejauh manakah kurikulum keusahawanan dan pelan yang dirancang oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) amnya dan Kolej Komuniti khususnya dalam membantu melahirkan pelajar yang bermotivasi dan bersedia menceburi bidang keusahawanan. Selain itu, sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan kurikulum keusahawanan khususnya dari sudut konteks, input, proses dan produk. Oleh itu penilaian kurikulum adalah salah satu aktiviti berterusan dalam pelaksanaan kurikulum bagi mendapatkan maklumat berkaitan keberhasilan dan kelancaran pelaksanaan sesuatu kurikulum atau program akademik (Marsh & Willis, 2007).

Penyelidikan mengenai keberkesanan dan prestasi kurikulum keusahawanan Kolej Komuniti di Malaysia ke arah melahirkan pelajar yang bemotivasi dan bersedia menjadi usahawan masih belum dilaksanakan lagi. Oleh itu, penilaian yang sesuai perlu dijalankan ke atas pelaksanaan kurikulum keusahawanan ini. Tambahan pula, penilaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah bertujuan untuk membuat pilihan sama ada untuk mengkaji semula dan menaik taraf kurikulum yang lebih baik atau menggantikan dengan kurikulum baru (Ornstein & Hunkins, 2004). Oliva (2005) juga menyatakan bahawa penilaian itu dijalankan adalah untuk menentukan apa yang perlu diperbaiki agar kurikulum menjadi lebih berkesan. Dengan memilih model KIPP (Konteks – Input – Proses - Produk) dalam kajian ini, penilaian secara menyeluruh terhadap kurikulum dapat dilaksanakan.

Tambahan pula tanggungjawab utama untuk menilai kualiti kurikulum adalah terletak pada institusi pendidikan tinggi itu sendiri (Jacobs & De Wet, 2013). Institusi pendidikan tinggi hendaklah berusaha untuk mewujudkan dan mengekalkan keberkesanan sesuatu kurikulum yang dilaksanakan. Aluko (2009) berpendapat bahawa mengukur kejayaan mana-mana kurikulum pendidikan telah diiktiraf sebagai bentuk tanggungjawab institusi yang penting. Pembangunan program yang berjaya tidak dapat berlaku tanpa penilaian (Sampong, 2009). Dalam penilaian kurikulum, penilaian merangkumi penilaian objektif program, isi kandungan, kaedah pengajaran, amalan penilaian, pencapaian pelajar, dan penggunaan teknologi dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) (Mishra et al., 2009). Secara keseluruhannya, proses penilaian merupakan komponen penting kurikulum untuk memastikan keberkesanan program akademik yang dilaksanakan serta perlu menjadikan falsafah pendidikan sebagai teras kepada palaksanaannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Pernyataan Masalah

Sejak kurikulum keusahawanan Kolej Komuniti diperkenalkan pada tahun 2012, tidak ada maklum balas dan penilaian rasmi dilakukan kepada pelajar dan pensyarah tentang objektif, isi kandungan, pengajaran, keberkesanan dan penilaian kursus kurikulum ini. Tujuan kurikulum keusahawanan ialah untuk melatih para pelajar bersedia menjadi seorang usahawan dan melatih pelajar dengan kemahiran keusahawanan apabila tamat pengajian. Ini merupakan pandangan secara tidak rasmi hasil daripada temu bual dengan pelbagai pelajar, alumni, pensyarah dan penggubal kurikulum dalam keusahawanan.

Malah trend pilihan sektor pekerjaan pada tahun 2017 (131569 graduan 2017) menunjukan 7.82% sahaja daripada graduan memilih usahawan sebagai kerjaya manakala majoriti memilih untuk bekerja di sektor swasta tempatan (48.01%), kerajaan/ badan berkanun (19.09%), swasta multinasional 18.13%, syarikat GLC/NGO/dan lain-lain 6.95%). Manakala trend pilihan sektor pekerjaan graduan Kolej Komuniti yang merupakan sebuah institusi latihan teknikal dan vokasional, bagi tahun 2017 menunjukkan hanya 6.60% sahaja daripada graduan memilih bidang usahawan sebagai kerjaya manakala 89.80% memilih untuk kerja makan gaji dan lain-lain pekerjaan adalah 3.60%. (Laporan Statistik Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pendidikan Tinggi 2017). Data ini masih rendah jika dibandingkan graduan teknikal di Australia yang menceburi bidang keusahawanan iaitu sebanyak 9% (Australia Pacific Technical College, 2017). Manakala kajian pengesanan graduan terhadap graduan latihan teknikal dan vokasional di Kathmandu, Nepal menunjukkan sebnayak 18% graduan menceburi bidang keusahawanan (CTEVT, 2016). Ini disokong

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lagi dengan kenyataan bahawa data pengesanan graduan institusi TVET, seperti Kolej Komuniti, menunjukkan bilangan graduan usahawan masih tidak ditahap yang memuaskan (Sarimah, 2018). Walaupun kurikulum keusahawanan dijalankan di Kolej Komuniti, statistik pengesanan graduan menunjukkan kerjaya sebagai usahawan bukanlah merupakan kerjaya pilihan dan amalan memilih pekerjaan dengan pendapatan tetap masih menjadi keutamaan dalam kalangan graduan lepasan Kolej Komuniti.

Kecemerlangan dalam akademik merupakan asas untuk mengukur kejayaan seseorang pelajar dalam semua peringkat, dari alam persekolahan hinggalah ke Institusi Pengajian Tinggi. Perkara ini juga tidak ketinggalan terhadap pelajar yang menceburi bidang kemahiran di Kolej Komuniti. Lonjakan pertama dalam Pelan Strategik Pembangunan Pendidikan Malaysia, PPMPT, (Pendidikan Tinggi) jelas menunjukkan bahawa kerajaan ingin melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Ini menunjukkan bahawa golongan pelajar begitu digalakkan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Kenyataan ini bertepatan dengan kajian terdahulu oleh Wan Hashim (2008) dengan menyatakan bahawa dalam era dunia yang semakin maju ini, kerajaan turut menggalakkan para graduan menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Namun begitu, lepasan pelajar teknikal dan vokasional dilaporkan memiliki pengetahuan yang lemah dalam bidang keusahawanan terutama elemen perniagaan dan penghasilan produk, kurang kemahiran aktiviti keusahawanan dan tahap motivasi menjadi usahawan yang rendah (Olugbola, 2017 & Suhaila et al., 2013).

Kurikulum keusahawanan juga dikatakan masih tidak dapat memberikan ilmu dan kemahiran yang secukupnya dalam mewujudkan peluang perniagaan semasa pembelajaran di dalam kelas (Neck dan Greene, 2011). Kajian yang telah dilakukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh Suraiya et al. (2018) dan Ahmad Raflis et al. (2014) menunjukkan proses pembelajaran yang tidak berkesan akan menyebabkan penyampaian pengetahuan dan kemahiran asas keusahawanan tidak berjaya seterusnya pelajar tidak bersedia untuk memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya. Perkara ini dikukuhkan lagi apabila hasil penyelidikan yang dijalankan terhadap kursus keusahawanan oleh Karimi et. al. (2016) menunjukkan pelajar tidak cekap dalam mengaplikasi penjanaan idea dan meneroka peluang perniagaan secara kreatif. Dari aspek keberhasilan terhadap pelajar, pendidikan keusahawanan seharusnya berperanan dalam mengukuhkan kesedaran dan kesediaan keusahawanan dalam diri pelajar (Afsaneh dan Zaidatol, 2013). Namun ia bertentangan dengan kenyataan Anderson dan Jack (2008) yang menyatakan peranan kurikulum keusahawanan adalah tidak mencapai keperluan yang secukupnya dalam meningkatkan kemahiran keusahawanan pelajar. Masalah yang berlaku turut disusuli dengan kenyataan yang menyatakan pendidikan keusahawanan mesti mempunyai sifat menyeluruh dan mendalam untuk melihat hasil keberkesanannya (Souitaris et al., 2007). Ini bermaksud penilaian terhadap pendidikan keusahawanan boleh menghasilkan kefahaman yang lebih mendalam sekiranya ada konsep yang memberi sokongan terhadap pembelajaran dan pembangunan keusahawanan (Fayolle, 2013).

Seterusnya kekurangan kemudahan prasarana akan menjejaskan kualiti pembelajaran. Kajian lepas terhadap dalam penilaian kurikulum memperlihatkan aspek kemudahan pembelajaran tidak disediakan dengan cukup (Sharifuddin et al., 2014). Kemudahan pengajaran dan pembelajaran seharusnya mempunyai implikasi kepada pengetahuan (Alias et al., 2011). Kemudahan PdP seharusnya bersifat kondusif dan menarik perhatian supaya strategi pembelajaran yang disampaikan dapat diadaptasi oleh pelajar (Fryer & Vermunt, 2018). Terdapat juga kegagalan dari segi penguasaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teknologi yang mana ia diharapkan dapat mentransformasi pembelajaran dan pengajaran dalam kurikulum keusahawanan namun tidak berlaku sedemikian (Chang & Guetl 2007). Penguasaan teknologi dalam proses PdP seperti penggunaan bahan bantu pengajaran digital mestilah mapan dan berkesan kepada pelajar (Oziah & Azni Yati, 2023). Menurut Straub (2006) pula, kegagalan ini berpunca daripada kurangnya kefahaman dalam proses pembelajaran. Ini ditambah lagi apabila kajian terhadap asas pengetahuan, kemahiran keusahawanan dan kesediaan keusahawanan pelajar Kolej Komuniti yang hanya berada pada tahap yang sederhana (Sarimah Che. Hassan et al., 2020).

Dalam penilaian kurikulum, aspek-aspek lain seperti objektif dan kepentingan kurikulum kurikulum, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), sumber dan fasiliti, keperluan pelajar, kemahiran dan kesediaan pensyarah, sokongan pentadbir serta penglibatan anggota perkhidmatan tidak dibincangkan secara langsung semasa proses perubahan kurikulum yang dijalankan. Sedangkan aspek-aspek tersebut sangat penting bagi menentukan keberkesanan sesuatu kurikulum dan sepatutnya dinilai semasa penilaian kurikulum dijalankan (Kamarul dan Halim, 2007; Sahabudin, 2003; Stringer, 2002). Justeru, bagi memastikan proses penilaian dijalankan secara sistematik dan menyeluruh dengan mengambil kira faktor-faktor seperti yang dinyatakan di atas, maka perlu ada satu kaedah atau model penilaian yang bersesuaian bagi membuat penilaian kurikulum keusahawanan.

Seterusnya kajian ini adalah menjurus untuk menilai pelaksanaan kurikulum keusahawanan yang telah dilaksanakan di Kolej Komuniti dan akan memberikan gambaran sebenar apa yang berlaku dengan mengenalpasti kekuatan dan kelemahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelaksanaan yang digunapakai dalam beberapa tahap bagi melahirkan graduan Kolej Komuniti yang benar-benar mantap, kompeten dan mahir dalam bidang keusahawanan di samping menilai fungsinya sebagai institusi kemahiran teknik dan vokasional di Malaysia yang menawarkan program sijil dan diploma kemahiran secara sistematik dan berkualiti. Terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji perkara berkaitan keusahawanan. Kajian lepas yang dijalankan oleh Hamidi, Wennberg, dan Berglund (2008) telah mengkaji berkaitan pengaruh kursus keusahawanan terhadap niat individu untuk menjadi usahawan. Kajian lain pula dilakukan oleh Mohd Khata dan Ahmad Firdaus (2012) tentang kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar teknikal hanya meliputi pelajar di Institut Kemahiran MARA Johor Bahru dan Institut Kemahiran MARA Jasin walaupun terdapat beberapa Institusi Latihan Kemahiran Awam yang lain seperti IKBN, ILP, Kolej Komuniti dan Politeknik. Kajian yang dilakukan oleh Siti Syuhada et al. (2015) pula hanya menumpukan kepada kompetensi usahawan dalam kalangan pelajar yang mengambil kursus keusahawanan di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Oleh itu kajian berkaitan penilaian terhadap pelaksanaan kurikulum keusahawanan itu sendiri dalam melahirkan pelajar yang bersedia menjadi usahawan secara sistematik perlu dijalankan. Kurikulum pendidikan keusahawanan ini memerlukan penilaian menyeluruh kerana ia adalah tunjang utama kepada pelajar untuk mempelajari ilmu keusahawanan secara formal dan berstruktur.

Memandangkan kurikulum keusahawanan telah beberapa tahun diperkenalkan di Kolej Komuniti di seluruh Malaysia iaitu pada 2012, maka ianya sangat sesuai untuk dijalankan kajian penilaian mengenainya. Maka, satu kajian penilaian yang komprehensif sangat perlu untuk dilaksanakan. Malah Mitchem et al. (2003) juga menyatakan bahawa penilaian program adalah penting untuk mengelakkan kegagalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesuatu program tersebut. Oleh itu, kajian ini bertujuan menilai kurikulum pendidikan keusahawanan menggunakan model KIPP dalam empat dimensi iaitu Konteks, Input, Proses dan Produk namun berfokuskan kepada hasil kurikulum iaitu pada dimensi produk.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menilai pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan Kolej Komuniti Kluster 1 di Malaysia menggunakan Model KIPP. Penilaian ini penting untuk menyediakan laporan sumatif bagi kurikulum supaya hasil setiap dimensi penilaian dan kesan pengaruh antara dimensi penilaian akan membawa kepada penambahbaikan kurikulum. Kajian ini juga mempertimbangkan hipotesis kesan pengaruh antara konteks kurikulum, input kurikulum, proses kurikulum dan produk kurikulum. Berdasarkan tujuan-tujuan ini, terdapat 8 objektif kajian yang dibentuk dalam kajian ini sebagai panduan untuk penyelidik menjalankan kajian. Objektif kajian adalah seperti berikut:

i. Mengenal pasti persepsi pelajar dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan bagi dimensi konteks, input, proses dan produk.
ii. Mengukur kesepadanan model persamaan berstruktur bagi dimensi konteks, input, proses dan produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan dengan data kajian.
iii. Menentukan pengaruh dimensi input terhadap dimensi proses dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Menentukan pengaruh dimensi input terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.

v. Menentukan pengaruh dimensi proses terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.

vi. Menentukan pengaruh dimensi konteks terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.

vii. Menentukan pengaruh dimensi konteks terhadap dimensi input dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.

viii. Menentukan pengaruh dimensi konteks terhadap dimensi proses dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Persoalan Kajian

Terdapat 8 persoalan kajian yang dibentuk oleh penyelidik dalam kajian ini bagi membantu dalam proses pelaksanaan kajian. Persoalan yang perlu dijawab dalam kajian ini ialah:

i. Apakah persepsi pelajar dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan bagi dimensi konteks, input, proses dan produk?

ii. Adakah terdapat kesepadanan persamaan model berstruktur bagi dimensi konteks, input, proses dan produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan dengan data kajian?

iii. Adakah dimensi input mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap dimensi proses dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Adakah dimensi input mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan?

v. Adakah dimensi proses mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan?

vi. Adakah dimensi konteks mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan?

vii. Adakah dimensi konteks mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap dimensi input dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan?

viii. Adakah dimensi konteks mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap dimensi proses dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan, penyelidik telah mengemukakan 7 hipotesis kajian iaitu:

H_1: Terdapat kesepadanan persamaan model berstruktur bagi dimensi konteks, input, proses dan produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan dengan data kajian.

H_2: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi input terhadap dimensi proses dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.

H_3: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi input terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


H_4: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi proses terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.

H_5: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi konteks terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.

H_6: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi konteks terhadap dimensi input dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.

H_7: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi konteks terhadap dimensi proses dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian Adaptasi (Stufflebeam, 2000)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep bagi kajian ini. Terdapat empat dimensi penilaian yang dikaji dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan ini. Kajian penilaian program ini dijalankan berdasarkan model teori penilaian KIPP (Konteks, Input, Proses, Produk) yang diperkenalkan oleh Daniel Stufflebeam. Model Penilaian KIPP mula diperkenalkan di Ohio University bagi menilai ESEA (The Elementary and Secondry Education Act). KIPP yang ditakrifkan dalam kajian ini sebagai singkatan penilaian konteks yang bermaksud penilaian terhadap konteks kurikulum keusahawanan, penilaian input yang bermaksud penilaian terhadap input kurikulum keusahawanan, penilaian proses bermaksud penilaian terhadap proses pelaksanaan kurikulum keusahawanan, dan penilaian produk yang bermaksud penilaian terhadap produk atau keberkesanan kurikulum keusahawanan. Tujuan utama model KIPP adalah untuk membantu pihak pengurusan dalam melihat kepada keberkesanan dan keperluan penambahbaikan dalam sesuatu program atau kurikulum. Menurut Stufflebeam (1985), "Pendekatan KIPP didasarkan pada pandangan bahawa tujuan utama penilaian bukan untuk membuktikan tetapi adalah untuk memperbaiki".

Model penilaian Stufflebeam (2000) melibatkan proses penilaian dalam bentuk konteks, input, proses dan produk. Dimensi penilaian konteks merujuk kepada penilaian keperluan, masalah dan peluang sebagai asas untuk menentukan matlamat dan keutamaan dalam menentukan sama ada program yang dibentuk adalah signifikan atau sebaliknya (Stufflebeam, 1985). Tujuan utama penilaian konteks adalah untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan yang terdapat dalam sesebuah program (Hamid Hasan, 2009). Dapatan daripada kekuatan dan kelemahan tersebut, penilai boleh membuat pertimbangan untuk melakukan penambahbaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian konteks ialah keupayaan untuk menggambarkan secara terperinci pengaruh kepentingan program, objektif program dan keperluan dalam sesuatu program (Suharsimi & Cepi, 2009; Warr et al., 1970). Dalam konteks penilaian kurikulum keusahawanan ini, penilaian konteks merujuk kepada kepentingan kurikulum keusahawanan, objektif kurikulum, struktur penyampaian pengajaran dan struktur pentaksiran.

Dimensi input melibatkan pelbagai pendekatan dalam perancangan program yang diperlukan untuk melaksanakan kurikulum ini. Proses kedua dalam model KIPP ini melibatkan penilaian input. Menurut Stufflebeam (1985) penilaian input membantu mengenal pasti sesuatu program atau projek yang perlu ditambahbaik dalam pelaksanaanya. Oleh itu perkara utama dalam penilaian input ialah mengenal pasti dan membuat penilaian kekuatan sumber (input) yang digunakan serta mencadangkan strategi yang sesuai. Penilaian input membantu menyusun keputusan, menentukan keperluan sumber-sumber yang ada, membuat cadangan penambahbaikan, penentuan strategi dalam mencapai objektif dan menyusun prosedur kerja yang lebih baik (Eko Putro, 2009). Dalam kajian ini, penilaian input melibatkan isi kandungan kurikulum, bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan kemudahan prasarana.

Dimensi penilaian proses pula memberi tumpuan kepada pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang boleh membantu mencapai sasaran dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan. Penilaian proses merupakan pemantauan dalam pelaksanaan program secara berterusan. Matlamat utama penilaian proses adalah mengumpul dan membuat dokumentasi bertujuan menyediakan maklum balas mengenai sejauh mana program yang telah dirancang dapat dijalankan dan sama ada pelarasan atau semakan dibuat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap pelan tindakan yang dirancang (Stufflebeam & Shinkfield, 1985). Penilaian proses berfungsi untuk memberikan maklum balas kepada individu untuk mengambil tanggungjawab terhadap program atau kurikulum. Penilaian proses dijalankan dengan memantau sumber yang berpotensi boleh menyebabkan kegagalan, menyediakan maklumat awal untuk membuat keputusan, dan menjelaskan proses yang sebenarnya terjadi. Penilaian proses memerlukan instrumen pengumpulan data untuk melaksanakan keputusan pelaksanaan (Warju, 2016).

Dalam penilaian kurikulum keusahawanan, dimensi proses meliputi pengumpulan data yang telah ditentukan dan diterapkan dalam pelaksanaan kurikulum. Pada asasnya penilaian proses dilihat untuk mengetahui sejauh mana perubahan telah berlaku dan komponen kurikulum mana yang perlu diberi penekanan. Dalam kajian ini, penilaian proses melibatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP), kaedah pentaksiran, dan penggunaan bahan PdP.

Dimensi produk adalah untuk mengenal pasti hasil sama ada pelajar mendapat pengetahuan dan aplikasi keusahawanan yang optimum atau sebaliknya untuk menilai keberkesanan kurikulum ini. Perkara utama dalam penilaian produk adalah untuk mengukur, mentafsir dan menilai keberkesanan program secara sistematik. Penilaian produk juga untuk melihat sejauh mana keperluan program telah dipenuhi atau memerlukan penambahbaikan (Stufflebeam & Shinkfield, 1985). Penilaian produk juga membantu pihak pengurusan membuat keputusan terhadap hasil yang telah dicapai dan membuat perancangan jangka panjang (Farida Yusuf, 2000). Penilaian produk juga mengukur dan mentafsir pencapaian objektif. Penilaian dijalankan semasa dan selepas program. Stufflebeam (1985) mencadangkan penilaian produk yang dijalankan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hendaklah menyentuh empat aspek penilaian iaitu kesan, keberkesanan, kelestarian, dan kebolehpindahan. Oleh yang demikian dapat disimpulkan penilaian produk dapat melihat keberhasilan sesuatu program sama ada mencapai matlamat utamanya atau sebaliknya. Dalam kajian ini, melalui dimensi penilaian produk, penyelidik dapat mengetahui penguasaan kefahaman pelajar, motivasi dan kesediaan pelajar untuk menjadi usahawan. Pada peringkat ini, penyelidik dapat memberi cadangan ataupun saranan untuk membuat penambahbaikan.

Sehubungan dengan penjelasan terhadap kerangka konsetual kajian di atas, anak panah satu hala telah dihubungkan kepada dimensi-dimensi yang terlibat bagi kajian ini bagi menentukan kesan pengaruh antara dimensi konteks, input, proses dan produk. Manakala fokus kajian ini adalah kesan pengaruh terhadap dimensi produk yang merupakan elemen keberhasilan kurikulum ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Batasan Kajian

Batasan kajian bermaksud had kajian yang bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang situasi masalah bagi memudahkan sesuatu kajian dibuat dengan skop yang lebih kecil tetapi bersifat lebih mendalam (Abdul Fatah, 1993). Skop kajian ini akan menerangkan tentang tempat kajian, institusi kajian, sampel kajian dan aspek yang dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.1 Tempat Kajian

Kajian ini secara umumnya hanya melibatkan Kolej Komuniti Kluster 1 di Semenanjung Malaysia. Penyelidik telah memilih Kolej Komuniti Kluster 1 sebagai lokasi kajian melibatkan 4 zon di semenanjung Malaysia iaitu zon utara, tengah, timur dan selatan. Rasional Kolej Komuniti Kluster 1 dipilih kerana sistem pembelajaran di Kolej Komuniti adalah berpusat. Justeru itu pemilihan Kolej Komuniti Kluster 1 di 4 zon yang terlibat ini mempunyai banyak persamaan dengan kolej-kolej lain dari segi sistem latihan pensyarah, modul, sukatan kurikulum, kelayakan pensyarah, sistem pemantauan, matlamat, misi dan visi. Selain itu Kolej Komuniti Kluster 1 mempunyai kemudahan fasiliti PdP yang lebih luas dan memudahkan penyelidik untuk berhubung dengan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) yang berpusat di Putrajaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.2 Institusi Kajian

Lokasi kajian ini hanya menumpukan kepada lapan buah Kolej Komuniti Kluster 1 di empat zon iaitu zon utara, tengah, timur dan selatan. Senarai keseluruhan lapan Kolej Komuniti yang terlibat ialah:

i. Kolej Komuniti Sabak Bernam
ii. Kolej Komuniti Sungai Siput
iii. Kolej Komuniti Sungai Petani
iv. Kolej Komuniti Arau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v. Kolej Komuniti Rompin

vi. Kolej Komuniti Paya Besar

vii. Kolej Komuniti Selandar

viii. Kolej Komuniti Masjid Tanah

1.8.3 Sampel Kajian

Kajian ini telah menetapkan untuk memilih para pelajar yang telah berada di semester tiga dan ke atas sahaja. Pemilihan ini adalah bagi memudahkan penyelidik untuk menganalisis data-data yang diperolehi berdasarkan pengetahuan dan pengalaman para pelajar yang matang serta telah mempelajari dan memahami kurikulum keusahawanan sepanjang pengajian mereka. Pelajar semester tiga juga sudah pasti telah melalui amali hari keusahawanan yang diadakan pada setiap semester kurikulum keusahawanan yang dipelajari. Ini bermakna pelajar telah merasai dan mempunyai pengalaman keusahawanan secara praktikal.

1.8.4 Aspek Kajian

Kajian ini hanya akan memfokuskan kepada penilaian pelaksanaan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti dengan memfokuskan kurikulum keusahawanan yang diletakkan dibawah Unit Pengajian Am sahaja. Penilaian akan dijalankan berdasarkan model KIPP dengan mengambil kira konteks kurikulum, input kurikulum,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

proses kurikulum dan produk kurikulum. Kajian ini tidak akan melibatkan subjek-subjek pengajian lain seperti seperti keusahawanan makanan.

1.9 Kepentingan Kajian

Kepentingan bermaksud perihal, keadaan atau sifat penting, peri mustahak, keperluan atau sesuatu yang penting demi kebaikan, keuntungan atau kesejahteraan diri, faedah atau manfaat (Kamus Dewan, 2005). Sehubungan dengan itu, kajian mengenai penilaian pelaksanaan kurikulum keusahawanan ini penting kerana kurikulum ini telah dijalankan di Kolej Komuniti dan menjadi kurikulum wajib ke atas semua pelajar. Aspek kurikulum yang dinilai akan memberikan maklumat dan data sebenar kepada pihak pengurusan dan pensyarah terhadap keperluan, matlamat, objektif, kesesuaian dan hasil pembelajaran kurikulum keusahawanan serta persepsi pelajar terhadap kurikulum ini. Hasil kajian ini akan memberi kesan positif atau negatif ke atas kesesuaian kurikulum keusahawanan yang ditawarkan di Kolej Komuniti dalam keperluan melahirkan graduan yang berciri usahawan dan bersedia menjadi usahawan.

Penilaian dilakukan terhadap pelajar yang terlibat secara langsung dengan proses PdP kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti dengan menilai persepsi pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum keusahawanan dari dimensi konteks, input, proses dan produk. Dalam kajian ini penyelidik akan mengenal pasti kandungan silibus kurikulum keusahawanan, objektif kurikulum, sumber kurikulum dan kaedah pengajaran dan pembelajaran kurikulum keusahawanan. Kemudahan infrastruktur yang disediakan turut dinilai termasuk bahan bantu mengajar dalam proses PdP

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada pensyarah kepada pelajar dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan tersebut. Ini adalah penting kerana belum terdapat kajian secara mendalam dan terperinci berkaitan dengan penilaian pelaksanaan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti. Akhirnya kajian ini juga akan menilai tahap penguasaan dan kefahaman pelajar daripada aspek pengetahuan dan kesediaan mereka untuk berkerjaya sebagai seorang usahawan.

Walaupun kini semakin banyak kajian berkaitan dengan penilaian program yang dihasilkan oleh pelbagai latar belakang penyelidik, namun kajian terhadap penilaian kurikulum khususnya penilaian kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti masih belum dijalankan. Maka kajian yang berkaitan penilaian kurikulum keusahawanan ini amat perlu dikaji kerana ianya akan memberi gambaran sebenar tahap pelaksanaan bermula daripada dimensi konteks, input, proses dan berakhir dengan produk. Hasil kajian juga diharap dapat mengenal pasti kesan pengaruh paling signifikan antara dimensi dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan dan sejauh mana pelaksanaan kurikulum keusahawanan ini mampu membentuk pelajar yang bermotivasi dan bersedia untuk menjadi usahawan.

Oleh itu kajian ini dapat memberi maklum balas mengenai pelajar Kolej Komuniti yang mengikuti modul kurikulum keusahawanan. Hasil kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada kepada pihak-pihak tertentu seperti pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kolej Komuniti dan pelajar seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)

Menjadi panduan kepada pihak JPPKK untuk mengenal pasti kesesuaian objektif kurikulum keusahawanan yang sedang dilaksanakan. Dapatan kajian ini diharap memberi maklum balas kepada pihak JPPKK khususnya tentang keperluan melahirkan pelajar berminda usahawan dan menyediakan perancangan untuk menyediakan pensyarah yang mahir dalam bidang tersebut.

ii. Kolej Komuniti

Memberi gambaran kepada pihak kolej mengenai kesesuaian instrumen penilaian dan kaedah penyampaian pengajaran oleh pensyarah. Pihak kolej juga dapat merancang srategi untuk menambahbaik perancangan program keusahawanan sedia ada untuk dilaksanakan di peringkat kolej.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Pensyarah

Hasil kajian diharap mampu membekalkan maklumat penyelidikan kepada pensyarah khasnya Unit Pengajian Am dalam merancang strategi yang terbaik untuk melahirkan pelajar yang bermotivasi dan mempunyai kesediaan usahawan menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penganjuran aktiviti keusahawanan.

iv. Pelajar

Dapat memberi kesedaran kepada pelajar mengenai kepentingan kemahiran keusahawanan yang merupakan salah satu daripada kemahiran insaniah yang amat diperlukan oleh semua pelajar. Selain itu, ia dapat membentuk pelajar dalam memastikan mereka menyedari kepentingan penguasaan kurikulum keusahawanan di samping mengimbangkannya dengan kemahiran dan pengetahuan dalam akademik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Definisi Operasional

Definisi operasional akan menjelaskan tentang istilah-istilah yang digunakan dalam tajuk kajian ini. Tajuk kajian ini ialah "Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan di Kolej Komuniti". Definisi bagi istilah tajuk ini adalah seperti berikut:

1.10.1 Penilaian Pelaksanaan

Penilaian ialah perihal atau perbuatan menilai dan pentaksiran (Kamus Dewan, 2005). Penilaian dalam pendidikan adalah satu proses atau suatu sistem yang melibatkan aktiviti-aktiviti mengumpul maklumat tentang strategi dan aktiviti pembelajaran dan pengajaran untuk membuat analisis dan keputusan dengan tujuan mengambil tindakan secara sistematik dan wajar (Ahmad, 2011). Pelaksanaan ialah membawa maksud perihal, perbuatan atau proses melaksanakan, menjalankan dan mengusahakan rancangan tugas (Kamus Dewan, 2005). Pelaksanaan juga didefinisikan sebagai aktiviti yang melibatkan perancangan, pengorganisasian, memimpin dan mengawal penglibatan anggota dalam organisasi untuk bersama berusaha ke arah mencapai matlamat yang satu (Rahim Abdullah, 2001).

Dalam konteks kajian ini, penyelidik merumuskan penilaian pelaksanaan ialah satu proses untuk mengumpul semua data-data yang merangkumi konteks iaitu kepentingan, objektif dan struktur pembelajaran keusahawanan. Penilaian input yang merangkumi sumber-sumber kurikulum. Penilaian proses yang melibatkan aktiviti-aktiviti, kaedah-kaedah pembelajaran dan pengajaran. Seterusnya penilaian produk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang berkait dengan keberhasilan pelajar di dalam kurikulum keusahawanan dari aspek kefahaman, motivasi dan kesediaan pelajar menjadi usahawan. Semua aspek berikut merupakan aspek yang akan dipraktikkan untuk dikaji dan dianalisis. Hasil dapatan akan memberi kesan kepada objektif dan hasil sukatan pembelajaran kurikulum keusahawanan seterusnya akan memberi input yang berguna di dalam penambahbaikan serta peningkatan terhadap kualiti pelaksanaan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti Malaysia.

1.10.2 Kurikulum

Kurikulum ialah sebagai kandungan, pengalaman pembelajaran, sebagai objektif tingkah laku, rancangan pengajaran, dan sebagai pendekatan bukan teknikal (Lunenburg, 2011). Kurikulum juga sebagai suatu pengalaman pembelajaran yang terancang ke arah mencapai hasil pembelajaran yang ditentukan, iaitu kurikulum berfungsi sebagai alat untuk membimbing individu ke arah mencapai objektif pembelajaran, memberi pengalaman pembelajaran dan menentukan hasil pembelajaran (Sharifah, 2000). Manakala kurikulum yang baik adalah bersifat fleksibel, serta perancangan yang cekap dan profesional berdasarkan objektif, asas dan kriteria kurikulum (Saedah, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.3 Kurikulum Keusahawanan

Berdasarkan kajian ini, kurikulum ditakrifkan sebagai isi kandungan yang meliputi keseluruhan bidang pembelajaran kurikulum keusahawanan yang diajar dan diperolehi di Kolej Komuniti termasuk penentuan dan pengurusan kurikulum keusahawanan, pengurusan pensyarah, bahan pembelajaran keusahawanan serta bahan sokongan yang berkaitan. Secara keseluruhannya, melalui kajian ini akan dapat mengetahui sejauh mana pelaksanaan, keberkesanan, kelemahan, kekuatan dan sebagainya berkaitan kurikulum keusahawanan. Kurikulum keusahawanan ialah kurikulum yang telah digunapakai di Kolej Komuniti seluruh Malaysia sebagai subjek wajib yang perlu diambil oleh semua pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.4 Kolej Komuniti

Kolej Komuniti adalah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Tinggi yang ditadbir urus oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Kolej ini sebenarnya adalah sebuah institusi yang menyediakan keperluan latihan dan kemahiran pada semua peringkat umur serta memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum diserap ke pasaran tenaga kerja tempatan atau terus melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Kolej Komuniti Kluster 1 merupakan kolej yang terawal, mempunyai kapasiti ambilan pelajar yang lebih ramai, bidang pengajian yang lebih banyak dan fasiliti yang lebih luas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.5 Model KIPP

Model KIPP adalah model penilaian yang diperkenalkan oleh Danial Stufflebeam (2000) yang meliputi dimensi Konteks, Input, Proses dan Produk (KIPP). Dalam konteks kajian ini, dimensi konteks merangkumi sub konstruk kepentingan, objektif, struktur penyampaian dan struktur pentaksiran kurikulum. Dimensi input diwakili oleh sub konstruk isi kandungan, bahan PdP dan kemudahan prasarana. Diikuti oleh dimensi proses yang meliputi sub konstruk kaedah PdP, kaedah pentaksiran dan penggunaan bahan PdP. Manakala dimensi input merangkumi sub konstruk penguasaan kefahaman, motivasi dan kesediaan pelajar menjadi usahawan. Dalam kajian ini semua dimensi KIPP telah dihubungkan dengan anak panah satu hala bagi menilai kesan pengaruh antara dimensi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 Rumusan

Secara ringkasnya, Bab 1 banyak menerangkan tentang pengenalan kepada kajian yang dilakukan. Di mana latar belakang masalah dan pernyataan masalah menjelaskan secara terperinci mengenai masalah yang dikaji. Sementara itu, tujuan kajian dan objektif kajian menerangkan secara jelas tentang kajian yang dijalankan. Di samping itu persoalan kajian dan kepentingan kajian menguatkan lagi mengapa kajian ini perlu dijalankan. Konsep yang digunakan dalam kajian ini dijelaskan melalui kerangka konsep yang dikemukakan. Definisi istilah menerangkan makna atau maksud perkataan yang tidak diterangkan dalam pengenalan tetapi digunakan dalam tajuk agar kajian yang dijalankan dapat difahami dengan jelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Kajian literatur ini dijalankan untuk meneliti kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini. Walaupun terdapat banyak penyelidikan berkaitan penilaian kurikulum yang pernah dijalankan, banyak kajian yang hanya menyentuh secara tidak langsung berkaitan dengan kajian ini. Secara keseluruhan, terdapat beberapa kajian yang dijalankan berkaitan tentang kurikulum keusahawanan di IPT. Penyelidikan yang berkaitan langsung dengan penilaian kurikulum keusahawanan di institusi kemahiran di Malaysia setakat ini perlu ditambah khususnya di Kolej Komuniti. Oleh itu, bab ini mengkaji keperluan dan fungsi kurikulum keusahawanan serta penilaian kurikulum. Kajian Literatur ini dibahagikan kepada beberapa sub topik seperti konsep kurikulum, model kurikulum, kurikulum pendidikan keusahawanan di Malaysia, unsur penilaian dalam model kurikulum dan teori pembelajaran, penilaian kurikulum dan model KIPP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Kurikulum

Kurikulum secara amnya memerlukan pelaksana atau guru untuk menyampaikan isi kandungan kurikulum itu sendiri. Kajian Fullan (2012), mendapati bahawa dalam melaksanakan kurikulum, guru adalah pihak paling utama dan memerlukan penelitian yang lebih mendalam proses pelaksanaannya supaya matlamat yang ditetapkan boleh dicapai. Menurut Elvyanti (2012), kemahiran dan pengetahuan guru merupakan perkara penting dalam melaksanakan kurikulum di institusi pendidikan yang boleh memberi kesan kepada pencapaian pelajar. Pengetahuan guru di sekolah atau pensyarah di IPT sangat penting untuk melaksanakan pengajaran dalam kurikulum bagi memastikan kejayaan pada masa hadapan, serta sistem sokongan dan latihan merupakan langkah utama dalam pelaksanaan kurikulum di mana-mana institusi pendidikan (Abdul Haris, 2018). Pelaksanaan kurikulum yang dijalankan dalam kajian ini merujuk kepada dokumen kurikulum keusahawanan untuk meneroka dan menilai pandangan pelajar yang melalui proses pembelajaran subjek keusahawanan di Kolej Komuniti.

2.2.1 Konsep Kurikulum

Terdapat banyak definisi kurikulum. Dalam *Oxford English Dictionary* (2007) mendefinisikan kurikulum sebagai subjek yang terdiri daripada kursus pengajian di sekolah. Kurikulum digambarkan sebagai kursus pengajian yang ditetapkan, seperti di sekolah atau kolej (Varley, 1992). Asal istilah kurikulum berasal dari bahasa Latin dan merujuk kepada perbuatan, kursus atau landasan untuk diikuti (Akker, 2003 ; Smith, 2000). Kurikulum dan bahan pembelajaran merupakan isi kandungan pendidikan atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajaran dan pembelajaran (PdP), dikenali sebagai hasil pembudayaan intelektual, juga pengalaman manusia berlandaskan teori epistemologi yang ditampilkan dari semasa ke semasa, wujud melalui pengajaran guru, mengisi jiwa kognitif kanak-kanak dan remaja agar membolehkan pertumbuhan dan perkembangan mereka berjalan lancar tanpa sebarang masalah (Nurul Nadya et al., 2010). Malah Abdul Rahim Hamdan (2012), menyatakan kurikulum adalah satu pendekatan yang merangkumi keseluruhan aktiviti pembelajaran masyarakat. Kualiti sesuatu kurikulum merupakan aspek penentu kepada pembangunan insan serta kemajuan dan kejayaan sesebuah bangsa (Abdul Haris, 2018).

Dalam istilah yang lebih spesifik, kurikulum ditakrifkan sebagai satu set pendidikan formal yang tersusun, dokumen bertulis, aktiviti yang dirancang, pembelajaran, aktiviti yang berlaku di dalam bilik darjah secara berterusan, pengalaman, perancangan pembelajaran yang merangkumi beberapa matlamat, objektif, strategi dan pendekatan pengajaran untuk mencapai hasil yang diharapkan, dan perancangan kurikulum ini mempunyai permulaan, penghujung serta proses (Eisner, 2002; Abeles, Hoffer & Klotman, 1994). Eisner (2002) merumuskan definisi kurikulum sebagai kursus yang sengaja direka untuk melibatkan pelajar dalam satu set aktiviti atau peristiwa yang dirancang bagi mencapai matlamat pendidikan untuk mereka.

Definisi lain menganggap kurikulum sebagai satu aktiviti berterusan dan bukannya statik yang sebenarnya berlaku di dalam kelas (Labuta & Smith, 1997). Menurut Labuta dan Smith (1997), kurikulum ditakrifkan dalam tiga keadaan iaitu apa yang pelajar mesti lakukan dalam proses pembelajaran, apa yang pelajar mesti tahu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hasil daripada hasil pembelajaran dan kaedah pengajaran khusus. Taba (1962) menyatakan bahawa konsep kurikulum ialah pengalaman kepada pelajar, dilengkapi dengan isi kandungan atau topik terancang. Proses memilih isi kandungan, dengan disertakan pengalaman pembelajaran merupakan salah satu keputusan penting dalam pembangunan sesebuah kurikulum.


Konsep kurikulum juga dikatakan bukan satu pendekatan teknikal tetapi lebih kepada pendekatan berfalsafah, pendekatan peribadi dan menarik termasuk pelbagai teori dan idea yang estetik, bermoral dan etika (Reid, 2012), berwawasan (Maxine Greene, 2008; Apple, 2005, 2001), dan berbentuk kerohanian (William Pinar, 2012).

2.2.2 Unsur Penilaian Dalam Model Pelaksanaan Kurikulum

Galen Saylor, Alaxander dan Lewis (1981) mengamalkan pendekatan secara pentadbiran dalam membangun dan melaksanakan kurikulum. Model ini membentuk *curriculum planning process* (proses perancangan kurikulum). Dalam memahami model ini, analisa terhadap konsep kurikulum dan konsep perancangan kurikulum perlu dilakukan. Kurikulum menurut Saylor ialah “satu pelan untuk menyediakan satu set peluang belajar untuk orang yang belajar” iaitu sebuah perancangan kurikulum yang menyediakan peluang pembelajaran kepada pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.1. Model Pelaksanaan Kurikulum Saylor (1981)

Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.1, pemilihan matlamat dan objektif kurikulum dipengaruhi oleh faktor luaran seperti keperluan undang-undang, data penyelidikan, persatuan profesional, pengetahuan masyarakat dan garis panduan kementerian. Penggubal kurikulum kemudian memilih gabungan reka bentuk kurikulum, strategi pelaksanaan, dan penilaian kurikulum. Model Saylor (1981) juga begitu menekankan proses penilaian kurikulum dalam pelaksanaan kurikulum. Penilaian digunakan untuk memaksimumkan pencapaian matlamat, mendapatkan maklum balas daripada kurikulum yang telah berkuat kuasa dan merancang semula elemen-elemen kurikulum yang dinilai.

Implikasi Model Pembangunan Kurikulum Saylor (1981) terhadap penilaian kurikulum adalah beliau amat memberi penekanan berkenaan penilaian kurikulum dalam modelnya. Saylor bersetuju bahawa penggubal kurikulum dan guru harus terlibat dan membuat penilaian terhadap kurikulum. Mereka harus memilih teknik penilaian yang paling sesuai untuk digunakan. Menurut Saylor, Alexander dan Lewis dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Yusup Hashim (2000), penilaian kurikulum terbahagi kepada dua berdasarkan reka bentuk penilaiannya, iaitu:

i. Menilai keseluruhan kurikulum termasuk objektif, sub objektif, keberkesanan pelaksanaan proses PdP dan pencapaian pelajar dalam segmen tertentu dalam sesebuah kurikulum.

ii. Menilai program itu sendiri. Proses penilaian membenarkan penggubal kurikulum menentukan sama ada matlamat institusi dan objektif kurikulum dapat dipenuhi atau tidak.

Reka bentuk kurikulum melibatkan keputusan yang dibuat oleh penggubal kurikulum yang bertanggungjawab terhadap perancangan di peringkat pusat atau institusi pendidikan. Setelah mengumpul dan menganalisis data penting dan objektif yang dikenal pasti, penggubal kurikulum mencipta atau memilih reka bentuk kurikulum yang sesuai dengan peluang pembelajaran yang diberikan kepada pelajar. Antara perkara penting dalam mereka bentuk kurikulum ialah analisis kemahiran yang diperlukan untuk pengetahuan dan kecekapan dalam bidang subjek, dan pilihan masalah (bekerjasama dengan pelajar) yang berkaitan dengan bidang pengajian (Lunenburg, 2011). Pada akhir perancangan, reka bentuk kurikulum perlu memenuhi keseluruhan peluang pembelajaran terhadap populasi pelajar tertentu.

Dalam model ini, pelaksanaan kurikulum melibatkan keputusan daripada reka bentuk kurikulum. Pelbagai Strategi pengajaran dimasukkan dalam pelan kurikulum supaya guru mempunyai pilihan dalam pengajaran. Oleh itu, arahan-arahan dalam reka bentuk kurikulum akan digunakan dalam pelaksanaan pelan kurikulum. Dengan sifat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semula jadi yang terdapat dalam kurikulum, guru perlu berusaha untuk membimbing pelajar berdasarkan kurikulum yang telah direka bentuk. Semua perancangan kurikulum tidak bernilai kecuali ia dapat mempengaruhi apa yang pelajar lakukan. Saylor (1981) berpendapat bahawa penggubal kurikulum mesti melihat proses pengajaran dan pembelajaran sebagai satu perkara yang sangat penting dalam pelaksanaan kurikulum.

Penilaian pelaksanaan kurikulum melibatkan proses penilaian pembelajaran dan pengajaran dan hasil keseluruhan perancangan kurikulum (Lunenburg, 2011). Saylor et al. (1981) membahagikan penilaian kepada dua kategori iaitu penilaian formatif dan sumatif. Prosedur penilaian formatif adalah menyusun maklum balas yang membolehkan penggubal kurikulum membuat penyelarasan dan penambahbaikan terhadap proses pembangunan dan pelaksanaan kurikulum, matlamat kurikulum dan objektif kurikulum. Penilaian sumatif pula dilaksanakan pada akhir proses dan berkaitan dengan penilaian keseluruhan reka bentuk kurikulum. Penilaian ini memberi maklum balas kepada penggubal kurikulum untuk digunakan dalam menentukan sama ada untuk meneruskan, mengubah atau menambah baik reka bentuk kurikulum sedia ada. Sehubungan dengan itu, kajian ini adalah merupakan kajian penilaian sumatif berdasarkan penjelasan yang dilakukan oleh Saylor (1981).

Sebagai rumusan, model pembangunan kurikulum Saylor, Alexander dan Lewis (1981) menunjukkan bahawa model kurikulum memberi penekanan kepada penilaian kurikulum. Dalam konteks kajian pelaksanaan kurikulum keusahawanan ini, proses penambahbaikan boleh dilakukan setelah penilaian dijalankan. Ini kerana pelaksanaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kurikulum merupakan suatu proses yang memerlukan penambahbaikan daripada semasa ke semasa.

2.3 Kurikulum Keusahawanan

Strategi untuk menyemai dan membudayakan keusahawanan dalam kalangan pelajar adalah dengan memperkenalkan kurikulum keusahawanan dalam institusi pendidikan. Pendidikan dan latihan berbentuk keusahawanan adalah sangat penting untuk pembangunan ekonomi, khususnya dalam meningkatkan kualiti dan kuantiti usahawan pada masa depan (Norasmah et al., 2010 & Faioite et al., 2003). Minat terhadap keusahawanan telah menyebabkan permintaan terhadap bidang pendidikan dan latihan keusahawanan semakin meningkat sejak kebelakangan ini (Galloway & Brown, 2000). Ini berdasarkan kepada pertumbuhan bilangan dan jenis program keusahawanan yang ditawarkan di universiti. Menyedari pentingnya pendidikan keusahawanan, banyak universiti di seluruh dunia telah menawarkan kurikulum pendidikan keusahawanan (Norasmah & Faridah, 2010). Keusahawanan adalah pemacu kepada pertumbuhan ekonomi dan tunjang kepada usaha dalam melonjakkan kreativiti, inovasi dan daya saing sesebuah negara (Smith, 2010). Salah satu cara untuk mengembangkan kemahiran keusahawanan adalah melalui latihan dan pendidikan keusahawanan. Kurikulum keusahawanan merupakan satu kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mengajar pelajar berkenaan perniagaan dan bagaimana mengendalikan perniagaan yang menguntungkan (Tung 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum keusahawanan juga dikenali sebagai pendidikan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kebolehan kepada para pelajar untuk membantu mereka berjaya dalam kerjaya mereka sebagai seorang usahawan sekiranya telah tamat pengajian (Nian, Rosni, & Md. Aminul, 2014). Pendidikan secara sistematik dan pengalaman dalam bidang keusahawanan didapati mampu meningkatkan keyakinan diri pelajar dalam bidang keusahawanan seterusnya menghasilkan pelajar yang berminda keusahawanan, berminat, mengenal dan memilih kerjaya tersebut (Ooi et al., 2011; Zhao et al., 2005). Kurikulum keusahawanan merupakan satu proses pembelajaran berterusan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai keusahawanan melalui proses pembelajaran dan pengajaran secara formal atau tidak formal dalam usaha untuk membangunkan nilai keusahawanan individu melalui pelaksanaan kurikulum keusahawanan (Nor Aishah, 2006). Menurut Nor Aishah (2006) lagi, kurikulum pendidikan keusahawanan diasaskan kepada lima elemen utama iaitu pembentukan sikap dan ciri-ciri keusahawanan, pembentukan minda keusahawanan, kemahiran mengurus perniagaan, pembentukan vokasional dan amalan etika dan moral keusahawanan.

Kurikulum keusahawanan juga ditakrifkan sebagai proses menghantar pengetahuan dan kemahiran keusahawanan kepada pelajar untuk membantu mereka mengeksploitasi peluang perniagaan (Tung, 2011). Schaper (2017) menyatakan bahawa kurikulum keusahawanan membawa kepada peningkatan tahap pengetahuan tentang bagaimana untuk memulakan dan menguruskan suatu usaha perniagaan baru. Pelajar yang mengambil satu kursus keusahawanan untuk dipelajari ialah pelajar yang berminat menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya. Manakala pelajar yang mengambil dua atau lebih kursus berkaitan keusahawanan bermakna hasrat mereka untuk menjadi seorang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

usahawan telah tertanam dalam diri mereka. Perkembangan positif terhadap bidang keusahawanan adalah lebih bergantung kepada kesedaran keusahawanan yang dicapai melalui kurikulum pendidikan keusahawanan (Lange et al, 2011).

Terdapat kajian lepas yang berkaitan dengan pendidikan dan kurikulum keusahawanan iaitu kajian yang dijalankan oleh Iklima Husna et al. (2020). Kajian ini telah dijalankan untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap pendidikan keusahawanan dalam membentuk niat keusahawanan. Tiga pemboleh ubah telah digunakan untuk mengukur persepsi pelajar terhadap pendidikan keusahawanan ini iaitu kurikulum keusahawanan, kaedah pengajaran dan peranan universiti. Rekabentuk kajian adalah berbentuk kajian tinjauan iaitu sama dengan kajian ini dimana data dikumpul melalui pengedaran borang soal selidik. Persampelan bertujuan telah digunakan bagi memilih 114 orang pelajar yang mengambil bidang Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Keusahawanan) sebagai responden kajian. Borang soal selidik yang diedar adalah berbentuk soalan tertutup dengan skala Likert 5 mata. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 23.0. Hasil kajian mendapati bahawa kurikulum keusahawanan dan kaedah pengajaran menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap niat keusahawanan. Namun sebaliknya bagi pembolehubah peranan universiti yang menunjukkan tidak mempunyai hubungan yang signifikan terhadap niat keusahawanan. Kesimpulan kajian lepas ini menunjukkan kurikulum dalam pendidikan keusahawanan dan kaedah pengajaran oleh pensyarah dapat membantu meningkatkan niat pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan. Kajian oleh Iklima Husna et al. (2020) mempunyai persamaan dengan kajian ini dari segi mengkaji berkaitan kurikulum dan kaedah pengajaran pensyarah yang merupakan sub konstruk dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian lain juga dilakukan oleh Nur Hannan et al. (2022) yang dilakukan bagi mengenal pasti persepsi pelajar prasiswazah terhadap pendidikan keusahawanan yang ditawarkan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Seramai 115 orang pelajar prasiswazah telah terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Dapatan kajian mendapati persepsi pelajar terhadap program tersebut adalah tinggi. Tambahan lagi, analisis korelasi Spearman Rho menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara persepsi dengan niat keusahawanan manakala latar belakang keluarga pelajar mempengaruhi niat menjadi usahawan. Namun begitu tiada perbezaan signifikan niat keusahawanan antara pelajar lelaki dan perempuan. Kajian yang telah dijalankan ini tidak menyentuh isu pengaruh proses pelaksanaan kurikulum terhadap kesediaan keusahawanan pelajar dan hanya melihat pengaruh dari aspek latar belakang keluarga sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai kesimpulan dalam pendidikan abad ke-21, kurikulum keusahawanan merupakan satu cara untuk memberikan pelajar kemahiran dalam apa jua bidang kajian atau disiplin untuk melahirkan pelajar yang kreatif, inovatif, dan berciri keusahawanan (Welsh, Tullar, & Nemati, 2016). Melalui kurikulum keusahawanan, fleksibiliti, keupayaan menyesuaikan diri, dan daya tahan akan diterapkan kepada pelajar supaya kejayaan dalam pekerjaan boleh dicapai kerana permintaan tenaga kerja yang berubah mengikut masa (Welsh, 2014). Pelajar pendidikan tinggi digalakkan untuk mengambil lebih banyak jenis kursus keusahawanan kerana mereka perlu sedar bahawa bakal graduan memerlukan pelbagai disiplin dan ilmu untuk berjaya. Usahawan merupakan perintis proses dan produk baru serta agen perubahan sosial dan ekonomi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Kurikulum Keusahawanan Dalam Konteks Kolej Komuniti Malaysia

Pendidikan keusahawanan memerlukan transformasi dalam pendekatan pembelajarannya seiring dengan situasi semasa. Dalam pendekatan pengajaran tradisional, proses pengajaran tertumpu kepada setiap elemen dalam kurikulum yang dikawal oleh guru atau pensyarah sehinggakan pelajar kurang mendapat ruang menggunakan kemahiran berfikir (Gibb, 2005). Perubahan kurikulum pendidikan keusahawanan berkait rapat dengan kemahiran pedagogi, penyampaian pengajaran dan pembelajaran, isi kandungan pelajaran dan pentaksiran (Flouris dan Pasias, 2003). Menurut Ahmad (2013), dalam membuat penambahbaikan kurikulum pendidikan keusahawanan yang baik seharusnya mempunyai beberapa perkara berikut :

i. Membuat kajian terperinci.
ii. Menjemput usahawan berjaya ke dalam kelas untuk menyampaikan ilmu.
iii. Mempunyai tugasan perniagaan dengan bimbingan dan perundingan daripada usahawan yang berlatih.
iv. Lawatan ke syarikat berkaitan.
v. Penubuhan kelab keusahawanan pelajar.
vi. Membawa pelajar merasai pengalaman permulaan perniagaan.

Secara umumnya, strategi pelaksanaan pembelajaran kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti dijalankan secara kuliah, pembentangan dan projek simulasi perniagaan. Kuliah telah dilaksanakan mengikut penetapan jadual waktu yang diberikan kepada pensyarah terlibat. Dalam meningkatkan lagi kualiti proses

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyampaian kurikulum, pelbagai kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar dengan pelaksanaan projek dan pembelajaran berasaskan masalah, laporan pembelajaran, perbincangan, kajian usahawan dan tugasan berkaitan aktiviti keusahawanan. Kaedah pembelajaran ini adalah untuk melatih pelajar melakukan pembelajaran bebas, pembelajaran secara kendiri dan terarah kendiri. Selain itu, projek berbentuk lapangan sebenar menjadi amalan yang dilaksanakan dengan memberikan penekanan pengalaman menjalankan aktiviti keusahawanan serta peluang bertemu dan mendapatkan maklumat daripada usahawan terpilih. Amalan pembelajaran seperti ini akan memberikan pengalaman dan peluang kepada pelajar melaksanakan teori yang dipelajari dalam kuliah dalam situasi sebenar.

Kurikulum keusahawanan telah diwujudkan di Kolej Komuniti dengan tujuan memberi pendedahan kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran dan minat mereka dalam perniagaan. Pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dapat membantu pelajar menceburi bidang keusahawanan setelah menamatkan bidang pengajian (Kurikulum Keusahawanan, 2017). Dalam dunia yang serba maju ini, para pelajar perlu dapat terus meneroka dan mengeksploitasi peluang-peluang diluar bidang mereka sendiri jika mereka mahu bertahan dan berjaya selepas tamat pengajian. Kurikulum di Kolej Komuniti berpusat di bawah tanggungjawab dan penyeliaan Unit Kurikulum Bahagian Akademik dan Pendidikan Berterusan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Unit ini bertanggungjawab merancang, membangun dan menyelaras kurikulum baharu bagi Program Diploma, Sijil Kolej Komuniti, Sijil Modular Kebangsaan, Sijil Kemahiran Khas dan Modul Kursus Pendek untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat. Selain itu, fungsi unit ini termasuk melaksana dan menyelaras semakan semula kurikulum dan spesifikasi peralatan. Unit ini juga mengendali

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perancangan, penyelarasan pembangunan dan perbelanjaan untuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP), termasuklah kandungan dan bahan mengajar yang berkaitan. Satu modul ditawarkan kepada pelajar Kolej Komuniti iaitu modul MPU1222 Keusahawanan. Terdapat tiga hasil pembelajaran (HPK) dan empat topik yang ingin dicapai dalam kurikulum ini iaitu:

i. HPK 1: Menjelaskan konsep asas keusahawanan (Topik 1: Asas Keusahawanan).
ii. HPK 2: Mencadangkan idea perniagaan secara *offline* dan *online* (Topik 2: Campuran Pemasaran dan Topik 3: *Business Pitching*);
iii. HPK 3: Menyediakan kos pelaksanaan projek dan pengiraan untung rugi perniagaan (Topik 4: Pengurusan Kos).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beberapa kemahiran boleh pindah selain kemahiran keusahawanan diterapkan dalam kurikulum keusahawanan antaranya ialah kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir, kemahiran membuat keputusan, kemahiran kepimpinan dan kerja berkumpulan. Strategi pentaksiran yang digunakan dalam kurikulum keusahawanan ialah pentaksiran formatif dan pentaksiran sumatif. Kursus keusahawanan ini adalah wajib bagi semua pelajar dan dibangunkan bertujuan untuk memberi pendedahan keusahawanan kepada semua pelajar Kolej Komuniti untuk membantu pelajar menceburi bidang keusahawanan setelah menamatkan pengajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.1 Strategi Pentaksiran Kurikulum Keusahawanan Kolej Komuniti

Dalam kurikulum keusahawanan kolej komuniti, pentaksiran yang dilaksanakan kepada pelajar melibatkan pentaksiran formatif dan pentasiran sumatif (Kurikulum Keusahawanan, 2017). Fungsi pentaksiran formatif dan sumatif dalam kurikulum keusahawanan adalah seperti berikut:

1) Pentaksiran Formatif
    i. Merupakan sebahagian daripada proses PdP
    ii. Memberi makluman kepada pensyarah untuk mengubah atau menyesuaikan PdP sewaktu ia sedang berlangsung.
    iii. Memberi makluman kepada pelajar dan pensyarah mengenai pemahaman pelajar pada ketika perubahan boleh dilakukan tepat pada masanya.
    iv. Memastikan hasil pembelajaran (HPK) yang dihasratkan dapat dicapai dalam tempoh masa yang ditetapkan.
    v. Contoh penilaian adalah seperti kuiz.
2) Pentaksiran Sumatif
    i. Mengukur kualiti prestasi, tahap pencapaian, atau tahap kecekapan pelajar bagi setiap hasil pembelajaran (HPK) setelah tamatnya sesuatu unit pengajaran.
    ii. Membuat keputusan atau pertimbangan mengenai pemberian gred dan menentukan masa depan pelajar/kursus/modul/program.
    iii. Contoh penilaian adalah seperti projek, pembentangan, ujian amali dan tugasan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah penilaian sumatif bagi kurikulum keusahawanan adalah berbentuk laporan dengan pemberat markah sebanyak 20% bagi mencapai hasil pembelajaran 1 dalam Topik Asas Keusahawanan. Bagi mencapai hasil pembelajaran 2, kaedah penilaian secara simulasi dengan pemberat markah 65% digunakan dalam topik 2 (Campuran Pemasaran) dan topik 3 (*Business Pitching*). Pelajar juga perlu membuat pembentangan dalam topik 4 (Pengurusan Kos) dengan pemberat markah sebanyak 15% bagi mencapai hasil pembelajaran 3. Jadual 2.1 menunjukkan ringkasan pentaksiran sumatif dalam Kurikulum Keusahawanan Kolej Komuniti:

Jadual 2.1

Kaedah Penilaian Sumatif Kurikulum Keusahawanan

Komponen Penilaian		CLO 1	CLO 2		CLO 3
Topik		1	2	3	4
Pentaksiran Berterusan	Laporan	20%			
	Simulasi		65%		
	Pembentangan				15%

2.5 Teori Pembelajaran Berkaitan Proses Pelaksanaan Kurikulum

2.5.1 Teori Pembelajaran Konstruktivisme

Teori konstruktivisme percaya bahawa pengetahuan dibina apabila seseorang itu melalui satu pengalaman atau melakukan aktiviti (Merriam et al., 2007; Torre, Daley, Sebastian, Elnicki, 2006). Asas konstruktivisme peribadi (*personal constructivism*) telah dipelopori oleh Piaget pada 1972, sedangkan Vygotsky pada tahun 1978 telah bertanggungjawab untuk memberikan banyak idea yang berkaitan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konstruktivisme sosial (*social constructivism*) (Nyback, 2013). Konstruktivisme telah digambarkan sebagai konsep yang kurang jelas tetapi telah dibincangkan di banyak institusi sebagai kaedah terbaik untuk pengajaran dan pembelajaran (Powell dan Kalina 2009). Konstruktivisme juga digambarkan sebagai teori epistemologi dan psikologi tentang bagaimana kita belajar secara aktif dan sedar bahawa pengalaman dan kefahaman seseorang pelajar boleh menjadi perbincangan secara kolaboratif bersama pelajar lain (Splitter, 2009).

Dalam pendidikan, guru atau pensyarah seharusnya tidak menyampaikan pengetahuan kepada pelajar sahaja, tetapi pelajar perlu aktif membina pengetahuan dalam minda mereka sendiri (Olusegun, 2015). Pembelajaran secara konstruktivisme akan menjadikan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar sementara pensyarah hanya berperanan sebagai fasilitator yang membimbing pelajar membina ilmu pengetahuan atau menyelesaikankan masalah yang dihadapi. Guru atau pensyarah juga sebagai pereka bentuk bahan pengajaran yang menyediakan peluang untuk membina ilmu pengetahuan. Guru perlu memastikan pelajar memahami konsep-konsep yang sedia ada oleh para pelajar, membimbing aktiviti dan kemudian membina pengetahuan pelajar (Oliver, 2000).

Pembelajaran konstruktivisme amat sesuai apabila guru atau pensyarah ingin menyampaian ilmu pengetahuan yang kompleks, seperti penyelesaian masalah atau kemahiran berfikir (Tam, 2000). Dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan, pendekatan konstruktivisme dalam aktiviti PdP amat perlu bagi menggalakkan pembelajaran pelajar dalam suasana persekitaran pembelajaran yang secara langsung mendedahkan pelajar kepada bahan yang sedang dikaji. Hanya dengan merasai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persekitaran sebenar dan secara langsung dapat memberi makna kepada pelajar. Ini menimbulkan pandangan bahawa pembelajaran konstruktivisme perlu dilakukan dalam persekitaran pembelajaran yang sesuai. Salah satu perkara utama dalam pembelajaran konstruktivisme ialah ia harus menjadi satu proses yang aktif (Tam, 2000). Pelajar adalah peserta aktif dalam proses pembelajaran, dan bukannya penerima pengetahuan yang pasif (Splitter, 2009). Oleh itu, dalam persekitaran pembelajaran konstruktivisme mesti memberi peluang untuk pelajar belajar secara aktif.

Tam (2000) menyenaraikan empat ciri asas persekitaran pembelajaran konstruktivis berikut, yang mana mesti dipertimbangkan apabila melaksanakan strategi pengajaran konstruktivisme:

i. Guru dan pelajar berkongsi pengetahuan.
ii. Guru dan pelajar akan berkongsi kuasa.
iii. Peranan guru sebagai fasilitator.
iv. Pembelajaran terdiri daripada kumpulan kecil pelajar *heterogeneous*.

Dalam persekitaran pembelajaran atau kelas, guru berfungsi lebih sebagai fasilitator yang mendorong dan membantu pelajar membangun dan menilai kefahaman mereka dalam pembelajaran mereka. Oleh itu dalam persekitaran kurikulum keusahawanan konstruktivisme, kedua-dua pensyarah dan pelajar berfikir tentang pengetahuan bukan sebagai fakta yang tidak boleh difahami, tetapi sebagai pandangan dinamik dan sentiasa berubah (Olusegun, 2015). Pandangan yang dinamik perlu diterokai oleh pelajar dengan panduan pensyarah. Aplikasi pembelajaran dan pengajaran secara konstruktivisme dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan perlu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dijalankan bagi memberi peluang untuk pelajar merasai persekitaran keusahawanan sebenar dalam meneroka pelbagai ilmu keusahawanan secara aktif. Jadual 2.2 di bawah menunjukkan perbezaan pembelajaran secara tradisional dan konstruktivisme :

Jadual 2.2

Perbezaan Pembelajaran Tradisional dan Konstruktivisme

Pembelajaran Tradisional	Pembelajaran Konstruktivisme
Pembelajaran mengikut kurikulum yang ditetapkan	Pembelajaran lebih mengutamakan idea-idea daripada pelajar
Pelaksanaan kurikulum lebih menggunakan buku teks dan buku kerja	Pelaksanaan kurikulum menggunakan data primer dan bahan manipulasi
Pembelajaran berasaskan kepada pengulangan	Pembelajaran bersifat interaktif dan membina pengetahuan sedia ada pelajar
Guru sebagai pemberi maklumat dan pelajar penerima maklumat	Guru berkomunikasi dengan pelajar dan membantu pelajar membina pengetahuan sendiri
Guru berperanan memberi lebih banyak arahan	Guru berperanan secara interaktif dan perbincangan bersama pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, sorotan terhadap teori konstruktivisme ini digunakan sebagai asas pembinaan soal selidik bagi membincangkan pemahaman tentang proses pembelajaran yang lebih menekankan pada proses daripada hasil yang telah tergambar pada kurikulum. Hal ini yang diperlukan pada kurikulum keusahawanan Kolej Komuniti. Sebagai usaha untuk memperoleh kefahaman dan pengetahuan, pelajar perlu membina kefahaman mereka sendiri terhadap perkara yang ditemui dengan menggunakan pengalaman, struktur kognitif, dan keyakinan. Oleh yang demikian, proses pembelajaran menurut teori konstruktivisme bukanlah sekadar mengingat, tetapi lebih kepada proses membangunkan pengetahuan melalui pengalaman. Pengetahuan bukanlah hasil pemberian dari orang lain seperti pensyarah, tetapi pengetahuan adalah hasil dari proses pembelajaran yang dilakukan oleh setiap individu atau pelajar. Untuk mengetahui bahawa proses pembelajaran yang berlaku kepada setiap pelajar Kolej

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Komuniti, maka penilaian terhadap kurikulum keusahawanan Kolej Komuniti di Malaysia dari aspek proses perlu dilakukan.

2.6 Penilaian

2.6.1 Konsep Penilaian

Penilaian merupakan komponen asas dalam pendidikan (Anh, 2018) dan sebagai satu proses untuk membuat keputusan, menentukan keberkesanan dan kesesuaian pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau sebarang aktiviti berkaitan pendidikan (Noor Hisham, 2011; Yusup, 1998). Penilaian bermaksud aktiviti pengumpulan maklumat bagi melihat keberkesanan sesuatu program dan mengenalpasti alternatif yang sesuai dalam membuat sesuatu keputusan (Warju, 2016). Pelbagai aktiviti terlibat dalam proses penilaian antaranya mengenalpasti rasional dan tujuan penilaian, perkara-perkara yang perlu dinilai, kaedah penilaian, kaedah analisis maklumat, menginterprestasi dapatan penilaian dan akhirnya membuat keputusan. Penilaian juga merupakan satu proses yang menyeluruh untuk mengumpulkan data bagi sesuatu program atau kurikulum (Abdul Rahim, 2007) serta merupakan satu proses yang digunakan untuk mengenal pasti nilai serta keberkesanan sesuatu program, produk, prosedur ataupun kurikulum (Ornstein & Hunkins, 2009; Abdul Rahim, 2007; Norasmah Othman, 2002; Tuckman, 1985).

Penilaian juga ialah satu proses mendapatkan maklumat tentang satu kursus atau program yang dijalankan bagi memudahkan dalam membuat keputusan (Goldie

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2006). Penilaian adalah penentuan secara sistematik berkaitan kualiti, kawalan mutu, keberkesanan atau nilai bagi sesuatu program, produk, projek, proses, objektif atau kurikulum (Wall, 2007; Worthen et al., 1995). Cronbach (1982) pula menekankan bahawa penilaian terhadap keberhasilan sesuatu program menumpukan kepada produk dan penilaian dijalankan untuk:

i. Membuat keputusan menambahbaik sahaja.
ii. Membuat keputusan terhadap pelajar dan tenaga pengajar.
iii. Membuat keputusan mengenai pengurusan dan peraturan-peraturan.

Stufflebeam (2003) menyatakan bahawa penilaian adalah satu cara menentukan, memperoleh dan memberikan maklumat yang positif bagi membuat keputusan mengenai tindakan seterusnya. Manakala Mak Soon Sang (2008) menyatakan penilaian ialah satu tindakan yang meliputi aktiviti-aktiviti mengumpul maklumat berkaitan strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, melakukan analisis dan membuat keputusan agar tindakan yang wajar dan sistematik dapat dilakukan. Oleh itu penilaian merupakan satu proses yang dijalankan secara sistematik dan terancang bagi mendapatkan sebanyak maklumat ke arah usaha melakukan penambahbaikan terhadap sesuatu program atau projek.

Penilaian kurikulum pula merupakan aktiviti yang berkait dengan aktiviti lain dalam kurikulum seperti pembangunan kurikulum, pelaksanaan kurikulum dan pengubahsuaian kurikulum (Abdul Rahim, 2007). Kajian penilaian kurikulum ini menerangkan definisi yang berbeza-beza terhadap penilaian kurikulum. Kefahaman yang lebih baik mengenai definisi penilaian kurikulum akan mempengaruhi pemilihan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaedah penilaian yang dipilih untuk menilai kurikulum keusahawanan yang dimaksudkan. Penilaian merupakan satu perkara yang sangat penting dalam pendidikan dan pelaksanaan sesuatu kurikulum. Penilaian tidak hanya melibatkan proses mengumpul data dan menginterpretasi maklumat tentang keberkesanan sesuatu program namun lebih memberi penekanan terhadap pencapaian matlamat dan objektif yang telah ditetapkan (Zainal Aalam Hassan, 2005). Dalam merekabentuk kurikulum berkualiti tinggi, jawatankuasa jaminan kualiti kurikulum dalaman dan luaran perlu menilai program secara berkala (Farahani & Ahmadi, 2006). Melalui penilaian kurikulum, kesesuaian program dengan individu dan keperluan masyarakat dapat dinyatakan, manakala faktor yang berkesan dalam pembangunan program dapat dijelaskan (AbdiShahshahani et al., 2015). Penilaian kurikulum yang dilaksanakan akan dapat memperbaiki kualiti sistem pendidikan di institusi pendidikan dan pelajar juga dapat memberi maklum balas berkenaan tahap kepuasan terhadap subjek yang diambil (Hanafi Mahat et al., 2016; Mohini & Suhaila, 2011; Mohebbi Akhlaghi et al., 2011). Pihak institusi pendidikan dapat melakukan penambahbaikan dan yang lebih penting dapat melahirkan graduan yang berkualiti dan holistik sesuai dengan kehendak kementerian.

Penilaian kurikulum merupakan salah satu proses dalam pembangunan dan pelaksanaan kurikulum (Oliva, 2005) dan amat penting bagi menilai program yang sedang dibangunkan dan dilaksanakan. Bagi kurikulum keusahawanan Kolej Komuniti, penambahbaikan terhadap kurikulum perlu dibuat secara berterusan bergantung kepada keperluan semasa. Penilaian dijalankan oleh Jawatankuasa Pembangunan Kurikulum yang juga berfungsi sebagai Jawatankuasa Penilaian Kurikulum. Penilaian yang dijalankan dapat membantu Jawatankuasa Pembangunan Kurikulum dan JPPKK untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membuat keputusan sama ada kurikulum yang digunakan perlu dikekalkan, diperbaiki atau diganti dengan kurikulum baru agar ia sentiasa relevan dengan keperluan pembelajaran semasa. Pada masa sekarang, penilaian kurikulum keusahawanan hanya dijalankan sekiranya mendapat maklumbalas dan cadangan daripada pihak institusi seperti pentadbir, pensyarah dan staf perkhidmatan namun tidak menyeluruh.

Oleh itu dalam erti kata yang mudah, penilaian merupakan pemeriksaan terhadap program daripada pelbagai perspektif yang berbeza dan cuba melihat hubungan antara aktiviti program dengan hasil program yang telah ditetapkan. Dalam konteks kurikulum, penilaian merupakan satu proses analisis keperluan dan kesesuaian kurikulum yang melibatkan pelbagai aspek termasuk objektif, proses PdP, sumber pelaksanaan kurikulum dan pencapaian hasil pembelajaran pelajar secara keseluruhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.2 Penilaian Kurikulum

2.6.2.1 Tujuan Penilaian Kurikulum

Tujuan penilaian kurikulum dibuat ialah untuk menilai dan meneliti pelbagai aspek bermula daripada aspek pengurusan, hala tuju dan keberkesanan kurikulum, akauntabiliti, pembangunan dan pelaksanaan kurikulum. Selain itu pelaksanaan penilaian adalah untuk memberi maklumat kepada penilai tentang apa yang dilaksanakan oleh sesuatu kurikulum atau kursus pendidikan, bagaimana kurikulum atau program dijalankan dan adakah sesuatu kurikulum itu memberi nilai dan faedah (Rossi, 2018). Secara keseluruhannya aspek-aspek yang diteliti dan dikaji berkaitan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengoperasian dan perkhidmatan seperti ciri-ciri pengajaran, objektif, aktiviti, pentadbir dan hasil pencapaian serta keberkesanannya (Vincent Pang, 2010). Proses penilaian juga dibuat bertujuan untuk menilai pencapaian dan perubahan yang dicapai serta menilai kesan pembelajaran terhadap pelajar daripada aspek pembelajaran, kebolehan pelajar, kecerdasan, aspek kognitif dan juga afektif (Abd Rahim, 2003). Penilaian kurikulum merupakan suatu aktiviti untuk mendapatkan suatu matlamat bagi membolehkan pihak pentadbir membuat keputusan tentang rancangan pendidikan (Abdul Rahim, 2007).

Tujuan penilaian adalah untuk mengukur kesan kurikulum terhadap matlamat dan tujuan yang ditetapkan, untuk mengenal pasti kursus yang dirancang, reka bentuk kurikulum, pemilihan isi kandungan, pelaksanaan program, aktiviti dan peluang pembelajaran yang sebenar adakah memenuhi hasil yang ditetapkan (Foong, 2014). Ini adalah untuk membolehkan pihak-pihak berkepentingan dan penggubal kurikulum membuat kesimpulan serta membuat keputusan mengenai pelaksanaan kurikulum sedia ada dan melakukan penambahbaikan pada masa depan (Ornstein & Hunkins, 1998; Longstrees & Shane, 1993; Stufflebeam, 1985). Istilah penilaian kurikulum juga digunakan untuk merujuk kepada kejayaan atau kegagalan program pendidikan tertentu, membandingkan objektif dan hasil, dan juga kajian prestasi dan penilaian (Tellep, 1989; Stufflebeam & Shinkfield, 1985). Penilaian kurikulum juga dibuat adalah untuk menilai dan mengukur tahap pengajaran dan pembelajaran sesuatu kurikulum, keberkesanannya dalam kalangan semua pihak yang terlibat melalui proses pendidikan sama ada daripada segi objektif, silibus kurikulum, proses PdP, tahap pencapaiannya dan secara tidak langsung boleh melakukan penambahbaikan terhadap kelemahan-kelemahan dalam sesuatu kurikulum (Zainora, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, penyelidik dapat membuat kesimpulan bahawa tujuan penilaian kurikulum keusahawanan adalah untuk membuat analisis keberkesanan pelaksanaan kurikulum dengan empat dimensi bermula daripada aspek kesesuaian objektif, keperluan sumber kurikulum, kaedah PdP dan pencapaian pelajar daripada segi kefahaman, perubahan motivasi dan kesediaan pelajar terhadap kurikulum keusahawanan tersebut.

2.6.2.2 Penilaian Formatif dan Penilaian Sumatif

Penilaian kurikulum terbahagi kepada dua iaitu penilaian formatif dan penilaian sumatif (Ornstein dan Hunkins, 2009; Lewy, 1977; Scriven, 1967). Penilaian formatif dijalankan semasa proses pembangunan kurikulum dan penambahbaikan program atau produk atau orang dan sebagainya dan ia dijalankan selalunya lebih daripada sekali (Scriven, 1991). Ia dilaksanakan pada sub unit semasa proses pembangunan kurikulum dan diuji dalam situasi yang lebih kecil untuk melihat keberkesanannya. Penilaian formatif memerlukan pengumpulan dan perkongsian maklumat untuk penambahbaikan program. Walaupun program sedang berjalan, penilai formatif berfungsi untuk menyediakan maklumat bagi membantu membuat penyesuaian program dan memperbaikinya (Morris dan Fitz-Gibbon, 1978).

Tujuan penilaian formatif adalah untuk mengesahkan atau memastikan bahawa arahan-arahan dicapai dan untuk memperbaiki arahan jika perlu dengan mengenal pasti dan memulihkan aspek-aspek yang bermasalah (Weston, Mc Alpine & Bordonaro, 1995). Oleh itu, jelas bahawa penilaian formatif menyediakan maklumat untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membolehkan perubahan dilakukan pada tempat yang sesuai dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sesuatu kurikulum boleh disemak semula (Tunstall & Gipps, 1996). Rossi (2018) menyatakan bahawa reka bentuk penilaian formatif yang memberi maklumat kepada ketua program atau kurikulum baharu biasanya memberi fokus terhadap peringkat proses dan pelaksanaan sesuatu program atau kurikulum. Ini kerana untuk memastikan sejauh manakah pelaksanaan sesuatu program atau kurikulum sesebuah institusi itu sudah mantap, lalu penilaian pelaksanaan dijalankan bagi memperoleh maklumat seperti kualiti perkhidmatan atau kejayaan mencapai objektif yang dirancang. Secara ringkas, penilaian formatif dijalankan semasa program atau kurikulum sedang dijalankan untuk memberi maklumat yang berguna dalam menambahbaik program. Sebagai contoh, semasa pembangunan kurikulum, penilaian formatif akan melibatkan pemeriksaan kandungan oleh pakar, ujian, pencerapan dan sebagainya. Setiap langkah akan menghasilkan maklum balas yang kemudiannya akan digunakan untuk membuat semakan.

Manakala penilaian sumatif pula bertujuan untuk menilai kualiti keseluruhan program yang dihasilkan dan dilaksanakan (Ornstein & Hunkins, 2009; Ishak, 2008; Razali, 1992). Penilaian sumatif dapat menentukan sama ada objektif kurikulum dapat dicapai atau tidak oleh pelajar. Penilaian sumatif juga bertujuan untuk membantu pihak yang berkepentingan untuk membuat keputusan terhadap kurikulum yang telah dinilai (Scriven, 1967). Sebagai contoh, mengetahui sama ada pelajar belajar apa yang mereka sepatutnya belajar selepas menggunakan modul pengajaran. Penilaian biasanya menggunakan skala, angka atau gred huruf untuk menilai keberkesanan dan pencapaian pelajar. Cronbach (1982) menyatakan terdapat tiga jenis keputusan yang boleh diambil sekiranya sesuatu penilaian telah dilaksanakan, iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Membuat penambahbaikan kurikulum, iaitu menentukan apakah kaedah pengajaran yang sesuai, apakah jenis bahan pembelajaran yang sesuai dan di bahagian manakah penambahbaikan perlu dilakukan.

ii. Keputusan untuk mengenal pasti kehendak pelajar bagi memudahkan guru merancang kaedah pengajaran yang sesuai. Keputusan yang digunakan boleh menentukan tahap kebolehan pelajar dan mengumpulkan mereka dalam kumpulan mengikut kebolehan serta menentukan kelemahan pelajar yang dapat dikesan.

iii. Menentukan peraturan pentadbiran yang boleh melihat sejauh mana sistem pendidikan itu berkesan dan juga menentukan sejauh mana keberkesanan usaha tenaga pengajar di institusi pendidikan dalam melaksanakan dan menterjemahkan kurikulum yang digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7 Kajian Lepas Penilaian Dalam Bidang Kurikulum atau Program Pendidikan

Perbincangan dalam bahagian ini adalah mengenai kajian lepas yang telah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik di dalam dan luar negara untuk mengkaji penilaian berkaitan sesuatu kurikulum atau program. Kajian-kajian lepas menunjukkan kajian berkaitan penilaian kurikulum dan program telah dilaksanakan dengan meluas dalam kajian-kajian dalam bidang pendidikan. Kajian-kajian lepas juga menunjukkan bahawa pentingnya penilaian kurikulum atau program pendidikan itu dilaksanakan.

Dalam konteks kajian penilaian luar negara, terdapat kajian penilaian kurikulum di sekolah menengah di Pakistan yang dijalankan oleh Muhammad Ariff (2010) dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bidang Kurikulum Matematik. Kajian ini telah melibatkan responden iaitu pakar subjek seramai 20 orang daripada Kementerian Pelajaran Islamabad, juga seramai 1080 orang guru dari sekolah dalam Daerah Punjab dalam bidang Matematik. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan kurikulum Matematik, antara kelemahan yang ditonjolkan adalah seperti tidak memberi tumpuan terhadap aktiviti penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar, tidak mempunyai keselarasan antara pembelajaran Matematik dengan kerjaya, tidak menghasilkan pelajar yang kreatif, tidak menjadikan pelajar berfikir logik dan tidak boleh membuat kesinambungan dalam konsep serta permintaan untuk belajar Matematik dalam kalangan pelajar adalah berkurangan. Hasil kajian ini juga mendapati bahan audio visual tidak mencukupi bagi tujuan pembelajaran sedia ada dan tidak boleh menilai kemahiran berfikir aras tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian seterusnya adalah kajian Ismail Omar et al. (2011) yang telah menjalankan satu kajian penilaian berkaitan pelaksanaan kurikulum yang menggunakan Kurikulum Al Azhar di sekolah-sekolah agama bantuan kerajaan di negeri Selangor. Kajian tersebut melibatkan pembelajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab bagi Sijil Menengah Agama (SMA). Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang digunakan bagi menilai keberkesanan pelaksanaan program ini. Sebanyak 615 orang sampel yang terdiri daripada pelajar dari 11 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Selangor telah terlibat dalam kajian ini. Ismail Omar et al. (2011) juga telah menjalankan kajian penilaian terhadap kurikulum Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Kajian tersebut juga menggunakan kaedah tinjauan untuk mendapatkan maklumat kajian dengan melibatkan sampel seramai 3240 orang pelajar yang telah dipilih bagi mewakili enam zon serta menggunakan kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persampelan kebarangkalian rawak mudah. Hasil kajian mendapati pelaksanaan kurikulum Pendidikan islam bagi responden lelaki adalah pada tahap yang kurang baik berbanding responden perempuan. Manakala tahap pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam bagi pelajar yang tinggal di asrama adalah lebih tinggi berbanding pelajar yang tinggal di rumah. Akhir sekali kajian mendapati tahap pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam bagi tingkatan enam dan tingkatan empat di sekolah adalah hampir sama.

Kajian penilaian kurikulum turut dilaksanakan oleh Ainon Hamzah et al. (2015) yang menjalankan kajian di Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia berkaitan persepsi pelajar terhadap Program Biosains dan Bioteknologi. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan di mana borang soal selidik diedarkan kepada semua 128 responden yang merupakan pelajar tahun akhir Pusat Pengajian Biosains dan Bioteknologi. Data kajian ini telah dianalisis menggunakan analisis deskriptif bagi mendapatkan peratus, min dan sisihan piawai. Hasil kajian ini mendapati semakan semula terhadap kurikulum program tersebut perlu dilakukan supaya dapat disesuaikan dengan keperluan pasaran kerja pada masa kini. Dapatan lain menunjukkan responden sangat berpuas hati terhadap komponen program, kualiti tenaga akademik, persekitaran pembelajaran dan kualiti rakan pelajar.

Kajian seterusnya adalah kajian yang dijalankan oleh Zainora Daud (2015) yang membuat kajian penilaian di Darul Quran dan Ma'ahad Tahfiz Al-Qur'an di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kajian *mix method* iaitu kuantitatif dan kualitatif. Seramai 46 orang pensyarah dan 136 orang pelajar telah terlibat sebagai responden kajian ini. Dua set soal selidik telah digunakan dalam kajian ini yang diedarkan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pensyarah dan pelajar bagi mendapatkan data kuantitatif. Manakala kaedah temu bual secara semi struktur dan pemerhatian berstruktur telah dilaksanakan dalam proses pelaksanaan kurikulum bagi memperoleh data kualitatif. Data kuantitatif yang diperoleh telah dianalisis menggunakan analisis deskriptif bagi mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian hasil analisis deskriptif ini mendapati bahawa faktor-faktor penilaian kurikulum dan penilaian kendiri pensyarah adalah tinggi. Manakala penilaian terhadap peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran, dan kemudahan Alat Bantu Mengajar (ABM) adalah pada tahap sederhana tinggi. Kajian juga mendapati penilaian kendiri pelajar terhadap kurikulum juga pada tahap sederhana tinggi. Seterusnya bagi penilaian pelaksanaan kurikulum, dapatan kajian menunjukkan pada tahap yang tinggi, walaubagaimanapun penggunaan ABM berbentuk ICT dan elektronik serta penilaian tahap pencapaian hanya pada tahap sederhana rendah. Selain itu, dapatan kajian juga mandapati penggunaan buku rujukan dan buku teks serta papan tulis berada pada tahap tinggi.

Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Hanifah Mahat et al. (2016) yang bertujuan menilai keberkesanan kurikulum Sains Sosial di Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kajian ini penting dalam melahirkan guru yang bermatlamat selari dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia dan institusi pendidikan lain di Malaysia. Kaedah kualitatif telah digunakan dalam kajian ini iaitu kaedah temu bual yang mendalam kepada lima orang pengetua dan lima orang guru siswazah FSK UPSI. Data yang diperoleh melalaui proses temu bual telah di analisis menggunakan perisian ATLAS.ti secara induktif dan deduktif. Dapatan kajian penilaian menunjukkan bahawa keberkesanan kurikulum dari persepsi siswazah bagi konstruk keberkesanan kurikulum dan keberkesanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kokurikulum berada pada tahap yang memuaskan. Walaubagaimanapun dapatan kajian menunjukkan terdapat konstruk yang perlu diberikan perhatian iaitu konstruk keberkesanan kemahiran dan kemahiran kerjaya kerana dianggap kurang memuaskan. Secara keseluruhan, pihak pengetua beranggapan bahawa guru sains sosial UPSI menunjukkan keberkesanannya dengan menambahbaik aspek nilai, etika dan kemahiran berfikir. Hasil kajian juga menyatakan kurikulum yang perlu disemak di peringkat universiti wajar mempertimbangkan pandangan pengetua seterusnya mewujudkan pelan tindakan bagi pemantapan kurikulum Pendidikan Sains Sosial di UPSI.

Terdapat juga kajian penilaian program berkaitan keusahawanan yang dilaksanakan oleh Norfadhilah Nasrudin dan Norasmah Othman (2012). Mereka telah membuat kajian mengenai pelaksanaan program keusahawanan di politeknik Malaysia. Kajian penilaian ini memfokuskan kepada penilaian dari perspektif pensyarah. Seramai 109 responden telah dipilih dari enam zon di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan menggunakan analisis deskriptif untuk mendapatkan maklumat dari aspek objektif program, institusi dan pengajaran. Hasil kajian ini menunjukkan program keusahawanan telah dilaksanakan dengan baik. Penyelidik juga telah memberi cadangan beberapa elemen penambahbaikan program kepada pengurusan tertinggi politeknik antaranya pihak pentadbiran tertinggi politeknik hendaklah memberi sokongan dan dorongan penuh kepada program keusahawanan bagi mencapai objektif program yang ditetapkan dan pensyarah perlu mempunyai ilmu serta kemahiran pedagogi keusahawanan yang terkini dan relevan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 Pendekatan Model Penilaian

Menurut Ghazali Darusalam (2003) model bermaksud satu carta, lakaran atau gambar rajah dalam pelbagai rupa bentuk yang mampu menjelaskan makna asas terhadap sesuatu idea, langkah, konsep dan turutan. Pelbagai model penilaian telah dibangunkn sebagai panduan untuk membuat penilaian program (Gall, Gall, & Borg, 2003). Pendekatan penilaian yang dipilih bakal menentukan metodologi penilaian sama ada secara kualitatif ataupun kuantitatif (Mohamad Hussin, 2006). Manakala metodologi dan alat penilaian yang digunakan boleh membantu menilai keberkesanan sesuatu program (Eseryel, 2002). Seterusnya penyelidik akan membincangkan beberapa pendekatan model penilaian yang boleh dipertimbangkan untuk digunakan dalam penilaian sesuatu program.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8.1 Pendekatan Berorientasikan Pelanggan

Pendekatan Berorientasi Pelanggan memberi tumpuan kepada produk dan perkhidmatan yang memberi kepuasan kepada pelanggan (Alias Mahmud, 2013). Antara produk dan perkhidmatan pendidikan yang terdapat dalam pasaran ialah seperti bengkel pendidikan, bahan media pengajaran, teknologi PdP, latihan dalam perkhidmatan, perisian dan peralatan pembelajaran (Fitzpatrick, James & Blaine, 2004). Tujuan pendekatan ini adalah untuk mengumpul maklumat pendidikan dan membuat penambahbaikan kepada pelanggan yang berkepentingan dalam pelaksanaan program tersebut (Stufflebeam & Coryn, 2014). Bagi mendapatkan penilaian yang responsif, maka pendekatan penilaian ini sangat mengutamakan hubungan antara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peserta. Antara model penilaian berorientasikan pelanggan ialah Model Penilaian Sokongan Stakes (1967), Model Penilaian Perbezaan Provus (1971) dan Model Penilaian Matlamat Bebas Scriven (1974).

Scriven merupakan nama besar dalam pembangunan penilaian menggunakan pendekatan berorientasikan pelanggan. Beliau telah membangunkan senarai semak yang digunakan sebagai panduan penilaian program. Senarai semak tersebut telah digunakan oleh lebih daripada 90 produk pendidikan (Scriven, 1991). Antara kegunaan senarai semak yang dibangunkan adalah untuk menguji produk, menganalisis produk dan memberi maklumat kepada penilai program. Kekuatan pendekatan ini ialah menggunakan senarai semak, maklumat pengguna dapat diberikan kepada penilai, mempengaruhi pembangunan produk, mengambil kira kos dan utiliti. Namun pendekatan berorientasikan pelanggan juga terdapat kelemahan iaitu mengurangkan kreativiti serta inovasi dan tidak melibatkan semakan silang (Syed Khalid, 2018).

2.8.2 Pendekatan Berorientasikan Objektif

Pendekatan berorientasi objektif ini memberi penekanan kepada tujuan dan pencapaian objektif yang spesifik serta bersifat penilaian sumatif (Christie & Alkin, 2008). Seperti fungsi penilaian yang telah dibincangkan sebelum ini, pendekatan penilaian berorientasikan objektif akan menentukan sejauh mana objektif sesuatu program itu tercapai. Namun pendekatan ini amat mementingkan penetapan objektif yang boleh diukur dan melihat perbezaan antara pencapaian dan objektif. Pendekatan penilaian ini telah digunakan secara meluas untuk menilai keperluan, memantau keberkesanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peserta dan pembangunan program. Pendekatan penilaian berorientasi objektif ini mudah dilaksanakan, senang difahami dan dapat memberi maklumat yang berguna kepada pihak pelaksana program (Fitzpatrick et al., 2004).

Kelebihan pendekatan ini ialah ianya ringkas, senang diaplikasikan, mudah, dan fokus pada hasil objektif yang ingin dicapai. Manakala kelemahan pendekatan ini ialah kurangnya standard penilaian untuk membezakan antara peringkat hasil pencapaian dengan objektif, tidak memfokuskan nilai objektif, dan tidak mementingkan alternatif dalam perancangan kurikulum (Syed Khalid, 2018). Antara model penilaian berorientasikan objektif ialah Model Penilaian Tyler (1949), Model Penilaian Kirkpatrick (2006), Model Penilaian Logik (1999), Model Penilaian Metfessel dan Micheal (1967), dan Model Penilaian Hammond (1973).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8.3 Pendekatan Sebenar dan Berorientasi Peserta

Pendekatan ini berkembang disebabkan wujudnya kesedaran berkaitan perlunya kaedah penilaian baru yang mengutamakan pengalaman sebenar peserta yang terlibat dalam aktiviti program yang dinilai. Hal ini disebabkan kaedah penilaian sedia ada sebelumnya lebih memfokuskan aspek dalam bentuk angka, jadual dan carta selain kekurangan dari segi aspek kemanusiaan (Fitzpatrick et., 2004). Tujuan pendekatan ini adalah untuk mendapatkan banyak maklumat dan bukti berkaitan program yang dinilai dengan melalui tahap tertentu dan melibatkan situasi sebenar peserta. Maklumat juga boleh diambil melalui hasil maklum balas peserta program (Tunc, 2010). Antara kelebihan pendekatan ini ialah penilai dapat membuat gambaran daripada pelbagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sudut, dan pendekatan ini merupakan pendekatan yang bermula secara spesifik kepada umum. Antara model penilaian sebenar dan berorientasikan peserta ialah Model Penilaian Illuminative Parlett dan Hamilton (1972), Model Penilaian Responsif Stakes (1975) Model Penilaian Demokratik (1976) dan Model Penilaian Naturalis (1977).

2.8.4 Pendekatan Berorientasikan Kepakaran

Penilaian berorientasikan kepakaran adalah pendekatan yang paling lama dan paling banyak digunakan untuk membuat penilaian terhadap program, institusi, produk dan aktiviti (Fitzpatrick et al., 2004). Pendekatan penilaian ini melibatkan pendapat pakar–pakar dalam bidang yang dinilai dan hasil penilaian dikumpulkan untuk membuat keputusan. Keputusan yang dibuat oleh pakar-pakar ini adalah berdasarkan kemahiran profesional, pengalaman, penggunaan standard penilaian dan lawatan ke tempat penilaian program. Pendekatan ini biasanya dijalankan dengan gabungan kepakaran profesional secara berkumpulan. Ini kerana biasanya seorang individu tidak mempunyai banyak kepakaran untuk membuat penilaian secara menyeluruh dalam aspek yang dinilai.

Model berorientasikan kepakaran ini memberi fokus terhadap kualiti proses pendidikan, pemantauan yang teratur, pematuhan terhadap garis panduan, tanggungjawab penilai dan penilaian yang telus (Hakan & Seval, 2009). Pendekatan penilaian ini biasanya dijalankan bagi menentukan kualiti sesuatu program yang dinilai. Beberapa pendekatan penilaian berorientasikan kepakaran ialah Model Penilaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Eisner's Connoisseurship and Critism (1998), Formal Professional Review System dan Model Penilaian Kumpulan Akreditasi.

2.8.5 Pendekatan Berorientasikan Pengurusan

Pendekatan penilaian berorientasikan pengurusan bertujuan menyediakan rasional kepada pembuat keputusan dan membuat penilaian kepada setiap peringkat pembangunan program untuk membantu pihak pengurusan menyediakan maklumat terbaik dalam membuat keputusan (Hakan & Seval, 2009; Fitzpatrick et al., 2004; Worthen Blaine R. & Sanders James R., 1987). Ini penting kerana maklumat penilaian dapat digunakan dalam membuat keputusan yang terbaik. Antara kriteria utama pendekatan penilaian berorientasikan pengurusan ialah pendekatan penilaian dijalankan kepada semua peringkat perkembangan program secara formatif dan sumatif (Hakan & Seval, 2009). Penilaian dalam setiap peringkat perkembangan boleh dilakukan secara berterusan, serentak atau secara berasingan mengikut kesesuaian dan kehendak penilaian yang dijalankan. Matlamat dan tujuan program tidak menjadi fokus dalam pendekatan penilaian ini. Fokus utama pendekatan penilaian ini adalah untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sesuatu program agar keputusan yang tepat dapat digunakan untuk menambahbaik program tersebut.

Program seperti pengurusan institusi, perancangan program, pembangunan program dan akauntabiliti adalah aktiviti atau program yang paling banyak menggunakan pendekatan ini (Mohd Zailani, 2019). Antara model yang terkenal di bawah pendekatan berorientasikan pengurusan ini ialah Model KIPP. Maklumat yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diperolehi dalam penilaian akan digunakan untuk membuat keputusan sama ada sesuatu program itu akan diteruskan atau ditamatkan. Antara model lain yang berorientasikan pengurusan ialah Model Penilaian UCLA Alkin (1969), Model Penilaian Warr, Bird dan Rackhman (1970) dan Model Penilaian KIPP Stufflebeam. Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih pendekatan berorientasikan pengurusan menggunakan model KIPP. Ringkasan bagi setiap pendekatan penilaian dan model-model bagi setiap pendekatan adalah seperti dalam Jadual 2.3 di bawah:

Jadual 2.3

Ringkasan Pendekatan Penilaian dan Model-Model Penilaian

Bil	Pendekatan penilaian	Model penilaian
1	Pendekatan Berorientasikan Pelanggan	Model Penilaian Sokongan Stakes Model Penilaian Perbezaan Provus Model Penilaian Matlamat Bebas Scriven
2	Pendekatan Berorientasikan Objektif	Model Penilaian Tyler Model Penilaian Kirkpatrick Model Penilaian Logik Model Penilaian Metfessel dan Micheal Model Penilaian Hammond
3	Pendekatan Sebenar Dan Berorientasi Peserta	Model Penilaian Illuminative Parlett dan Hamilton Model Penilaian Responsif Stakes Model Penilaian Demokratik Model Penilaian Naturalis
4	Pendekatan Berorientasikan Kepakaran	Model Penilaian Eisner's Connoisseurship and Critism Formal Professional Review System Model Penilaian Kumpulan Akreditasi
5	Pendekatan Berorientasikan Pengurusan	Model Penilaian UCLA Alkin Model Penilaian Warr, Bird & Rackhman Model Penilaian KIPP

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9 Model-model Penilaian

Sesuatu model penilaian boleh menjadi satu panduan yang lengkap dan berguna dalam pelaksanaan penilaian program (Azizi et al., 2007). Model merupakan satu gambaran konseptual terhadap sebarang aktiviti yang dapat menonjolkan hubungkait antara pelbagai aspek yang terlibat dalam aktiviti tersebut (Nor Asimah, 2019). Model juga merupakan gambaran berbentuk konsep yang dapat menjelaskan hubungan antara sesuatu aktiviti dengan elemen-elemen lain yang berkaitan (Razali, 1992). Terdapat pelbagai jenis model yang dapat digunakan sebagai alat dalam penilaian sesuatu kurikulum atau program (Ghazali, 2010; Ornstein dan Hunkins, 2009; Abdul Rahim, 2007; Smith, 2001; Worthen & Sanders, 1997). Penilaian kurikulum mempunyai pelbagai pendekatan, yang akhirnya membawa kepada penggunaan pelbagai model penilaian oleh pakar kurikulum. Dalam penilaian sesuatu program atau kurikulum, terdapat banyak pendekatan dan model penilaian yang wujud. Kewujudan pelbagai model penilaian ini umumnya berkaitan dengan ideologi falsafah, gaya kognitif, keutamaan metodologi, nilai-nilai dan perspektif penilai (Tunc, 2010). Penggunaan model penilaian yang bersesuaian dengan kurikulum keusahawanan adalah penting supaya setiap komponen dalam kurikulum dapat dinilai secara menyeluruh seperti menilai aspek sumber, aspek pelaksanaan kurikulum dan aspek produk iaitu graduan yang dilahirkan.

Sorotan kajian menunjukkan bahawa tiada pendekatan yang terbaik untuk semua situasi. Sebaliknya, pendekatan terbaik hanya ditentukan mengikut faktor yang sesuai dengan kajian, keperluan dan sumber yang ada. Menurut Rogers dan Fraser, (2003) dalam Linzalone & Schiuma, (2015), berpendapat bahawa tidak perlu tertumpu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan hanya satu pendekatan penilaian, kerana penilaian mungkin boleh menggabungkan elemen pendekatan yang berbeza atau yang bersesuaian dengan kajian dan persekitaran. Berdasarkan kepada perbincangan pendekatan penilaian seperti di atas, seterusnya dibincangkan beberapa model penilaian yang terdapat dalam pendekatan model tersebut. Namun perbincangan secara mendalam dan menyeluruh adalah terhadap Model Penilaian KIPP sahaja sebagai model penilaian yang digunakan dalam kajian ini.

2.9.1 Model Penilaian Sokongan Stakes

Model penilaian ini telah dipelopori oleh Robert Stake pada tahun 1967. Model ini menyatakan terdapat dua kategori penilaian iaitu deskriptif dan penghakiman. Terdapat tiga tahap dalam penilaian ini iaitu penilaian data utama, penilaian data transaksi dan penilaian data hasil. Data utama merupakan pengajaran yang berhubungkait dengan hasil seperti pengetahuan sedia ada pelajar, pengalaman dan kemahiran. Data interaksi pula melibatkan data interaksi pelajar dengan tenaga pengajar, tenaga pengajar dengan ibu bapa dan pelajar dengan pelajar serta bersifat dinamik. Dengan menggunakan model ini, penyelidik perlu mengenal pasti rasional untuk menilai sesuatu program, dan mengenal pasti apakah objektif penilaian di peringkat data utama, data transaksi atau data hasil. Seterusnya penyelidik perlu mengumpul maklumat tentang standard data utama, data transaksi dan data hasil yang ingin dicapai. Langkah penilaian terakhir dalam model ini ialah mengenal pasti maklumat penghakiman atau keputusan akhir yang dicapai dalam ketiga-tiga tahap data penilaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.2 Model Penilaian Perbezaan Provus

Model ini adalah fokus terhadap perbezaan atau ketidaksuaian antara setiap komponen dan tahap dalam sesuatu program atau kursus. Komponen yang dinyatakan adalah seperti berikut:

i. Menentukan standard program.
ii. Menentukan pelaksanaan program.
iii. Membandingkan pelaksanaan dengan standard program.
iv. Menentukan sama ada terdapatnya perselisihan antara pelaksanaan.

Provus (1971) telah mengembangkan model penilaian dengan lima langkah perbandingan dalam membuat penilaian program. Langkah pertama ialah mereka bentuk program dan dibandingkan dengan standard program yang ditentukan berpandukan satu teori. Pengubahsuaian akan dilakukan jika ada perbezaan dengan teori yang dijadikan sumber panduan tersebut. Langkah kedua adalah berkaitan pelaksanaan, iaitu melaksanakan program dan membuat perbandingan dengan teori yang digunakan. Pengubahsuaian juga dilaksanakan sekiranya terdapat perbezaan pelaksanaan dengan teori yang dijadikan panduan. Langkah ketiga pula ialah berkaitan proses, iaitu pelaksanaan aktiviti dalam sesuatu program dibandingkan dengan aktiviti pelaksanaan yang dijadikan sumber panduan. Seterusnya tindakan pembetulan akan diambil jika terdapat perbezaan dalam perbandingan tersebut. Langkah keempat ialah produk iaitu hasil program dan pencapaian objektif program dihubungkan dengan objektif program yang dirancang. Langkah terakhir ialah membandingkan hasil produk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iaitu dengan membuat perbandingan hasil program yang dinilai dengan hasil program-program yang lain bagi menilai keberkesanan program yang direka bentuk.

2.9.3 Model Penilaian Matlamat Bebas Scriven

Model Penilaian Matlamat Bebas ini telah diperkenalkan oleh Scriven pada tahun 1972. Kaedah penilaian model ini adalah dengan mengkehendaki penilai untuk berada dalam program tersebut. Kemudian penilaian akan dilakukan tanpa bias dan hasil penilaian ini akan menentukan keputusan sama ada sesuatu program itu berjaya atau sebaliknya. Pada akhir proram yang dinilai, penyelidikan terhadap hasil atau *output* akan dilaksanakan. Model ini adalah berbentuk penilaian sumatif dan melibatkan proses pengumpulan data bagi keseluruhan program, aktiviti mendapatkan persetujuan terhadap akibat pelaksanaan program, memberi definisi kepada keperluan yang digambarkan dan membuat penilaian akibat terhadap keperluan yang digambarkan. Walaubgaimanapun, penyelidik tidak menggunakan Model Penilaian Matlamat Bebas Scriven sebagai model dalam kajian kerana kajian ini bukan bertujuan hanya menilai *output* semata-mata pada akhir program.

2.9.4 Model Penilaian Tyler

Model yang berbentuk terus atau langsung ini juga dikenali sebagai Model Penilaian Objektif. Prinsip dalam penilaian program model Tyler adalah termasuk mewujudkan matlamat dan objektif dan menentukan objektif melalui aspek tingkah laku, memilih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan mewujudkan pengalaman pembelajaran yang berguna untuk mencapai objektif, mengembangkan teknik pengukuran yang sesuai, menilai kurikulum dan membandingkan data dan hasil yang diharapkan (Foong, 2014). Oleh itu, penilaian kurikulum perlu jelas apakah tujuan penilaian dan perkara yang hendak dilakukan. Pendekatan yang dicadangkan oleh Tyler ialah mengenal pasti apakah tujuan atau matlamat pembelajaran. Matlamat atau tujuan diterjemahkan kepada objektif khusus yang berbentuk tingkah laku. Jika objektifnya tercapai, maka proses pengajaran itu telah menunjukkan kejayaan dan jika objektifnya tidak dapat dicapai sepenuhnya, bermakna terdapat kelemahan di peringkat pelaksanaan atau pun objektif yang dipilih itu tidak sesuai dengan tahap pelajar (Ahamad et al., 2010). Tyler mencadangkan empat langkah untuk pembinaan kurikulum, iaitu :

i. Menentukan tujuan pendidikan.
ii. Menentukan pengalaman pendidikan yang berkaitan dengan tujuan pendidikan.
iii. Menentukan pengalaman pembelajaran.
iv. Menentukan penilaian.

Tyler menekankan bahawa keputusan mengenai keberkesanan program itu adalah berdasarkan kesesuaian antara objektif program dan pencapaiannya. Kritikan terhadap Model Tyler ialah pendekatan penilaian ini hanya memberi tumpuan kepada objektif yang paling penting dan boleh dicapai dan mengabaikan kesesuaian objektif lain. Pendekatan Tyler cenderung untuk menilai kejayaan akhir dan benar-benar mengabaikan proses yang sama pentingnya dalam program pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.5 Model penilaian Kirkpatrick

Empat peringkat penilaian Kirkpatrick yang dibangunkan pada tahun 1959 pada mulanya digunakan untuk penilaian latihan korporat dan program pembangunan. Model ini memberi tumpuan kepada empat tahap penilaian iaitu reaksi, pembelajaran, tingkah laku dan hasil. Empat tahap penilaian perlu dihadiri dalam urutan berurutan. Tahap satu ialah reaksi yang berfokus dan merujuk kepada pendapat dan kepuasan peserta mengenai latihan yang diterima. Tahap yang kedua adalah pembelajaran, iaitu ukuran atau penilaian sejauh mana kemahiran, pengetahuan, nilai dan keupayaan yang diterima peserta. Tahap ketiga pula ialah tingkah laku, tahap ini menilai transformasi tingkah laku para peserta setelah menghadiri kursus, menunjukkan pengetahuan baru, kemahiran baru atau perubahan sikap positif yang diterjemahkan ke dalam situasi pekerjaan yang sekarang. Tahap yang terakhir ialah keputusan, tahap ini memberi tumpuan kepada hasil atau impak yang berlaku hasil daripada menghadiri sesuatu program (Owston, 2007). Jadual 2.4 menunjukkan ringkasan tahap penilaian Model Kirkpatrick.

Jadual 2.4

Tahap dan Fokus Penilaian Model Kirkpatrick

Tahap	Fokus Pengukuran
i. Reaksi	• Persepsi Pelatih Apakah pendapat pelajar berkenaan kurikulum?
ii. Pembelajaran	• Peningkatan Pengetahuan Apakah terdapat peningkatan pengetahuan setelah melalui kurikulum?
iii. Tingkah Laku	• Pelaksanaan Kerja Apakah pelajar menggunakan ilmu yang dipelajari dalam situasi sebenar?

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.4 *(sambungan)*

Tahap	Fokus Pengukuran
iv. Keputusan	• Impak Kepada Organisasi Apakah impak kurikulum kepada pelajar dan organisasi?

Model ini menyediakan rangka penilaian yang jelas. Penilaian menggunakan Model Kirkpatrick sentiasa bermula dengan tahap satu dan bergerak secara berurutan apabila mempunyai keperluan dan sumber kewangan. Maklumat yang diterima dari peringkat awal akan digunakan sebagai asas untuk melakukan penilaian di peringkat seterusnya. Terdapat kritikan mengenai model ini untuk mewujudkan hierarki untuk tahap yang berbeza, di mana keputusan pada tahap empat menunjukkan keputusan yang lebih penting daripada tahap yang lain. Pada hakikatnya, reaksi, pembelajaran dan tingkah laku adalah sama penting dalam penilaian menggunakan model ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Semakin meningkat tahap penilaian, proses akan menjadi lebih rumit dan banyak masa diperlukan dalam penilaian. Model ini dikatakan mudah untuk dilaksanakan dalam menilai tahap satu dan dua sahaja. Penilaian tahap tiga rumit untuk dilakukan kerana proses pemindahan ilmu yang dipelajari ketika latihan gagal untuk diaplikasikan di tempat kerja. Penilaian tahap empat pula sukar dijalankan kerana kemahiran yang diperoleh ketika menjalani latihan sukar untuk dihubungkan dengan hasil keputusan yang memerlukan pelbagai bukti (ASDC, 2003). Terdapat kelemahan Model Penilaian Kirkpatrick yang menjejaskan keupayaannya untuk menilai keberkesanan program kerana model ini membentangkan pandangan terhadap keberkesanan program yang terlalu mudah dan tidak mengambil kira faktor lain seperti individu, rakan sekerja, penyelia, persekitaran dan reka bentuk program yang boleh mempengaruhi keberkesanan latihan sebelum, semasa, atau selepas latihan (Reid, 2004; Rouiller & Goldstein, 1993).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.6 Model penilaian Logik

Antara model penilaian berasaskan objektif adalah model penilaian Logik. Model Penilaian Logik merupakan pendekatan sistematik yang selalu digunakan oleh penilai program dalam menyampaikan idea terutamanya terhadap elemen penilaian dan perancangan (Winsper et al., 2020). Model ini amat menitikberatkan kepentingan dalam menentukan impak terhadap penilaian yang dijalankan. Oleh sebab itu, penilaian ini lebih dikenali dengan penilaian berbentuk sumatif (Hudon et al., 2020). Model ini sangat praktikal dan mudah difahami dalam menentukan keberkesanan sesuatu program serta sering digunakan dalam proses perancangan. Fungsi utama model ini adalah menghuraikan hubungan antara sebab dan akibat dalam setiap perancangan.

Penilaian program menggunakan Model Logik juga menerangkan hubungan antara sumber yang dimiliki (input) seperti pekerja, masa, kewangan, peralatan, prasarana, bahan, teknologi, dan sumber-sumber lain yang diperlukan dalam pelaksanaan program. Seterusnya ia melibatkan perjalanan aktiviti berbentuk bengkel dan mesyuarat, pembuatan produk, pembangunan kurikulum, latihan staf, penerbitan, khidmat kaunseling, dan perkara-perkara lain yang melibatkan pembangunan program. Model ini mempunyai kelebihan bermula dengan menentukan pencapaian yang diperlukan oleh organisasi dan kemudian membuat refleksi ke belakang untuk mengenal pasti strategi dan sumber yang perlu digunakan untuk mencapai hasil yang ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.7 Model Penilaian Metfessel dan Micheal

Model Penilaian Metfessel dan Michael menekankan penentuan matlamat dan objektif pendidikan yang merupakan lanjutan daripada Model Penilaian Tyler (Ghazali Darusalam et al., 2017). Model Penilaian Metfessel dan Micheal ini amat menggalakkan proses pembelajaran dengan mengharapkan supaya matlamat dan objektif boleh disampaikan. Terdapat Lapan (8) langkah diperkenalkan dalam proses penilaian ini iaitu: (i) melibatkan warga pendidik sebagai fasilitator; (ii) merumuskan matlamat dan objektif program; (iii) menterjemah matlamat dan objektif program secara khusus serta boleh diaplikasikan dan diukur; (iv) memilih atau membina instrumen pengukuran; (v) membuat pemerhatian berkala; (vi) menganalisis data dengan menggunakan teknik yang sesuai; (vii) mentaksir data yang diperolehi; dan (viii) mencadangkan perubahan terhadap aspek program termasuk perubahan objektif dan matlamat program. (Fitzpatrick et al. 2004). Kesemua lapan proses ini akan dilakukan secara berulang sehingga selesai pelaksanaan program (Ghazali Darusalam et al., 2017).

Berdasarkan perbincangan di atas, penyelidik tidak menjadikan Model Penilaian Metfessel dan Michael sebagai model kajian atas sebab beberapa aspek seperti kekangan masa untuk melaksanakan lapan proses secara berulangan sehingga selesai satu-satu pelaksanaan program dan juga perlu melibatkan semua tenaga pengajar sebagai fasilitator.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.8 Model Penilaian Hammond

Pemikiran penilaian Tyler telah dikembangkan lagi oleh Hammond pada tahun 1973 dan Hammond telah memperkenalkan satu model penilaian yang diberi nama Model Hammond. Model ini memberi penekanan kepada penilaian objektif sesuatu program serta faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaiannya. Hammond menyatakan penentuan pencapaian objektif adalah penting dalam proses penilaian. Hammond memperkenalkan tiga dimensi model iaitu:

i. Institusi - meliputi enam pemboleh ubah iaitu profil pelajar, pengajar, pentadbir, pakar bidang, keluarga dan komuniti.
ii. Proses pengajaran - meliputi lima aspek utama iaitu organisasi, kandungan kursus, kaedah pengajaran, kemudahan dan peruntukan kewangan.
iii. Tingkah laku - melibatkan penilaian kejayaan atau kegagalan sesuatu program. Terdapat tiga aspek yang diberi tumpuan iaitu kognitif, afektif dan psikomotor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.9 Model Penilaian Illuminative Parlett dan Hamilton

Model penilaian yang diperkenalkan oleh Malcolm Parlett dan David Hamilton ini dibangunkan untuk mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan konteks sesuatu program dari pelbagai sudut dan peringkat, mengenal pasti kesesuaian teori dan praktikal dan memberi penerangan program yang dinilai secara menyeluruh. Penilaian illuminatif menggabungkan beberapa pendekatan termasuk kualitatif dan kuantitatif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan tidak hanya menggunakan kaedah analisis dokumen, temu bual atau pemerhatian dalam mendapatkan maklumat program (Shapiro et al., 1993).

Model ini dikembangkan dengan memberi penekanan kepada penerangan (*description*) dan tafsiran (*interpretation*) berbanding pengukuran dan ramalan, dengan berasaskan dua konsep utama iaitu sistem pendidikan dan persekitaran pembelajaran, menyelidik sesuatu program dari pelbagai perspektif, mencari jawapan bagaimana pengoperasian sesuatu program, bagaimana sesuatu program dipengaruhi oleh keadaan di mana ia dijalankan, apakah kelebihan dan kekurangan sesuatu program, bagaimana kesan pengetahuan dan pengalaman peserta program serta banyak lagi persoalan yang melibatkan sesuatu program pada setiap peringkat pelaksanaannya (Van Rensburg 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.10 Model Penilaian Responsif Stakes

Model Penilaian Responsif Stakes adalah berbentuk penyiasatan dengan menghasilkan bukti kualitatif dan meningkatkan kefahaman terhadap tingkah laku manusia, meningkatkan pemikiran holistik, memberikan maklumat kontekstual dan melibatkan perspektif masyarakat atau kumpulan sasaran (Abma 2005). Pendekatan model ini dibangunkan dengan memberi fokus kepada latar belakang, proses, standard piawaian, pertimbangan dan hasil. Oleh itu, Stake menyatakan penilaian adalah dengan membuat perbandingan antara perkara yang diperhati atau dilaksanakan dengan standard piawai yang ditetapkan. Dalam pendekatan penilaian ini, penilai berfungsi sebagai pemerhati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan berperanan sebagai pemungut data pada masa yang sama, selain penilaian model ini memerlukan masa yang panjang (Yahya et al., 2006).

Terdapat tiga aspek dalam pendekatan penilaian dalam model ini iaitu mewujudkan kepentingan sesuatu penilaian itu perlu dilakukan, menjalin hubungan dengan orang ramai untuk tujuan mendapatkan maklumat dan membuat keputusan sama ada sesuatu program itu berjaya atau gagal. Dalam model ini para *stake holder* perlu bertanggungjawab menyampaikan maklumat yang boleh membantu penilai melengkapi tujuan sesuatu pogram itu dinilai. Penilai tidak akan membuat sebarang cadangan, rumusan atau kesimpulan kerana ia menghalang maklumat dan interpretasi *stake holder*.

Menurut Stake (1967) lagi, penilaian mestilah memberikan fokus kepada hasil dan bukan mempertimbangkan sifat-sifat pendidikan yang kompleks dan dinamik. Kesimpulannya, berdasarkan model kajian yang dibincangkan di atas, penyelidik tidak menjadikan model penilaian responsif ini sebagai model kajian ini kerana ia memerlukan masa yang panjang. Selain itu penyelidik tidak bertujuan membuat penilaian perbezaan antara pemerhatian ke atas pelaksanaan program dengan standard piawai yang ditetapkan.

2.9.11 Model Penilaian Demokratik

Model penilaian ini adalah model penilaian yang dibangunkan untuk menyampaikan maklum balas kepada masyarakat yang terdiri daripada pelbagai budaya dan latar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

belakang. Model ini menekankan prinsip demokrasi, memerlukan penglibatan masyarakat dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan kepentingan masyarakat. Penilaian model ini juga menekankan nilai-nilai estetika, menentukan dan menghargai idea-idea bersama yang melibatkan pelbagai budaya dan latar belakang. Penyertaan semua pihak yang mempunyai pelbagai latar belakang ini dalam pemilihan kaedah penilaian, aspek budaya mesti dimasukkan ke dalam perkara yang hendak dinilai sebagai satu proses demokrasi pendidikan. Instrumen yang dihasilkan adalah standard dan bernorma (Amy 1991).

2.9.12 Model Penilaian Naturalis

Model penilaian Naturalis adalah satu pendekatan penilaian yang dibangunkan di Indiana tengah oleh sekumpulan penyelidik dan telah dijalankan di sekolah-sekolah, program-program berbentuk sosial, muzium dan program penjagaan kesihatan (Guba & Lincoln 1981; Wolf & Tymitz 1977). Model ini lebih menekankan kepada tujuan untuk menyelidik kelemahan atau kekurangan sesuatu program yang dijalankan dan mengenal pasti kaedah membuat penambahbaikan terhadap kelemahan tersebut. Oleh itu, langkah mengenal pasti perjalanan program dan mengapa ia dijalankan perlu dilakukan bagi mengetahui kelemahan dan cara memperbaiki kelemahan tersebut. Model ini mempunyai kelebihan dengan mengenal pasti pihak pengendali program yang terbaik dan tidak mendatangkan masalah (Guba & Lincoln 1981).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.13 Model Penilaian Eisner's Connoisseurship and Critism

Model Connoisseurship dan kritikan Eisner telah di aplikasikan dalam beberapa lapangan program bagi mencapai objektif dalam pendidikan seperti penilaian program pendidikan, kajian prestasi guru, kajian pendekatan etnografi, penilaian progam pelajar dan lain-lain (Norizzathy Agir & Mohd Effendi, 2022). Penilaian ini merangkumi empat aspek utama iaitu deskriptif, pentafsiran, penilaian dan tema seperti berikut:

i. Deskriptif (Keterangan atau Gambaran): menggambarkan proses pemilihan kursus dan pengajar berdasarkan ciri-ciri yang ditetapkan. Tiga pakar penilai akan menulis dan melaporkan tindakan, kriteria daripada pengalaman pelajar, pengajar dan pentadbir. Individu yang membaca laporan penilaian akan dapat membayangkan gambaran segala proses penilaian yang berlaku. Ini yang dimaksudkan dengan '*connoisseurship*' iaitu seni membangunkan persepsi dan penghargaan terhadap sesuatu yang kompleks. Penghargaan dalam konteks ini tidak bermaksud suka tetapi kesedaran untuk menekankan kriteria dan kualiti sesuatu program yang dilaksanakan (Eisner 1998).

ii. Pentafsiran: penilai menerangkan maksud sesuatu peristiwa yang digambarkan dan dilaporkan dengan terperinci bagi memberi kefahaman yang jelas secara konseptual. Inilah yang dimaksudkan dengan '*critism*' iaitu seni pendedahan diaplikasikan bagi memberi kritikan dalam menjalankan penilaian terhadap kualiti sesuatu perkara.

iii. Penilaian: penilaian bagi menguji keberkesanan kursus dilaksanakan dengan turut menitikberatkan keperluan program.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Tema: para peserta dimohon untuk menyatakan harapan mereka mengenai pembukaan pelajaran. Tema-tema yang muncul adalah sebagai hasil kepada penemuan yang diperoleh dan ditunjukkan secara visual.

Seperti model-model lain, model Eisner mempunyai kelebihan di mana model ini menekankan proses penilaian kesan seni di sebalik nilai estetika dalam kefahaman seni serta jelas menilai dan mentafsir perkara yang dinilai bagi mengembangkan persepsi dalam penilaian (Ghazali Darusalam et al., 2017). Kelemahan model ini pula boleh menjadi sangat membebankan terutamanya untuk mencapai hasil yang terbaik dalam penilaian juga menjadi satu cabaran kerana memerlukan nilai kepakaran dan kemahiran yang tinggi dalam melihat, memahami sesuatu yang kompleks dalam membuat sesuatu penilaian dan kos yang tinggi diperlukan untuk institusi mendapatkan khidmat pakar (Norizzathy Agir & Mohd Effendi, 2022).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.14 Model Penilaian Kumpulan Akreditasi

Akreditasi merupakan perakuan atau persijilan melalui proses tertentu oleh badan yang mempunyai autoriti. Badan ini memberikan perakuan secara formal bahawa institusi mempunyai kelayakan dan kompetensi untuk melaksanakan sesuatu pogram. Badan berautoriti ini berperanan untuk memastikan prosedur dipatuhi pada tahap yang terbaik, memastikan badan akreditasi yang dilantik melaksanakan tugas penilaian akreditasi dengan memenuhi keperluan standard antarabangsa yang telah digariskan. Badan akreditasi perlu bebas dan mempunyai kepakaran, menyampaikan perkhidmatan dalam masa dan kos yang paling berkesan (International Accreditation Forum, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Stufflebeam & Shinkfield (2007), tujuan penilaian ini adalah untuk memastikan sesebuah institusi mempunyai kelayakan dalam menyediakan perkhidmatan lebih-lebih lagi dalam aspek sumber manusia. Ini bagi memastikan penilaian yang dilaksanakan terhadap institusi atau program tertentu mematuhi standard prosedur yang telah ditetapkan. Perakuan yang diberikan kepada institusi akan menjadi bukti tahap kompetensi dan satu bentuk perlindungan kepada pelanggan (Prados et al., 2005).

Dalam konteks Malaysia, badan akreditasi penilaian yang biasa digunakan dalam penilaian program pendidikan adalah '*Malaysian Qualification Accredita*tion *(MQA)*'. MQA adalah satu badan yang memberi fokus jaminan kualiti terhadap bidang pendidikan terutamanya di peringkat pengajian tinggi Malaysia. MQA berperanan untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Framework, MQF*) sebagai landasan sistem jaminan kualiti bagi pengajian tinggi, titik rujukan kriteria dan standard kelayakan kebangsaan.

2.9.15 Model Penilaian UCLA Alkin

Terdapat lima tahap Penilaian UCLA Alkin (Nor Hayati & Bani Hidayat, 2017) iaitu:

i. *Systems Assessment* iaitu penyediaan maklumat-maklumat yang melibatkan dengan keadaan atau posisi sistem.
ii. *Program Planning* iaitu membantu dalam memilih program-program yang lebih khusus dan berkesan dalam melengkapi keperluan program tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. *Program Implementation* iaitu penyediaan maklumat berkaitan apakah program sudah diperkenalkan kepada kelompok sasaran yang betul seperti yang ditetapkan.

iv. *Program Improvement* menyediakan maklumat tentang fungsi sesuatu program, bagaimana perjalanan sesuatu program, apakah objektif dan tujuan yang telah ditetapkan, apakah perkara yang telah dilaksanakan untuk mencapai tujuan dan objektif tersebut dan apakah masalah yang berlaku dan perkara yang diperlukan.

v. *Program Certification* iaitu penyediaan maklumat-maklumat tentang nilai program dan adakah program tersebut mempunyai potensi untuk diteruskan atau dilaksanakan di tempat lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.16 Model Penilaian Warr, Bird & Rackhman

Model Penilaian Warr, Bird & Rackhman ini diperkenalkan untuk menilai pengurusan latihan yang melibatkan empat aspek latihan (Hogon, 2007). Empat aspek tersebut ialah:

i. Konteks (*Context*) melibatkan keperluan latihan, tujuan latihan, keadaan organisasi dan sebagainya.

ii. Input (*Input*) melibatkan reka bentuk dan pelaksanaan aktiviti, kewangan, penglibatan peserta dan masa.

iii. Tindak balas (*Reaction*) iaitu melibatkan capaian maklumat, penggunaan maklumat, kualiti, pengalaman dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Hasil (*Outcome*) iaitu prestasi dan pencapaian daripada aktiviti dan ia melalui tiga proses penilaian iaitu segera (*immediate*), pertengahan (*intermediate*) dan muktamad (*ultimate*).

Penilaian segera (*immediate*) menilai sikap pelatih sama ada sebelum atau selepas latihan berdasarkan perubahan dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap seseorang pelatih. Penilaian peringkat pertengahan (*intermediate*) adalah berasaskan kepada hasil latihan terhadap prestasi kerja pelatih tersebut dan apa yang diperoleh ketika latihan dilaksanakan di tempat kerja. Penilaian peringkat muktamad (*ultimate*) pula ialah melihat pencapaian sesebuah organisasi atau jabatan secara keseluruhan berdasarkan latihan yang telah dilaksanakan (Santos & Stuart 2003; Tennant et al., 2002).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.10 Penggunaan Model KIPP Dalam Penilaian Kurikulum Keusahawanan


Model Penilaian KIPP telah dibangunkan oleh Daniel Stufflebeam pada akhir 1960-an untuk menilai dan melakukan penambahbaikan program di sekolah. Setelah bertahun-tahun model ini digunakan, telah banyak penambahbaikan yang dilakukan apabila telah melalui pelbagai penilaian program seperti program kesihatan, program sosial, pembinaan, kejuruteraan dan pendidikan selama bertahun-tahun. Ia adalah satu model yang komprehensif dan popular untuk penilaian program pendidikan. Model ini telah banyak digunakan oleh pihak sekolah, institusi pendidikan, universiti dan pelbagai organisasi (Stufflebeam, 2003). Model KIPP berfungsi membuat penilaian untuk kemajuan dan keberkesanan program, ini kerana pentadbir atau pegawai yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertanggungjawab tidak akan membuat penambahbaikan sesuatu program dan kurikulum kecuali mereka dapat menganalisis kelemahan dan kekuatan sesuatu program yang dijalankan (Stufflebeam, 2003). Model KIPP berfungsi sebagai model untuk menambahbaik sesuatu program dan bukan sebagai alat pembuktian (Stufflebeam, 2003).

Ketika *Annual Conference of the Oregon Program Evaluators Network (*OPEN) pada 10 Mac 2003, Stufflebeam (2003) telah membentangkan Model KIPP versi 2003. Model ini mengandungi lapan komponen asas penilaian seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.2 di bawah:



Rajah 2.2. Komponen Penilaian KIPP dan Perkaitannya dengan Penilaian Kurikulum (Stufflubeam, 2003)

Rajah 2.2 di atas adalah menunjukkan 3 bulatan utama di mana bulatan yang paling tengah menunjukkan bulatan utama yang membawa nilai utama dan asas bagi sesuatu kurikulum atau program yang dinilai. Nilai merupakan idea utama yang telah dikenal pasti oleh individu, kumpulan atau komuniti (Stufflubeam, 2003). Kurikulum perlu mempunyai komponen-komponen yang mampu menterjemahkan elemen-elemen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut. Oleh itu, pentingnya nilai teras iaitu pada bulatan yang paling tengah ini dikenalpasti supaya penggubal kurikulum dapat memastikan agar kurikulum kursus yang dijalankan dapat melahirkan graduan yang berupaya menterjemahkan aspirasi pendidikan negara. Bulatan yang mengelilingi nilai utama ini dibahagikan kepada empat bahagian penilaian iaitu matlamat, perancangan, pelaksanaan dan hasil. Keempat-empat bahagian penilaian ini akan dinilai sebagai parameter atau pembolehubah utama penilaian kursus. Ia berhubung terus kepada bulatan di luar yang mendasari Model KIPP iaitu konteks, input, proses dan produk.

Definisi penilaian menurut model KIPP adalah proses menggambarkan, memperoleh, menyediakan dan menggunakan maklumat serta menilai beberapa matlamat program, reka bentuk, pelaksanaan, dan hasil untuk membimbing dalam membuat keputusan penambahbaikan, menyediakan akauntabiliti laporan, membuat pemakluman kepada institusi atau sebaran keputusan, dan meningkatkan kefahaman terhadap situasi yang berlaku. Menurut Stufflebeam (2003), kesimpulan ini berfokus kepada penilaian KIPP sebagai proses bimbingan untuk membuat keputusan, menyediakan rekod, memaklumkan keputusan penilaian dan menyebarkan hasil penilaian program serta memberi penerangan berkenaan program yang dinilai.

2.10.1 Dimensi Penilaian Konteks

Penilaian konteks menilai elemen-elemen awal dan objektif dalam sesuatu kurikulum. Penilaian konteks menilai keperluan, masalah, dan peluang untuk membantu mengenal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pasti matlamat dan hasil sesuatu program (Stufflubeam, 2003). Ia menimbulkan isu-isu, mendedahkan masalah-masalah dan menentukan had-had dalam membangunkan sesuatu program. Tujuan utama penilaian ini ialah untuk mengukur, menterjemahkan, dan mengesahkan perjalanan sesuatu program (Azizi Yahaya, 2001). Penilaian konteks adalah untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan seperti institusi, program yang ingin dinilai, sasaran populasi atau individu dan juga untuk menjadi garis panduan dalam membuat sesuatu perubahan. Keputusan yang diperoleh dalam penilaian konteks merupakan asas untuk memperbaiki objektif yang sedia ada dan menentukan sesuatu perubahan itu perlu dilakukan atau tidak. Dalam penilaian ini kesesuaian objektif kurikulum pendidikan keusahawanan terhadap objektif program dikaji.

Penilaian konteks juga melibatkan penilaian terhadap kepentingan program dan tujuannya adalah untuk menentukan maklumat yang relevan, memberi tumpuan kepada keperluan dan peluang yang tidak dipenuhi, dan menganalisis sebab-sebab keperluan yang tidak dipenuhi (Farsi & Sharif, 2014; Stufflebeam, 2003; Stufflebeam, 2002). Penilaian konteks adalah merupakan satu cara untuk memberi maklumat dan menentukan cara menentukan sumber untuk memenuhi objektif program atau kurikulum (Fatimah Tambi, 2009). Dalam kajian ini, ia menilai aspek-aspek khusus dalam kurikulum keusahawanan yang boleh memberi maklum balas kepada pihak pelaksana yang mengawal dan menguruskan kurikulum.

Bagi kurikulum keusahawanan, penilaian konteks menilai bagaimana objektif kurikulum dibentuk berdasarkan kepada keperluan semasa dalam dunia perniagaan dan keusahawanan semasa. Setiap kursus mempunyai matlamat dan objektif yang berbeza mengikut disiplin atau bidang kursus. Sebagai contoh, dalam bidang keusahawanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digital, isu-isu berkaitan perniagaan melalui internet, perniagaan tanpa kedai dan kaedah pemasaran secara atas talian merupakan beberapa faktor yang membantu dalam menetapkan objektif dan matlamat kurikulum. Selain itu, penilaian juga dijalankan bagi melihat sejauh mana objektif kurikulum keusahawanan mencapai matlamatnya.

2.10.2 Dimensi Penilaian Input

Komponen kedua model KIPP, penilaian input dirancang untuk memberikan maklumat dan menentukan cara menggunakan sumber untuk memenuhi objektif kurikulum. Penilaian input tertumpu kepada perancangan, strategi, prosedur dan sumber yang terlibat dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program (Ornstein & Hunkins, 2009; Stufflubeam, 2003). Penilai input menilai keupayaan penyelidik untuk menjalankan tugas penilaian, merancang strategi yang dicadangkan untuk mencapai matlamat kurikulum pendidikan keusahawanan dan mengenal pasti strategi terbaik yang akan dilaksanakan. Input menilai aspek-aspek khusus dan komponen tertentu dalam kurikulum. Ia menangani soalan-soalan berikut: Adakah isi kandungan kurikulum dinyatakan dengan sewajarnya? Adakah kandungan kurikulum bersesuaian dengan objektif Kolej Komuniti? Adakah kandungan kurikulum itu bersesuaian dengan objektif program? Adakah strategi pembelajaran dan pengajaran sesuai? Adakah strategi lain wujud yang dapat membantu memenuhi objektif kurikulum? (Tunc, 2010).

Penilaian input mengukur keupayaan sistem dan input-input dari segi strategi dan sumber. Penilaian ini digunakan untuk menyusun keputusan dan menjadi panduan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk memilih strategi program dan perubahan-perubahan yang hendak dilakukan. Perkara-perkara yang ditekankan dalam penilaian dimensi input ialah:

i. Perancangan sesuatu prosedur dan perbelanjaan yang digunakan untuk memenuhi sesuatu kehendak.
ii. Tahap penggunaan yang boleh diterima dan ada potensi untuk berjaya dalam memenuhi sesuatu kehendak.

(Azizi Yahaya, 2001)

Dalam perancangan sesuatu kurikulum, keyakinan guru untuk mengajar dan sikap guru terhadap perubahan perlu juga diambil kira kerana guru merupakan sumber yang penting untuk menentukan kejayaan kurikulum tersebut. Kejayaan sukatan pelajaran baru bergantung besar kepada keupayaan guru untuk melaksanakannya dengan penuh semangat dan dedikasi (Mak Soong Sang, 2008). Oleh itu, guru sepatutnya memahami terlebih dahulu tentang sesuatu kurikulum dari segi matlamatnya. Justeru dalam penilaian input, kajian terhadap persepsi, sumber, kesediaan bahan PdP guru perlu dijalankan. Selain itu penilaian input juga melibatkan sumber seperti kewangan, fasiliti, peralatan pengajaran dan kemudahan prasarana yang digunakan. Penilaian input juga melihat dalam aspek isi kandungan kurikulum termasuklah bahan rujukan yang digunakan (Abdul Rahim, 2007).

Kurikulum keusahawanan yang baik memerlukan perancangan pembangunan kurikulum yang baik, jika dilaksanakan dengan betul, akan memberi manfaat kepada pelajar dan pensyarah Kolej Komuniti. Kaedah yang digunakan untuk melaksanakan penilaian input termasuk inventori dan menganalisis kemudahan dan bahan yang ada,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

belanjawan yang dicadangkan, aktiviti keusahawanan, strategi penyelesaian yang disyorkan dan reka bentuk pelaksanaan program. Kriteria penilaian input dalam kategori sumber melibatkan infrastruktur seperti kelas, bahan audio dan bantuan video, bilik khas, makmal keusahawanan, perpustakaan, bengkel, dan lain-lain adalah kemudahan fizikal yang penting (Rooholamini et al., 2017; Patel & Kalekar, 2015).

2.10.3 Dimensi Penilaian Proses

Di peringkat penilaian proses, penyelidik memantau proses-proses yang terlibat semasa program atau kurikulum itu sedang berjalan sama ada ia dilakukan atau tidak (Stufflebeam & Coryn, 2014). Tujuan penilaian secara proses dibuat untuk mencapai matlamat dan objektif program. Penilaian proses tertumpu kepada pelaksanaan program (Ornstein & Hunkins, 2009; Stufflubeam, 2003). Penilaian proses penting untuk melihat adakah apa yang dilaksanakan selari dengan apa dirancang. Maklumat ini perlu diketahui dari semasa ke semasa untuk mengawal pelaksanaan program (Azizi Yahaya, 2001).

Perkara pertama yang dilihat dalam penilaian proses ialah dalam aspek pelaksanaan objektif. Bagaimanakah aspek pelaksanaan konsep falsafah kurikulum diintegrasikan dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Ini termasuk menilai aspek kefahaman guru terhadap objektif, tujuan dan kurikulum. Menurut Mak Song Sang (2008), guru hendaklah terlebih dahulu menghayati dan memahami falsafah dan matlamat kurikulum bagi supaya kurikulum dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Objektif utama penilaian proses termasuk memastikan pelaksanaan proses dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberi maklum balas mengenai sejauh mana kegiatan yang dirancang telah dijalankan dan sama ada penyelarasan atau semakan semula perancangan kurikulum diperlukan (Zhang et al., 2011; Stufflebeam & Shinkfield, 2007; Azizi Yahaya, 2001). Penilaian proses ini berfungsi melaksanakan keputusan yang terbaik dan juga sebagai pemantauan sesuatu kurikulum yang sedang berjalan. Maklumat mengenai pencapaian sesuatu kurikulum adalah mustahak semasa kurikulum itu berjalan. Tujuan utama penilaian ini ialah untuk menilai sejauh mana sesuatu program itu dapat memenuhi kehendak sesuatu kumpulan.

Secara keseluruhan, penilaian proses melihat pembuat keputusan dalam sesebuah organisasi akan menilai tindakan dan pelaksanaan yang sedang dicapai (Farsi & Sharif, 2014; Tan et al., 2010). Selain itu penilaian proses juga bertujuan untuk menilai adakah kurikulum kursus responsif kepada kepelbagaian keperluan dalam dunia keusahawanan semasa. Perkara-perkara lain yang boleh dinilai dalam penilaian proses ialah aspek pelaksanan silibus, kaedah PdP, kaedah pentaksiran pelajar dan pencerapan pembelajaran.

2.10.4 Dimensi Penilaian Produk

Penilaian produk tertumpu kepada hasil program setelah ia tamat dilaksanakan. Penilaian produk melihat adakah matlamat, objektif serta hasil pembelajaran kursus dicapai di akhir kursus. Tujuan utama penilaian produk ialah memastikan sejauh mana keperluan semua peserta dipenuhi (Stufflebeam & Coryn, 2014; Zhang et al., 2011). Menurut Azizi Yahaya (2001), penilaian ini adalah untuk mengaitkan matlamat,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konteks, input dan proses dengan hasil program. Ia juga adalah pengumpulan data untuk menentukan sejauh mana objektif kurikulum dapat dicapai dan menilai setakat mana sesuatu perubahan dalam kurikulum itu berjaya. Menurut Stufflebeam dan Shinkfield (2007), tiap-tiap bahagian penilaian memerlukan tiga jenis aktiviti iaitu mengumpulkan sebanyak maklumat yang mungkin, mengorganisasikan maklumat yang dikumpulkan dan menganalisis maklumat dengan menggunakan kaedah pengukuran dan statistik. Selepas mendapat maklumbalas daripada penilaian produk, langkah seterusnya ialah melaporkan maklumat yang telah dianalisis kepada pihak yang terlibat supaya keputusan dapat dibuat. Penilaian produk menyediakan penilaian dengan maklumat yang membolehkan pihak terlibat membuat keputusan sama ada untuk meneruskan, menamatkan atau mengubah suai program atau kurikulum tersebut (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016; Farsi & Sharif, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian produk juga melihat aspek keberhasilan pelajar termasuklah daripada aspek motivasi pelajar, kesediaan pelajar menjadi usahawan dan dalam aspek pengetahuan dan kemahiran. Pemilihan Model Penilaian KIPP didapati sesuai dalam melaksanakan penilaian kurikulum keusahawanan kerana ia mengandungi semua komponen penting dalam penilaian sesebuah kurikulum (Stufflebeam, 2003). Justeru ia akan dapat membantu penggubal kurikulum, pihak kementerian membuat keputusan sama ada kurikulum yang ada sekarang perlu diteruskan, dipinda atau ditambahbaik dengan kurikulum yang menepati aspirasi kementerian dan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.11 Model Penilaian KIPP Dalam Kajian Lepas

Model KIPP telah digunakan oleh ramai penyelidik dan penilai dalam membuat penilaian keberkesanaan program dan kurikulum di institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara. Ini disebabkan model ini direka bentuk untuk tujuan penambahbaikan serta membuat keputusan berkaitan dengan sesuatu kursus, program atau kurikulum (Ghazali, 2010; Singh, 2004; Stufflebeam & Shinkfield, 1985). Muhammad (1997) telah menggunakan model KIPP untuk menilai keberkesanan program Diploma Pendidikan di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya melalui kajian kualitatif. Tan (1998) pula telah menggunakan model KIPP dalam menilai keberkesanan subjek Sains dalam Program Latihan Guru (KPLI) dengan kombinasi kaedah kuantitatif dan kualitatif. Sementara Rosnani dan Sahari (1998) dalam kajian tindakan yang menggunakan model KIPP dalam menilai keberkesanan program halaqah ta'aruf (Program Orientasi untuk pelajar baru di Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).

Zainora (2015) menggunakan model KIPP dalam kajiannya berkaitan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Qiraat di Darul Quran dan Maahad Tahfiz Al-Quran di Malaysia. Kajian ini melibatkan 46 orang pensyarah dan 136 orang pelajar semester 6 yang mengikuti Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat JAKIM. Kajian ini menggunakan dua set soal selidik yang diedarkan kepada pensyarah dan pelajar untuk mendapatkan data penilaian kurikulum, kandungan serta pelaksanaan kurikulum qiraat dan satu set ujian shafawi qiraat juga digunakan untuk memperoleh data penilaian pencapaian. Dapatan penilaian pelaksanaan kurikulum qiraat menunjukkan bahawa dalam dimensi proses hanya kaedah Qiraat ‘Ilm dan kaedah Qiraat Amali berada pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tahap tinggi tetapi penggunaan ABM yang berbentuk ICT dan elektronik berada pada tahap sederhana rendah. Hanya elemen penggunaan buku teks atau buku rujukan serta papan tulis berada pada tahap tinggi. Begitu juga dengan dapatan penilaian tahap pencapaian qiraat berada pada tahap sederhana rendah.

Manakala Azizi (2001) telah menggunakan model KIPP ini untuk menilai kurikulum Kemahiran Hidup di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Dengan menggunakan model ini beliau telah berjaya mengenal pasti beberapa kelemahan dan kekuatan sesuatu pembolehubah dalam setiap dimensi. Hasil kajian tersebut telah digunakan untuk membuat keputusan bagi meneruskan pelaksanaan kurikulum matapelajaran tersebut serta beberapa cadangan penambahbaikan pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga kajian penilaian KIPP yang telah dilaksanakan oleh Nil Farakh (2015) berkaitan Sastera Bahasa Inggeris: Menilai kesesuaian untuk semester satu, Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) TESL telah menunjukkan bahawa penawaran kursus sastera dalam Semeter Pertama Program PISMP TESL adalah penting kepada pelajar. Seramai 120 orang reponden telah terlibat dalam kajian ini yang menggunakan penyelidikan Kajian Keratan Rentas. Data kajian dianalisis menggunakan analisis deskriptif untuk mendapatkan frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai. Kajian ini mendapati bahawa semua konstruk (kepentingan kurikulum, penggunaan peralatan ICT dalam kuliah, proses pembelajaran, proses pentaksiran, bimbingan puisi dan cerita pendek) telah mendapat penilaian pada tahap yang tinggi oleh pelajar. Dapatan ini menunjukkan kurikulum ini sesuai dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya ialah kajian yang bertajuk Penilaian Pelaksanaan Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Malaysia oleh Nor Hasnida (2015). Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui soal selidik yang melibatkan seramai 776 orang guru di sekolah rendah dan menengah di negeri Kelantan. Semua dimensi penilaian telah diukur menggunakan soal selidik yang dibangunkan oleh penyelidik. Hasil kajian menunjukkan dimensi input telah mencapai hasil yang diinginkan. Dimensi proses masih boleh dipertingkatkan lagi dan dimensi produk menunjukkan bahawa keperluan para peserta telah dipenuhi sebahagiannya.

Kajian yang dijalankan oleh Sharifah (2017) berkaitan Kerangka Penambahbaikan Pelaksanaan Program Diploma Kejuruteraan Mekatronik Di Politeknik Malaysia juga menggunakan model KIPP sebagai model penilaian kajian. Hasil analisis menunjukkan tahap kesesuaian dimensi konteks terhadap elemen program adalah tinggi. Dapatan kajian mengenai tahap keselarian elemen program dalam dimensi input adalah sederhana bagi dua elemen iaitu pengetahuan dan kemahiran pensyarah dan kelengkapan peralatan PdP. Pada dimensi proses, tahap perlaksanaan elemen program adalah tinggi bagi dua elemen iaitu proses pengajaran dan pembelajaran dan kaedah penilaian. Namun begitu bagi elemen penggunaan kemudahan dan peralatan pengajaran dan pembelajaran adalah di tahap sederhana. Bagi dimensi produk, tahap keberkesanan elemen program berdasarkan persepsi graduan dan majikan adalah pada tahap sederhana.

Seterusnya kajian Penilaian Kurikulum Sains yang dijalankan oleh Fauziah (2016) telah menggunakan model KIPP. Kajian ini dijalankan di Institut Pendidikan Guru (IPG) di Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada 105 pensyarah Sains yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkhidmat di 20 buah IPG yang menawarkan pengkhususan Sains di seluruh Malaysia. Kajian ini menunjukkan pengaruh secara bersama dimensi konteks, input dan proses terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan Kurikulum Sains oleh pensyarah Sains adalah lebih baik berbanding dilaksanakan secara terpisah. Kajian mendapati setiap dimensi mempunyai elemen yang signifikan yang boleh membantu pelaksanaan kurikulum Sains PISMP secara maksimum.

Kajian Penilaian Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Matematik (PISMP) menggunakan Model KIPP yang dijalankan oleh Syed Khalid (2018) pula telah memfokuskan terhadap aspek kesesuaian kurikulum, kemudahan alat pembelajaran, sokongan pembelajaran, sumber pembelajaran, kualiti PdP, proses pentaksiran, tahap kemahiran, ilmu pengetahuan dan tahap kepuasan guru pelatih terhadap program. Kajian ini telah menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif yang merupakan satu penyelidikan gabungan. Keseluruhan populasi guru iaitu seramai 187 orang guru pelatih PISMP Matematik telah terlibat menjadi responden untuk menjawab soalan soal selidik. Bagi mendapatkan data persepsi guru pelatih terhadap pelaksanaan program PISMP Matematik di Institut Pendidikan Guru (IPG), kaedah tinjauan dan temu bual digunakan di lima buah IPG di Zon Utara. Temu bual separa struktur telah digunakan melibatkan lima orang guru pelatih. Dapatan kajian ini menunjukkan beberapa konstruk yang dinilai oleh responden adalah tinggi iaitu aspek kesesuaian kurikulum, aspek kemudahan asas, aspek sokongan pembelajaran, aspek kualiti pengajaran, aspek pentaksiran, aspek pengetahuan, aspek kemahiran dan aspek kepuasan guru pelatih. Manakala aspek sumber pendidikan yang disediakan oleh IPGM adalah pada tahap yang sederhana. Untuk mengkaji kesan pengaruh antara konstruk, ujian Regresi Berganda digunakan dan mendapati terdapat pengaruh kemudahan asas,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sokongan pembelajaran, sumber pendidikan, kualiti pengajaran, dan pentaksiran terhadap ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepuasan.

Kajian lain yang menggunakan Model Penilaian KIPP ialah kajian yang bertajuk Penilaian Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPG) oleh Mohd Zailani (2019). Fokus kajian ini adalah terhadap dimensi konteks, dimensi input, dimensi proses dan dimensi produk. Selain itu kajian ini juga dilaksanakan bagi menentukan perbezaan produk berdasarkan zon dan menentukan pengaruh dimensi konteks, dimensi input dan dimensi proses terhadap produk PISMP Pendidikan Islam. Bagi mendapatkan data daripada guru pelatih, kaedah penyelidikan gabungan (*Mixed Method*) dengan menggunakan instrumen soal selidik, temu bual, analisis dokumen dan senarai semak pakar telah digunakan dalam kajian ini. Manakala maklum balas bagi mendapatkan data kuantitatif telah menggunakan set soal selidik yang diperoleh daripada 305 orang guru pelatih, 96 orang pensyarah dan 7 orang pakar penilaian. Semakan dokumen dan temu bual terhadap 11 orang responden telah dijalankan bagi mendapatkan data kualitatif. Hasil kajian menunjukkan beberapa aspek dalam dimensi konteks, dimensi input dan dimensi proses adalah baik, namun terdapat penambahbaikan yang masih boleh dilakukan. Seterusnya kajian ini mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek pengetahuan kurikulum berdasarkan zon, namun tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap pengetahuan pedagogi, kemapanan pembentukan sikap, kebolehpindahan kemahiran dan impak kepuasan program berdasarkan dimensi produk. Manakala peramal pedagogi abad ke-21, pelaksanaan kerja kursus atau projek, amalan profesional dan kesesuaian kandungan kurikulum telah memberi kesan pengaruh terhadap hasil produk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kajian-kajian yang lalu, menunjukkan bahawa para pengkaji terdahulu telah memilih untuk menggunakan model Penilaian KIPP kerana mereka yakin dengan kemampuan model penilaian KIPP dalam menilai pelaksanaan sesuatu program pendidikan dengan berkesan.

2.12 Tinjauan Terhadap Sub Konstruk Dalam Kajian

2.12.1 Kepentingan, Objektif, Struktur Penyampaian dan Pentaksiran Kurikulum

Sesuatu kurikulum yang ditawarkan kepada pelajar pastinya mempunyai kepentingan tersendiri. Bagi memastikan sesuatu program dapat diimplementasikan dengan baik dan berkesan maka matlamat dan objektifnya seharusnya dirancang dengan baik serta teratur. Di samping itu pelaksana kurikulum juga perlu memahami dengan jelas tentang objektif kurikulum agar mereka dapat memahami kurikulum tersebut dengan baik dan mengetahui haluan dan sasaran kurikulum yang hendak dicapai. Dalam hal ini objektif dan matlamat diletakkan sebagai piawai kejayaan dan kegagalan sesuatu kurikulum (Zawawi, 2008). Perkara utama dalam sesebuah kurikulum adalah kebolehcapaian objektif dan matlamat yang ditetapkan kerana kurikulum berperanan penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran (Ornstein & Hunkins, 2009). Selain itu program pendidikan dan pembelajaran yang asas, selalunya memberi fokus dalam objektif dan keseluruhan proses pengajaran terutama terhadap kemahiran praktikal dan ilmu asas (Fauziah, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya Suzana dan Jamil (2012) menyatakan bahawa struktur dan kaedah pentaksiran yang dinyatakan dalam rangka kursus atau kurikulum harus difahami oleh pelajar. Ini termasuk struktur penyampaian kurikulum yang terkandung dalam dokumen kurikulum seperti sinopsis kursus, senarai rujukan dan rasional pelaksanaan kursus juga ada dinyatakan dalam rangka kurikulum dengan jelas. Begitu juga dengan struktur pentaksiran seperti kaedah penilaian, jumlah penilaian dan peratus pemarkahan perlu dinyatakan dengan jelas dalam rangka kurikulum.

2.12.2 Isi Kandungan Kurikulum dan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Isi kandungan kurikulum dapat menarik minat dan mendorong pelajar terhadap sesuatu subjek atau kurikulum (Nurzulaikha & Noor Aslinda, 2021). Isi kandungan yang sesuai dari aspek teori mahupun praktikal berperanan dalam menentukan kejayaan sesuatu kurikulum (Mumtaz et al., 2016; Kolb, 2014). Dalam pelaksanaan kurikulum, kefahaman pensyarah untuk menyediakan bahan PdP membawa kesan positif dalam proses pembelajaran (Rosni Zamuddin & Emy Shafinaz, 2010). Tujuan penggunaan bahan PdP adalah untuk melancarkan proses penyampaian ilmu antara guru atau pensyarah kepada pelajar dan seterusnya dapat meningkatkan tahap penguasaan kefahaman pelajar untuk memahami isi kandungan kurikulum dengan lebih jelas dan berkesan (Winkel, 2007). Kurniawan et al. (2015) menyatakan bahan PdP digunakan agar guru atau pensyarah lebih cekap dalam menyampaikan isi kandungan pembelajaran. Penggunaan bahan PdP dalam proses pembelajaran dan pengajaran akan mewujudkan suasana kelas yang lebih efektif (Cassidy, 2004). Oleh itu, dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyediakan bahan PdP, pensyarah dapat meneliti tahap keberkesanan sesebuah bahan, ciri-ciri yang diperlukan untuk mereka menyediakan sesuatu bahan PdP yang berkesan.

Pelbagai bentuk bahan PdP yang boleh meningkatkan kefahaman serta pencapaian pelajar mengikut sesuatu topik yang mereka pelajari. Setiap pensyarah adalah sebagai fasilitator yang mana mereka harus ketahui dan memahami bagaimana sesuatu kaedah atau teknik itu dapat membantu dalam proses PdP serta merancang proses PdP berorientasikan pelajar (Zainal Azir, 2017). Bahan PdP didefinisikan sebagai alat pembelajaran dan pengajaran yang berungsi untuk memudahkan pencapaian tujuan pembelajaran (Saifuddin & Muhammad Idham, 2017). Selain itu, bahan PdP juga dimaksudkan dengan kelengkapan yang digunakan oleh guru untuk membantu dalam proses pengajaran. Bahan PdP merangkumi semua benda yang boleh digunakan, dilihat, dipegang, didengar, dibaca, dihidu dan sebagainya (Nur Syafiqah & Nurul Nazirah, 2018). Secara ringkas ia merujuk kepada peralatan atau bahan yang digunakan oleh guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Penggunaan buku teks, papan putih dan pen marker sahaja tidak mencukupi sebagai kaedah pengajaran pensyarah dalam proses PdP, bahkan pensyarah atau guru perlu menggunakan teknologi dalam proses PdP bagi meningkat minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran yang dipelajarinya serta kaedah tersebut juga merupakan pembelajaran secara interaktif terhadap pelajar (Noor Azlan & Nurdalina, 2010). Oleh itu, kaedah dan teknik PdP sahaja tidak mencukupi dan menjamin berlakunya proses PdP dengan jayanya dan berkesan terhadap objektif pengajaran tanpa menggunakan bahan PdP yang berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.12.3 Kemudahan Prasarana

Faktor dalam menyediakan kemudahan prasarana oleh institusi pendidikan boleh menyumbang impak terhadap pencapaian pelajar. Antara keperluan kemudahan prasarana yang boleh disediakan oleh institusi pendidikan adalah seperti perpustakaan, bilik kuliah, kemudahan aktiviti (Sepideh et al., 2013). Terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji berkaitan kemudahan prasarana antaranya kajian yang dilaksanakan di dua buah Kolej Komuniti iaitu Kolej Komuniti Paya Besar oleh Wong (2021) dan Kolej Komuniti Kuala Langat oleh (Siti Nor Hayati & Karimah, 2018). Beberapa kajian di institusi Pendidikan lain seperti kajian oleh Syed Khalid (2018) dan kajian Mohd Zailani (2019) yang mendapati kemudahan prasarana di institusi pendidikan masing-masing adalah pada tahap sederhana dan tinggi. Kajian lain adalah kajian yang dilakukan Che Nidzam et al. (2013) di mana dapatan keseluruhan tahap kemudahan prasarana adalah sederhana. Namun begitu terdapat juga kajian yang dijalankan oleh Anantha Raj dan Abdul Ghani (2012) yang mendapati pelajar tidak berpuashati dengan penyediaan kemudahan seperti kemudahan bilik kuliah dan kafe oleh institusi pendidikan.

2.12.4 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Gaya pengajaran mempunyai kesan langsung terhadap pembelajaran dalam kelas. Guru akan menentukan cara pengajaran dalam kelas, cara pengurusan pelajar, peranan dalam kelas dan akhirnya berperanan menyampaikan kurikulum sesuatu subjek yang diberikan. Pada dasarnya, gaya pengajaran memainkan peranan utama dalam meraikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perbezaan tahap pelajar melalui arahan dan prosedur yang berbeza untuk memastikan setiap pelajar mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Arahan dan pendekatan pengajaran yang berbeza-beza tidak dapat dilakukan kecuali guru menggunakan kaedah pembelajaran yang pelbagai untuk menyesuaikan arahan kepada pelbagai gaya pengajaran dan pembelajaran (PdP) (Shawer, 2017). Ini bermakna, guru atau pensyarah memerlukan lebih daripada satu pendekatan PdP untuk mencapai satu hasil pembelajaran contohnya, mengunakan pendekatan secara visual, auditori dan kinestetik (Paolini, 2015).

Walaupun pelbagai pendekatan dalam proses PdP, kebanyakan pendekatan tersebut mewakili pendekatan berpusatkan guru atau berpusatkan pelajar (Quinonez, 2014; Conti, 2004). Arahan yang berpusat pada guru menunjukkan guru sebagai pembuat keputusan utama dalam bilik darjah. Kebanyakan aktiviti kelas adalah berdasarkan usaha guru melalui arahan secara langsung dengan memindahkan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar. Pendekatan yang berpusatkan guru terdiri daripada gaya autoriti dan gaya pengajaran secara demonstrasi (Shawer, 2017). Guru yang menggunakan gaya autoriti akan mengajar pelajar untuk menguasai isi kandungan pelajaran dan penilaian dengan penyertaan pelajar yang minima. Guru yang menggunakan gaya ini jelas lebih mementingkan penyampaian isi kandungan pelajaran daripada proses pembangunan kurikulum. Manakala guru yang menggunakan kaedah demonstrasi juga mengekalkan konsep autoriti tetapi menerapkan kemahiran dan pengetahuan yang ditetapkan dalam kurikulum. Guru sebagai pemudah cara dan pelajar akan diberi bimbingan oleh guru untuk menguasai dan menggunakan kemahiran yang ditetapkan. Selain itu, dengan cara ini pelajar mempunyai tanggungjawab terhadap apa yang mereka perlu ketahui (Quinonez, 2014; Gill, 2013; Thornton, 2013). Hasil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada proses bimbingan yang diberikan oleh guru kepada pelajar, guru boleh melakukan penambahbaikan pelaksanaan kurikulum dengan menyediakan keperluan tambahan yang sesuai kepada pelajar.

Pendekatan pengajaran oleh guru atau pensyarah dalam sesuatu subjek pembelajaran sangat penting. Ilmu pedagogi dan andragogi pensyarah perlu mantap dengan kepelbagaian teknik pengajaran yang ingin disampaikan kepada pelajar. Bagi menyampaikan ilmu pendidikan keusahawanan, pensyarah sendiri perlu tahu kaedah terbaik untuk memberi kefahaman kepada pelajar. Dalam proses penyampaian pengajaran, metodologi atau pendekatan pengajaran yang sesuai perlu diwujudkan. Keupayaan dan keberkesanan pensyarah melaksanakan tanggungjawab PdP berkait rapat dengan program latihan atau kursus-kursus berkaitan yang diterima (Mohamad Khairi & Asmawati, 2010; Darling-Hammond, 2000). Latihan pengajaran guru yang mantap dalam sesuatu bidang berupaya melahirkan guru-guru yang mempunyai kompetensi cemerlang (Nur Hafizoh & Rohana, 2012; National Commission on Teaching and America's Future, 2003). Jelaslah, keberkesanan pengajaran guru mempunyai kaitan secara langsung dengan faktor kaedah pengajaran, keberkesanan kursus-kursus yang disediakan di pusat pengajian atau latihan dan pengaruh persekitaran.

Kajian yang dijalankan oleh Abduh (2012) mendapati kurikulum keusahawanan di Universitas Bengkulu semakin mendapat perhatian kerana lebih ramai pelajar ingin menjadi usahawan dan ingin mengambil pendidikan keusahawanan sebagai bidang pengajian mereka. Dalam kurikulum keusahawanan, ilmu pengetahuan seperti pelan perniagaan, perancangan kewangan dan laporan kewangan adalah sangat penting bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar. Dapatan kajian Abduh (2012) mendapati pelajar lebih berpuas hati dengan kaedah pengajaran yang inovatif seperti perbincangan kelas, perbincangan dalam kumpulan dan pembentangan kumpulan berbanding dengan kaedah pengajaran tradisional. Majoriti pelajar mengalami kesukaran dalam memahami subjek keusahawanan kerana perbezaan bahan pengajaran dan kaedah pengajaran dalam kalangan pensyarah yang berbeza fakulti. Hasil kajian menunjukkan betapa pentingnya kaedah pengajaran dan bahan pembelajaran untuk membantu pelajar dalam memahami subjek keusahawanan. Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) perlu dipertingkatkan lagi dan menghasilkan inovasi dalam kaedah pengajaran untuk membantu pelajar lebih memahami isi kandungan pelajaran. Manakala kajian oleh Ahzilah et al. (2017) dan Nurzulaikha dan Noor Aslinda (2021) mendapati faktor penyampaian PdP yang baik boleh memberi kepuasan dan minat kepada pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembelajaran melalui penyelesaian masalah atau lebih dikenali sebagai Problem-based Learning (PBL) merupakan satu kaedah pengajaran yang berkesan diberikan kepada pelajar dalam pendidikan keusahawanan (Tan & Ng, 2006). PBL Memberi persekitaran pembelajaran di mana pelajar boleh belajar membuat keputusan, mengambil risiko, tanggungjawab, mencari pengalaman, belajar secara *mentoring* (bimbingan) dan refleksi (Wee 2004). PBL digunakan untuk meningkatkan kreativiti pelajar dalam menyelesaikan masalah melibatkan pembelajaran keusahawanan (Klofsten, 2000). Dalam PBL, Pelajar digalakkan untuk belajar secara aktif dengan bahan pembelajaran yang dibekalkan, pensyarah atau guru sebagai fasilitator, dan pelajar akan berinteraksi sesama pelajar dan guru. Gabungan teknologi baru dan sumber tradisional dapat menyediakan pelajar dengan pelbagai pengalaman pembelajaran. Dalam kaedah PBL ini, pelajar digalakkan terlibat secara aktif dengan proses

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keusahawanan dan bukan sekadar memahami teori semata-mata (Ahmad, Ismail, & Buchanan, 2014). Ini berbeza dengan pembelajaran secara tradisional yang hanya menggunakan interaksi sehala sahaja. Tan & Ng 2006, telah mengkaji dua isu dalam pendekatan pembelajaran berasaskan PBL untuk pendidikan keusahawanan iaitu:

i. Bagaimana PBL menitikberatkan kefahaman dalam penyampaian isi kandungan pelajaran dan boleh memberi pengetahuan kepada pelajar dalam proses keusahawanan sebenar.
ii. Bagaimana PBL membawa pelajar merasai pengalaman penyelesaian masalah dalam dunia keusahawanan yang sebenar.

Pembelajaran berasaskan masalah (PBL) dapat memberi penekanan kepada proses pembelajaran melalui penyelesaian masalah dalam dunia sebenar dan nyata (Tan & Ng 2006; Wee 2004). PBL akan membantu untuk membangunkan pemikiran kritikal dan keupayaan untuk berfikir dalam diri pelajar.

2.12.5 Penguasaan Kefahaman Pelajar

Dalam penilaian dimensi produk, pencapaian dan keupayaan sesuatu kurikulum perlu diukur dalam mencapai objektif dan matlamatnya. Setiap kurikulum yang dinilai mempunyai tahap pencapaian dan keberkesanan yang berbeza. Kurikulum yang berkesan ialah kurikulum yang dapat mencapai matlamat dan objektif seperti yang digariskan dalam dokumen kurikulum. Keberkesanan adalah dikaitkan dengan hasil dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum dan hasil yang dimaksudkan dalam kajian ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merujuk kepada penguasaan kefahaman pelajar berdasarkan perubahan yang menunjukkan keberkesanan. Pencapaian sesuatu kurikulum dapat dilihat melalui perubahan tingkahlaku pelajar (Mohd Tafizam, 2018). Daripada kajian-kajian ilmiah yang lepas, tingkah laku didefinisikan sebagai kemampuan dalam membuat atau melakukan sesuatu kegiatan (Mohd Tafizam, 2018). Mengenal pasti tingkahlaku membolehkan pensyarah atau guru melaksanakan strategi berkaitan pengajaran yang seharusnya disampaikan dan juga membolehkan pensyarah mengenal pasti perubahan yang telah berlaku kepada pelajar melalui penilaian ke atas tingkahlaku tertentu. Seterusnya kefahaman dan pengetahuan pelajar dapat memberikan maklumat sama ada sesuatu proses pengajaran kurikulum itu berjaya atau gagal (Alias, 2013; Kelly, 2009).

Terdapat kajian-kajian lepas yang melibatkan konteks kefahaman pelajar dalam kajian mereka. Antaranya adalah kajian yang dijalankan oleh Virginia (2018) yang mendapati bahawa untuk menarik golongan remaja mempunyai kecenderungan untuk memilih kerjaya sebagai usahawan, kefahaman asas terhadap keusahawanan amat penting. Kajian daripada aspek kefahaman dalam pemasaran pula telah dijalankan oleh Sharifah dan Suzana (2015) dan Fadilla Che Faizu dan Norasmah Othman (2020). Dalam kajian mereka mendapati pelajar boleh merebut peluang keusahawanan apabila mempunyai kefahaman pemasaran yang baik. Terdapat juga kajian oleh Tih Sio Hong et al. (2014) yang mendapati impikasi pelajar yang mempunyai tahap kefahaman yang rendah tidak boleh merebut peluang keusahawanan di sekeliling mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.12.6 Motivasi Keusahawanan Pelajar

Motivasi adalah penting dalam kehidupan seharian kita. Ia adalah asas keperluan biologi, kognitif, dan sosial (Ryan dan Deci, 2000). Ini kerana motivasi melibatkan tenaga, hala tuju, ketabahan dan niat (Kim-Soon et al., 2016). Matlamat dan motif memainkan peranan dalam meramal tingkah laku manusia. Ini menunjukkan hubungan wujud antara kesediaan, motivasi, dan tingkah laku (Kim-Soon et al., 2016). Motivasi amat penting kepada pelajar untuk memberi dorongan dalam melaksanakan sesuatu tindakan. Kajian yang dilakukan oleh Krueger et al. (2000) menunjukkan bahawa motivasi menyediakan hubungan antara kesediaan dan tindakan. Edelman et al. (2010) menegaskan bahawa motivasi boleh menjadi rangsangan untuk mengubah niat terpendam seseorang yang mendorong ke arah keusahawanan. Ia menunjukkan bahawa sikap dan matlamat asas motivasi keusahawanan harus menimbulkan kesediaan keusahawanan. Edelman et al. (2010) menyatakan bahawa terdapat kekurangan penyelidikan dalam menilai motivasi seseorang menjadi usahawan.

Terdapat satu kajian yang dilakukan oleh Malebana (2014) yang mengkaji berkaitan tingkah laku pelajar terhadap motivasi dan kesediaan keusahawanan. Kajian ini dilakukan terhadap pelajar di universiti luar bandar Afrika Selatan yang berhasrat untuk memulakan perniagaan pada masa hadapan. Oleh itu, teori asas yang digunakan dan menjadi dasar dalam penyelidikan mengenai motivasi dan kesediaan keusahawanan ialah tingkah laku yang dirancang (Garcia-Rodriguez et al., 2013, Nishimura dan Tristan, 2011, Krueger et al., 2000). Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan kurikulum keusahawanan perlu menyediakan tingkah laku keusahawanan kepada pelajar seterusnya menjentik motivasi pelajar untuk menjadi usahawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.12.7 Kesediaan Keusahawanan Pelajar

Tindakan kerajaan membudayakan keusahawanan dalam kalangan pelajar mampu menjadikan pelajar bergiat dalam semua lapangan dan kegiatan ekonomi moden bagi membolehkan mereka bersama-sama berganding bahu bersama membangunkan negara (Norashidah et al. 2009). Kajian Zhang dan Cain (2017) mendapati untuk membangunkan pendidikan keusahawanan yang berkesan, kajian kesediaan keusahawanan adalah praktikal. Pendekatan ini begitu penting terhadap institusi pendidikan tinggi (Rosliza et al., 2016) dan ia turut membabitkan institusi latihan yang mengabungkan kurikulum keusahawanan dan teknikal kepada para pelajar (Nor Hanis et al., 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelajar yang mempunyai pengetahuan berkaitan latihan, bimbingan, pemasaran produk dan pembiayaan modal boleh membantu diri mereka memulakan perniagaan selepas menamatkan pengajian. Pengetahuan tersebut dapat memberi kesan kepada kejayaan mereka dalam bidang keusahawanan (Norasmah dan Muharam, 2009). Keputusan pelajar untuk cenderung menceburi bidang keusahawanan mempunyai kaitan dengan kemahiran keusahawanan. Hal ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Norisham (2008) di mana pelajar Institut Kemahiran Mara Cawangan Johor Bahru di negeri Johor mempunyai kemahiran seperti membina rancangan perniagaan, menilai peluang perniagaan, kebolehan menyesuaikan diri dan bekerja dalam kumpulan mendorong mereka bersedia menceburi bidang keusahawanan. Manakala kajian yang dijalankan oleh Norudin et al. (2011) pula menunjukkan bahawa sebahagian besar (74.4 peratus) pelajar mempunyai kesedian untuk menjadi usahawan selepas tamat pengajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.13 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan dengan lebih terperinci tentang konsep kurikulum, jenis model-model penilaian dan model penilaian yang digunakan dalam kajian ini. Maklumat-maklumat yang diperolehi ini dapat menyokong dapatan kajian kelak. Kajian-kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik lain juga membuktikan bahawa kajian yang sedang dijalankan ini sememangnya amat penting dan sesuai untuk dikaji. Selanjutnya, bab tiga akan membincangkan metodologi dan kaedah yang digunakan untuk kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan

Bab ini mengemukakan metodologi yang digunakan berkaitan kajian penilaian kurikulum keusahawanan Kolej Komuniti. Butiran mengenai kaedah dan prosedur yang digunakan dalam menjalankan kajian ini dibentangkan secara terperinci. Perbincangan metodologi yang digunakan dalam kajian ini tertumpu kepada aspek reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi kajian, sampel dan kaedah persampelan, instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian, metodologi kajian, prosedur pengumpulan data dan kaedah penganalisaan data.

Metodologi kajian dapat menggambarkan terlebih dahulu hal-hal yang perlu dilakukan untuk mencapai matlamat sesuatu kajian yang telah dirancang. Metodologi adalah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kegiatan, displin dan sebagainya (Kamus Dewan Edisi ke-4, 2005). Metodologi juga adalah cara yang dilakukan untuk mencari jawapan melalui satu tatacara saintifik iaitu sesuatu aktiviti yang terhasil daripada proses pembuktian secara sistematik (Mohammad Najib, 2001).

Kajian ini merupakan satu kajian penilaian kurikulum keusahawanan Kolej Komuniti dengan menggunakan kerangka teori model konteks, input, proses dan produk yang berorientasikan penambahbaikan dengan memfokuskan kepada penilaian ke empat-empat komponen tersebut bagi tujuan membuat keputusan secara sepenuhnya mengikut kerangka teori model KIPP. Model yang diperkenalkan oleh Stufflebeam ini bertujuan untuk membuat penilaian serta penambahbaikan dan bukan untuk mencari pembuktian (Madaus, Scriven & Stufflebeam, 1993).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah seperti satu peta yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu penyelidikan itu dijalankan (Sabitha, 2005). Ia adalah satu rangka rujuk mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan persampelan, pengukuran dan analisis data. Reka bentuk kajian ini adalah kajian kuantitatif iaitu penilaian berbentuk tinjauan yang dipilih oleh penyelidik. Penyelidikan kuantitatif adalah satu bentuk penyelidikan yang bertujuan untuk mengumpul maklumat dan menerangkan apa yang sedang berlaku (Mohd Majid, 2005). Kajian tinjauan telah dipilih kerana ia dapat memberi kenyataan dan gambaran umum tentang keseluruhan populasi yang dikaji (Chua Yan Piow, 2006). Penyelidik menggunakan kaedah ini untuk menjelaskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelaksanaan kurikulum keusahawanan yang dilaksanakan di Kolej Komuniti dari aspek pendekatan kuantitatif iaitu penyelidik menggunakan kaedah tinjauan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada para pelajar serta akan menjadi instrumen utama untuk memperoleh data melalui sampel yang telah dipilih secara rawak bagi mewakili populasi kajian yang ditetapkan.

Salah satu tujuan penyelidik menjalankan kajian tinjauan dalam kajian ini ialah untuk membuat kenyataan umum (*generalization*) tentang sesuatu populasi (Suria Baba, 2008). Penyelidik telah merancang, melaksana dan menganalisis dengan teliti di mana reka bentuk yang digunakan dapat menghasilkan maklumat yang mudah difahami dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Kajian tinjauan merupakan kajian secara menyeluruh mengenai isu atau masalah, kutipan data yang cepat, penggunaan saiz sampel yang besar, maklumat dipungut secara terus daripada responden dalam masa yang singkat dan dapat membuat kenyataan umum untuk sesuatu populasi kajian (Chua Yan Piow, 2006). Penyelidik memilih reka bentuk kajian ini kerana dapat memberikan gambaran terperinci berkaitan pelaksanaan kurikulum yang mempunyai pelbagai aspek dan faktor yang perlu diterokai termasuklah menganalisis, menghurai dan menginterpretasikan kurikulum keusahawanan daripada aspek objektif kurikulum, keadaan pelaksanaan kurikulum, proses pelaksanaan pengajaran pensyarah dan proses pembelajaran pelajar serta hasil pembelajaran pelajar dalam kurikulum keusahawanan.

Kaedah tinjauan digunakan untuk mendapatkan data kuantitatif tentang latar belakang pelajar dan pandangan mereka terhadap kurikulum keusahawanan meliputi kandungan kurikulum, objektif kurikulum, amalan kaedah pengajaran kurikulum keusahawanan, serta pelaksanaan dan keberhasilannya di Kolej Komuniti. Justeru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyelidik merasakan bahawa kaedah tinjauan ini merupakan reka bentuk yang paling sesuai. Kaedah eksperimental tidak digunakan kerana ianya tidak praktikal dan tidak akan adanya kawalan terhadap pelaksanaan kurikulum di Kolej Komuniti. Malah, kaedah eksperimental akan menghadkan '*generasability*' daripada dapatan kajian terhadap dunia luar (Muijs & Reynolds, 2011).

Kajian tinjauan ini menggunakan Model Penilaian KIPP untuk menilai pelaksanaan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti Malaysia. Selaras dengan model KIPP, kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu konteks, input, proses, dan produk. Setiap bahagian memberi maklumat berkaitan kajian untuk membantu menjawab persoalan kajian yang berkaitan secara langsung dengan model KIPP. Walaupun terdapat pelbagai pendekatan dan model penilaian, pengkaji telah memilih untuk menggunakan Pendekatan Berorientasikan Pengurusan iaitu Model Penilaian KIPP untuk menjalankan kajian dalam "Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan Berasaskan Model KIPP di Kolej Komuniti". Pemilihan Model Penilaian KIPP disebabkan oleh beberapa kekuatan iaitu:

i. Penyelidik menggunakan model KIPP ini untuk menilai pelaksanaan kurikulum pendidikan keusahawanan kerana kredibiliti model penilaian ini yang merangkumi pelbagai perspektif yang berbeza-beza untuk membolehkan penyelidik menghuraikan status pelaksanaan kurikulum. Model ini juga dipilih untuk menilai kurikulum keusahawanan kerana model ini sangat teliti dalam penilaian rangka kerja organisasi yang lebih besar dan KIPP adalah salah satu model penilaian popular yang melaksanakan pendekatan sosial dalam setiap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

empat komponen yang terdapat di dalamnya (Chinta et al., 2016; Stufflebeam, 2003).

ii. Menurut Zhang et al. (2011), Model Penilaian KIPP tergolong dalam kategori model peningkatan dan penambahbaikan serta merupakan satu model yang mengukur secara terperinci keberkesanan program (Kamsurya, 2020). Di samping itu, Model Penilaian KIPP direka untuk memandu secara sistematik dan komprehensif bagi pihak yang membuat penilaian dan pihak berkepentingan dalam menimbulkan persoalan yang relevan dan menjalankan penilaian pada permulaan sesuatu program iaitu penilaian konteks dan input, sedang berjalan iaitu penilaian input dan proses, dan pada akhir iaitu penilaian produk (Rooholamini et al., 2017; Farsi & Sharif, 2014; A.Bachenheimeer, 2011 ; Zhang et al., 2011; Stufflebeam & Shinkfield, 2007). Model KIPP ini boleh membantu secara proses penilaian, memantau proses pelaksanaan, serta memberikan maklum balas dan penilaian keberkesanan projek untuk penambahbaikan secara berterusan.

iii. Salah satu kekuatan model KIPP adalah ia merupakan alat yang berguna dan mudah untuk membantu penyelidik mengemukakan soalan yang sangat penting untuk diajukan dalam proses penilaian. Ini kerana bagi menilai prestasi sesuatu program atau kurikulum, model KIPP adalah bersifat fleksibel (Lippe & Carter, 2018). Penilai boleh menentukan banyak soalan untuk setiap komponen dalam model KIPP. Model KIPP membolehkan penglibatan pelbagai perspektif, menggunakan pelbagai kaedah kualitatif dan kuantitatif, serta prosedur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

triangulasi untuk menilai dan menafsirkan pelbagai maklumat (Stufflebeam, 2000).

iv. Berdasarkan ciri-ciri penilaian KIPP iaitu "penilaian boleh dijalankan semasa program sedang berlangsung" dapat menyelamatkan para pelajar dari menjadi mangsa kepada sistem yang gagal. Ini kerana sebarang kesilapan yang muncul sewaktu pelaksanaan program akan dapat diperbaiki pada kadar segera dengan menyalurkan maklumat yang tepat dan betul kepada pihak berkepentingan iaitu JPPKK untuk tindakan pembetulan, tanpa memperjudikan nasib pelajar yang terpaksa menunggu sehingga ke akhir program bagi melihat keberkesanannya.

v. Model KIPP juga telah melalui tempoh evolusi dan dipertingkatkan keupayaannya serta diuji untuk pelbagai tujuan (Nor Hasnida, 2015). Berdasarkan evolusi dan perkembangan yang telah dilalui oleh Model KIPP ini, menjadikan pengkaji berkeyakinan untuk menggunakan model ini sebagai model penilaian kajian.

Berdasarkan kekuatan empat konstruk dimensi dalam penilaian Model KIPP yang dinyatakan di atas, bagi menjawab persoalan-persoalan dalam kajian ini, sub konstruk dalam dimensi konteks membantu penyelidik mengenal pasti kekuatan konteks kurikulum iaitu kepentingan kurikulum, objektif kurikulum, struktur penyampaian dan struktur pentaksiran kurikulum. Dimensi input pula membantu penyelidik menilai kekuatan dari aspek isi kandungan kurikulum, bahan PdP dan kemudahan prasarana yang disediakan oleh institusi. Seterusnya aplikasi dimensi proses dalam Model KIPP dalam kajian ini digunakan untuk menilai kekuatan kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PdP, kaedah pentaksiran dan penggunaan bahan PdP dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan. Dalam fasa ini, penilaian terhadap proses PdP secara menyeluruh dilaksanakan. Fasa terakhir penilaian dalam model KIPP adalah dimensi produk. Dimensi produk membantu penyelidik dalam menentukan keberhasilan kurikulum ini secara keseluruhan iaitu mengenal pasti keberhasilan kurikulum dari aspek pengetahuan pelajar, motivasi dan kesediaan pelajar menjadi usahawan. Akhir sekali, empat dimensi ini dihubungkan bagi menentukan kekuatan kesan pengaruh antara dimensi.

3.3 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi adalah sekumpulan individu, keluarga, kumpulan, organisasi, komuniti, peristiwa atau apa sahaja yang hendak diuji oleh penyelidik dan ia adalah satu agregat elemen yang telah diperincikan secara teori (Sabitha, 2005). Ia merangkumi kesemua individu yang hendak dikaji. Setiap individu dalam populasi tersebut dirujuk sebagai elemen. Populasi juga didefinisikan sebagai satu kumpulan individu yang ada ciri-ciri yang sama dengan kumpulan yang hendak dikaji. Perkara ini amat penting bagi penyelidik kerana untuk membuat persampelan kajian, proses penentuan populasi adalah menjadi perkara utama yang perlu dilakukan (Muijs, 2011).

Dalam kajian ini, populasi kajian terdiri daripada pelajar-pelajar Kolej Komuniti Kluster 1 di Semenanjung Malaysia. Walaupun kurikulum keusahawanan telah dijalankan di seluruh Malaysia, namun penyelidik hanya menumpukan kajian di Semenanjung Malaysia sahaja. Maka penyelidik telah mendapatkan data bilangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kolej Komuniti Kluster 1 di Semenanjung Malaysia. Rasional penyelidik memilih Kolej Komuniti Kluster 1 sebagai populasi kajian adalah kerana jumlah pelajar kolej yang lebih ramai daripada pelbagai latar belakang dan kolej tersebut mempunyai fasiliti PdP yang lebih luas bagi mendapatkan maklumat keseluruhan pelaksanaan kurikulum. Selain itu ia memudahkan penyelidik untuk berhubung dan menganalisa data dengan pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti di Putrajaya. Ini menambahkan lagi peluang penyelidik untuk mendapat maklum balas yang positif daripada responden berkenaan. Kajian ini dilaksanakan di Kolej Komuniti yang menggunakan kurikulum keusahawanan dan populasi yang dipilih adalah berdasarkan pelajar yang berada pada semester tiga dan ke atas bagi setiap kursus. Jumlah populasi adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Populasi Kajian (Sumber : e-pelajar JPPKK)

Bil	Nama institusi	Jumlah pelajar
1	Kolej Komuniti Sabak Bernam	177
2	Kolej Komuniti Sungai Siput	105
3	Kolej Komuniti Sungai Petani	256
4	Kolej Komuniti Arau	226
5	Kolej Komuniti Rompin	135
6	Kolej Komuniti Paya Besar	113
7	Kolej Komuniti Selandar	123
8	Kolej Komuniti Masjid Tanah	117
9	Kolej Komuniti Bandar Darulaman	225
10	Kolej Komuniti Bandar Penawar	156
11	Kolej Komuniti Bukit Beruang	180
12	Kolej Komuniti Chenderoh	175
13	Kolej Komuniti Gerik	170
14	Kolej Komuniti Hulu Langat	125
15	Kolej Komuniti Jasin	137
16	Kolej Komuniti Jelebu	145
17	Kolej Komuniti Jempol	140
18	Kolej Komuniti Kepala Batas	166
19	Kolej Komuniti Kuala Langat	210

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1 *(sambungan)*

Bil	Nama institusi	Jumlah pelajar
20	Kolej Komuniti Kuala Terengganu	185
21	Kolej Komuniti Kuantan	170
22	Kolej Komuniti Langkawi	158
23	Kolej Komuniti Ledang	168
24	Kolej Komuniti Pasir Gudang	178
25	Kolej Komuniti Pasir Salak	180
26	Kolej Komuniti Seberang Jaya	156
27	Kolej Komuniti Segamat	182
28	Kolej Komuniti Segamat 2	130
29	Kolej Komuniti Selayang	248
	Jumlah	4836

Setelah mengenal pasti populasi kajian, jumlah sampel kajian perlu ditetapkan dan dipastikan mencukupi. Ini kerana data kajian yang mencukupi memainkan peranan penting agar penyelidik dapat menjalankan pelbagai prosedur analisis statistik kajian bagi tujuan membuat generalisasi ke atas populasi kajian (Creswell, 2012). Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan analisis faktor penerokaan (*Exploratory Factor Analysis*, EFA), analisis faktor pengesahan (*Comfirmatory Factor Analysis*, CFA) dan Model Persamaan Berstruktur (SEM). Oleh itu bilangan sampel kajian perlu memenuhi kehendak analisis-analisis dalam kajian ini. Penyelidik telah membuat beberapa rujukan dan jadual sampel minimum bagi jenis ujian analisis statistik telah diringkaskan seperti di Jadual 3.2 dan 3.3.

Jadual 3.2

Jadual Bilangan Saiz Sampel Minimum Bagi Model Pengukuran

Bil.	Ciri-ciri Model (Bilangan konstruk dan item)	Bilangan minimum sampel
1.	Lima atau kurang konstruk. Setiap konstruk mempunyai lebih daripada tiga item.	100
2.	Tujuh atau kurang konstruk. Setiap konstruk mempunyai lebih daripada tiga item.	200

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2 *(sambungan)*

Bil.	Ciri-ciri Model (Bilangan konstruk dan item)	Bilangan minimum sampel
3.	Tujuh atau kurang konstruk. Terdapat beberapa konstruk mempunyai kurang daripada tiga item.	300
4.	Lebih daripada tujuh konstruk. Terdapat beberapa konstruk mempunyai kurang daripada tiga item.	500

Sumber: Hair et al., 2010; Zainudin et al., 2018

Jadual 3.3

Bilangan Minimum Sampel Berdasarkan Ujian Analisis Statistik

Bil.	Ciri-ciri Model (Bilangan konstruk dan item)	Bilangan minimum sampel
Kajian Rintis Analisis Faktor Penerokaan (EFA)	Sekurang-kurangnya 100 atau pada kadar 5 atau 20 kali bilangan pemboleh ubah	Hair et al. (2010); Zainudin et al. (2018)
Analisis Faktor Pengesahan (CFA)	Mencadangkan sampel sebanyak 300 untuk sesuatu kajian. Mencadangkan sampel 100 sebagai lemah; 200 sebagai memadai; 300 sebagai baik; 500 sebagai agak baik; dan 1000 atau lebih sebagai sangat baik.	Tabachnick & Fidell (2007) Comrey & Lee, (1992)
Model Persamaan Berstruktur (SEM)	Antara 100-200 tetapi tidak melebihi 400. 500 dianggap bilangan sampel yang besar. Saiz sampel sebanyak 200 atau lebih	Hair et al. (2010) Kline (2011)

Sumber: Hair et al. (2010); Zainudin et al. (2018)

3.3.1 Kaedah Persampelan Data

Persampelan adalah berkaitan dengan proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan responden kajian (Chua Yan Piow, 2006). Ada dua jenis persampelan iaitu persampelan kebarangkalian dan persampelan bukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebarangkalian. Dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan kaedah persampelan kebarangkalian iaitu persampelan rawak mudah untuk memilih responden pelajar.

Persampelan rawak mudah boleh digunakan apabila setiap individu dalam populasi mempunyai ciri yang sama dengan kajian dan mereka semua mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden (Mohd Majid, 2005). Untuk memilih sampel berdasarkan kaedah ini, penyelidik perlu menyediakan senarai nama populasi contohnya, senarai nama pelajar yang telah mengambil kurikulum keusahawanan di sesebuah kolej (Chua Yan Piow, 2006). Setelah itu, penyelidik akan memilih subjek secara rawak mengikut jumlah sampel yang dikehendaki. Akhir sekali, penyelidik perlu memilih beberapa sampel lagi sebagai sampel simpanan sekiranya berlaku sebarang masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.1.1 Persampelan Institusi

Oleh kerana populasi kajian ini sangat besar dan terdiri daripada Kolej Komuniti kluster 1 yang tidak sama banyak di setiap negeri Semenanjung Malaysia, maka penyelidik telah memilih kaedah pensampelan rawak berstrata dengan membuat pembahagian pemilihan sampel mengikut zon (Chua, 2008; Jafri, 2010). Justifikasi penyelidik memilih kaedah rawak berstrata disebabkan populasi kajian tidak seragam dalam strata yang dikaji terutamanya berdasarkan bilangan dan lokasi Kolej Komuniti. Persampelan berstrata merupakan satu kaedah yang mana populasi tersebut berstrata pada beberapa ciri-ciri tertentu seperti bilangan atau lokasi institusi. Kemudian penyelidik boleh menggunakan persampelan rawak mudah untuk memilih sampel daripada setiap strata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Creswell, 2009). Selain itu, persampelan rawak berstrata boleh digunakan bagi tujuan mengurangkan ralat pensampelan (Gay et al., 2009; Frenkel & Wallen, 2003).

Penyelidik telah membahagikan Kolej Komuniti Kluster 1 di Semenanjung Malaysia kepada empat buah zon iaitu zon tengah, zon utara, zon selatan dan zon timur. Pada setiap empat zon yang telah ditentukan, penyelidik membuat pensampelan rawak mudah dengan menggunakan kaedah fish bowl untuk memilih Kolej Komuniti Kluster 1 bagi setiap zon. Kolej Komuniti setiap zon di tulis di atas kertas dan dimasukkan ke dalam empat buah balang yang berasingan mengikut empat zon yang telah ditentukan. Dua helai kertas telah diambil dari setiap balang. Oleh itu, 8 buah Kolej Komuniti Kluster 1 telah dipilih sebagai Kolej Komuniti sampel dalam kajian ini. Senarai Kolej Komuniti terpilih adalah seperti dalam Jadual 3.5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.1.2 Persampelan Pelajar

Dalam proses persampelan pelajar, penyelidik akan melakukan pemilihan pelajar semester tiga dan ke atas di Kolej Komuniti yang telah mengambil kurikulum keusahawanan. Pemilihan pelajar semester tiga sebagai responden kajian adalah kerana mereka telah terlibat dengan proses PdP keusahawanan, melaksanakan amali keusahawanan, membuat rancangan perniagaan dan menjalankan peranan-peranan lain berkaitan projek keusahawanan dalam kurikulum.

Seperti yang telah dinyatakan oleh penyelidik dalam populasi dan lokasi kajian, lapan buah kolej komuniti telah dipilih oleh penyelidik bagi mewakili pelajar Sijil Kolej

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Komuniti Kluster 1 di Semenanjung Malaysia. Pemilihan Kolej Komuniti adalah dengan membahagikan kolej mengikut zon. Penyelidik telah menetapkan sebanyak dua Kolej Komuniti akan dipilih di setiap zon sebagai lokasi kajian. Kaedah rawak mudah digunakan bagi menentukan dua kolej yang dipilih bagi setiap zon yang ditetapkan. Selepas penyelidik menentukan bilangan Kolej Komuniti Kluster 1, penyelidik perlu menentukan pula saiz sampel pelajar untuk digunakan dalam kajian ini. Dalam konteks kajian ini, penentuan saiz sampel adalah berdasarkan Rajah 3.1 penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Berdasarkan kepada data yang diperolehi dari Kolej Komuniti Kluster 1 di semenanjung Malaysia, seramai 4836 orang pelajar berada pada semester tiga dan ke atas yang terlibat secara langsung dalam pembelajaran kurikulum keusahawanan. Dengan merujuk kepada jadual Krejcie dan Morgan (1970), sekiranya jumlah populasi adalah pada sekitar 4000 - 5000 orang, maka sampel yang diperlukan untuk menjalankan penyelidikan adalah sebanyak 351 - 357 atau lebih orang pelajar seperti diringkaskan dalam Jadual 3.4.

Dalam kajian ini, penyelidik telah membuat lebihan edaran set soal selidik sebanyak 50 peratus menjadikan kesemua set soal selidik yang diedarkan sebanyak 536 set. Menurut Salkind (1997) mencadangkan supaya pertambahan sampel antara 40 peratus ke 50 peratus dilakukan sekiranya menggunakan kaedah pos bagi mengurangkan risiko kehilangan set soal selidik semasa proses edaran ataupun kemungkinan berlakunya kekangan ke atas sampel seperti pelajar tiada di kolej, pelajar terlibat program luar, pelajar bercuti, pembatalan kuliah ataupun pelajar tidak mahu memberi kerjasama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru itu, dalam menjalankan kajian ini penyelidik telah menggunakan persampelan jenis rawak mudah iaitu pengambilan sampel secara bebas bagi pelajar. Menurut Chua Yan Piaw (2006) prosedur pensampelan rawak mudah digunakan untuk memastikan setiap unit atau subjek dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian. Nombor rawak mudah telah dijana menggunakan aplikasi jadual nombor rawak. Oleh itu, dalam kajian ini akhirnya penyelidik telah berjaya mendapatkan semula sebanyak 416 set soal selidik daripada responden. Justeru itu, dalam kajian ini sebanyak 416 sampel yang telah terpilih terdiri daripada pelajar sebagai responden. Sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah pelajar semester tiga dan ke atas bagi setiap kursus pengajian seramai daripada 4836 orang populasi keseluruhan.

Rasional penyelidik memilih pelajar semester tiga dan ke atas bagi setiap kursus ialah, pada semeter tersebut semua pelajar telah mengambil kurikulum keusahawanan dan menjalani amali keusahawanan dengan melalui proses perniagaan sebenar. Pelajar lebih matang kerana telah setahun lebih berada di Kolej Komuniti dan melalui pelbagai pengalaman pembelajaran dan penggunaan prasarana kolej.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Total	*Sample*	*Total*	*Sample*	*Total*	*Sample*
10 ⇒	10	220 ⇒	140	1200 ⇒	291
15 ⇒	14	230 ⇒	144	1300 ⇒	297
20 ⇒	19	240 ⇒	148	1400 ⇒	302
25 ⇒	24	250 ⇒	152	1500 ⇒	306
30 ⇒	28	260 ⇒	155	1600 ⇒	310
35 ⇒	32	270 ⇒	159	1700 ⇒	313
40 ⇒	36	280 ⇒	162	1800 ⇒	317
45 ⇒	40	290 ⇒	165	1900 ⇒	320
50 ⇒	44	300 ⇒	169	2000 ⇒	322
55 ⇒	48	320 ⇒	175	2200 ⇒	327
60 ⇒	52	340 ⇒	181	2400 ⇒	331
65 ⇒	56	360 ⇒	186	2600 ⇒	335
70 ⇒	59	380 ⇒	191	2800 ⇒	338
75 ⇒	63	400 ⇒	196	3000 ⇒	341
80 ⇒	66	420 ⇒	201	3500 ⇒	346
85 ⇒	70	440 ⇒	205	4000 ⇒	351
90 ⇒	73	460 ⇒	210	4500 ⇒	354
95 ⇒	76	480 ⇒	214	5000 ⇒	357
100 ⇒	80	500 ⇒	217	6000 ⇒	361
110 ⇒	86	550 ⇒	226	7000 ⇒	364
120 ⇒	92	600 ⇒	234	8000 ⇒	367
130 ⇒	97	650 ⇒	242	9000 ⇒	368
140 ⇒	103	700 ⇒	248	10000 ⇒	370
150 ⇒	108	750 ⇒	254	15000 ⇒	375
160 ⇒	113	800 ⇒	260	20000 ⇒	377
170 ⇒	118	850 ⇒	265	30000 ⇒	379
180 ⇒	123	900 ⇒	269	40000 ⇒	380
190 ⇒	127	950 ⇒	274	50000 ⇒	381
200 ⇒	132	1000 ⇒	278	75000 ⇒	382
210 ⇒	136	1100 ⇒	285	100000 ⇒	384

Rajah 3.1. Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan *(1970)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4

Jumlah sampel

Jumlah populasi pelajar.	JumlahSampel
4000 - 5000 orang	351 - 357 orang

Sumber : Krejcie & Morgan (1970)

Persampelan rawak mudah digunakan bertujuan untuk memilih pelajar-pelajar semester tiga dan ke atas sebagai responden kajian di setiap Kolej Komuniti Kluster 1. Penyelidik telah menghantar borang permohonan penyelidikan kepada pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) untuk kebenaran melakukan kajian. Seterusnya penyelidik menghubungi Pensyarah Unit Pengajian AM untuk mendapatkan bilangan pelajar yang terlibat dengan pembelajaran kurikulum keusahawanan di setiap Kolej Komuniti terlibat. Pemilihan pelajar dijalankan secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rawak mudah berdasarkan senarai pelajar-pelajar yang telah mengambil kurikulum keusahawanan. Setelah itu, penyelidik mengedarkan soal selidik secara rawak kepada responden kajian. Berdasarkan pemilihan yang telah dibuat, penyelidik berharap agar sampel yang telah terpilih dapat memberikan kerjasama dan keputusan yang baik dan tepat bagi mewakili populasi kajian.

Oleh kerana kajian ini melibatkan lapan buah Kolej Komuniti Kluster 1, maka jumlah keseluruhan sampel yang berjaya dikumpulkan adalah seramai 416 orang seperti ditunjukkan pada Jadual 3.5. Jumlah ini adalah lebih daripada mencukupi berdasarkan sampel yang disarankan oleh Krejcie & Morgan (1970). Selain itu, jumlah sampel sebanyak 416 dalam kajian ini telah mematuhi cadangan garis panduan bilangan sampel yang bersesuaian dengan bidang sains sosial yang dicadangkan oleh Comrey dan Lee (1992), Hair et al. (2010) dan Kline (2011) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.2 dan 3.3 sebelum ini mengikut kepada prosedur analisis-analisis ujian statistik EFA, CFA dan SEM yang akan dijalankan dalam kajian ini.

Jadual 3.5

Rumusan Jumlah Sampel Pelajar Mengikut Kolej Komuniti Kluster 1

Kolej Komuniti	Sampel
Kolej Komuniti Sabak Bernam	56
Kolej Komuniti Sungai Siput	42
Kolej Komuniti Sungai Petani	65
Kolej Komuniti Arau	53
Kolej Komuniti Rompin	54
Kolej Komuniti Paya Besar	43
Kolej Komuniti Selandar	52
Kolej Komuniti Masjid Tanah	51
Jumlah	416

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah satu set soal selidik pelajar. Penyelidik membina instrumen kajian dengan berdasarkan objektif kajian ini, soalan kajian ini, silibus kurikulum keusahawanan Kolej Komuniti, kajian-kajian yang dijalankan oleh penyelidik lepas yang berkaitan dengan kajian ini dan juga berdasarkan literatur berkaitan dengan kajian ini. Soal selidik (*survey*) merupakan salah satu kaedah yang banyak menggunakan soalan-soalan selidik untuk mengumpul data. Tujuan penyelidik menggunakan soal selidik dalam penyelidikan ini ialah untuk meneroka fakta yang boleh digunakan untuk menjawab soalan kajian atau menambah kebolehpercayaan dan kesahan sesuatu teori. Penyelidik menggunakan soal selidik kerana ia lebih praktikal dan berkesan jika saiz sampel adalah besar (Mohd Majid, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Satu jenis instrumen dijalankan untuk mendapatkan data kuantitatif kajian ini. Data kuantitatif diperoleh melalui instrumen soal selidik yang diedarkan kepada responden iaitu pelajar yang mengandungi 5 bahagian iaitu Bahagian A, B, C, D dan E. Bahagian A melibatkan maklumat demografi, manakala Bahagian B (penilaian konteks), Bahagian C (penilaian input), Bahagian D (penilaian proses) dan Bahagian E (penilaian produk). Skala ala likert lima mata digunakan sebagai format respon kepada responden untuk memilih mengikut kesesuaian jawapan mereka.

Pembinaan instrumen adalah diubahsuai dari instrumen kajian lepas. Di samping itu, penyelidik juga mengadaptasi item-item soal selidik melalui konstruk-konstruk sorotan literatur dan Model Penilaian KIPP Stufflebeam dengan mengenal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pasti beberapa dimensi bagi setiap konstruk melalui sorotan literatur untuk menghasilkan item yang pelbagai. Jadual 3.6 di bawah menunjukkan aras pengukuran yang ditetapkan oleh penyelidik yang diambil daripada Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2016).

Jadual 3.6

Aras Pengukuran Skala Likert

Skala	Skor
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Kurang Setuju
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Sumber: Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2016)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Instrumen Soal Selidik Pelajar

Instrumen kajian soal selidik pelajar dibina dan diubahsuai dengan merujuk kepada instrumen-instrumen sedia ada, perbincangan dengan pensyarah-pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti serta pandangan penyelia. Jadual spesifikasi instrumen telah disediakan yang mengandungi konstruk dan sub konstruk yang merangkumi kajian ini berdasarkan sorotan literatur. Instrumen-instrumen lain yang mempunyai skop yang hampir sama dengan skop kajian ini juga telah dirujuk bagi menambahkan idea dalam pembangunan instrumen.

Seperti mana yang telah dijelaskan oleh penyelidik di topik pernyataan masalah kajian iaitu tiada lagi penilaian yang menyeluruh dilakukan oleh penyelidik terdahulu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ke atas pelaksanaan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti. Ini bermaksud tiada instrumen soal selidik berkaitan penilaian pelaksanaan kurikulum keusahawanan telah dibina dan boleh digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini. Oleh itu, penyelidik perlu membina set soal selidik dengan mengadaptasi dan merujuk kepada keempat-empat dimensi model penilaian KIPP, penyelidik juga telah merujuk kepada beberapa instrumen soal selidik yang lain berkaitan keusahawanan dan KIPP. Antara instrumen soal selidik yang berkaitan keusahawanan dan model penilaian KIPP yang menjadi rujukan penyelidik ialah:-

i. Kajian Mohd Zailani (2019), bertajuk "Penilaian Kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pendidikan Islam Di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Universiti Utara Malaysia".
ii. Kajian Syed Khalid (2018), bertajuk "Penilaian Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Matematik Di Institut Pendidikan Guru Malaysia Zon Utara. Universiti Utara Malaysia".
iii. Kajian Rooholamini (2017), bertajuk "*Program evaluation of an Integrated Basic Science Medical Curriculum in Shiraz Medical School, Using CIPP Evaluation Model*".
iv. Kajin Kim-Soon, N., Abdul Rahman, A., & Nurul Nadia, I. (2016), bertajuk *Entrepreneurial Motivation and Entrepreneurship Career Intention : Case at a Malaysian Public University*.
v. Kajian Azizi Jaafar (2015), bertajuk "Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah Berasaskan Model *Context-Input-Process-Product* (CIPP)".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vi. Kajian Zainora Daud (2015), bertajuk Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Qiraat Di Darul Quran Dan Ma'ahad Tahfiz Al-Qur'an Di Malaysia.

Setelah memahami dengan jelas berkaitan skop setiap dimensi KIPP, penyelidik telah merujuk, mengadaptasi dan mengubahsuai dari beberapa instrumen berkenaan untuk membina set soal selidik yang melibatkan soal selidik pelajar. Adalah penting dalam konteks kajian ini, instrumen soal selidik pelajar digunakan untuk menilai persepsi dan menentukan pengaruh terhadap setiap dimensi konteks, input, proses dan produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan. Instrumen soal selidik pelajar dalam Bahagian A, responden perlu melengkapkan maklumat demografi yang terdiri dari jantina, bangsa, umur, tempat tinggal, kolej, pendapatan keluarga dan pengalaman keusahawanan. Seterusnya dalam Bahagian B, C, D dan E adalah seperti dalam Jadual 3.7.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.7

Komponen Soalan dan Bilangan Item Dalam Soal Selidik Pelajar

Bil	Konstruk	Soal selidik pelajar			
		Subkonstruk	No. item soalan	Bilangan item soalan	Rujukan
1	Konteks	▪ Kepentingan ▪ Objektif ▪ Struktur penyampaian ▪ Struktur pentaksiran	B1 – B4 B5 – B12 B13 – B17 B18 – B21	21	Rooholamini, (2017) Zainora, (2015)
2	Input	▪ Isi kandungan ▪ Bahan PdP ▪ Kemudahan prasarana	C1 – C7 C8 – C13 C14 – C18	18	Syed Khalid, (2018) Mohd Zailani, (2019)
3	Proses	▪ Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) ▪ Kaedah pentaksiran ▪ Penggunaan bahan PdP	D1 – D14 D15 – D22 D23 – D28	28	Syed Khalid, (2018) Mohd Zailani, (2019) Azizi Jaafar, (2015)

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.7 *(sambungan)*

Bil	Konstruk	Soal selidik pelajar			
		Subkonstruk	No. item soalan	Bilangan item soalan	Rujukan
4	Produk	▪ Penguasaan kefahaman pelajar	E1 – E10	20	Syed Khalid, (2018)
		▪ Motivasi pelajar menjadi usahawan	E11 – E15		Kim-Soon et al., (2016)
		▪ Kesediaan pelajar menjadi usahawan	E16 – E20		
		Jumlah Item		**87**	

3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen amat penting bagi mempertahankan kejituan instrumen supaya tidak terdedah daripada kecacatan. Kesahan membawa maksud adakah sesuatu ujian itu mengukur perkara yang hendak diukur dan kebolehpercayaan pula adalah darjah ketekalan sesuatu item mengukur perkara yang diukur (Gay, Mills & Airasian, 2011). Semakin tinggi nilai tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen maka semakin jitu data-data yang diperolehi bagi menghasilkan kajian yang baik dan berkualiti. Kesahan dikatakan tinggi sekiranya jika instrumen yang dibina benar-benar mengukur konsep yang dinyatakan dalam hipotesis (Chua Yan Piow, 2006). Kesahan dan kebolehpercayaan merupakan dua konsep yang penting yang memberi kesan terhadap prosedur pengukuran dan penilaian (Johnson & Christensen, 2008). Kesahan soalan soal selidik merujuk kepada penyelidik tentang apa yang ingin diselidik (Mohd Najib, 2003). Oleh itu, pandangan pakar adalah amat penting untuk menyunting item yang digunakan bagi menentukan kesahan soal selidik. Pakar perlulah dipilih berdasarkan mereka yang mengetahui mengenai apa yang hendak di soal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, setelah soal selidik dibangunkan, ia telah melalui kesahan muka, kesahan kandungan dan kesahan konstruk menggunakan analisis faktor penerokaan atau *Exploratory Factor Analysis* (EFA). Ini kerana dalam kajian ini, penyelidik menggunakan Analisis Kesepadanan Model Struktutral (SEM - *Structural Equation Modeling*) bagi menjawab persoalan kajian kesan pengaruh antara dimensi. Tujuan EFA adalah untuk mengurangkan jumlah pemboleh ubah, menentukan struktur atau hubungan antara pemboleh ubah dan menilai kesahan konstruk sesuatu instrumen (Williams, Brown & Onsman, 2012).

Kebolehpercayaan instrumen pula adalah merujuk kepada darjah ketekalan sesuatu instrumen atau prosedur, apa sahaja yang diukur, ia mengukur secara konsisten dan tekal (Best & Kahn, 2006). Kaedah yang digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan adalah kaedah Alfa Cronbach. Nilai pekali Alfa yang hampir kepada 1.00 menunjukkan item-item itu mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan kesan ralat terhadap pengukuran adalah kecil (Gay et al., 2009). Oleh itu, kesahan memberi maklumat bahawa instrumen yang digunakan oleh penyelidik adalah sesuai manakala kebolehpercayaan pula menunjukkan ketekalan sesuatu skor yang dihasilkan.

3.5.1 Kesahan Muka dan Kesahan Kandungan

Seperti mana yang telah dinyatakan, penyelidik telah menjalankan kesahan muka dan kesahan kandungan untuk memastikan instrumen kajian sah dan boleh digunakan. Bagi menentukan instrumen yang diadaptasi mempunyai kesesuaian dengan konteks kajian, pandangan pakar bagi membuat kesahan muka dan kesahan kandungan perlu dilakukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Siny et al., 2017). Penyelidik telah merujuk lima orang pakar bidang dan mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang kajian serta berkaitan dengan kajian ini. Ini sesuai dengan cadangan yang diberikan oleh Lynn (1986), dalam Polit, & Beck, & Owen, (2007) iaitu antara tiga sehingga 10 orang. Oleh itu penyelidik telah mendapatkan kesahan daripada seorang pensyarah pakar yang telah terlibat dengan bidang pengukuran dan penilaian UPSI (Doktor Falsafah), seorang pensyarah yang terdiri daripada pensyarah penyelidikan Politeknik, JPPKK (Doktor Falsafah), seorang pensyarah keusahawanan yang juga Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan Politeknik, JPPKK (Doktor Falsafah) dan dua orang pakar iaitu ketua penyelaras dan penggubal kurikulum keusahawanan Kolej Komuniti bagi mendapatkan maklumbalas kefahaman terhadap setiap item. Ini kerana kesahan kandungan perlu merujuk kepada pakar dalam bidang penyelidikan dan subjek untuk membuat pengesahan item yang terkandung dalam instrumen kajian (Creswell, 2008). Berdasarkan kepada proses kesahan yang telah dilakukan oleh penyelidik, terdapat beberapa pembetulan yang telah dilakukan ke atas item soal selidik. Antaranya ialah:

i. Memastikan kod soal selidik iaitu kod B1 hingga E20 mengikut sub konstrak bagi memudahkan proses analisis data dijalankan.
ii. Ayat item perlu diteliti bagi mengelakkan mengukur perkara yang sama.
iii. Gugurkan dan meringkaskan perkataan berulang dalam soal selidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Kajian Rintis

Sebelum borang soal selidik digunakan untuk kajian sebenar dijalankan, kajian rintis perlu dilakukan terlebih dahulu bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam borang soal selidik. Pengertian bagi konsep kebolehpercayaan alat pengukuran ialah ketekalan sesuatu alat pengukuran dalam mengukur pembolehubah. Alat pengukuran bagi sesuatu pembolehubah adalah tekal jika mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Hidayati Saibon, 2007). Sebaliknya, alat pengukur yang menghasilkan nilai yang berubah-ubah ketika mengukur pembolehubah yang sama dikatakan tidak tekal dan seterusnya mempunyai kebolehpercayaan yang rendah (Mohd Najib, 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antara kebaikan lain kajian rintis ini ialah soalan-soalan yang didapati lemah dan mempunyai pernyataan yang kabur boleh diubahsuai bagi memudahkan responden menjawab soalan yang mempunyai ketepatan yang tinggi. Dalam kajian ini, penyelidik telah menetapkan nilai *Alpha Cronbach* item yang mempunyai skor 0.7 dan ke atas sahaja (baik dan boleh diterima) akan digunakan dalam kajian sebenar. Jadual 3.8 menunjukkan interpretasi skor bagi nilai *Alpha Cronbach* (α).

Jadual 3.8

Interpretasi Skor Bagi Nilai Alpha Cronbach

Skor *Alpha Cronbach*	Kebolehpercayaan
0.90 – 1.00	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
0.80 – 0.90	Baik
0.70 – 0.80	Baik dan boleh diterima
0.60 – 0.70	Boleh diterima

Sumber: Sekaran (2003)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.1 Dapatan Kajian Rintis

Penyelidik telah menjalankan kajian rintis ke atas 100 orang responden pelajar dari 4 buah Kolej Komuniti di zon tengah. Jumlah sampel untuk kajian rintis hendaklah tidak kurang dari 20 orang responden (Ghazali & Sufean, 2015). Pentingnya kajian rintis dijalankan sebelum kajian sebenar dilaksanakan adalah untuk membantu para penyelidik dalam menilai kesahan, kebolehpercayaan, dan kepraktisan atau kesesuaian instrumen soal selidik yang digunakan (Cohen et al., 2007).

3.6.1.1 Kesahan Konstruk dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian ini pula menunjukkan dapatan kajian rintis (*pilot test*) ke atas 100 responden pelajar di Kolej Komuniti. Responden telah dipilih secara rawak mudah untuk menyertai kajian rintis ini. Adalah penting bahawa 100 peserta kajian rintis ini adalah responden yang tidak akan terlibat dalam kajian sebenar seperti yang disyorkan oleh Cohen et al. (2007).

Dalam kajian ini, hasil dapatan daripada instrumen soal selidik pelajar digunakan untuk menentukan pengaruh bagi setiap dimensi. Maka penyelidik telah menentukan kesahan konstruk dan kebolehpercayaan bagi setip item dengan lebih terperinci menggunakan Analisis Faktor Penerokaan (*Exploratory Factor Analysis*) menggunakan perisian IBM SPSS. Dapatan analisis ini akan digunakan bagi menambahbaik instrumen soal selidik pelajar untuk digunakan dalam kajian sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis Faktor Penerokaan (EFA) melibatkan beberapa proses analisis faktor yang kompleks dan merupakan analisis statistik inferensi (Costello & Osborne, 2005). EFA dilakukan untuk menerangkan maksud dan kedudukan bagi setiap konstruk dalam kajian yang dijalankan (Rosseni Din, 2014). Ia juga sebagai tatacara untuk mengurangkan jumah item dalam setiap konstruk kajian supaya baki item yang tinggal dalam konstruk tersebut boleh meningkatkan kebolehpercayaan serta mengenal pasti struktur hubungan antara item yang membentuk dimensi setiap konstruk (Hair et al., 2014; Zainudin Awang, 2012; Chua, 2009).

Berdasarkan analisis EFA, dengan memenuhi syarat bahawa semua faktor berkorelasi antara satu sama lain, bilangan konstruk dan struktur faktor yang menjadi dasar kepada pemboleh ubah dalam kajian akan diperoleh (Child, 1990). Menurut Hair et al. (2010) item-item yang digunakan dalam soal selidik akan dikelaskan mengikut struktur faktor-faktor tertentu. Sekiranya item-item mempunyai korelasi yang tinggi antara satu sama lain, maka item tersebut akan ditempatkan dalam suatu konstruk tertentu. Ini kerana item-item tersebut dapat mengukur konsep yang sama. Namun sekiranya item-item yang mempunyai korelasi yang rendah, item tersebut akan ditempatkan dalam konstruk yang lain. Struktur faktor yang terhasil merupakan dapatan daripada analisis data kajian rintis oleh sampel yang terlibat.

Bagi memastikan sekiranya terdapat dimensi item-item telah berubah daripada kajian lepas, ramai penyelidik menegaskan prosedur analisis EFA mesti dijalankan bagi setiap konstruk (Ehido et al., 2020; Khamaiseh et al., 2020). Perubahan dimensi item boleh berlaku sekiranya kajian terkini yang dijalankan adalah berbeza dengan kajian lepas dari segi skop pengajian, kelainan budaya, sosio-ekonomi penduduk serta tempoh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masa iaitu tempoh masa yang sedang dilaksanakan sekarang berbanding kajian lepas. Ini bermakna struktur faktor dan dimensi yang terhasil daripada kajian lepas, mungkin tidak sama dengan kajian terkini yang dijalankan dalam keadaan persekitaran yang berbeza. (Zainudin Awang et al., 2018; Zainudin Awang, 2012).

Oleh itu, berdasarkan item-item dalam kajian ini iaitu dimensi konteks (kepentingan, objektif, struktur penyampaian dan struktur pentaksiran), dimensi input (isi kandungan, bahan PdP, kemudahan prasarana), dimensi proses (kaedah PdP, kaedah pentaksiran, penggunaan bahan PdP) dan dimensi produk (penguasaan kefahaman, motivasi menjadi usahawan, kesediaan menjadi usahawan) telah diadaptasi daripada beberapa kajian lepas di mana beberapa perubahan telah dilakukan dan dimurnikan untuk menjadikannya lebih sesuai dengan konteks kajian penyelidik. Justeru itu, pelaksanaan analisis EFA adalah dipenuhi dan dijalankan bagi tujuan untuk mendapatkan justifikasi struktur dan dimensi keseluruhan item. Oleh itu, bagi mengenal pasti sub konstruk bagi dimensi konteks, input, proses dan produk dalam kajian ini, maka analisis EFA digunakan bagi menyusun semua item-item dalam soal selidik ke dalam komponen tertentu di bawah satu-satu konstruk tersebut yang diperoleh dari sampel kajian yang betul-betul mewakili pemboleh ubah kajian (Tabachnick & Fidell, 2014; Chua, 2009). Item-item yang tidak berkorelasi akan digugurkan sehingga menghasilkan faktor-faktor tunggal dalam satu-satu soal selidik yang membentuk interpretasi baharu dalam faktor- faktor yang baharu (Zainudin Awang, 2012). Perkara utama yang sering digunakan oleh penyelidik untuk membuat pengguguran item adalah sebab nilai muatan faktor (*factor loading*) yang rendah dan faktor yang bersilangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis EFA bagi kajian rintis ini telah melibatkan saiz sampel seramai 100 orang, muatan faktor yang ditetapkan adalah melebihi 0.3 mengikut saranan oleh Hair et al. (2010) dengan merujuk kajian yang dijalankan oleh Chieng & Tan (2019). Saranan ini turut dipersetujui oleh Tabachnick & Fidell (2001) yang menyatakan nilai pemberat adalah melebihi 0.30 telah boleh diterima. Selain itu, ujian Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) dan Ujian Keseferaan Barlett (Bartlett's Test of Sphericity) perlu dilakukan terlebih dahulu bagi menentukan kesesuaian data sampel untuk dianalisis.

Dalam kajian ini, bagi menunjukkan data tidak mempunyai masalah *multicollinearity* yang serius, analisis EFA dengan nilai KMO 0.60 adalah sesuai dan menjadi nilai minimum untuk analisis faktor yang baik (Zainudin Awang et al., 2018; Zainudin Awang, 2012). Nilai KMO menghampiri 1.0 juga dapat menghasilkan faktor yang dipercayai dan berbeza antara satu sama lain (Tabachnick dan Fidell , 2014). Ujian Bartlett's Test of Sphericity menggunakan nilai kesignifikan (sig < 0.05) bagi menunjukkan korelasi yang cukup dalam kalangan pemboleh ubah untuk melakukan ujian yang seterusnya dan supaya saiz sampel kajian adalah diyakini mencukupi dalam melakukan ujian kesahan dan kebolehpercayaan bagi skala pengukuran (Yong & Pearce, 2013; Azman et al., 2008). Nilai eigen ialah ≥ 1.0 merupakan indikator dalam kajian ini bagi menentukan bilangan faktor yang mewakili dimensi-dimensi dalam konstruk yang diukur dan dianggap signifikan untuk mengekalkan bilangan faktor tersebut (Hair et al., 2014). Selain itu, usaha memastikan kesahan data borang soal selidik melalui teknik *direct oblimin* juga telah dilakukan. Ini bertujuan untuk memastikan item-item yang mewakili setiap pembolehubah kajian telah mencapai nilai 0.30 dan lebih. Teknik ini menggunakan putaran yang dilakukan secara berasingan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dijalankan beberapa kali sehingga akhirnya membentuk item tersendiri dalam satu konstruk yang dikehendaki.

Justeru itu, penyelidik telah menyediakan satu rumusan langkah-langkah penganalisisan data bagi prosedur EFA yang perlu memenuhi indeks kebagusan (*Goodness of Fit Indices*, GoF) sebagai syarat untuk menjalankan analisis statistik yang menggunakan analisis faktor berasaskan permodelan persamaan berstruktur (SEM) seperti di Jadual 3.9.

Jadual 3.9

Indeks Kebagusan (Goodness Of Fit Indexes, GoF) Untuk Analisis Faktor Penerokaan (EFA)

Indeks Model EFA	Nilai yang dicadangkan
Ujian Keseferaan Barlett (Barlett's Test of Sphericity)/ $\chi 2$ (Sig. < 0.05)	< 0.05
Kecukupan sampel/ Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)	≥ 0.60
Nilai muatan faktor (*factor loading*)	> 0.30
Keseragaman (*communalities*)	≥ 0.30
Eigenvalue	≥ 1.00
Kriteria Varians	≥ 60%
Peratus sumbangan varians terhadap faktor	≥ 3.00

Sumber: Tabachnick & Fidell (2001); Azman et al. (2008); Zainudin Awang (2012); Yong & Pearce (2013); Tabachnick & Fidell (2014); Hair et al. (2014); Zainudin Awang et al. (2018) dan Chieng & Tan (2019)

3.6.1.2 Dapatan Kesahan dan Kebolehpercayaan Dimensi Konteks

Bahagian ini merungkaikan kebolehpercayaan dan kesahan dimensi konteks yang mengandungi 4 sub dimensi konstruk, iaitu (1) kepentingan, (2) objektif, (3) struktur penyampaian, dan (4) struktur pentaksiran. Secara umumnya, konstruk kepentingan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai 4 item, konstruk objektif mempunyai 8 item, konstruk struktur penyampaian menggunakan 5 item, dan konstruk struktur pentaksiran mempunyai 4 item. Ujian kebolehpercayaan konstruk-konstruk telah dijalankan dan seperti yang diringkaskan dalam Jadual 3.10. Nilai *Alpha Cronbach* bagi konstruk kepentingan adalah 0.814, dan diikuti konstruk objektif (C. A. = 0.878), konstruk struktur penyampaian (C. A. = 0.716), dan konstruk struktur pentafsiran (C. A. = 0.805).

Keempat-empat konstruk menunjukkan nilai Alpha Cronbach melebihi 0.7, maka dapat disimpulkan bahawa kesemua konstruk ini mempunyai kebolehcayaan yang tinggi. Akan tetapi, merujuk kepada nilai inter-korelasi, dan nilai *Alpha Cronbach* jika item dibuang, didapati bahawa soalan B8, dan B14 berpotensi dibuang kerana ia mempunyai nilai inter-korelasi yang rendah (r = 0.043, -0.025) berbanding dengan item-item yang lain. Selain itu, nilai Alpha Cronbach bagi konstruk dapat ditingkatkan lagi sekiranya B8, dan B14 dibuang. Ini bermaksud item B8, dan B14 berpotensi dibuang, tetapi penyelidik akan membuat keputusan setelah analisis faktor dijalankan.

Jadual 3.10

Kebolehpercayaan Konstruk-Konstruk Bagi Dimensi Konteks

Sub-Dimensi Konteks	Bil	Item	Inter-Korelasi	Alpha Cronbach jika item dibuang	Alpha Cronbach
Kepentingan	B1	satu keperluan di kolej komuniti	0.629	0.769	0.814
	B2	penting sebagai nilai tambah kepada saya	0.671	0.754	
	B3	membantu saya mewujudkan peluang pekerjaan sendiri	0.621	0.773	
	B4	penting kerana menjadi usahawan merupakan kerjaya pilihan saya	0.640	0.768	

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.10 *(sambungan)*

Sub-Dimensi Konteks	Bil	Item	Inter-Korelasi	Alpha Cronbach jika item dibuang	Alpha Cronbach
Objektif	B5	bersesuaian dan praktikal untuk saya pelajari	0.702	0.858	0.878
	B6	sangat jelas untuk difahami	0.745	0.851	
	B7	bersesuaian dengan sijil kemahiran yang saya ceburi	0.665	0.861	
	B8	merupakan perkara yang boleh saya capai	*0.043*	*0.916*	
	B9	sesuai dengan keperluan terkini saya	0.777	0.848	
	B10	memenuhi harapan saya	0.779	0.850	
	B11	relevan dengan kehendak saya	0.797	0.845	
	B12	adalah sesuai dengan objektif pembelajaran yang saya ingin capai	0.689	0.857	
Struktur Penyampaian	B13	kaedah pembelajaran	0.531	0.646	0.716
	B14	senarai rujukan	*-0.025*	*0.843*	
	B15	kaedah pembelajaran kendiri	0.681	0.578	
	B16	sinopsis kursus	0.615	0.608	
	B17	rasional pelaksanaan kursus	0.689	0.575	
Struktur Pentaksiran	B18	kaedah penilaian kursus	0.477	0.833	0.805
	B19	pemarkahan bagi setiap penilaian	0.685	0.730	
	B20	jumlah penilaian yang perlu saya laksanakan	0.672	0.738	
	B21	peratus penilaian akhir dan pentaksiran berterusan	0.687	0.724	

Seterusnya, bagi menilai kesahan dimensi konteks, penyelidik telah menjalankan Analisis Faktor Penerokaan (*Exploratory Factor Analysis*) menggunakan perisian IBM SPSS. Penyelidik menggunakan kaedah analisis komponen prinsipal dengan kaedah putaran *Direct Oblimin* disebabkan andaian bahawa terdapat korelasi atau hubungan antara keempat-empat konstruk. Selain itu, penyelidik telah menggunakan nilai eigen melebihi 1 bagi menentukan kepentingan konstruk, dan faktor *loading* melebihi 0.3 bagi menentukan kepentingan item. Akan tetapi, adalah penting bahawa tafsiran atau pengertian konstruk-konstruk yang didapati daripada analisis faktor membawa maksud yang tepat. Jadual 3.11 merumuskan keputusan faktor analisis bagi dimensi konteks yang berakhir dengan 6 konstruk. Penyelidik mendapati bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keputusan ini tidak dapat dijelaskan dari segi kesahan kandungan (*content validity*), maka penyelidik menjalankan semula analisis faktor dengan mengekangkan bilangan faktor kepada 4 seperti yang dijangka.

Jadual 3.11

Analisis Faktor Dimensi Konteks Kali Pertama

Bil	Item	Konstruk					
		1	2	3	4	5	6
B5	bersesuaian dan praktikal untuk saya pelajari	0.870					
B9	sesuai dengan keperluan terkini saya	0.816					
B10	memenuhi harapan saya	0.776					
B11	relevan dengan kehendak saya	0.740					
B6	sangat jelas untuk difahami	0.733					
B7	bersesuaian dengan sijil kemahiran yang saya ceburi	0.653					
B12	adalah sesuai dengan objektif pembelajaran yang saya ingin capai	0.650					
B18	kaedah penilaian kursus	0.331					
B13	kaedah pembelajaran		-0.823				
B17	rasional pelaksanaan kursus		-0.774				
B15	kaedah pembelajaran kendiri		-0.724				
B16	sinopsis kursus		-0.616				
B20	jumlah penilaian yang perlu saya laksanakan			0.891			
B21	peratus penilaian akhir dan pentaksiran berterusan			0.831			
B19	pemarkahan bagi setiap penilaian			0.702			
B3	membantu saya mewujudkan peluang pekerjaan sendiri				0.901		
B1	satu keperluan di kolej komuniti				0.718		
B2	penting sebagai nilai tambah kepada saya				0.680		
B4	penting kerana menjadi usahawan merupakan kerjaya pilihan saya				0.602		
B8	merupakan perkara yang boleh saya capai					0.923	
B14	senarai rujukan						0.953

Jadual 3.12 menunjukkan keputusan faktor analisis penerokaan yang mengekangkan nilai konstruk kepada 4 konstruk. Kali ini, item-item di bawah konstruk yang terbentuk lebih bermakna, iaitu seperti yang dijangka. Berdasarkan jadual, penyelidik dapat mengenal pasti bahawa konstruk 1 merupakan konstruk objektif,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konstruk 2 merupakan konstruk kepentingan, konstruk 3 merupakan konstruk struktur pentaksiran, dan konstruk 4 merupakan konstruk struktur penyampaian. Akan tetapi, terdapat item-item yang muatan faktornya tidak sesuai, iaitu item B8, dan B14 yang bernilai positif (bertentangan) berbanding dengan item-item se-konstruk, dan item B18 yang nilainya terlalu rendah (0.373) berbanding dengan item-item se-konstruk. Berdasarkan perkara di atas, penyelidik mengeluarkan item B8, B14, dan B18. Jadual 3.13 memaparkan faktor *loading* bagi faktor analisis dimensi konteks selepas 3 item tersebut dikeluarkan. Didapati nilai-nilai faktor *loading* dalam jadual adalah memadai, maka boleh dikatakan dimensi konteks mempunyai kesahan konstruk, dan kajian akan menggunakan set item-item tersebut dalam kajian sebenar.

Jadual 3.12

Analisis Faktor Dimensi Konteks Kali Kedua

Bil	Item	Konstruk			
		1	2	3	4
B9	sesuai dengan keperluan terkini saya	0.857			
B11	relevan dengan kehendak saya	0.823			
B10	memenuhi harapan saya	0.813			
B6	sangat jelas untuk difahami	0.788			
B5	bersesuaian dan praktikal untuk saya pelajari	0.743			
B7	bersesuaian dengan sijil kemahiran yang saya ceburi	0.676			
B12	adalah sesuai dengan objektif pembelajaran yang saya ingin capai	0.649		0.350	
B18	kaedah penilaian kursus	0.373		0.327	
B1	satu keperluan di kolej komuniti		-0.628		-0.32
B3	membantu saya mewujudkan peluang pekerjaan sendiri		-0.572		
B4	penting kerana menjadi usahawan merupakan kerjaya pilihan saya	0.335	-0.565		
B8	merupakan perkara yang boleh saya capai	0.315	0.563		
B2	penting sebagai nilai tambah kepada saya		-0.542		
B20	jumlah penilaian yang perlu saya laksanakan			0.867	
B21	peratus penilaian akhir dan pentaksiran berterusan			0.847	
B19	pemarkahan bagi setiap penilaian			0.775	
B13	kaedah pembelajaran				-0.708
B17	rasional pelaksanaan kursus				-0.621
B15	kaedah pembelajaran kendiri	0.326			-0.585
Jenis kebolehpercayaan	Syarat
Internal reliability	*Cronbach Alpha* ≥ 0.7
Composite reliability (CR)	CR ≥ 0.6 CR = $(\sum K)^2 / [(\sum K)^2 + (\sum 1-K^2)]$ (K=faktor *loading* setiap item)
Average Variance Extracted (AVE)	AVE ≥ 0.5

Sumber: Zainudin Awang et al. (2018) dan Nor Hasnida (2015)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Kerangka Operasi Kajian

Kerangka operasi dibina bagi menunjukkan perjalanan kajian supaya perjalanan kajian berjalan dengan lancar. Pada peringkat permulaan, rancangan dibuat tentang pemilihan tajuk serta diikuti dengan sorotan kajian bagi mendapatkan segala maklumat yang diperlukan berhubung tajuk yang telah dipilih. Selepas cadangan penyelidikan diluluskan, pengumpulan data terus dilakukan dengan melakukan proses-proses penyediaan borang soal selidik dengan merujuk kepada pakar. Kajian rintis dijalankan bagi mengetahui tahap kesahan dan kebolehpercayaan borang soal selidik yang dibuat sebelum borang soal selidik tersebut diguna pakai dalam kajian yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun sekiranya cadangan penyelidikan ditolak, perancangan dan pemilihan tajuk serta sorotan kajian perlu dilakukan semula. Begitu juga sekiranya kajian rintis menunjukkan ketidaksahan dan ketidakbolehpercayaan pada item-item di dalam borang soal selidik yang perlu disemak dan disediakkan semula.

Pengumpulan data dilakukan selepas borang soal selidik diluluskan, kajian rintis dan seterusnya analisis data dapat dibuat dengan menggunakan kaedah yang telah diterangkan dalam kaedah analisis data. Jika analisis data menunjukkan data yang dianalisis tidak sah, pengumpulan data perlu dilakukan semula. Perbincangan, cadangan dan kesimpulan hanya boleh dibuat setelah kesemua data yang dikumpulkan dianalisis dan sah. Oleh itu, dalam kajian ini penyelidik telah melepasi kelulusan cadangan penyelidikan dan data-data sebenar telah dapat dikumpulkan bagi menyelesaikan kajian ini hingga ke akhirnya. Kerangka operasi kajian ditunjukkan seperti Rajah 3.2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.2. Kerangka Operasi Kajian

3.10 Rumusan

Secara keseluruhannya, dalam Bab 3 membincangkan tentang metodologi kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian ini termasuklah menghuraikan kepentingan menggunakan borang soal selidik di mana ia menjelaskan tentang instrumen kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dibangunkan dan kaedah pelaksanaan kajian. Turut dibincangkan juga adalah berkenaan populasi, sampel dan lokasi kajian serta kaedah yang digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang diperoleh daripada kajian sebenar yang telah dijalankan di Kolej Komuniti terpilih di setiap zon. Secara keseluruhannya, kajian ini ialah untuk mengukur kesepadanan model dan menilai pengaruh antara dimensi konteks, input, proses dan produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti. Bab ini meliputi beberapa bahagian iaitu mengenai analisis data awalan, data hilang, data outlier, taburan normal, kadar respon yang diterima daripada soal selidik pelajar dan profil responden. Seterusnya, diikuti dengan analisis deskriptif, analisis faktor dan model pengukuran atau lebih dikenali dengan *Confirmatory Factor Anlysis* (CFA) bagi setiap dimensi dan keseluruhan model.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Analisis Data Awalan

Sebelum kita dapat menganalisis data menggunakan kaedah-kaedah statistitik, ia adalah penting untuk menjalankan proses pemeriksaan dan pembersihan data. Tujuan proses ini adalah untuk meminimumkan masalah data terutamannya data hilang dan data tidak dimasukkan dengan betul. Contoh data tidak dimasukkan dengan betul adalah seperti nilai yang terlalu besar atau kecil disebabkan kecuaian penyelidik semasa memasukkan data dalam SPSS. Mengikut Pallant (2007), proses ini memerlukan penyemakan kesalahan bagi semua pemboleh ubah dalam soal selidik. Perkara ini dapat dilakukan dengan menggunakan analisis frekuensi, di mana sekiranya terdapat frekuensi data yang melebihi julat yang sepatutnya, penyelidik akan memperbetulkan nilai tersebut berdasarkan soal selidik asal yang dijawab responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1 Data Hilang

Bahagian ini melihat kepada isu data yang hilang, iaitu terdapat soalan yang tidak terjawab oleh responden. Perkara ini bukan sesuatu yang luar biasa dalam bidang penyelidikan terutamanya apabila berurusan dengan manusia (Pallant, 2007). Analisis frekuensi telah diguna pakai bagi menyemak bilangan dan peratusan data hilang bagi setiap pemboleh ubah (item). Analisis frekuensi telah dijalankan dan keputusannya ialah tidak terdapat data hilang dalam kajian ini, disebabkan kesemua responden yang menyertai kajian ini menjawab dengan teliti, dan segelintir responden yang terlepas jawab telah disusuli (*follow up*) bagi melengkapkan jawapan. Justeru itu, data kajian tidak perlu diperbaiki dengan kaedah imputasi data hilang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2 Data *Outlier*

Menurut Hair et al. (2016), Data outlier merupakan data yang nilai jaraknya berbeza secara ketara daripada nilai-nilai lain dalam satu atau melebihi satu pemboleh ubah. Dalam analisis awalan ini, pengkaji memberi tumpuan kepada data outlier yang nilai-nilainya melebihi julat yang sepatutnya dalam item atau pembolehubah tersebut. Daripada pelbagai cara semakan *outlie*r, penyelidik telah menggunakan kaedah penyemakan melalui histogram, nilai minimum dan maksimum. Berdasarkan analisis, tiada data yang terletak jauh daripada data-data lain. Selain itu, nilai maksimum dan minimum seperti dalam Jadual 4.1 menunjukkan data-data bagi semua pembolehubah atau item adalah berada di dalam julat 1 – 5, maka dapat dikatakan bahawa tiada outlier untuk data kajian. Selain itu, penyelidik ingin menyatakan bahawa item soalan B8, B14, B18, C13, D1, D11, D18, E4, E11 dan E20 dalam soal selidik kajian rintis pelajar tidak digunakan dalam kajian sebenar disebabkan item-item tersebut telah dikeluarkan semasa fasa kajian rintis.

Jadual 4.1

Julat Minimum Dan Maksimum Bagi Setiap Item

Item	Minimum	Maksimum	Item	Minimum	Maximum
E1	2	5	C5	1	5
E2	2	5	C6	1	5
E3	2	5	C7	1	5
E5	2	5	C8	1	5
E6	2	5	C9	2	5
E7	2	5	C10	2	5
E8	2	5	C11	2	5
E9	1	5	C12	2	5
E10	2	5	C14	1	5
E12	1	5	C15	1	5

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1 *(sambungan)*

Item	Minimum	Maksimum	Item	Minimum	Maximum
E13	1	5	C16	1	5
E14	1	5	C17	1	5
E15	1	5	C18	1	5
E16	1	5	D2	1	5
E17	1	5	D3	2	5
E18	1	5	D4	1	5
E19	1	5	D5	1	5
B1	2	5	D6	1	5
B2	2	5	D7	1	5
B3	1	5	D8	1	5
B4	1	5	D9	1	5
B5	1	5	D10	1	5
B6	1	5	D12	1	5
B7	1	5	D13	1	5
B9	1	5	D14	2	5
B10	1	5	D15	1	5
B11	1	5	D16	1	5
B12	1	5	D17	2	5
B13	2	5	D19	1	5
B15	2	5	D20	1	5
B16	2	5	D21	2	5
B17	2	5	D22	1	5
B19	2	5	D23	1	5
B20	1	5	D24	1	5
B21	2	5	D25	1	5
C1	1	5	D26	1	5
C2	2	5	D27	1	5
C3	1	5	D28	1	5
C4	2	5			

4.2.3 Menilai Taburan Normal

Di bahagian ini bertujuan untuk menilai sama ada item-item kajian bertabur secara normal. Bagi menyemak taburan univariate normal item-item, pengkaji akan merujuk kepada nilai skewness dan kurtosis item-item yang terlibat (Pallant, 2007). Jadual 4.2 merumuskan statistik min, sisihan piawai (SP), skewness, kurtosis, minimum dan maksimum bagi semua item-item kajian. Berdasarkan nilai-nilai skewness dan kurtosis,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

didapati bahawa terdapat beberapa item yang menunjukkan taburan sederhana tidak normal menurut panduan Tabachnick dan Fidell (2001) disebabkan nilai kurtosis melebihi julat [-2, 2]. Akan tetapi, menurut panduan Curran, West dan Finch (1996), Kline (2005), dan Hair et al. (2010) kesemua item mempunyai taburan normal yang boleh diterima, di mana item yang menunjukkan nilai kurtosis tertinggi (5.358) adalah item D13. Penyelidik menyertakan jadual panduan kenormalan data berdasarkan skewness, dan kurtosis seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3. Justeru, dapat disimpulkan bahawa kesemua item menunjukkan taburan normal atau menghampiri normal secara univariate.

Jadual 4.2

Statistik Bagi Taburan Normal Item-Item

Konstruk	Item	SP	Skewness	Kurtosis	Min	Max
Konteks						
Kepentingan	B1	0.671	-0.533	0.656	2	5
	B2	0.594	-0.350	0.934	2	5
	B3	0.678	-1.291	4.204	1	5
	B4	0.781	-0.426	0.735	1	5
Objektif	B5	0.640	-0.705	2.346	1	5
	B6	0.746	-0.751	1.501	1	5
	B7	0.781	-0.820	1.553	1	5
	B9	0.683	-0.020	-0.183	1	5
	B10	0.666	0.003	-0.002	1	5
	B11	0.726	-0.385	0.329	1	5
	B12	0.721	-0.350	0.278	1	5
Struktur penyampaian	B13	0.603	-0.141	0.231	2	5
	B15	0.64	-0.035	-0.278	2	5
	B16	0.685	-0.492	0.611	2	5
	B17	0.656	-0.348	0.441	2	5
Struktur pentaksiran	B19	0.563	-0.070	0.482	2	5
	B20	0.573	-0.460	2.360	1	5
	B21	0.581	-0.156	0.526	2	5

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 *(sambungan)*

Konstruk	Item	SP	Skewness	Kurtosis	Min	Max
Input						
Isi kandungan	C1	0.594	-1.008	5.362	1	5
	C2	0.516	0.155	0.175	2	5
	C3	0.763	-1.030	1.931	1	5
	C4	0.574	-0.391	1.610	2	5
	C5	0.601	-0.578	2.216	1	5
	C6	0.604	-0.462	1.225	1	5
	C7	0.631	-0.700	2.459	1	5
Bahan PdP	C8	0.773	-0.848	1.296	1	5
	C9	0.702	-0.382	0.245	2	5
	C10	0.670	-0.194	-0.096	2	5
	C11	0.655	-0.145	-0.187	2	5
	C12	0.719	-0.351	-0.023	2	5
Kemudahan prasarana	C14	0.750	-1.209	2.529	1	5
	C15	0.748	-0.857	1.640	1	5
	C16	0.813	-0.777	1.265	1	5
	C17	0.870	-1.191	1.981	1	5
	C18	0.947	-0.801	0.907	1	5
Proses						
Kaedah PdP	D2	0.630	-1.172	4.920	1	5
	D3	0.547	-0.190	1.349	2	5
	D4	0.660	-1.060	3.912	1	5
	D5	0.757	-0.705	1.531	1	5
	D6	0.557	-0.393	2.536	1	5
	D7	0.794	-0.782	1.032	1	5
	D8	0.656	-0.882	3.133	1	5
	D9	0.689	-1.159	3.444	1	5
	D10	0.665	-1.120	3.849	1	5
	D12	0.565	-0.602	1.843	1	5
	D13	0.602	-1.097	5.358	1	5
	D14	0.627	-0.655	1.138	2	5
Kaedah pentaksiran	D15	0.696	-1.016	2.769	1	5
	D16	0.641	-0.563	1.568	1	5
	D17	0.728	-0.402	-0.237	2	5
	D19	0.616	-0.867	3.985	1	5
	D20	0.689	-1.054	3.405	1	5
	D21	0.648	-0.419	0.239	2	5
	D22	0.673	-0.911	2.902	1	5
Penggunaan bahan PdP	D23	0.747	-1.316	2.641	1	5
	D24	0.681	-1.393	3.999	1	5
	D25	0.655	-0.925	2.469	1	5
	D26	0.868	-0.447	0.025	1	5
	D27	1.202	-0.738	-0.302	1	5
	D28	0.919	-1.079	1.111	1	5

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 *(sambungan)*

Konstruk	Item	SP	Skewness	Kurtosis	Min	Max
Produk						
Penguasaan kefahaman pelajar	E1	0.602	-0.456	0.456	2	5
	E2	0.593	-0.465	0.536	2	5
	E3	0.635	-0.405	0.380	2	5
	E5	0.621	-0.435	0.562	2	5
	E6	0.587	-0.118	0.056	2	5
	E7	0.664	-0.413	0.056	2	5
	E8	0.584	-0.175	-0.085	2	5
	E9	0.758	-0.841	1.612	1	5
	E10	0.619	-0.304	-0.308	2	5
Motivasi pelajar menjadi usahawan	E12	0.690	-0.735	2.034	1	5
	E13	0.673	-0.720	2.235	1	5
	E14	0.680	-0.624	1.827	1	5
	E15	0.675	-0.854	2.936	1	5
Kesediaan pelajar menjadi usahawan	E16	0.822	-1.027	1.980	1	5
	E17	0.653	-0.811	2.885	1	5
	E18	0.727	-0.804	1.740	1	5
	E19	0.799	-0.707	1.077	1	5

Jadual 4.3

Panduan Skewness Dan Kurtosis Taburan Kenormalan Data

Jenis Taburan	*Skewness*	*Kurtosis*	Sumber
Normal	[-2, 2]	[-2, 2]	Tabachnick dan Fidell (2001)
Normal	<2	<7	Curran, West, dan Finch (1996)
Sederhana Normal	[-2, 3]	[7, 21]	
Terlampau Tidak Normal	>3	>21	
Normal	[-2, 2]	[-7, 7]	Hair et al. (2010)
Terlampau skewed dan kurtosis	>3	>8	Kline (2005)

Sumber : Nor Hasnida (2015) dan Saralah Sovey et al. (2010)

4.3 Profil Responden

Dalam bahagian ini, penyelidik membincangkan profil responden dari segi lokasi kajian, jantina, bangsa, kawasan, pengalaman sebagai usahawan, latar belakang keluarga dalam usahawan, dan pendapatan bulanan keluarga responden dengan menggunakan frekuensi dan peratusan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan jadual, responden dari lapan lokasi iaitu Kolej Komuniti Sabak Bernam, Kolej Komuniti Sungai Petani, Kolej Komuniti Sungai Siput, Kolej Komuniti Rompin, Kolej Komuniti Selandar, Kolej Komuniti Paya Besar, Kolej Komuniti Arau dan Kolej Komuniti Masjid Tanah. Setiap lokasi kajian mempunyai sekurang-kurangnya 42 responden dengan peratusan sebanyak 10.1%. Kolej Komuniti Sungai Petani mempunyai responden tertinggi iaitu 65 orang dengan peratusan 65%. Berdasarkan taburan lokasi yang merangkumi Kolej Komuniti di peringkat zon Semenanjung Malaysia, maka adalah selamat untuk mengaplikasikan dapatan kajian pada kolej-kolej komuniti yang lain.

Melihat kepada jantina, didapati jantina responden adalah lebih kurang sama dengan pelajar lelaki seramai 219 orang (52.6%), dan pelajar perempuan seramai 197 orang (47.4%). Bagi bangsa responden pula, jelas bahawa majoriti pelajar di Kolej Komuniti adalah bangsa Melayu, seramai 404 (97.1%). Seterusnya, bagi kawasan tempat tinggal responden, didapati responden dari bandar dan luar bandar adalah lebih kurang sama, iaitu seramai 228 orang dari kawasan bandar (54.8%), dan 188 orang dari kawasan luar bandar (45.2%). Berdasarkan perbincangan di atas, hasil dapatan kajian dapat diaplikasikan ke atas pelajar kedua-dua jantina, pelajar dari bandar dan luar bandar, tetapi bagi kategori jenis bangsa adalah lebih sesuai terhadap pelajar berbangsa Melayu sahaja.

Selain itu, kajian ini melihat kepada pengalaman dalam keusahawan dalam kalangan responden. Berdasarkan jadual, didapati majoriti pelajar Kolej Komuniti mempunyai pengalaman sebagai usahawan, iaitu seramai 280 orang (67.3%). Kemudian, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa majoriti responden tiada latar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

belakang keluarga yang merupakan usahawan seramai 300 orang (72.1%). Seterusnya, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pendapatan bulanan keluarga pelajar Kolej Komuniti adalah dalam kumpulan RM 500 - RM 2000 (49.0%), diikuti kumpulan RM 2001 - RM 3000 (32.2%), kumpulan RM 3001 - RM 5000 (10.3%), dan akhirnya minoriti pelajar yang dari kumpulan > RM 5000 (8.4%).

Jadual 4.4

Profil Responden Kajian (N = 416)

Pemboleh Ubah	Kumpulan	Frekuensi	Peratus
Lokasi	Kolej Komuniti Sabak Bernam	56	13.5
	Kolej Komuniti Sungai Petani	65	15.6
	Kolej Komuniti Sungai Siput	42	10.1
	Kolej Komuniti Rompin	54	13.0
	Kolej Komuniti Selandar	52	12.5
	Kolej Komuniti Paya Besar	43	10.3
	Kolej Komuniti Arau	53	12.7
	Kolej Komuniti Masjid Tanah	51	12.3
Jantina	Lelaki	219	52.6
	Perempuan	197	47.4
Bangsa	Melayu	404	97.1
	Cina	1	0.20
	India	10	2.40
	lain-lain	1	0.20
Kawasan	Bandar	228	54.8
	Luar bandar	188	45.2
Pengalaman Usahawan	Ya	280	67.3
	Tidak	136	32.7
Keluarga Keusahawan	Ya	116	27.9
	Tidak	300	72.1
Pendapatan Keluarga	RM 500 - RM 2000	204	49.0
	RM 2001 - RM 3000	134	32.2
	RM 3001 - RM 5000	43	10.3
	> RM 5000	35	8.40

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Analisis Deskriptif: Keputusan Analisis Objektif Kajian 1

Seterusnya, bahagian ini membincangkan dapatan kajian deskriptif bagi menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu apakah persepsi pelajar dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan bagi dimensi konteks, input, proses dan produk. Oleh itu, analisis deskriptif ini bertujuan menilai persepsi pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti melibatkan 4 sub konstruk bagi dimensi konteks, 3 sub konstruk dimensi input, 3 sub konstruk dimensi proses dan 3 sub konstruk dimensi produk. Bagi menentukan setiap konstruk mempunyai tahap tertentu, penyelidik telah menetapkan satu garis panduan interpretasi skor min oleh Jamil Ahmad (2002) seperti yang dinyatakan dalam Bab 3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.1 Persepsi Dimensi Konteks

Jadual 4.5 menunjukkan dengan jelas persepsi kepentingan kurikulum berkaitan dengan konstruk dimensi konteks. Sub konstruk pertama bagi konstruk dimensi konteks ialah berkenaan kepentingan kurikulum keusahawanan terhadap pelajar. Min tertinggi ditunjukkan oleh item, "subjek keusahawanan adalah membantu saya mewujudkan peluang pekerjaan sendiri" dengan nilai M = 4.32, SP = 0.678. Dapatan ini menunjukkan kurikulum keusahawanan ini penting dalam membantu dan memberi peluang pekerjaan kepada pelajar. Item kedua dan ketiga tertinggi iaitu "subjek keusahawanan adalah penting sebagai nilai tambah kepada saya" dengan nilai M = 4.18, SP = 0.594 dan "subjek keusahawanan adalah satu keperluan di kolej komuniti" dengan nilai M = 4.12, SP = 0.671. Kedua-dua item ini menunjukkan pelajar berpandangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa subjek keusahawanan ini sangat penting dan merupakan satu keperluan dalam pelaksanaan pembelajaran di Kolej Komuniti. Manakala, item berkaitan dengan "subjek keusahawanan adalah penting kerana menjadi usahawan merupakan kerjaya pilihan saya" dengan nilai M = 3.75 SP = 0.781, merupakan item yang mempunyai tahap min terendah berbanding item yang lain dalam konstruk yang sama. Secara keseluruhan, semua nilai min dalam sub konstruk kepentingan kurikulum berada tahap yang tinggi yang mana dapatan menjelaskan bahawa persepsi pelajar berkaitan kepentingan kurikulum dalam dimensi konteks berada pada tahap tinggi.

Jadual 4.5

Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Kepentingan Kurikulum

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
	Subjek keusahawanan adalah			
1	satu keperluan di kolej komuniti	4.12	0.671	Tinggi
2	penting sebagai nilai tambah kepada saya	4.18	0.594	Tinggi
3	**membantu saya mewujudkan peluang pekerjaan sendiri**	**4.32**	**0.678**	**Tinggi**
4	**penting kerana menjadi usahawan merupakan kerjaya pilihan saya**	**3.75**	**0.781**	**Tinggi**

Seterusnya, sub konstruk kedua bagi konstruk dimensi konteks ialah berkaitan dengan persepsi terhadap objektif kurikulum keusahawanan yang diukur menggunakan tujuh item. Dapatan ditunjukkan dalam Jadual 4.6 yang menunjukkan nilai min tertinggi ialah item "Objektif pembelajaran subjek keusahawanan adalah bersesuaian dengan sijil kemahiran yang saya ceburi", dengan nilai M = 4.00, SP = 0.781. Pelajar dengan jelas berpandangan bahawa objektif kurikulum keusahawanan adalah "bersesuaian dan praktikal untuk saya pelajari" dengan nilai M = 3.98, SP = 0.640 yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan nilai min kedua tertinggi. Manakala min ketiga tertinggi adalah melalui item "Tempoh jam pembelajaran subjek keusahawanan adalah sesuai dengan objektif pembelajaran yang saya ingin capai" dengan nilai M = 3.90, SP = 0.721. Item "Objektif pembelajaran subjek keusahawanan adalah memenuhi keperluan saya", dan "relevan dengan kehendak saya" dengan nilai M = 3.77, SP = 0.666 dan M = 3.77, SP = 0.726 pula mendapat min terendah dalam sub konstruk ini. Secara keseluruhan sub konstruk ini menunjukkan persepsi pelajar terhadap objektif kurikulum dalam aspek dimensi konteks berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 4.6

Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Objektif Kurikulum

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Objektif pembelajaran subjek keusahawanan adalah				
1	bersesuaian dan praktikal untuk saya pelajari	3.98	0.640	Tinggi
2	sangat jelas untuk difahami	3.86	0.746	Tinggi
3	**bersesuaian dengan sijil kemahiran yang saya ceburi**	**4.00**	**0.781**	**Tinggi**
4	sesuai dengan keperluan terkini saya	3.87	0.683	Tinggi
5	**memenuhi harapan saya**	**3.77**	**0.666**	**Tinggi**
6	**relevan dengan kehendak saya**	**3.77**	**0.726**	**Tinggi**
Tempoh jam pembelajaran subjek keusahawanan				
7	adalah sesuai dengan objektif pembelajaran yang saya ingin capai	3.90	0.721	Tinggi

Berikutnya, sub konstruk yang ketiga bagi konstruk dimensi konteks ialah struktur penyampaian kurikulum yang diukur melalui empat item. Dapatan ditunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam Jadual 4.7. Nilai min paling tinggi adalah pada item "Dalam rangka kursus subjek keusahawanan dinyatakan dengan jelas kaedah pembelajaran", dengan nilai M = 4.02, SP = 0.603. Seterusnya diikuti dengan item "rasional pelaksanaan kursus" dengan nilai M = 3.94, SP = 0.656. Secara keseluruhan sub konstruk ini menunjukkan persepsi pelajar terhadap struktur penyampaian kurikulum dalam aspek dimensi konteks berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 4.7

Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Stuktur Penyampaian Kurikulum

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Dalam rangka kursus subjek keusahawanan dinyatakan dengan jelas				
1	**kaedah pembelajaran**	**4.02**	**0.603**	**Tinggi**
2	kaedah pembelajaran kendiri	3.92	0.640	Tinggi
3	sinopsis kursus	3.93	0.685	Tinggi
4	rasional pelaksanaan kursus	3.94	0.656	Tinggi

Seterussnya, sub konstruk yang keempat bagi konstruk dimensi konteks ialah struktur pentaksiran kurikulum yang diukur melalui tiga item. Jadual 4.8 menunjukkan dapatan nilai min tertinggi adalah pada item "Dalam rangka kursus subjek keusahawanan dinyatakan dengan jelas peratus penilaian akhir dan pentaksiran berterusan" dengan nilai M = 4.08, SP = 0.581. Seterusnya diikuti dengan item dalam rangka kursus subjek keusahawanan dinyatakan dengan jelas "pemarkahan bagi setiap penilaian" dan "jumlah penilaian yang perlu saya laksanakan" dengan masing-masing mempunyai nilai M = 4.04, SP = 0.563 dan M = 4.04, SP = 0.573. Secara keseluruhan sub konstruk ini menunjukkan persepsi pelajar terhadap struktur pentaksiran kurikulum dalam aspek dimensi konteks berada pada tahap yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8

Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Struktur Pentaksiran Kurikulum

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Dalam rangka kursus subjek keusahawanan dinyatakan dengan jelas				
1	pemarkahan bagi setiap penilaian	4.04	0.563	Tinggi
2	jumlah penilaian yang perlu saya laksanakan	4.04	0.573	Tinggi
3	**peratus penilaian akhir dan pentaksiran berterusan**	**4.08**	**0.581**	**Tinggi**

4.4.2 Persepsi Dimensi Input

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Konstruk yang kedua pula ialah dimensi input yang diukur melalui tiga sub konstruk iaitu isi kandungan kurikulum, bahan PdP dan kemudahan prasarana. Analisis deskriptif dalam Jadual 4.9 menunjukkan sub konstruk yang pertama bagi dimensi input iaitu isi kandungan kurikulum. Item yang melibatkan dalam subjek keusahawanan saya mempelajari "cara menghasilkan idea perniagaan" dan "jenis usahawan masa kini" dengan nilai min tertinggi, M = 4.27, SP = 0.516 dan M = 4.27, SP = 0.604. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar yang terlibat dalam kajian ini bersetuju bahawa kurikulum keusahawanan menawarkan input bagaimana untuk menjana idea-idea dalam perniagaan dan mengenal pasti jenis perniagaan yang sesuai dijalankan pada masa kini. Bahkan pelajar juga berpandangan bahawa dalam subjek keusahawanan mereka mempelajari "definisi keusahawanan yang betul", M = 4.22, SP = 0.594 dan "ciri-ciri kompetensi usahawan berjaya" dengan nilai M = 4.20, SP = 0.601. Item "dalam subjek keusahawanan saya mempelajari kaedah pendaftaran perniagaan" telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberi nilai min terendah, M = 3.97, SP = 0.763. Secara keseluruhan, sub konstruk ini juga menunjukkan persepsi pelajar dalam aspek isi kandungan kurikulum dalam dimensi input adalah tinggi.

Jadual 4.9

Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Isi Kandungan Kurikulum

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Dalam subjek keusahawanan saya mempelajari				
1	definisi keusahawanan yang betul	4.22	0.594	Tinggi
2	**cara menghasilkan idea perniagaan**	**4.27**	**0.516**	**Tinggi**
3	**kaedah pendaftaran perniagaan**	**3.97**	**0.763**	**Tinggi**
4	cara pengurusan kewangan	4.15	0.574	Tinggi
5	ciri-ciri kompetensi usahawan berjaya	4.20	0.601	Tinggi
6	**jenis usahawan masa kini**	**4.27**	**0.604**	**Tinggi**
7	kaedah pemasaran produk dan perkhidmatan	4.19	0.631	Tinggi

Seterusnya, dari aspek bahan PdP iaitu sub konstruk kedua dalam dimensi input, dapatan turut menunjukkan nilai min yang tinggi bagi semua item seperti di Jadual 4.10. Item "pembelajaran subjek keusahawanan dilengkapi dengan bahan yang memudahkan kefahaman saya" dengan nilai M = 3.99, SP = 0.655 menunjukkan nilai min tertinggi. Dapatan ini memberi persepsi bahawa pelajar bersetuju dengan sumber bahan PdP yang disediakan dalam pembelajaran subjek keusahawanan telah memudahkan kefahaman mereka. Ini diikuti dengan tahap persetujuan yang tinggi terhadap bahan PdP yang disediakan adalah menarik berdasarkan item "pembelajaran subjek keusahawanan dilengkapi dengan bahan pembelajaran yang menarik" dengan nilai M = 3.97, SP = 0.719. Manakala, nilai min terendah adalah item "pembelajaran subjek keusahawanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilengkapi dengan peralatan audio visual" dengan nilai M = 3.73, SP = 0.773. Walaubagaimanapun nilai min bagi item tersebut masih pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhan, persepsi pelajar terhadap bahan PdP dalam dimensi input adalah pada tahap yang tinggi.

Jadual 4.10

Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Bahan PdP

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Pembelajaran subjek keusahawanan dilengkapi				
1	**dengan peralatan audio visual**	**3.73**	**0.773**	**Tinggi**
2	bahan rujukan yang secukupnya	3.88	0.702	Tinggi
3	dengan nota yang jelas	3.96	0.670	Tinggi
4	**dengan bahan yang memudahkan kefahaman saya**	**3.99**	**0.655**	**Tinggi**
5	dengan bahan pembelajaran yang menarik	3.97	0.719	Tinggi

Sub konstruk yang ketiga bagi konstruk dimensi input ialah kemudahan prasarana yang diukur dengan menggunakan lima item seperti di Jadual 4.11. Majoriti pelajar menyatakan bahawa "Kolej Komuniti menyediakan suasana bilik kuliah yang selesa" dengan nilai M = 4.30, SP = 0.750. Dapatan ini menggambarkan bahawa pelajar berpuas hati dengan tempat pembelajaran yang disediakan dengan kepelbagaian kemudahan yang digunakan oleh pelajar semasa pembelajaran keusahawanan memberi keselesaan yang lebih baik dalam kalangan pelajar. Manakala, item "persekitaran bersesuaian untuk pelaksanaan aktiviti keusahawanan" menunjukkan nilai min kedua tertinggi, M = 3.98, SP = 0.870. Seterusnya diikuti dengan item Kolej Komuniti menyediakan "ruang niaga" dan "kelengkapan" untuk aktiviti keusahawanan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

nilai M = 3.95, SP = 0.748 dan M = 3.94, SP = 0.813. Item "Kolej Komuniti menyediakan bilik khas aktiviti keusahawanan pelajar" menunjukkan nilai min terendah dalam sub konstruk ini dengan nilai M = 3.77, SP = 0.947. Oleh itu secara keseluruhan persepsi pelajar terhadap kemudahan prasarana yang disediakan di Kolej Komuniti dalam dimensi input adalah pada tahap yang tinggi.

Jadual 4.11

Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Kemudahan Prasarana

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Kolej Komuniti menyediakan				
1	**suasana bilik kuliah yang selesa**	**4.30**	**0.750**	**Tinggi**
2	ruang niaga untuk keusahawanan	3.95	0.748	Tinggi
3	kelengkapan untuk aktiviti keusahawanan	3.94	0.813	Tinggi
4	persekitaran bersesuaian untuk pelaksanaan aktiviti keusahawanan	3.98	0.870	Tinggi
5	**bilik khas aktiviti keusahawanan pelajar**	**3.77**	**0.947**	**Tinggi**

4.4.3 Persepsi Dimensi Proses

Konstruk yang seterusnya ialah dimensi proses yang diukur melalui tiga sub konstruk iaitu kaedah PdP, kaedah pentaksiran dan penggunaan bahan PdP. Jadual 4.12 menunjukkan dapatan bagi sub konstruk kaedah PdP yang mempunyai 12 item. Item pensyarah keusahawanan "merancang program Hari Keusahawanan" dengan nilai M = 4.41, SP = 0.565 merupakan nilai min tertinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa pensyarah keusahawanan telah berjaya merancang aktiviti hari usahawan bagi memberi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendedahan sebenar kepada pelajar. Manakala item kedua dan ketiga tertinggi ialah item "pembelajaran secara berkumpulan dilaksanakan" dan pensyarah "mengaitkan teori keusahawanan dengan situasi sebenar" dengan masing-masing memberikan nilai min M = 4.23, SP = 0.557 dan M = 4.22, SP = 0.689. Item "saya membuat kajian lapangan berkaitan keusahawanan" pula merupakan nilai min yang terendah, M = 3.97, SP = 0.794. Hasil analisis dalam sub konstruk kaedah PdP memberi gambaran bahawa majoriti pelajar terlibat berpandangan bahawa penyampaian kaedah PdP oleh pensyarah telah mencapai tahap yang diharapkan oleh pelajar itu sendiri. Pelajar juga faham penyampaian pensyarah dan telah didedahkan dengan situasi keusahawanan yang sebenar. Secara keseluruhan, persepsi pelajar terhadap kaedah PdP keusahawanan yang disampaikan oleh pensyarah adalah tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12

Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Kaedah PdP

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Dalam kelas keusahawanan				
1	pensyarah menyatakan dengan jelas objektif pembelajaran	4.15	0.630	Tinggi
2	membincangkan aktiviti penyelesaian masalah	4.15	0.547	Tinggi
3	kaedah pengajaran pensyarah mudah difahami	4.05	0.660	Tinggi
4	pensyarah mengendalikan kelas dengan menyeronokkan	3.98	0.757	Tinggi
5	pembelajaran secara berkumpulan dilaksanakan	4.23	0.557	Tinggi
6	**saya membuat kajian lapangan berkaitan keusahawanan**	**3.97**	**0.794**	**Tinggi**

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12 *(sambungan)*

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
7	pensyarah meningkatkan kemahiran keusahawanan saya	4.10	0.656	Tinggi
	Pensyarah keusahawanan			
8	mengaitkan teori keusahawanan dengan situasi sebenar	4.22	0.689	Tinggi
9	memberi respon terhadap pandangan yang diberikan oleh pelajar	4.19	0.665	Tinggi
10	**merancang program Hari Keusahawanan**	**4.41**	**0.565**	**Tinggi**
11	memberi pendedahan tentang ciri-ciri usahawan berjaya	4.29	0.602	Tinggi
12	memberi pendedahan tentang keusahawanan secara atas talian (*online*)	4.29	0.627	Tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sub konstruk kedua dalam dimensi proses ialah berkaitan dengan kaedah pentaksiran. Terdapat tujuh item yang digunakan untuk mengukur tahap sub konstruk ini. Dapatan analisis deskriptif dilaporkan dalam Jadual 4.13 yang menunjukkan min tertinggi ialah melibatkan dua item iaitu tugasan yang diberikan oleh pensyarah "melibatkan pengalaman keusahawanan yang sebenar", M = 4.19, SP = 0.696 dan "melibatkan strategi promosi" dengan nilai M = 4.19, SP = 0.648. Dapatan analisis juga dapat dilihat apabila semua item berkaitan strategi keusahawanan seperti produk, strategi harga, dan strategi agihan produk memberikan nilai min yang tinggi. Ini memberikan gambaran bahawa pensyarah telah membuat pentaksiran dengan berpandukan kurikulum keusahawanan yang dilaksanakan berasaskan persepsi pelajar terhadap item-item tersebut. Manakala min bagi item tugasan yang diberikan oleh pensyarah "sesuai dengan pengetahuan saya" memberikan min terendah iaitu M = 4.07,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SP = 0.641 namun masih pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya, persepsi pelajar terhadap kaedah pentaksiran pensyarah berada pada tahap yang tinggi apabila ketujuh-tujuh item menunjukkan nila min yang tinggi untuk sub konstruk dalam dimensi proses ini.

Jadual 4.13

Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Kaedah Pentaksiran

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Tugasan yang diberikan oleh pensyarah				
1	**melibatkan pengalaman keusahawanan yang sebenar**	**4.19**	**0.696**	**Tinggi**
2	**sesuai dengan pengetahuan saya**	**4.07**	**0.641**	**Tinggi**
3	sangat mendorong saya untuk menjadi usahawan	4.09	0.728	Tinggi
4	melibatkan aspek strategi produk	4.09	0.616	Tinggi
5	melibatkan strategi meletakkan harga	4.12	0.689	Tinggi
6	**melibatkan strategi promosi**	**4.19**	**0.648**	**Tinggi**
7	melibatkan strategi agihan produk	4.08	0.673	Tinggi

Sub konstruk yang ketiga ialah penggunaan bahan PdP yang diukur menggunakan tujuh item. Analisis deskriptif ditunjukkan dalam Jadual 4.14 mendapati item dalam kelas keusahawanan "pensyarah menggunakan *Powerpoint slide* sebagai bahan pengajaran" memberikan nilai min tertinggi iaitu M = 4.38, SP = 0.681. Item kedua yang memberikan min tertinggi ialah dalam kelas keusahawanan "ada menggunakan kemudahan internet dalam pembelajaran" dengan nilai M = 4.34, SP = 0.747. Kedua-dua item ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar bersetuju bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam proses pelaksanaan PdP keusahawanan, pensyarah telah menggunakan bahan pembelajaran berdasarkan teknologi sedia ada seperti internet dan perisian *Powerpoint*. Pelajar juga bersetuju bahawa "pensyarah menggunakan nota yang menarik minat saya" dengan nilai M = 3.82, SP = 0.868. Pelajar juga telah diberikan peruntukan masa untuk menjalankan aktiviti perniagaan apabila item Kolej Komuniti menyediakan peruntukan "masa seperti jadual untuk pelajar menjalankan aktiviti jualan" juga mendapat min pada tahap yang tinggi iaitu M = 3.98, SP = 0.919. Namun terdapat satu item dengan nilai min terendah dan berada pada tahap sederhana dalam sub konstruk dimensi proses ini iaitu item Kolej Komuniti menyediakan peruntukan "bahan seperti kewangan dalam proses menjalankan aktiviti keusahawanan" dengan nilai M = 3.54, SP = 1.202. Namun secara keseluruhan, persepsi pelajar berada pada tahap yang tinggi bagi aspek sub konstruk ketiga dalam dimensi proses kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.14

Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Penggunaan Bahan PdP

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Dalam kelas keusahawanan, pensyarah menggunakan				
1	**kemudahan internet dalam pembelajaran**	**4.34**	**0.747**	**Tinggi**
2	***Powerpoint slide* sebagai bahan pengajaran**	**4.38**	**0.681**	**Tinggi**
3	video dan gambar dalam pengajaran	4.30	0.655	Tinggi
4	nota yang menarik minat saya	3.82	0.868	Tinggi
Kolej Komuniti menyediakan peruntukan				
5	**bahan seperti kewangan dalam proses menjalankan aktiviti keusahawanan**	**3.54**	**1.202**	**Sederhana**
6	masa seperti jadual untuk pelajar menjalankan aktiviti jualan	3.98	0.919	Tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.4 Persepsi Dimensi Produk

Terdapat tiga sub konstruk yang diukur dalam konstruk dimensi produk yang terdiri daripada penguasaan kefahaman pelajar, motivasi pelajar menjadi usahawan dan kesediaan pelajar menjadi usahawan. Sub konstruk yang pertama ialah aspek penguasan kefahaman pelajar yang terdiri daripada sembilan item. Dapatan analisis deskriptif bagi sub konstruk ini adalah seperti yang ditunjukkan di Jadual 4.15. Item "mengetahui ciri-ciri untuk menjadi seorang usahawan" dengan nilai M = 4.33, SP = 0.593 merupakan item dengan nilai min tertinggi. Item kedua tertinggi dengan nilai M = 4.31, SP = 0.602 pula ialah item "meningkatkan pengetahuan keusahawanan". Kedua-dua item ini menunjukkan bahawa kurikulum keusahawanan telah dapat menambahkan pengetahuan pelajar terhadap bidang usahawan. Manakala nilai min terendah ialah item "menerangkan keperluan saluran agihan" dengan nilai M = 4.10, SP = 0.758. Nilai min keseluruhan bagi sub konstruk penguasaan kefahaman pelajar adalah pada tahap yang tinggi.

Jadual 4.15

Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Penguasaan Kefahaman Pelajar

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Subjek keusahawanan membolehkan saya				
1	**meningkatkan pengetahuan keusahawanan**	**4.31**	**0.602**	**Tinggi**
2	**mengetahui ciri-ciri untuk menjadi seorang usahawan**	**4.33**	**0.593**	**Tinggi**
3	mengetahui cara membuat rancangan perniagaan dengan betul	4.19	0.635	Tinggi
4	mengaplikasikan ilmu usahawan dalam kehidupan	4.22	0.621	Tinggi

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15 *(sambungan)*

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
5	faham cara menghasilkan idea perniagaan	4.16	0.587	Tinggi
6	menerangkan kaedah penentuan harga	4.18	0.664	Tinggi
7	menerangkan kaedah promosi secara *online* dan *offline*	4.25	0.584	Tinggi
8	**menerangkan keperluan saluran agihan**	**4.10**	**0.758**	**Tinggi**
9	menerangkan kepentingan pengurusan kos perniagaan	4.26	0.619	Tinggi

Sub konstruk kedua ialah motivasi pelajar menjadi usahawan yang diukur menggunakan empat item. Dapatan dilaporkan seperti di Jadual 4.16, menunjukkan nilai min tertinggi adalah item "membuatkan saya yakin untuk menceburi bidang keusahawanan" dengan nilai M = 4.08, SP = 0.673. Keyakinan pelajar yang terlibat dalam kajian ini berada pada tahap yang tinggi setelah melalui proses pelakasanan kurikulum keusahawanan. Proses pembelajaran dan input-input yang disediakan telah dapat meningkatkan tahap motivasi pelajar untuk menjadi usahawan. Ini ditunjukkan dengan item subjek keusahawanan "meningkatkan motivasi untuk menjadi usahawan" dengan nilai M = 4.06, SP = 0.680. Item "menjadikan saya lebih bersemangat untuk menjadi usahawan" menunjukkan nilai min terendah, M = 4.04, SP = 0.675. Walau bagaimanapun, ianya masih berada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya, sub konstruk motivasi pelajar menjadi usahawan berada pada tahap yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.16

Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Motivasi Pelajar Menjadi Usahawan

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Subjek keusahawanan				
1	membantu meningkatkan tahap profesional saya	4.06	0.690	Tinggi
2	**membuatkan saya yakin untuk menceburi bidang keusahawanan**	**4.08**	**0.673**	**Tinggi**
3	meningkatkan motivasi untuk menjadi usahawan	4.06	0.680	Tinggi
4	**menjadikan saya lebih berusaha untuk menjadi usahawan**	**4.04**	**0.675**	**Tinggi**

Sub konstruk yang ketiga iaitu yang terakhir bagi konstruk dimensi produk ialah kesediaan pelajar menjadi usahawan yang diukur dengan menggunakan empat item. Dapatan analisis deskriptif bagi sub konstruk ini ditunjukkan dalam Jadual 4.17. Item "kemahiran yang dipelajari menarik minat kerjaya sebagai usahawan" dengan nilai M = 4.03, SP = 0.653, diikuti dengan item "saya sedia untuk menjadi usahawan setelah tamat pengajian" dengan nilai M = 4.00, SP = 0.799. Item-item ini menjelaskan tentang pelaksanaan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti telah dapat menyuburkan minat pelajar sehingga pelajar merasakan mereka bersedia untuk menjadi usahawan. Manakala item "ciri-ciri kompetensi usahawan telah diaplikasikan dalam diri saya" dengan nilai M = 3.96, SP = 0.727 menunjukkan nilai min kedua terendah pada sub konstruk ini. Seterusnya item "saya cenderung untuk menjadi seorang usahawan" memberikan nilai min terendah iaitu M = 3.87, SP = 0.822. Secara keseluruhannya, sub konstruk kesediaan pelajar menjadi usahawan adalah pada tahap yang tinggi. Jadual 4.18 pula menunjukkan ringkasan dapatan keseluruhan min bagi setiap konstruk dan sub konstruk kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17

Analisis Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Kesediaan Pelajar Menjadi Usahawan

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Setelah mempelajari subjek keusahawanan				
1	saya cenderung untuk menjadi seorang usahawan	3.87	0.822	Tinggi
2	**kemahiran yang dipelajari menarik minat kerjaya sebagai usahawan**	**4.03**	**0.653**	**Tinggi**
3	ciri-ciri kompetensi usahawan telah diaplikasikan dalam diri saya	3.96	0.727	Tinggi
4	**saya sedia untuk menjadi usahawan setelah tamat pengajian**	**4.00**	**0.799**	**Tinggi**

Jadual 4.18

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ringkasan Dapatan Analisis Deskriptif Min (Analisis Objektif Kajian 1)

Bil	**Dimensi**	**Analisis deskriptif**		
		Sub konstruk	**Min**	**Min purata**
1	Konteks	▪ Kepentingan ▪ Objektif ▪ Struktur penyampaian ▪ Struktur pentaksiran	4.09 3.88 3.95 4.05	3.99
2	Input	▪ Isi kandungan ▪ Bahan PdP ▪ Kemudahan prasarana	4.18 3.91 3.99	4.02
3	Proses	▪ Kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP) ▪ Kaedah pentaksiran ▪ Penggunaan bahan PdP	4.17 4.12 4.06	4.11
4	Produk	▪ Penguasaan Kefahaman pelajar ▪ Motivasi pelajar menjadi usahawan ▪ Kesediaan pelajar menjadi usahawan	4.22 4.10 3.96	4.08
		Min Keseluruhan		**4.05**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.18, secara keseluruhannya nilai skor min purata yang diperoleh bagi dimensi konteks pelaksanaan kurikulum keusahawanan Kolej Komuniti adalah 3.99 dan dapatan ini menunjukkan bahawa kepentingan, objektif, struktur penyampaian dan struktur pentaksiran kurikulum keusahawanan adalah pada tahap yang tinggi. Kepentingan pelaksanaan kurikulum keusahawanan dari sudut konteks mempunyai min paling tinggi iaitu 4.09 diikuti struktur pentaksiran 4.05, struktur penyampaian 3.95 dan objektif 3.88.

Seterusnya daripada sudut dimensi input pelaksanaan kurikulum keusahawanan, nilai min bagi keseluruhan input adalah 4.02. Dapatan ini menunjukkan bahawa input bagi aspek isi kandungan, bahan PdP dan kemudahan prasarana adalah pada tahap yang tinggi. Daripada ketiga-tiga sub dimensi tersebut, min bagi isi kandungan kurikulum adalah berada pada kedudukan paling tinggi iaitu 4.18 diikuti dengan min kemudahan prasarana 3.99 dan bahan PdP 3.91.

Bagi dimensi proses pelaksanaan kurikulum keusahawanan, dimensi ini mengandungi tiga sub dimensi iaitu kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP), kaedah pentaksiran dan penggunaan bahan PdP. Dapatan analisis menunjukkan ketiga-tiga dimensi mempunyai nilai min yang tinggi iaitu masing-masing dengan nilai 4.17, 4.12 dan 4.06, seterusnya memberikan nilai purata min bagi dimensi proses adalah 4.11. Dimensi proses bagi pelaksanaan kursus merekodkan nilai min purata paling tinggi dalam kalangan empat dimensi dalam kajian ini.

Seterusnya nilai purata min bagi dimensi produk adalah 4.08. Setiap sub dimensi produk merekodkan nilai min yang tinggi iaitu tahap penguasaan ilmu (4.22),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

motivasi pelajar menjadi usahawan (4.10) dan kesediaan pelajar menjadi usahawan (3.96). Secara keseluruhan setiap dimensi dalam kajian ini merekodkan min pada tahap yang tinggi iaitu antara 3.67 hingga 5.00 mengikut interpretasi min Jamil Ahmad (2002).

4.5 Analisis Syarat Pemodelan Persamaan Berstruktur

Seterusnya, bahagian ini bertujuan merungkaikan persoalan kajian seperti yang dicadangkan dalam bab sebelum ini. Hipotesis dalam kajian ini lebih menumpu kepada kesepadanan model dan pengaruh antara dimensi, maka analisis pemodelan persamaan berstruktur digunakan dalam IBM SPSS Amos. Di bahagian ini, terdapat tujuh hipotesis kajian yang perlu dijawab seperti yang tertera di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H_1: Terdapat kesepadanan model persamaan berstruktur bagi dimensi konteks, input, proses dan produk dalam pelaksanaan kurikulum keushawanan dengan data kajian.

H_2: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi input terhadap dimensi proses dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.

H_3: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi input terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.

H_4: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi proses terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.

H_5: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi konteks terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.

H_6: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi konteks terhadap dimensi input dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H_7: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi konteks terhadap dimensi proses dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.

4.5.1 Analisis dan Keputusan Model Pengukuran

Sebelum analisis pemodelan persamaan berstruktur, ia adalah penting untuk menyemak dan membincangkan kaedah penganggaran, kesesuaian dan kelengkapan model. Jadi, penyelidik mempertimbangkan kesesuaian model pengukuran dari segi kaedah penganggaran, kesahan, kebolehpercayaan, dan indeks kesesuaian dan kelengkapan model (*Goodness of Fit Indexes*). Model Persamaan Berstruktur atau pun lebih dikenali sebagai *Structural Equation Modeling,* SEM dibentuk melalui kaedah Pengukuran (*Measurement Model*) dan Model Berstruktur (*Structural Model*). Model pengukuran bermaksud pengujian sama ada pemboleh ubah tercerap yang ditetapkan boleh mewakili pemboleh ubah tersembunyi yang dihipotesiskan. Manakala model berstruktur bermaksud pemetaan model pengukuran yang menjelaskan hubungan bersebab antara pemboleh ubah tersembunyi dan pemboleh ubah tercerap (Kline, 2011 & Chua, 2009). Sebelum memodelkan semua konstruk kajian ke dalam persamaan berstruktur, SEM mencadangkan agar Analisis Pengesahan Faktor (*Confirmatory Factor Analysis*, *CFA*) dijalankan terlebih dahulu untuk membuat pengesahan ke atas setiap model pengukuran untuk setiap konstruk (Zainudin Awang et al., 2018 & Hair et al., 2014). Langkah ini amat penting dalam analisis SEM kerana untuk memastikan kesepadanan model pengukuran dengan data kajian lapangan. Jika didapati model pengukuran tidak sepadan dengan data kajian, maka boleh dikatakan model persamaan berstruktur yang dibina adalah tidak sah. Oleh itu, dalam kajian ini penyelidik telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melakukankan analisis CFA terlebih dahulu dan keputusan analisis model pengukuran bagi setiap konstruk dalam kajian ini adalah seperti pada sub topik seterusnya.

4.5.1.1 Model Pengukuran Dimensi Konteks

Rajah 4.1 menunjukkan keputusan Amos bagi model pengukuran dimensi konteks kali pertama seperti yang dikemukakan, manakala Jadual 4.19 menunjukkan rumusan statistik darjah kebebasan bagi model tersebut. Daripada jadual, darjah kebebasan 131 adalah lebih besar daripada 0, maka model konteks kali pertama merupakan model yang berbaki (*over identifed*). Sebagai tambahan, model konteks kali pertama merupakan model berpangkat dua (*second order*), maka dengan empat sub konstruk, model pangkat dua ini juga merupakan model berbaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.19

Rumusan Statistik Amos Model Konteks Kali Pertama

Pengiraan darjah kebebasan	
Bilangan sampel moment berbeza	171
Bilangan parameter berbeza untuk dianggar	40
Darjah kebebasan:	131
Keputusan	
Chi-square	146.139
Darjah kebebasan = 116	131
Kebarangkalian	0.173

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1. Model Pengukuran Dimensi Konteks Kali Pertama

Rajah 4.1, penyelidik mendapati model dimensi konteks kali pertama mempunyai kesesuaian dan kelengkapan model yang memadai. Didapati bahawa nilai-nilai indeks seperti *relative Chi-sq* (1.116), GFI (0.963), AGFI (0.952), CFI (0.997), TLI (0.996), NFI (0.968), dan RMSEA (0.017) telah memenuhi syarat kesesuaian dan kelengkapan model. Akan tetapi, bagi memperbaiki lagi model dimensi konteks kali pertama, penyelidik menggunakan kaedah perbezaan nisbah kritikal (*critical ratio difference*) antara ralat pengukuran bagi kesemua sub dimensi (Nor Hasnida, 2015). Jadual 4.20 menunjukkan nilai nisbah kritikal pasangan ralat bagi setiap pasangan sub konstruk atau sub dimensi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan jadual, didapati bahawa pasangan ralat bagi sub konstruk struktur pentaksiran dan struktur penyampaian, sub konstruk struktur pentaksiran dan objektif, sub konstruk struktur penyampaian dan objektif adalah calon untuk membuat kekangan kesamaan disebabkan nilai mutlak (*absolute value*) nisbah kritikal yang jauh kurang daripada 1.96. Oleh itu, kekangan kesamaan akan diletakkan ke atas pemberat regresi ralat-ralat ini dan model pengukuran dimensi konteks kali kedua dibentukkan.

Jadual 4.20

Nisbah Kritikal Perbezaan Antara Parameter Model Konteks Kali Pertama


Parameter	v_kepentingan	v_objektif	v_penyampaian	v_pentaksiran
v_kepentingan	0.000			
v_objektif	-2.594	0.000		
v_penyampaian	-1.810	**0.781**	0.000	
v_pentaksiran	-1.704	**1.080**	**0.212**	0.000

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, Rajah 4.2 menunjukkan pengganggaran model pengukuran dimensi konteks kali kedua setelah ralat bagi konstruk-konstruk yang berpotensi telah disamakan (kekangan). Berdasarkan rajah, nilai-nilai indeks kesesuaian dan kelengkapan model masih lebih kurang sama dengan model pengukuran dimensi konteks kali pertama. Berdasarkan itu, dapat disimpulkan bahawa model pengukuran dimensi konteks kali kedua mempunyai tahap kesesuaian dan kelengkapan model yang memuaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.2. Model Pengukuran Dimensi Konteks Kali Kedua

Seterusnya, bagi menambahbaik indeks kesepadanan model pengukuran bagi dimensi konteks, maka penyelidik telah melihat kepada indeks modifikasi (*Modification Index*, MI) pada model pengukuran dimensi konteks kali kedua dengan membuat semakan nilai MI yang tinggi iaitu biasanya MI lebih besar daripada 15. MI yang tinggi menerangkan item tersebut sangat berkait rapat atau berlebihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.21

MI Yang Mewakili Kovarian Setiap Item yang Berpasangan di dalam Model Pengukuran Dimensi Konteks Kali Kedua

			M.I	*Par Change*	Komen
e10	<-->	e5	10.470	-.042	MI < 15

Jadual 4.21 menunjukkan nilai indeks modifikasi (*Modification Index*, MI) untuk e10 dan e5. Dalam indeks modifiksi tersebut didapati e10 dan e15 adalah tidak berlebihan kerana biasanya nilai MI yang besar dan lebih daripada 15 adalah dianggap besar. Justeru itu dalam kajian ini, penyelidik tidak membuat penyelesaian "*correlated errors*" atau item berlebihan dengan menetapkan kedua-dua item untuk berada di dalam "*free parameter estimate*" dengan mengabungkan dua error di antara e10 dan e5. Ini bermaksud, indeks kesepadanan (*Goodness of fit Indexes*, GoF) model pengukuran dimensi konteks kali kedua berjaya dicapai sebagaimana yang ditetapkan. Justeru itu, model pengukuran dimensi konteks ini adalah boleh diterima. Jadual 4.22 menunjukkan rumusan penilaian model pengukuran bagi konstruk dimensi konteks dan sub konstruknya.

Jadual 4.22

Penilaian Indeks Kesepadanan (Goodness of Fit Indexes, GoF) Model Pengukuran Konstruk Dimensi Konteks Kali Kedua

Nama Kategori	Nama Indeks	Nilai Indeks Diperoleh	Keputusan Kajian
Absolute fit index	**RMSEA ≤ 0.08**	0.016	Mencapai tahap yang ditetapkan
	GFI > 0.9	0.963	Mencapai tahap yang ditetapkan
Incremental fit indices	AGFI > 0.9	0.952	Mencapai tahap yang ditetapkan
	CFI ≥ 0.90	0.997	Mencapai tahap yang ditetapkan
	TLI > 0.90	0.996	Mencapai tahap yang ditetapkan
	NFI > 0.90	0.968	Mencapai tahap yang ditetapkan
Parsimonious fit	**Chi-square (X^2/df) < 3.0**	1.108	Mencapai tahap yang ditetapkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, kajian ini menyemak taburan normal item-item model pengukuran dimensi konteks kali kedua dari segi *univariate* dan *multivariate* seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.23. Berdasarkan jadual, kesemua nilai *skewness* dan *kurtosis* masih dalam julat taburan normal, maka dapat disimpulkan bahawa item-item bagi dimensi konteks mempunyai taburan normal *univariate*. Bagi taburan normal *multivariate* pula, nilai Mardia 40.579 adalah lebih rendah daripada 18 x 20 = 360. Bollen (1989) menyatakan bahawa nilai Mardia perlu kurang daripada nilai p (p + 2) bagi menunjukkan bahawa wujudnya taburan normal *multivariate*, di mana p merupakan bilangan item per parameter, maka model konteks kali kedua ini memenuhi syarat taburan normal *multivariate*.

Jadual 4.23

Penilaian Taburan Normal Model Konteks Kali Kedua

Item	min	max	skew	c.r.	kurtosis	c.r.
Konteks4.2	2	5	-0.070	-0.585	0.461	1.921
Konteks4.3	1	5	-0.458	-3.814	2.317	9.647
Konteks4.4	2	5	-0.155	-1.291	0.505	2.103
Konteks3.1	2	5	-0.141	-1.173	0.214	0.889
Konteks3.3	2	5	-0.035	-0.293	-0.289	-1.203
Konteks3.4	2	5	-0.490	-4.083	0.589	2.453
Konteks3.5	2	5	-0.346	-2.884	0.422	1.755
Konteks2.1	1	5	-0.702	-5.846	2.303	9.590
Konteks2.2	1	5	-0.748	-6.227	1.469	6.115
Konteks2.3	1	5	-0.817	-6.802	1.520	6.328
Konteks2.5	1	5	-0.020	-0.166	-0.195	-0.813
Konteks2.6	1	5	0.003	0.027	-0.016	-0.067
Konteks2.7	1	5	-0.384	-3.197	0.311	1.293
Konteks2.8	1	5	-0.349	-2.906	0.260	1.085
Konteks1.1	2	5	-0.531	-4.422	0.634	2.640
Konteks1.2	2	5	-0.349	-2.902	0.909	3.783
Konteks1.3	1	5	-1.287	-10.714	4.139	17.233
Konteks1.4	1	5	-0.425	-3.536	0.712	2.963
Multivariate					40.579	15.432

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, Jadual 4.24 meringkaskan nilai-nilai keputusan Amos bagi menilai kesahan menumpu (*convergence validity*), dan kebolehpercayaan komposit *(composite reliability)* dimensi model konteks kali kedua. Adalah penting untuk menjelaskan bahawa pengiraan *Average Variance Extracted (AVE), dan Composite Reliability (CR)* adalah berdasarkan pengiraan yang direka oleh Hair et al. (2006). Menurut mereka, nilai AVE perlu sekurang-kurangnya 0.5 untuk menunjukkan kesahan menumpu sesuatu konstruk atau dimensi tersebut, manakala nilai CR perlu melebihi 0.6 bagi menunjukkan kebolehpercayaan konstruk tersebut. Selain itu, kajian juga menggunakan CR sebagai gantian *Cronbach Alpha* seperti yang disyorkan oleh Hair et al. (2006). Berdasarkan jadual, didapati kesemua sub dimensi mempunyai nilai AVE melebihi 0.5, dan dimensi konteks juga mencapai nilai AVE = 0.677 yang melebihi 0.5. Di samping itu, didapati juga kesemua sub dimensi dan dimensi konteks menunjukkan nilai CR yang melebihi 0.6. Berdasarkan dapatan kajian di atas, maka dapat disimpulkan bahawa model pengukuran dimensi konteks kali kedua mempunyai tahap kebolehpercayaan dan kesahan menumpu yang memuaskan.

Jadual 4.24

Statistik Kesahan dan Kebolehpercayaan Model Pengukuran Konteks Kali Kedua

Hubungan			B	Beta	P	AVE	CR
Kepentingan	<---	Konteks	0.529	0.825	***	0.677	0.893
Objektif	<---	Konteks	0.404	0.821	***		
Penyampaian	<---	Konteks	0.455	0.851	***		
Pentaksiran	<---	Konteks	0.364	0.792	***		
Konteks1.4	<---	Kepentingan	1.000	0.822		0.599	0.856
Konteks1.3	<---	Kepentingan	0.772	0.731	***		
Konteks1.2	<---	Kepentingan	0.702	0.758	***		
Konteks1.1	<---	Kepentingan	0.818	0.782	***		

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.24 *(sambungan)*

Hubungan			B	Beta	P	AVE	CR
Konteks2.8	<---	Objektif	1.117	0.761	***	0.627	0.922
Konteks2.7	<---	Objektif	1.213	0.820	***		
Konteks2.6	<---	Objektif	1.095	0.807	***		
Konteks2.5	<---	Objektif	1.135	0.816	***		
Konteks2.3	<---	Objektif	1.190	0.748	***		
Konteks2.2	<---	Objektif	1.260	0.829	***		
Konteks2.1	<---	Objektif	1.000	0.759			
Konteks3.5	<---	Penyampaian	1.000	0.818		0.621	0.867
Konteks3.4	<---	Penyampaian	0.954	0.745	***		
Konteks3.3	<---	Penyampaian	0.992	0.829	***		
Konteks3.1	<---	Penyampaian	0.853	0.757	***		
Konteks4.4	<---	Pentaksiran	1.000	0.799		0.609	0.824
Konteks4.3	<---	Pentaksiran	0.971	0.781	***		
Konteks4.2	<---	Pentaksiran	0.929	0.761	***		

Seterusnya, kajian ini menilai kesahan diskriminan (*discriminant validity*) model pengukuran dimensi konteks kali kedua menggunakan nilai AVE dan nilai korelasi antara konstruk-konstruk. Penilaian kesahan diskriminan model pengukuran dimensi konteks kali kedua dengan menggunakan kaedah yang dinyatakan oleh Zainudin Awang et al. (2018). Menurut mereka, bagi menunjukkan wujudnya kesahan diskriminan antara kontruk-konstruk, pengkaji perlu membuktikan bahawa nilai punca kuasa dua AVE sesuatu konstruk itu lebih besar daripada nilai korelasi antara konstruk tersebut dengan konstruk lain. Jadual 4.25 menunjukkan statistik berkenaan kesahan diskriminan model pengukuran konteks kali kedua. Berdasarkan Jadual 4.25, diperhatikan bahawa semua konstruk di bawah dimensi konteks menunjukkan nilai punca kuasa dua AVE yang lebih tinggi daripada nilai korelasi dengan konstruk lain. Didapati nilai 0.780 lebih besar daripada 0.674, 0.650 dan 0.653. Seterusnya 0.788 lebih besar daripada 0.674, 0.699 dan 0.702. Manakala 0.792 adalah lebih besar daripada 0.699, 0.650 dan 0.677. Akhir sekali didapati 0.774 lebih besar daripada 0.677, 0.702 dan 0.653. Dengan itu, kajian ini dapat menyatakan bahawa model pengukuran dimensi konteks kali kedua mempunyai kesahan diskriminan yang memadai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.25

Statistik AVE dan Korelasi Antara Konstruk Model Konteks Kali Kedua

Konstruk	Pentaksiran	Penyampaian	Objektif	Kepentingan
Pentaksiran	**0.780**			
Penyampaian	0.674	**0.788**		
Objektif	0.650	0.699	**0.792**	
Kepentingan	0.653	0.702	0.677	**0.774**

Nilai pepenjuru = punca kuasa dua AVE, nilai lain = korelasi antara konstruk

4.5.1.2 Model Pengukuran Dimensi Input

Rajah 4.3 menunjukkan keputusan Amos bagi model pengukuran dimensi input kali pertama seperti yang dicadangkan dalam bab sebelum ini, manakala Jadual 4.26 menunjukkan rumusan statistik darjah kebebasan bagi model tersebut. Daripada jadual, darjah kebebasan 116 adalah lebih besar daripada 0, maka model input kali pertama merupakan model yang berbaki (*over identifed*). Akan tetapi, model input kali pertama adalah model berpangkat dua (*second order*), maka dengan hanya tiga sub konstruk, model pangkat dua ini merupakan model sekadar cukup (*just identified*).


Jadual 4.26

Rumusan Statistik Amos Model Input Kali Pertama

Pengiraan darjah kebebasan	
Bilangan sampel moment berbeza	153
Bilangan parameter berbeza untuk dianggar	37
Darjah kebebasan:	116
Keputusan	
Chi-square	217.515
Darjah kebebasan = 116	116
Kebarangkalian	0.000

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.3. Model Pengukuran Dimensi Input Kali Pertama

Berdasarkan Rajah 4.3, penyelidik mendapati model dimensi input kali pertama mempunyai kesesuaian dan kelengkapan model yang memadai. Nilai-nilai indeks seperti *relative Chi-sq* (1.875), GFI (0.939), AGFI (0.920), CFI (0.975), TLI (0.971), NFI (0.949), dan RMSEA (0.046) telah memenuhi syarat kesesuaian dan kelengkapan model. Akan tetapi, bagi memperbaiki lagi model dimensi input kali pertama dari segi setakat cukup, pengkaji menggunakan kaedah perbezaan nisbah kritikal (*critical ratio difference*) antara ralat pengukuran bagi kesemua sub konstruk. Jadual 4.27 menunjukkan nilai nisbah kritikal pasangan ralat bagi setiap pasangan sub konstruk. Berdasarkan jadual, didapati bahawa pasangan ralat kandungan dan bahan menunjukkan nilai mutlak (*absolute value*) nisbah kritikal kurang daripada 1.96,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan bahawa kedua-dua anggaran ralat ini tidak berbeza secara signifikan. Justeru itu, kekangan kesamaan akan diletakkan ke atas pemberat regresi ralat-ralat ini.

Jadual 4.27


Nisbah Kritikal Perbezaan Antara Parameter Model Input Kali Pertama

Parameter	v_kandungan	v_bahan	v_kemudahan
v_kandungan	0.000		
v_bahan	**-0.620**	0.000	
v_kemudahan	2.340	2.422	0.000

Seterusnya, kajian memaparkan pengganggaran model pengukuran dimensi input kali kedua seperti dalam Rajah 4.4. Berdasarkan rajah, nilai-nilai indeks kesesuaian dan kelengkapan model masih lebih kurang sama dengan model pengukuran dimensi input kali pertama. Maka dapat disimpulkan bahawa model pengukuran dimensi input kali kedua mempunyai tahap kesesuaian dan kelengkapan model yang memuaskan. Sebagai tambahan, model pengukuran input kali kedua sekarang adalah model berbaki (*over-identified*), kerana terlebih satu darjah kebebasan setelah kekangan persamaan ralat antara konstruk dilakukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.4. Model Pengukuran Dimensi Input Kali Kedua

Seterusnya, bagi menambahbaik indeks kesepadanan model pengukuran bagi dimensi input, maka penyelidik telah melihat kepada indeks modifikasi (*Modification Index*, MI) pada model pengukuran dimensi input kali kedua dengan membuat semakan nilai MI yang tinggi iaitu biasanya MI lebih besar daripada 15. MI yang tinggi menerangkan item tersebut sangat berkait rapat atau berlebihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.28


MI Yang Mewakili Kovarian Setiap Item yang Berpasangan di dalam Model Pengukuran Dimensi Input Kali Kedua.

			M.I	*Par Change*	Komen
e11	<-->	e17	10.745	-.036	MI < 15
e11	**<-->**	**e16**	**25.204**	**.064**	MI > 15 menunjukkan e11 dan e16 adalah berlebihan dan mempunyai perhubungan yang tinggi
e11	<-->	e15	13.356	-.048	MI < 15
e5	<-->	e15	13.691	.059	MI < 15

Jadual 4.28 menunjukkan nilai indeks modifikasi (*Modification Index*, MI) untuk e11 dan e17, e11 dan e16, e11 dan e15 serta e5 dan e15. Dalam indeks modifiksi tersebut didapati e11 dan e16 adalah berlebihan kerana biasanya nilai MI yang besar dan lebih daripada 15 adalah dianggap besar. Justeru hanya 1 pasangan item sahaja yang mempunyai perhubungan yang tinggi atau berlebihan. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini penyelidik memilih untuk menyelesaikan "*correlated errors*" atau item berlebihan dengan menetapkan kedua-dua item untuk berada di dalam "*free parameter estimate*" dengan mengabungkan dua error di antara e11 dan e16 dan menganalisis semula model bagi menghasilkan model pengukuran dimensi input kali ketiga. Hasil analisis CFA model pengukuran dimensi input kali ketiga ditunjukkan dalam Rajah 4.5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.5. Model Pengukuran Dimensi Input Kali Ketiga

Berdasarkan Rajah 4.5, penyelidik mendapati model dimensi input kali ketiga mempunyai kesesuaian dan kelengkapan model yang lebih baik. Nilai-nilai indeks seperti *relative Chi-sq* (1.650), GFI (0.947), AGFI (0.930), CFI (0.982), TLI (0.978), NFI (0.955), dan RMSEA (0.040) telah memenuhi syarat kesesuaian dan kelengkapan model. Ini bermaksud, indeks kesepadanan (*Goodness of Fit Indexes*, GoF) berjaya dicapai sebagaimana yang ditetapkan dan lebih baik berbanding model pengukuran dimensi input kali pertama dan kedua. Indeks GoF ini menunjukkan bagaimana bagusnya model yang dicadangkan di antara item di dalam model pengukuran bagi konstruk dimensi input dan sub konstruknya. Justeru itu, model pengukuran dimensi input ini adalah boleh diterima. Jadual 4.29 menunjukkan rumusan penilaian model pengukuran bagi konstruk dimensi input dan sub konstruknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.29

Penilaian Indeks Kesepadanan (Goodness of Fit Indexes, GoF) Model Pengukuran Konstruk Dimensi Input Kali Ketiga

Nama Kategori	Nama Indeks	Nilai Indeks Diperoleh	Keputusan Kajian
Absolute fit index	**RMSEA ≤ 0.08**	0.046	Mencapai tahap yang ditetapkan
	GFI > 0.9	0.947	Mencapai tahap yang ditetapkan
Incremental fit indices	AGFI > 0.9	0.930	Mencapai tahap yang ditetapkan
	CFI ≥ 0.90	0.982	Mencapai tahap yang ditetapkan
	TLI > 0.90	0.978	Mencapai tahap yang ditetapkan
	NFI > 0.90	0.955	Mencapai tahap yang ditetapkan
Parsimonious fit	**Chi-square (X^2/df) < 3.0**	1.650	Mencapai tahap yang ditetapkan

Seterusnya, penyelidik menyemak taburan normal item-item model pengukuran dimensi input kali ketiga dari segi *univariate* dan *multivariate* seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.30. Berdasarkan jadual, kesemua nilai *skewness* dan *kurtosis* masih dalam julat taburan normal, maka dapat dikatakan bahawa item-item mempunyai taburan normal *univariate*. Bagi taburan normal *multivariate* pula, nilai Mardia 90.792 masih lebih rendah daripada 17 x 19 = 132, maka model ini memenuhi syarat taburan normal *multivariate*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.30

Penilaian Taburan Normal Model Input Kali Ketiga

Item	min	max	skew	c.r.	kurtosis	c.r.
Input3.1	1	5	-1.205	-10.034	2.484	10.343
Input3.2	1	5	-0.854	-7.107	1.606	6.685
Input3.3	1	5	-0.774	-6.444	1.235	5.143
Input3.4	1	5	-1.187	-9.881	1.943	8.091
Input3.5	1	5	-0.798	-6.647	0.882	3.672
Input2.1	1	5	-0.845	-7.038	1.266	5.27
Input2.2	2	5	-0.381	-3.171	0.228	0.95
Input2.3	2	5	-0.194	-1.612	-0.109	-0.455
Input2.4	2	5	-0.145	-1.207	-0.199	-0.828
Input2.5	2	5	-0.350	-2.913	-0.037	-0.153
Input1.1	1	5	-1.004	-8.36	5.283	21.995
Input1.2	2	5	0.154	1.286	0.158	0.658
Input1.3	1	5	-1.027	-8.548	1.894	7.885
Input1.4	2	5	-0.389	-3.241	1.577	6.564
Input1.5	1	5	-0.576	-4.796	2.175	9.054
Input1.6	1	5	-0.461	-3.837	1.196	4.978
Input1.7	1	5	-0.697	-5.804	2.415	10.054
Multivariate					90.792	36.429

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, Jadual 4.31 meringkaskan nilai-nilai keputusan Amos bagi menilai kesahan menumpu (*convergence validity*), dan kebolehpercayaan konstruk bagi dimensi model input kali ketiga. Berdasarkan jadual, didapati kesemua sub konstruk mempunyai nilai AVE melebihi 0.5, dan dimensi input juga mencapai nilai AVE 0.727 yang melebihi 0.5. Selain itu, kesemua sub konstruk dan dimensi input menunjukkan nilai CR yang melebihi 0.6. Justerunya, dapat disimpulkan bahawa model pengukuran dimensi input kali kedua mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan menumpu yang memuaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.31

Statistik Kesahan dan Kebolehpercayaan Model Pengukuran Input Kali Ketiga

Hubungan			B	Beta	P	AVE	CR
Kandungan	<---	Input	0.380	0.815	***	0.727	0.888
Bahan	<---	Input	0.509	0.883	***		
Kemudahan	<---	Input	0.662	0.858	***		
Input1.7	<---	Kandungan	1.000	0.745		0.545	0.893
Input1.6	<---	Kandungan	0.964	0.746	***		
Input1.5	<---	Kandungan	0.959	0.747	***		
Input1.4	<---	Kandungan	0.922	0.752	***		
Input1.3	<---	Kandungan	1.188	0.728	***		
Input1.2	<---	Kandungan	0.802	0.727	***		
Input1.1	<---	Kandungan	0.916	0.721	***		
Input2.5	<---	Bahan	1.014	0.813	***	0.626	0.893
Input2.4	<---	Bahan	0.939	0.826	***		
Input2.3	<---	Bahan	0.879	0.763	***		
Input2.2	<---	Bahan	0.985	0.809	***		
Input2.1	<---	Bahan	1.000	0.742			
Input3.5	<---	Kemudahan	1.000	0.816		0.592	0.879
Input3.4	<---	Kemudahan	0.892	0.793	***		
Input3.3	<---	Kemudahan	0.806	0.759	***		
Input3.2	<---	Kemudahan	0.777	0.803	***		
Input3.1	<---	Kemudahan	0.648	0.668	***		

Seterusnya, kajian menilai kesahan diskriminan model pengukuran dimensi input kali ketiga. Jadual 4.32 menunjukkan statistik bagi kesahan diskriminan model pengukuran input kali ketiga. Secara umumnya, jelas bahawa kesemua konstruk di bawah dimensi input menunjukkan nilai punca kuasa dua AVE yang lebih tinggi daripada nilai korelasi dengan konstruk lain. Didapati nilai punca kuasa dua AVE 0.769 lebih besar daripada 0.758 dan 0.699. Seterusnya nilai 0.791 adalah lebih besar daripada 0.758 dan 0.720. Akhir sekali ditunjukkan nilai 0.738 adalah lebih besar daripada 0.720 dan 0.699. Oleh itu, kajian dapat menyimpulkan bahawa terdapat bukti yang kukuh untuk menyatakan bahawa model dimensi input kali ketiga ini mempunyai kesahan diskriminan yang memadai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.32

Statistik AVE dan Korelasi Antara Konstruk Model Input Kali Ketiga

Konstruk	Kemudahan	Bahan	Kandungan
Kemudahan	**0.769**		
Bahan	0.758	**0.791**	
Kandungan	0.699	0.720	**0.738**

Nilai pepenjuru = punca kuasa dua AVE, nilai lain = korelasi antara konstruk

4.5.1.3 Model Pengukuran Dimensi Proses

Rajah 4.6 menunjukkan keputusan Amos bagi model pengukuran dimensi proses kali pertama seperti yang ditunjukkan, manakala Jadual 4.33 menunjukkan rumusan statistik darjah kebebasan bagi model tersebut. Daripada jadual, darjah kebebasan 272 adalah lebih besar daripada 0, maka model proses kali pertama merupakan model yang berbaki (*over identifed*). Akan tetapi, model proses kali pertama ini merupakan model berpangkat dua (*second order*), maka dengan hanya tiga sub konstruk, model pangkat dua ini merupakan model sekadar cukup (*just identified*).


Jadual 4.33

Rumusan statistik Amos Model Proses Kali Pertama

Pengiraan darjah kebebasan	
Bilangan sampel moment berbeza	325
Bilangan parameter berbeza untuk dianggar	53
Darjah kebebasan:	272
Keputusan	
Chi-square	502.255
Darjah kebebasan = 116	272
Kebarangkalian	0.000

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.6. Model Pengukuran Dimensi Proses Kali Pertama

Berdasarkan Rajah 4.6, penyelidik mendapati model dimensi proses kali pertama mempunyai kesesuaian dan kelengkapan model yang memadai. Kebanyakan nilai-nilai indeks seperti *relative Chi-sq* (1.847), GFI (0.913), CFI (0.966), TLI (0.963), NFI (0.930), dan RMSEA (0.045) telah memenuhi syarat kesesuaian dan kelengkapan model. Sebagai tambahan, hanya indeks AGFI (0.896) tidak memenuhi syarat. Bagi memperbaiki lagi model dimensi proses kali pertama yang berpangkat dua dari segi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

setakat cukup, pengkaji menggunakan kaedah perbezaan nisbah kritikal (*critical ratio difference*) antara ralat pengukuran bagi kesemua sub konstruk. Jadual 4.34 menunjukkan nilai nisbah kritikal pasangan ralat bagi setiap pasangan sub konstruk. Berdasarkan jadual, didapati bahawa pasangan ralat bagi sub konstruk kaedah PdP dan sub konstruk pentaksiran telah menunjukkan nilai mutlak (*absolute value*) nisbah kritikal kurang daripada 1.96, ini bermakna kedua-dua anggaran ralat ini tidak berbeza secara signifikan. Justeru itu, kekangan kesamaan akan diletakkan ke atas pemberat regresi ralat-ralat ini.

Jadual 4.34


Nisbah Kritikal Perbezaan Antara Parameter Model Proses Kali Pertama

Parameter	v_kaedahpdp	v_pentaksiran	v_penggunaanPdP
v_kaedahpdp	0.000		
v_pentaksiran	**0.442**	0.000	
v_penggunaanPdP	3.897	3.485	0.000

Seterusnya, Rajah 4.7 menunjukkan pengganggaran model pengukuran dimensi proses kali kedua setelah ralat bagi sub konstruk kaedah PdP dan sub konstruk kaedah pentaksiran disamakan. Berdasarkan rajah, nilai-nilai indeks kesesuaian dan kelengkapan model masih lebih kurang sama dengan model pengukuran dimensi proses kali pertama. Maka, dapat disimpulkan bahawa model pengukuran dimensi proses kali kedua mempunyai tahap kesesuaian dan kelengkapan model yang memuaskan. Di samping itu, model pengukuran proses kali kedua telah menjadi model berbaki (*over identified*) hasil daripada pertambahan darjah kebebasan setelah kekangan persamaan ralat konstruk diperkenalkan dalam model.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.7. Model Pengukuran Dimensi Proses Kali Kedua

Seterusnya, penyelidik telah melihat kepada indeks modifikasi (*Modification Index*, MI) bagi menambahbaik indeks kesepadanan model pengukuran bagi dimensi proses pada model pengukuran dimensi proses kali kedua dengan membuat semakan nilai MI yang tinggi iaitu biasanya MI lebih besar daripada 15.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.35


MI Yang Mewakili Kovarian Setiap Item yang Berpasangan di dalam Model Pengukuran Dimensi Proses Kali Kedua.

			M.I	*Par Change*	Komen
e11	<-->	e26	11.676	-.033	MI < 15
e9	<-->	e22	11.202	-.034	MI < 15
e6	<-->	e23	13.549	.048	MI < 15
e6	<-->	e9	16.854	.037	MI > 15 menunjukkan e6 dan e9 adalah berlebihan dan mempunyai perhubungan yang tinggi

Jadual 4.35 menunjukkan nilai indeks modifikasi (*Modification Index*, MI) untuk e11 dan e26, e9 dan e22, e6 dan e23 serta e6 dan e9. Dalam indeks modifiksi tersebut didapati e6 dan e9 adalah berlebihan kerana biasanya nilai MI yang besar dan lebih daripada 15 adalah dianggap besar. Justeru hanya 1 pasangan item sahaja yang mempunyai perhubungan yang tinggi atau berlebihan. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini penyelidik memilih untuk menyelesaikan "*correlated errors*" atau item berlebihan dengan menetapkan kedua-dua item untuk berada di dalam "*free parameter estimate*" dengan mengabungkan dua error di antara e6 dan e9 dan menganalisis semula model bagi menghasilkan model pengukuran dimensi proses kali ketiga. Hasil analisis CFA model pengukuran dimensi proses kali ketiga ditunjukkan dalam Rajah 4.8.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.8. Model Pengukuran Dimensi Proses Kali Ketiga

Berdasarkan Rajah 4.8, penyelidik mendapati model dimensi proses kali ketiga mempunyai kesesuaian dan kelengkapan model yang lebih baik. Nilai-nilai indeks seperti *Relative Chi-sq* (1.784), GFI (0.916), CFI (0.969), TLI (0.966), NFI (0.932), dan RMSEA (0.043) telah memenuhi syarat kesesuaian dan kelengkapan model. Hanya indeks AGFI (0.899) sahaja yang tidak mencapai syarat yang ditetapkan. Namun dalam kajian ini penyelidik telah memilih indikator *Relative Chi-sq,* RSMEA, CFI, dan TLI sebagai indikator yang perlu dipenuhi. Ini bermaksud, indeks kesepadanan (*Goodness*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

of Fit Indexes, GoF) berjaya dicapai sebagaimana yang ditetapkan dan lebih baik berbanding model pengukuran dimensi proses kali pertama dan kedua. Ini menunjukkan sejauh mana bagusnya model yang dicadangkan di antara item di dalam model pengukuran bagi konstruk dimensi proses dan sub konstruknya. Justeru itu, model pengukuran dimensi proses ini adalah boleh diterima. Jadual 4.36 menunjukkan rumusan penilaian model pengukuran bagi konstruk dimensi proses dan sub konstruknya.

Jadual 4.36

Penilaian Indeks Kesepadanan (Goodness of Fit Indexes, GoF) Model Pengukuran Konstruk Dimensi Proses Kali Ketiga

Nama Kategori	Nama Indeks	Nilai Indeks Diperoleh	Keputusan Kajian
Absolute fit index	**RMSEA ≤ 0.08**	0.043	Mencapai tahap yang ditetapkan
	GFI > 0.9	0.916	Mencapai tahap yang ditetapkan
Incremental fit indices	AGFI > 0.9	0.899	Tidak mencapai tahap yang ditetapkan
	CFI ≥ 0.90	0.969	Mencapai tahap yang ditetapkan
	TLI > 0.90	0.966	Mencapai tahap yang ditetapkan
	NFI > 0.90	0.932	Mencapai tahap yang ditetapkan
Parsimonious fit	**Chi-square (X^2/df) < 3.0**	1.784	Mencapai tahap yang ditetapkan

Seterusnya, kajian menyemak taburan normal item-item model pengukuran dimensi proses kali ketiga dari segi *univariate* dan *multivariate* seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.37. Berdasarkan jadual, kesemua nilai *skewness* dan *kurtosis* masih dalam julat taburan normal, maka dapat dikatakan bahawa item-item mempunyai taburan normal *univariate*. Bagi taburan normal *multivariate* pula, nilai Mardia 232.235

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah lebih rendah daripada 25 x 27 = 675, maka model ini memenuhi syarat taburan normal *multivariate*.

Jadual 4.37

Penilaian Taburan Normal Model Proses Kali Ketiga

Item	min	max	skew	c.r.	kurtosis	c.r.
Proses3.1	1	5	-1.311	-10.920	2.595	10.804
Proses3.2	1	5	-1.388	-11.560	3.937	16.390
Proses3.3	1	5	-0.922	-7.673	2.425	10.096
Proses3.4	1	5	-0.445	-3.705	0.011	0.045
Proses3.5	1	5	-0.735	-6.122	-0.312	-1.301
Proses3.6	1	5	-1.075	-8.949	1.084	4.512
Proses2.1	1	5	-1.012	-8.425	2.722	11.331
Proses2.2	1	5	-0.561	-4.671	1.535	6.389
Proses2.3	2	5	-0.400	-3.333	-0.248	-1.034
Proses2.5	1	5	-0.864	-7.193	3.923	16.334
Proses2.6	1	5	-1.050	-8.746	3.350	13.946
Proses2.7	2	5	-0.417	-3.476	0.222	0.925
Proses2.8	1	5	-0.907	-7.554	2.853	11.879
Proses1.2	1	5	-1.167	-9.720	4.846	20.176
Proses1.3	2	5	-0.189	-1.573	1.319	5.490
Proses1.4	1	5	-1.056	-8.796	3.851	16.032
Proses1.5	1	5	-0.702	-5.846	1.499	6.239
Proses1.6	1	5	-0.392	-3.264	2.491	10.373
Proses1.7	1	5	-0.779	-6.488	1.005	4.184
Proses1.8	1	5	-0.879	-7.319	3.081	12.826
Proses1.9	1	5	-1.155	-9.618	3.389	14.108
Proses1.10	1	5	-1.116	-9.294	3.788	15.772
Proses1.12	1	5	-0.600	-4.994	1.807	7.522
Proses1.13	1	5	-1.093	-9.100	5.280	21.981
Proses1.14	2	5	-0.653	-5.436	1.110	4.623
Multivariate					232.235	64.458

Seterusnya, Jadual 4.38 meringkaskan nilai-nilai keputusan Amos bagi menilai kesahan menumpu (*convergence validity*), dan kebolehpercayaan konstruk model proses kali kedua. Berdasarkan jadual, didapati kesemua sub konstruk mempunyai nilai AVE melebihi 0.5, dan dimensi proses juga mencapai nilai AVE 0.706 yang melebihi 0.5. Selain itu, kesemua sub konstruk dalam dimensi proses menunjukkan nilai CR yang melebihi 0.6. Berdasarkan dapatan kajian di atas, maka dapat disimpulkan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

model pengukuran dimensi proses kali ketiga mempunyai tahap kebolehpercayaan dan kesahan menumpu yang memuaskan.

Jadual 4.38

Statistik Kesahan dan Kebolehpercayaan Model Pengukuran Proses Kali Ketiga

Hubungan			B	Beta	P	AVE	CR
KaedahPdP	<---	Proses	0.401	0.837	***	0.706	0.878
Pentaksiran	<---	Proses	0.460	0.868	***		
Penggunaan_PdP	<---	Proses	0.595	0.814	***		
Proses1.14	<---	KaedahPdP	1.000	0.764		0.579	0.943
Proses1.13	<---	KaedahPdP	0.943	0.752	***		
Proses1.12	<---	KaedahPdP	0.881	0.749	***		
Proses1.10	<---	KaedahPdP	1.078	0.779	***		
Proses1.9	<---	KaedahPdP	1.115	0.777	***		
Proses1.8	<---	KaedahPdP	1.119	0.819	***		
Proses1.7	<---	KaedahPdP	1.304	0.789	***		
Proses1.6	<---	KaedahPdP	0.784	0.676	***		
Proses1.5	<---	KaedahPdP	1.288	0.817	***		
Proses1.4	<---	KaedahPdP	1.037	0.754	***		
Proses1.3	<---	KaedahPdP	0.781	0.686	***		
Proses1.2	<---	KaedahPdP	0.985	0.750	***		
Proses2.8	<---	Pentaksiran	1.000	0.790		0.572	0.903
Proses2.7	<---	Pentaksiran	0.976	0.800	***		
Proses2.6	<---	Pentaksiran	0.950	0.731	***		
Proses2.5	<---	Pentaksiran	0.864	0.744	***		
Proses2.3	<---	Pentaksiran	1.067	0.778	***		
Proses2.2	<---	Pentaksiran	0.878	0.726	***		
Proses2.1	<---	Pentaksiran	0.945	0.720	***		
Proses3.6	<---	Penggunaan_PdP	1.000	0.796		0.623	0.908
Proses3.5	<---	Penggunaan_PdP	1.377	0.839	***		
Proses3.4	<---	Penggunaan_PdP	0.929	0.783	***		
Proses3.3	<---	Penggunaan_PdP	0.704	0.788	***		
Proses3.2	<---	Penggunaan_PdP	0.701	0.754	***		
Proses3.1	<---	Penggunaan_PdP	0.788	0.772	***		

Seterusnya, kajian menilai kesahan diskriminan model pengukuran dimensi proses kali ketiga menggunakan nilai punca kuasa dua AVE dan nilai korelasi antara konstruk-konstruk. Jadual 4.39 menunjukkan statistik berkenaan kesahan diskriminan model pengukuran proses kali ketiga. Secara umumnya, jelas bahawa kesemua konstruk di bawah dimensi proses menunjukkan nilai punca kuasa dua AVE yang lebih tinggi daripada nilai korelasi dengan konstruk lain. Daripada jadual didapati niai punca

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kuasa dua AVE 0.789 lebih besar daripada 0.707 dan 0.681. Seterusnya nilai 0.756 lebih besar daripada 0.707 dan 0.727. Akhir sekali menunjukkan nilai 0.761 adalah lebih besar daripada 0.727 dan 0.681. Dengan itu, kajian dapat menyimpulkan bahawa model dimensi proses kali ketiga telah menunjukkan ciri-ciri kesahan diskriminan yang memadai.

Jadual 4.39

Statistik AVE dan Korelasi Antara Konstruk Model Proses Kali Ketiga

Konstruk	Penggunaan_PdP	Pentaksiran	KaedahPdP
Penggunaan_PdP	**0.789**		
Pentaksiran	0.707	**0.756**	
KaedahPdP	0.681	0.727	**0.761**

Nilai pepenjuru = punca kuasa dua AVE, nilai lain = korelasi antara konstruk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.1.4 Model Pengukuran Dimensi Produk

Rajah 4.9 memaparkan keputusan Amos bagi model pengukuran dimensi produk kali pertama seperti yang dicadangkan. Selain itu, Jadual 4.40 menunjukkan rumusan statistik darjah kebebasan bagi model produk kali pertama. Daripada jadual, darjah kebebasan 116 adalah lebih besar daripada 0, maka model produk kali pertama merupakan model yang berbaki (*over identifed*). Selain itu, model produk kali pertama adalah model berpangkat dua (*second order*), maka dengan hanya tiga sub konstruk, model pangkat dua ini merupakan model sekadar cukup (*just identified*) sahaja.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.40

Rumusan Statistik Amos Model Produk Kali Pertama

Pengiraan darjah kebebasan	
Bilangan sampel moment berbeza	153
Bilangan parameter berbeza untuk dianggar	37
Darjah kebebasan:	116
Keputusan	
Chi-square	175.304
Darjah kebebasan = 116	116
Kebarangkalian	0.173



Rajah 4.9. Model Pengukuran Dimensi Produk Kali Pertama

Berdasarkan Rajah 4.9, penyelidik mendapati model pengukuran dimensi produk kali pertama telah mencapai tahap kesesuaian dan kelengkapan model yang memuaskan. Didapati bahawa nilai-nilai indeks seperti *relative Chi-sq* (1.511), GFI (0.952), AGFI (0.937), CFI (0.985), TLI (0.982), NFI (0.957), dan RMSEA (0.035)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah berjaya memenuhi syarat kesesuaian dan kelengkapan model masing-masing. Jadual 4.41 menunjukkan nilai nisbah kritikal pasangan ralat bagi setiap pasangan sub konstruk. Kaedah ini digunakan untuk memperbaiki darjah kebebasan model pada pangkat kedua sekiranya terdapat ralat yang tidak berbeza secara signifikan antara satu sama lain.

Berdasarkan jadual, didapati bahawa pasangan ralat bagi sub konstruk motivasi dan sub konstruk penguasaan kefahaman adalah calon untuk membuat kekangan kesamaan disebabkan nilai mutlak nisbah kritikal yang jauh kurang daripada 1.96. Oleh itu, kekangan kesamaan akan diletakkan ke atas pemberat regresi ralat-ralat ini.

Jadual 4.41


Nisbah Kritikal Perbezaan Antara Parameter Model Produk Kali Pertama

Parameter	v_penguasaan	v_motivasi	v_kesediaan
v_penguasaan	0.000		
v_motivasi	**0.319**	0.000	
v_kesediaan	1.844	1.586	0.000

Seterusnya, Rajah 4.10 menunjukkan pengganggaran model pengukuran dimensi produk kali kedua setelah ralat bagi konstruk-konstruk yang berpotensi telah disamakan (kekangan). Berdasarkan rajah, nilai-nilai indeks kesesuaian dan kelengkapan model masih memenuhi syarat masing-masing. Justeru, dapat disimpulkan bahawa model pengukuran dimensi produk kali kedua mempunyai tahap kesesuaian dan kelengkapan model yang memuaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.10. Model Pengukuran Dimensi Produk Kali Kedua

Seterusnya, penyelidik telah melihat kepada indeks modifikasi (*Modification Index*, MI) pada model pengukuran dimensi produk kali kedua dengan membuat semakan nilai MI yang tinggi iaitu biasanya MI lebih besar daripada 15. MI yang tinggi dalam item dimensi produk menerangkan item tersebut sangat berkait rapat atau berlebihan

Jadual 4.42

MI Yang Mewakili Kovarian Setiap Item yang Berpasangan di dalam Model Pengukuran Dimensi Produk Kali Kedua

			M.I	*Par Change*	Komen
e2	<-->	e3	10.127	-.035	MI < 15

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.42 menunjukkan nilai indeks modifikasi (*Modification Index*, MI) untuk e2 dan e3. Dalam indeks modifiksi tersebut didapati e2 dan e3 adalah tidak berlebihan kerana biasanya nilai MI yang besar dan lebih daripada 15 adalah dianggap besar. Justeru itu dalam model pengukuran dimensi produk ini, penyelidik tidak membuat "*correlated errors*" atau item berlebihan dengan menetapkan kedua-dua item untuk berada di dalam "*free parameter estimate*" dengan mengabungkan dua error di antara e2 dan e3. Ini bermaksud, indeks kesepadanan (*Goodness of Fit Indexes*, GoF) model pengukuran dimensi produk kali kedua berjaya dipenuhi sebagaimana yang ditetapkan. Justeru itu, model pengukuran dimensi produk ini adalah boleh diterima dan munasabah. Jadual 4.43 menunjukkan rumusan penilaian model pengukuran bagi konstruk dimensi produk dan sub konstruknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.43

Penilaian Indeks Kesepadanan (Goodness-of-fit Indexes, GoF) Model Pengukuran Konstruk Dimensi Produk Kali Kedua

Nama Kategori	Nama Indeks	Nilai Indeks Diperoleh	Keputusan Kajian
Absolute fit index	**RMSEA ≤ 0.08**	0.035	Mencapai tahap yang ditetapkan
	GFI > 0.9	0.952	Mencapai tahap yang ditetapkan
Incremental fit indices	AGFI > 0.9	0.938	Mencapai tahap yang ditetapkan
	CFI ≥ 0.90	0.985	Mencapai tahap yang ditetapkan
	TLI > 0.90	0.983	Mencapai tahap yang ditetapkan
	NFI > 0.90	0.957	Mencapai tahap yang ditetapkan
Parsimonious fit	**Chi-square (X^2/df) < 3.0**	1.499	Mencapai tahap yang ditetapkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, kajian ini menilai taburan normal *univariate* dan *multivariate* item-item model pengukuran dimensi produk kali kedua dan keputusan adalah seperti dipaparkan dalam Jadual 4.44. Berdasarkan jadual, kesemua nilai *skewness* dan *kurtosis* masih dalam julat taburan normal, maka dapat disimpulkan bahawa item-item bagi dimensi produk mempunyai taburan normal *univariate*. Bagi taburan normal *multivariate* pula, nilai Mardia 74.141 adalah lebih rendah daripada 17 x 19 = 323, maka model produk kali kedua ini memenuhi syarat taburan normal *multivariat*e. Secara kesimpulannya, model pengukuran dimensi produk kali kedua mempunyai taburan normal *univariate* dan *multivariate*.

Jadual 4.44

Penilaian Taburan Normal Model Produk Kali Kedua

Item	min	max	skew	c.r.	kurtosis	c.r.
Produk3.1	1	5	-1.024	-8.523	1.942	8.085
Produk3.2	1	5	-0.808	-6.726	2.836	11.809
Produk3.3	1	5	-0.801	-6.672	1.704	7.096
Produk3.4	1	5	-0.705	-5.869	1.049	4.369
Produk2.2	1	5	-0.733	-6.100	1.995	8.307
Produk2.3	1	5	-0.717	-5.974	2.194	9.133
Produk2.4	1	5	-0.621	-5.173	1.791	7.457
Produk2.5	1	5	-0.851	-7.086	2.887	12.019
Produk1.1	2	5	-0.454	-3.781	0.436	1.814
Produk1.2	2	5	-0.463	-3.854	0.516	2.147
Produk1.3	2	5	-0.404	-3.364	0.361	1.504
Produk1.5	2	5	-0.433	-3.609	0.541	2.251
Produk1.6	2	5	-0.118	-0.983	0.041	0.172
Produk1.7	2	5	-0.412	-3.429	0.041	0.171
Produk1.8	2	5	-0.175	-1.455	-0.098	-0.408
Produk1.9	1	5	-0.838	-6.980	1.578	6.570
Produk1.10	2	5	-0.303	-2.522	-0.319	-1.327
Multivariate					74.141	29.748

Seterusnya, kajian telah menjalankan penilaian kesahan menumpu (*convergence validity*), dan kebolehpercayaan komposit dimensi model produk kali kedua, dan keputusan telah diringkaskan dalam Jadual 4.45. Berdasarkan jadual,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

didapati kesemua sub kontruk mempunyai nilai AVE melebihi 0.5, dan dimensi produk juga telah mencapai nilai AVE 0.659 yang melebihi 0.5. Selain itu, kajian mendapati kesemua sub konstruk dan dimensi produk menunjukkan nilai CR yang melebihi 0.6. Oleh itu, penyelidik dapat menyimpulkan bahawa model pengukuran dimensi produk kali kedua mempunyai tahap kebolehpercayaan serta kesahan menumpu yang memuaskan.

Jadual 4.45

Statistik Kesahan dan Kebolehpercayaan Model Pengukuran Produk Kali Kedua

Hubungan			B	Beta	P	AVE	CR
Penguasaan	<---	Produk	0.385	0.804	***	0.659	0.853
Motivasi	<---	Produk	0.401	0.815	***		
Kesediaan	<---	Produk	0.512	0.816	***		
Produk1.10	<---	Penguasaan	1.000	0.772		0.575	0.924
Produk1.9	<---	Penguasaan	1.202	0.759	***		
Produk1.8	<---	Penguasaan	0.863	0.707	***		
Produk1.7	<---	Penguasaan	1.077	0.776	***		
Produk1.6	<---	Penguasaan	0.924	0.754	***		
Produk1.5	<---	Penguasaan	0.961	0.740	***		
Produk1.3	<---	Penguasaan	1.053	0.794	***		
Produk1.2	<---	Penguasaan	0.946	0.764	***		
Produk1.1	<---	Penguasaan	0.947	0.753	***		
Produk2.5	<---	Motivasi	1.000	0.731		0.568	0.840
Produk2.4	<---	Motivasi	1.050	0.760	***		
Produk2.3	<---	Motivasi	1.065	0.779	***		
Produk2.2	<---	Motivasi	1.043	0.744	***		
Produk3.4	<---	Kesediaan	1.073	0.843	***	0.611	0.862
Produk3.3	<---	Kesediaan	0.903	0.781	***		
Produk3.2	<---	Kesediaan	0.764	0.735	***		
Produk3.1	<---	Kesediaan	1.000	0.764			

Seterusnya, kajian menilai kesahan diskriminan model pengukuran dimensi produk kali kedua dengan membandingkan nilai punca kuasa dua AVE dan nilai korelasi antara konstruk-konstruk. Jadual 4.46 menunjukkan nilai-nilai statistik bagi penilaian tahap kesahan diskriminan model pengukuran produk kali kedua. Berdasarkan jadual, diperhatikan bahawa semua konstruk di bawah dimensi produk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan nilai punca kuasa dua AVE yang lebih tinggi daripada nilai korelasi dengan konstruk lain. Jadual menunjukkan nilai 0.782 adalah lebih tinggi daripada 0.665 dan 0.656. Seterusnya nilai 0.754 adalah lebih besar daripada 0.665 dan 0.656. Akhir sekali didapati nilai 0.758 adalah lebih besar daripada 0.656. Justeru itu, kajian menyimpulkan bahawa model pengukuran dimensi produk kali kedua mempunyai kesahan diskriminan yang memadai.

Jadual 4.46

Statistik AVE dan Korelasi Antara Konstruk Model Produk Kali Kedua

Konstruk	Kesediaan	Motivasi	Penguasaan
Kesediaan	**0.782**		
Motivasi	0.665	**0.754**	
Penguasaan	0.656	0.656	**0.758**

Nilai pepenjuru = punca kuasa dua AVE, nilai lain = korelasi antara konstruk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.2 Rumusan Pengesahan Model Pengukuran

Jadual 4.47 merupakan nilai-nilai statistik yang berkaitan dengan penilaian kesesuaian dan kelengkapan model-model pengukuran kajian, iaitu dimensi konteks, input, proses, dan produk. Berdasarkan jadual, nilai-nilai indeks menunjukkan hampir kesemua indeks telah mencapai syarat bagi kesesuaian dan kelengkapan model. Didapati bahawa AGFI (0.899) bagi model proses adalah lebih rendah daripada 0.90. Akan tetapi, menurut Hair et al. (2006), terdapat beberapa jenis indeks kesesuaian dan kelengkapan model di mana ciri-cirinya berbeza. Mereka menyatakan bahawa sekiranya majoriti indeks memenuhi syarat, maka dapat disimpulkan model pengukuran tersebut mempunyai kesesuaian dan kelengkapan model yang memuaskan dengan data yang digunakan. Oleh itu seperti dinyatakan sebelum ini, penyelidik menggunakan indikator

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Relative Chi-sq, RSMEA, CFI, dan TLI sebagai indikator kesesuaian model yang digunakan dalam kajian ini. Selain itu, berdasarkan penilaian model-model di bahagian sebelum ini, dapat disimpulkan bahawa kesemua model-model pengukuran mempunyai tahap kebolehpercayaan, tahap kesahan menumpu dan tahap kesahan diskriminasi yang mencukupi. Justeru, penyelidik boleh menggunakan model-model ini untuk menguji hipotesis-hipotesis hubungan seperti yang dicadangkan dalam bab sebelum ini.

Jadual 4.47

Rumusan Model-Model Pengukuran

Model	Bil. Item	Bil. Konstruk	Indeks	Mul. Kurtosis
Dimensi Konteks	18	4	**X^2/df = 1.108**, GFI = 0.963, AGFI = 0.952, **CFI = 0.997**, **TLI = 0.996**, NFI = 0.968, **RMSEA = 0.016**	40.58
Dimensi Input	17	3	**X^2/df = 1.650**, GFI = 0.947, AGFI = 0.930, **CFI = 0.982**, **TLI = 0.978**, NFI = 0.955, **RMSEA = 0.046**	90.79
Dimensi Proses	25	3	**X^2/df = 1.784**, GFI = 0.916, AGFI = 0.899, **CFI = 0.969**, **TLI = 0.966**, NFI = 0.932, **RMSEA = 0.043**	232.24
Dimensi Produk	17	3	**X^2/df = 1.499**, GFI = 0.952, AGFI = 0.938, **CFI = 0.985**, **TLI = 0.983**, NFI = 0.957, **RMSEA = 0.035**	74.14

4.5.3 Model Pengesahan Gabungan

Bahagian ini akan menggunakan kaedah Model Pengesahan Gabungan bagi menilai kesepadanan model penilaian kurikulum keusahawanan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti. Keputusan awal model pengukuran gabungan bagi kajian ini adalah seperti di Rajah 4.11. Didapati *Relative Chi-Sq* (1.300), CFI (0.958), TLI (0.957), dan RMSEA (0.027) telah memenuhi syarat kesesuaian dan kesepadanan model. Walaubagaimanapun, nilai GFI (0.819), AGFI (0.808), dan NFI (0.842) tidak memenuhi syarat. Akan tetapi, mengikut saranan Hair et al. (2006), kajian telah menyimpulkan bahawa model penilaian kurikulum keusahawanan mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kesesuaian dan kelengkapan model yang memadai, disebabkan kebanyakan indeks memenuhi syarat. Ini bersesuaian dengan kajian ini yang menggunakan *Relative Chi-Sq*, CFI, TLI dan RMSEA sebagai indeks kesepadanan yang digunapakai. Jadual 4.48 menunjukkan rumusan statistik bagi model penilaian kurikulum keusahawanan, dan Rajah 4.11 menunjukkan keputusan model tersebut berserta dengan nilai-nilai indeks kesesuaian dan kelengkapan model.

Jadual 4.48

Rumusan Statistik Model Penilaian Kurikulum Keusahawanan Kali Pertama

Bilangan sampel moment berbeza	3003
Bilangan parameter berbeza untuk dianggar	170
Darjah kebebasan:	2833
Keputusan	
Chi-square	3684.193
Darjah kebebasan = 116	2833
Kebarangkalian	0.000

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.11. Model Pengesahan Gabungan Kali Pertama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, penyelidik telah melihat kepada indeks modifikasi (*Modification Index*, MI) bagi menambahbaik indeks kesepadanan model penilaian pelaksanaan kurikulum keusahawanan dengan membuat semakan nilai MI yang tinggi iaitu biasanya MI lebih besar daripada 15.

Jadual 4.49

MI Yang Mewakili Kovarian Setiap Item yang Berpasangan di Dalam Model Pengesahan Gabungan Kali Pertama


			M.I	*Par Change*	Komen
e78	<-->	e97	14.584	0.049	MI < 15
e75	<-->	e91	12.553	-0.036	MI < 15
e73	<-->	e94	12.234	-0.033	MI < 15
e65	<-->	e79	10.911	0.035	MI < 15
e54	<-->	e55	10.185	-0.035	MI < 15
e53	<-->	e87	10.327	0.030	MI < 15
e43	<-->	e92	16.726	0.059	MI > 15 menunjukkan e43 dan e92 adalah berlebihan dan mempunyai perhubungan yang tinggi
e43	<-->	e65	10.647	-0.047	MI < 15
e41	<-->	e76	11.020	0.046	MI < 15
e34	<-->	e86	10.243	-0.035	MI < 15
e30	<-->	e40	13.845	0.059	MI < 15
e20	<-->	e32	16.405	-0.035	MI > 15 menunjukkan e20 dan e32 adalah berlebihan dan mempunyai perhubungan yang tinggi
e18	<-->	e32	12.178	0.030	MI < 15
e11	<-->	e94	10.445	0.031	MI < 15
e10	<-->	e5	10.274	-0.042	MI < 15

Jadual 4.49 menunjukkan nilai indeks modifikasi (*Modification Index*, MI) untuk e43 dan e92 serta e20 dan e32. Dalam indeks modifiksi tersebut didapati e43 dan e92 serta e20 dan e32 adalah berlebihan kerana biasanya nilai MI yang besar dan lebih daripada 15 adalah dianggap besar. Justeru hanya 2 pasangan item sahaja yang mempunyai perhubungan yang tinggi atau berlebihan. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini penyelidik memilih untuk menyelesaikan "*correlated errors*" atau item

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berlebihan dengan menetapkan kedua-dua item untuk berada di dalam "*free parameter estimate*" dengan mengabungkan dua error di antara e43 dan e92 serta e20 dan e32 seterusnya menganalisis semula model bagi menghasilkan Model Pengesahan Gabungan kali kedua. Hasil analisis ditunjukkan dalam Rajah 4.12.



Rajah 4.12. Model Pengesahan Gabungan Kali Kedua

Berdasarkan Rajah 4.12, penyelidik mendapati Model Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan kali kedua mempunyai kesesuaian dan kelengkapan model yang lebih baik berbanding dengan indeks kesepadanan model kali pertama. Nilai-nilai indeks seperti *Relative Chi-sq* (1.289), CFI (0.960), TLI (0.959) dan RMSEA (0.026)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah memenuhi syarat kesesuaian dan kelengkapan model. Namun indeks seperti GFI (0.821), AGFI (0.810), NFI (0.844) masih tidak tercapai. Walaubagaimanapun, indeks kesepadanan (*Goodness of Fit Indexes*, GoF) secara keseluruhan berjaya dicapai dan lebih bagus berbanding model kali pertama berdasarkan ketetapan kesepadanan dan kesesuaian indeks yang digunakan dalam kajian ini. Justeru itu, model pengesahan gabungan kali kedua adalah munasabah dan boleh diterima.

Seterusnya, kajian ini menilai taburan normal *univariate* dan *multivariate* item-item model pengesahan gabungan kali kedua dan keputusan adalah seperti dipaparkan dalam Jadual 4.50. Berdasarkan jadual, kesemua nilai *skewness* dan *kurtosis* masih dalam julat taburan normal, maka dapat disimpulkan bahawa item-item bagi dimensi produk mempunyai taburan normal univariate. Bagi taburan normal *multivariate* pula, nilai Mardia 490.106 adalah lebih rendah daripada 77 x 79 = 6083, maka model pengesahan gabungan kedua ini memenuhi syarat taburan normal *multivariat*e. Secara kesimpulannya, model pengesahan gabungan kali kedua mempunyai taburan normal *univariate* dan *multivariate*.

Jadual 4.50

Penilaian Taburan Normal Model Pengesahan Gabungan Kali Kedua

Item	min	max	skew	c.r.	kurtosis	c.r.
Konteks1.1	2	5	-0.531	-4.422	0.634	2.64
Konteks1.2	2	5	-0.349	-2.902	0.909	3.783
Konteks1.3	1	5	-1.287	-10.714	4.139	17.233
Konteks1.4	1	5	-0.425	-3.536	0.712	2.963
Konteks2.1	1	5	-0.702	-5.846	2.303	9.59
Konteks2.2	1	5	-0.748	-6.227	1.469	6.115
Konteks2.3	1	5	-0.817	-6.802	1.52	6.328
Konteks2.5	1	5	-0.02	-0.166	-0.195	-0.813
Konteks2.6	1	5	0.003	0.027	-0.016	-0.067

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.50 *(sambungan)*

Item	min	max	skew	c.r.	kurtosis	c.r.
Konteks2.7	1	5	-0.384	-3.197	0.311	1.293
Konteks2.8	1	5	-0.349	-2.906	0.26	1.085
Konteks3.1	2	5	-0.141	-1.173	0.214	0.889
Konteks3.3	2	5	-0.035	-0.293	-0.289	-1.203
Konteks3.4	2	5	-0.49	-4.083	0.589	2.453
Konteks3.5	2	5	-0.346	-2.884	0.422	1.755
Konteks4.2	2	5	-0.07	-0.585	0.461	1.921
Konteks4.3	1	5	-0.458	-3.814	2.317	9.647
Konteks4.4	2	5	-0.155	-1.291	0.505	2.103
Input1.1	1	5	-1.004	-8.36	5.283	21.995
Input1.2	2	5	0.154	1.286	0.158	0.658
Input1.3	1	5	-1.027	-8.548	1.894	7.885
Input1.4	2	5	-0.389	-3.241	1.577	6.564
Input1.5	1	5	-0.576	-4.796	2.175	9.054
Input1.6	1	5	-0.461	-3.837	1.196	4.978
Input1.7	1	5	-0.697	-5.804	2.415	10.054
Input2.1	1	5	-0.845	-7.038	1.266	5.27
Input2.2	2	5	-0.381	-3.171	0.228	0.95
Input2.3	2	5	-0.194	-1.612	-0.109	-0.455
Input2.4	2	5	-0.145	-1.207	-0.199	-0.828
Input2.5	2	5	-0.35	-2.913	-0.037	-0.153
Input3.1	1	5	-1.205	-10.034	2.484	10.343
Input3.2	1	5	-0.854	-7.107	1.606	6.685
Input3.3	1	5	-0.774	-6.444	1.235	5.143
Input3.4	1	5	-1.187	-9.881	1.943	8.091
Input3.5	1	5	-0.798	-6.647	0.882	3.672
Proses1.2	1	5	-1.167	-9.72	4.846	20.176
Proses1.3	2	5	-0.189	-1.573	1.319	5.49
Proses1.4	1	5	-1.056	-8.796	3.851	16.032
Proses1.5	1	5	-0.702	-5.846	1.499	6.239
Proses1.6	1	5	-0.392	-3.264	2.491	10.373
Proses1.7	1	5	-0.779	-6.488	1.005	4.184
Proses1.8	1	5	-0.879	-7.319	3.081	12.826
Proses1.9	1	5	-1.155	-9.618	3.389	14.108
Proses1.10	1	5	-1.116	-9.294	3.788	15.772
Proses1.12	1	5	-0.6	-4.994	1.807	7.522
Proses1.13	1	5	-1.093	-9.1	5.28	21.981
Proses1.14	2	5	-0.653	-5.436	1.11	4.623
Proses2.1	1	5	-1.012	-8.425	2.722	11.331
Proses2.2	1	5	-0.561	-4.671	1.535	6.389
Proses2.3	2	5	-0.4	-3.333	-0.248	-1.034

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.50 *(sambungan)*

Item	min	max	skew	c.r.	kurtosis	c.r.
Proses2.5	1	5	-0.864	-7.193	3.923	16.334
Proses2.6	1	5	-1.05	-8.746	3.35	13.946
Proses2.7	2	5	-0.417	-3.476	0.222	0.925
Proses2.8	1	5	-0.907	-7.554	2.853	11.879
Proses3.1	1	5	-1.311	-10.92	2.595	10.804
Proses3.2	1	5	-1.388	-11.56	3.937	16.39
Proses3.3	1	5	-0.922	-7.673	2.425	10.096
Proses3.4	1	5	-0.445	-3.705	0.011	0.045
Proses3.5	1	5	-0.735	-6.122	-0.312	-1.301
Proses3.6	1	5	-1.075	-8.949	1.084	4.512
Produk1.1	2	5	-0.454	-3.781	0.436	1.814
Produk1.2	2	5	-0.463	-3.854	0.516	2.147
Produk1.3	2	5	-0.404	-3.364	0.361	1.504
Produk1.5	2	5	-0.433	-3.609	0.541	2.251
Produk1.6	2	5	-0.118	-0.983	0.041	0.172
Produk1.7	2	5	-0.412	-3.429	0.041	0.171
Produk1.8	2	5	-0.175	-1.455	-0.098	-0.408
Produk1.9	1	5	-0.838	-6.98	1.578	6.57
Produk1.10	2	5	-0.303	-2.522	-0.319	-1.327
Produk2.2	1	5	-0.733	-6.1	1.995	8.307
Produk2.3	1	5	-0.717	-5.974	2.194	9.133
Produk2.4	1	5	-0.621	-5.173	1.791	7.457
Produk2.5	1	5	-0.851	-7.086	2.887	12.019
Produk3.1	1	5	-1.024	-8.523	1.942	8.085
Produk3.2	1	5	-0.808	-6.726	2.836	11.809
Produk3.3	1	5	-0.801	-6.672	1.704	7.096
Produk3.4	1	5	-0.705	-5.869	1.049	4.369
Multivariate					**490.106**	**45.314**

Seterusnya, kajian telah menjalankan penilaian kesahan menumpu (*convergence validity*), dan kebolehpercayaan komposit model pengesahan gabungan kali kedua, dan keputusan telah diringkaskan dalam Jadual 4.51. Berdasarkan jadual, didapati kesemua kontruk mempunyai nilai AVE melebihi 0.5. dan kajian mendapati kesemua konstruk dan menunjukkan nilai CR yang melebihi 0.6. Oleh itu, penyelidik dapat menyimpulkan bahawa model pengesahan gabungan kali kedua mempunyai tahap kebolehpercayaan serta kesahan menumpu yang memuaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.51

Statistik Kesahan dan Kebolehpercayaan Model Pengesahan Gabungan Kali Kedua

Hubungan			B	Beta	P	AVE	CR
S_Pentaksiran	<---	Konteks	0.710	0.766	***	0.676	0.893
Kepentingan	<---	Konteks	1.000	0.859			
Objektif	<---	Konteks	0.766	0.832	***		
Penyampaian	<---	Konteks	0.878	0.828	***		
Kandungan	<---	Input	1.000	0.804		0.725	0.887
Kemudahan	<---	Input	1.809	0.863	***		
BahanPdp	<---	Input	1.403	0.885	***		
K_Pentaksiran	<---	Proses	1.101	0.857	***	0.706	0.878
PenggunaanPdp	<---	Proses	1.172	0.830	***		
KaedahPdP	<---	Proses	1.000	0.833			
Motivasi	<---	Produk	1.250	0.843	***	0.657	0.852
Penguasaan	<---	Produk	1.000	0.781			
Kesediaan	<---	Produk	1.446	0.807	***		

Akhir sekali, kajian menilai kesahan diskriminan model pengesahan gabungan kali kedua dengan membandingkan nilai punca kuasa dua AVE dan nilai korelasi antara konstruk-konstruk lain. Jadual 4.52 menunjukkan nilai-nilai statistik bagi penilaian tahap kesahan diskriminan model pengesahan gabungan kali kedua. Berdasarkan jadual, diperhatikan bahawa semua konstruk menunjukkan nilai punca kuasa dua AVE yang lebih tinggi daripada nilai korelasi dengan konstruk lain. Jadual menunjukkan nilai 0.811 adalah lebih tinggi daripada 0.762, 0.758 dan 0.642. Seterusnya nilai 0.840 adalah lebih besar daripada 0.762, 0.698 dan 0.619. Diikuti nilai 0.851 dalh lebih besar daripada 0.698, 0.758 dan 0.635. Akhir sekali didapati nilai 0.822 adalah lebih besar daripada 0.635, 0.619 dan 0.642. Justeru itu, kajian menyimpulkan bahawa model pengesahan gabungan kali kedua mempunyai kesahan diskriminan yang memadai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.52

Statistik AVE dan Korelasi Antara Konstruk Model Pengesahan Gabungan Kali Kedua

Konstruk	Produk	Proses	Input	Konteks
Produk	**0.811**			
Proses	0.762	**0.840**		
Input	0.758	0.698	**0.851**	
Konteks	0.642	0.619	0.635	**0.822**

Nilai pepenjuru = punca kuasa dua AVE, nilai lain = korelasi antara konstruk

4.6 Model Persamaan Berstruktur (SEM) dan Keputusan Analisis Objektif Kajian 2 dan Hipotesis, H_1


Bahagian ini akan menjawab persoalan kajian kedua iaitu :"Adakah terdapat kesepadanan model persamaan berstruktur bagi dimensi konteks, input, proses dan produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan dengan data kajian?". Seterusnya, dapatan kajian juga akan menguji hipotesis yang dicadangkan seperti dinyatakan di dalam Bab 1 iaitu:

H_1: Terdapat kesepadanan model persamaan berstruktur bagi dimensi konteks, input, proses dan produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan dengan data kajian.

Keputusan keseluruhan bagi pengujian kesepadanan model persamaan berstruktur ditunjukkan di dalam Rajah 4.13 melalui model persamaan berstruktur yang dibentuk dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.13. Model Persamaan Berstruktur Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan

Berdasarkan Rajah 4.13 Model Persamaan Bertruktur Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan, penyelidik telah membuat ringkasan indeks kesepadanan bagi menjawab objektif kajian kedua dan hipotesis kajian yang pertama dalam kajian ini seperti dalam Jadual 4.53 berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.53

Penilaian Indeks Kesepadanan (Goodness of Fit Indexes, GoF) Model Persamaan Berstruktur Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan

Nama Kategori	Nama Indeks	Nilai Indeks Diperoleh	Keputusan Kajian
Absolute fit index	**RMSEA ≤ 0.08**	0.026	Mencapai tahap yang ditetapkan
	GFI > 0.9	0.821	Tidak mencapai tahap yang ditetapkan
Incremental fit indices	AGFI > 0.9	0.810	Tidak mencapai tahap yang ditetapkan
	CFI ≥ 0.90	0.960	Mencapai tahap yang ditetapkan
	TLI > 0.90	0.959	Mencapai tahap yang ditetapkan
	NFI > 0.90	0.844	Tidak mencapai tahap yang ditetapkan
Parsimonious fit	**Chi-square (X^2/df) < 3.0**	1.289	Mencapai tahap yang ditetapkan

Berdasarkan kepada Jadual 4.53, penyelidik telah menghasilkan satu reka bentuk model persamaan berstruktur yang boleh dijadikan panduan dan rujukan bagi memenuhi keperluan Kolej Komuniti khususnya. Model yang dibentuk telah memenuhi kriteria penilaian indeks kesepadanan (*Goodness of Fit Indexes*, GoF). Maka pengujian bagi hipotesis yang dijana bagi menjawab persoalan kajian kedua iaitu "Terdapat kesepadanan model persamaan berstruktur bagi dimensi konteks, input, proses dan produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan dengan data kajian" adalah diterima. Terdapat bukti kukuh yang menunjukkan bahawa model persamaan berstruktur penilaian pelaksanaan kurikulum keusahawanan telah mencapai kesepadanan dengan data kajian, setelah nilai *Relative Chi-Sq*, CFI, TLI dan RMSEA memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk menguji nilai indeks kesepadanan (*Goodness of Fit Indexes*, GoF) dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7 Keputusan Analisis Objektif Kajian 3, 4, 5, 6, 7, 8 dan Hipotesis Kajian H_2, H_3, H_4, H_5, H_6, H_7

Bahagian ini cuba menjawab persoalan kajian dan hipotesis kajian seperti dalam jadual 4.54 berikut.

Jadual 4.54

Persoalan Kajian 3,4,5,6,7,8 dan Hipotesis Kajian H_2, H_3,H_4,H_5,H_6,H_7

Objektif	Persoalan dan Hipotesis Kajian
3	Adakah terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi input terhadap dimensi proses dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan? H_2: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi input terhadap dimensi proses dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.
4	Adakah terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi input terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan? H_3: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi input terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.
5	Adakah terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi proses terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan? H_4: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi proses terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.
6	Adakah terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi konteks terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan? H_5: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi konteks terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.
7	Adakah terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi konteks terhadap dimensi input dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan? H_6: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi konteks terhadap dimensi input dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.
8	Adakah terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi konteks terhadap dimensi proses dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan? H_7: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi konteks terhadap dimensi proses dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.

Seterusnya, untuk tujuan pengujian hipotesis, maklumat signifikan setiap model seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.55 disemak. Kajian melihat kepada hubungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

antara dimensi-dimensi model penilaian kurikulum keusahawanan, dan keputusan Amos adalah seperti diringkaskan dalam Jadual 4.55 tersebut.

Jadual 4.55

Rumusan Hipotesis Hubungan dan Kesan Pengaruh Antara Dimensi

Hipotesis	Hubungan			B	BETA	C.R	Nilai *P*	Keputusan
H_2	Proses	<---	Input	0.559	0.511	6.624	***	Signifikan
H_3	Produk	<---	Input	0.363	0.381	4.839	***	Signifikan
H_4	Produk	<---	Proses	0.351	0.403	5.222	***	Signifikan
H_5	Produk	<---	Konteks	0.101	0.150	2.363	0.018	Signifikan
H_6	Input	<---	Konteks	0.450	0.635	9.021	***	Signifikan
H_7	Proses	<---	Konteks	0.228	0.294	4.377	***	Signifikan

Berdasarkan jadual 4.55, keputusan Amos menunjukkan bahawa dimensi input menunjukkan pengaruh positif yang signifikan terhadap dimensi proses (H_2, $p < 0.001$, $B = 0.559$). Ini bermakna, kurikulum keusahawanan Kolej Komuniti yang tinggi tahap dimensi inputnya berkecenderungan menunjukkan tahap dimensi proses yang tinggi. Sekiranya tahap dimensi input kurikulum keusahawanan Kolej Komuniti ditingkatkan, maka tahap dimensi prosesnya turut meningkat.

Seterusnya melihat pula kepada pengaruh dimensi input terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum, didapati terdapat kesan pengaruh positif yang signifikan bagi dimensi input terhadap dimensi produk (H_3, $p < 0.001$, $B = 0.363$). Kurikulum yang mempunyai tahap dimensi input tinggi akan lebih cenderung menunjukkan tahap dimensi produk yang tinggi. Ini bermakna bagi meningkatkan tahap dimensi produk kurikulum keusahawanan Kolej Komuniti, kita boleh melakukan dengan meningkatkan tahap dimensi input kurikulum keusahawanan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi kesan pengaruh seterusnya, hasil kajian menunjukkan dimensi proses mempunyai kesan pengaruh positif yang signifikan terhadap dimensi produk (H_4, $p < 0.001$, $B = 0.351$). Kurikulum yang tinggi tahapnya dalam dimensi proses akan menunjukkan tahap dimensi produk yang tinggi juga. Selain itu, dapat dikatakan bahawa tahap dimensi produk kurikulum keusahawanan pelajar Kolej Komuniti dapat ditingkatkan melalui dimensi proses kurikulum tersebut.

Bagi kesan dimensi konteks terhadap dimensi produk, keputusan kajian menunjukkan terdapat kesan pengaruh yang signifikan (H_5, $p = 0.018$, $B = 0.101$). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kurikulum keusahawanan yang bertahap dimensi konteks yang tinggi berkecenderungan menunjukkan tahap dimensi produk yang tinggi atau sebaliknya. Dalam erti kata lain, dengan meningkatkan tahap dimensi konteks kurikulum itu, tahap dimensi produk akan turut meningkat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya didapati bahawa dimensi konteks mempunyai kesan pengaruh positif yang signifikan terhadap Input (H_6, $p < 0.001$, $B = 0.450$). Ini bermakna kurikulum keusahawanan yang berada pada tahap dimensi konteks yang tinggi, akan menunjukkan tahap dimensi input yang tinggi. Ataupun, sekiranya tahap dimensi konteks kurikulum ditingkatkan, maka tahap dimensi input kurikulum tersebut juga akan meningkat hasil daripada peningkatan tahap dimensi konteks tersebut.

Akhir sekali, kajian mendapati bahawa terdapat kesan atau pengaruh positif yang signifikan bagi dimensi konteks terhadap dimensi proses (H_7, $p < 0.001$, $B = 0.228$). Ini menunjukkan bahawa kurikulum keusahawanan yang mempunyai tahap yang tinggi dari segi dimensi konteks akan menunjukkan tahap dimensi proses yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tinggi atau sebaliknya. Perkara ini juga bermaksud, sekiranya tahap dimensi konteks kurikulum itu meningkat, maka tahap dimensi proses kurikulum keusahawanan tersebut juga turut meningkat.

4.8 Kesimpulan Dapatan Kajian

Seterusnya, kajian merumus dengan melihat kekuatan kesan dimensi-dimensi yang berpengaruh terhadap satu dimensi yang lain dengan membandingkan nilai B piawai (*standardized weight, BETA*) seperti Jadual 4.56 berikut.

Jadual 4.56

Kekuatan Kesan Pengaruh Antara Dimensi

Hipotesis		Hubungan		BETA
H_2	Proses	<---	Input	0.511
H_3	Produk	<---	Input	0.381
H_4	Produk	<---	Proses	0.403
H_5	Produk	<---	Konteks	0.150
H_6	Input	<---	Konteks	0.635
H_7	Proses	<---	Konteks	0.294

Berpandukan keputusan kajian seperti dalam Jadual 4.56, didapati faktor atau dimensi yang mempunyai pengaruh tertinggi terhadap dimensi produk adalah dimensi proses (BETA = 0.403), diikuti dimensi input (BETA = 0.381) dan akhirnya dimensi konteks (BETA = 0.150). Bagi kesan pengaruh terhadap dimensi proses pula, kajian mendapati dimensi input mempunyai pengaruh yang lebih kuat (BETA = 0.511), berbanding dengan dimensi konteks (BETA = 0.294). Seterusnya, Jadual 4.57 di bawah menunjukkan ringkasan bagi jawapan persoalan dan setiap hipotesis kajian yang dikemukakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.57

Rumusan Persoalan dan Hipotesis Kajian

Bil	Persoalan / hipotesis	Keputusan
1	Apakah persepsi pelajar dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan bagi dimensi konteks, input, proses dan produk?	Tinggi
2	H_1: Terdapat kesepadanan model persamaan berstruktur bagi dimensi konteks, input, proses dan produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan dengan data kajian.	Hipotesis Diterima
3	H_2: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi input terhadap dimensi proses dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.	Hipotesis Diterima
4	H_3: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi input terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.	Hipotesis Diterima
5	H_4: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi proses terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.	Hipotesis Diterima
6	H_5: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi konteks terhadap dimensi produk dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.	Hipotesis Diterima
7	H_6: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi konteks terhadap dimensi input dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.	Hipotesis Diterima
8	H_7: Terdapat kesan pengaruh yang signifikan antara dimensi konteks terhadap dimensi proses dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan.	Hipotesis Diterima

4.9 Rumusan

Perbincangan bab 4 ini telah menyentuh berkaitan dapatan analisis kajian iaitu pertama berkaitan penilaian persepsi pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti. Hasil analisis menunjukkan purata tahap persepi pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum keusahawanan adalah tinggi pada setiap dimensi. Selain itu, kajian ini juga telah menjalankan analisis bagi menjawab hipotesis-hipotesis dalam kajian ini. Berdasarkan keputusan analisis Amos, didapati semua hipotesis yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikemukakan dalam kajian ini adalah diterima. Hasil analisis telah menunjukkan kesan pengaruh positif yang signifikan antara setiap dimensi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab terakhir ini mempunyai lima bahagian. Bahagian pertama adalah ringkasan terhadap kajian ini. Kemudian diikuti bahagian kedua yang membincangkan hasil dapatan kajian dengan mengaitkannya dengan dapatan kajian lepas dan bahan-bahan kajian lain. Bahagian ketiga pula membincangkan implikasi berdasarkan dapatan kajian ini yang mungkin boleh dijadikan panduan dan rujukan oleh pihak yang mempunyai autoriti dan kepentingan dengan kurikulum keusahawanan Kolej Komuniti. Pada bahagian keempat bab ini juga, penyelidik mengemukakan cadangan-cadangan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), pelaksana kurikulum keusahawanan dan penyelidikan lanjutan. Seterusnya bab ini diakhiri dengan rumusan pada bahagian kelima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan penilaian pelaksanaan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti. Penilaian ini melibatkan empat dimensi penilaian iaitu dimensi konteks, dimensi input, dimensi proses dan dimensi produk berdasarkan Model Penilaian KIPP yang dikemukakan oleh Stufflebeam. Dimensi konteks melibatkan penilaian berkaitan kepentingan kurikulum, objektif kurikulum, struktur penyampaian dan struktur pentaksiran. Penilaian input pula melihat dari segi isi kandungan kurikulum, bahan PdP dan kemudahan prasarana. Penilaian proses pula telah melihat kaedah PdP, kaedah pentaksiran dan penggunaan bahan PdP. Manakala penilaian terakhir iaitu dimensi produk melihat dari aspek penguasaan kefahaman pelajar, motivasi pelajar menjadi usahawan dan kesediaan pelajar menjadi usahawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini dijalankan di lapan buah Kolej Komuniti Kluster 1 mengikut zon dan menjadi pelaksana bagi kurikulum keusahawanan. Seramai 416 orang pelajar yang terlibat dalam kajian soal selidik ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan dan data kuantitatif diperolehi dari soal selidik yang diedarkan kepada pelajar semester tiga dan ke atas di Kolej Komuniti. Data kuantitatif daripada soal selidik telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Statistik inferensi yang digunakan adalah Analisis Pemodelan Persamaan Berstruktur (SEM - *Structural Equation Modeling*). Analisis SEM digunakan untuk menguji hipotesis kesepadanan dan kesan pengaruh antara setiap dimensi konteks, input, proses dan produk.

Dapatan kajian pelaksanaan kurikulum keusahawanan Kolej Komuniti ini adalah sesuai dan penilaian yang diberikan oleh pelajar adalah tinggi. Kurikulum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keusahawanan memberi impak yang positif kepada pelajar sepanjang mereka mempelajari subjek tersebut. Dapatan kajian ini juga disokong oleh Zainora (2015) yang menyatakan bahawa kesesuaian pelaksanaan kurikulum amat penting untuk meningkatkan keberkesanan sesuatu program sehingga mencapai tahap kualiti yang tinggi.

5.3 Pebincangan Dapatan Kajian

Dalam perbincangan ini, penyelidik membincangkan dapatan kajian berdasarkan persoalan yang telah dikemukakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.1 Persepsi Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan Dari Dimensi Konteks

Penilaian persepsi keusahawanan dari dimensi konteks melibatkan kepentingan kurikulum, objektif kurikulum, struktur penyampaian dan struktur pentaksiran. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesemua sub konstruk dari dimensi konteks ini memperoleh min yang tinggi. Sub konstruk kepentingan kurikulum mempunyai min yang paling tinggi. Selaras dengan pandangan bahawa kurikulum keusahawanan di institusi pengajian tinggi memainkan peranan penting terutama bagi pelajar yang berminat untuk menjadi usahawan yang berjaya dan boleh membantu pelajar menceburi bidang keusahawanan (Norasmah dan Mohd Hasril, 2016; Abd Rahman et al., 2015). Nor Asiah dan Noor Hasni (2018) juga menegaskan bahawa pelajar yang menyedari kepentingan bidang keusahawanan akan lebih cenderung untuk mencipta kerjaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sendiri. Ini bermakna pelajar sedar akan kepentingan penawaran kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti sebagai satu subjek yang relevan dalam membantu pelajar mendalami ilmu keusahawanan.

Kajian ini juga mendapati bahawa sub konstruk objektif kurikulum, struktur penyampaian dan struktur pentaksiran dalam dimensi konteks memperoleh skor min yang tinggi. Ini bermakna kurikulum keusahawanan yang ditawarkan mempunyai maklumat dan ciri-ciri kurikulum yang boleh difahami oleh pelajar. Pelajar bersetuju bahawa objektif kurikulum ada dinyatakan dalam helaian rangka kurikulum, relevan, boleh dicapai dan bersesuaian dengan keperluan terkini pelajar. Ini selaras dengan kenyataan Ornstein dan Hunkins (2009), bahawa perkara utama dalam sesebuah kurikulum adalah kebolehcapaian objektif dan matlamat yang ditetapkan kerana kurikulum berperanan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Dapatan kajian juga menunjukkan struktur penyampaian kurikulum seperti sinopsis kursus, kaedah pembelajaran dan rasional pelaksanaan kursus juga ada dinyatakan dalam helaian rangka kurikulum dengan jelas. Begitu juga dengan struktur pentaksiran seperti kaedah penilaian, jumlah penilaian dan peratus pemarkahan telah dinyatakan dengan jelas dalam rangka kurikulum yang diberikan kepada pelajar. Ini bertepatan dengan kenyataan Suzana dan Jamil (2012) bahawa struktur yang merangkumi teknik pentaksiran harus difahami oleh pelajar sebaik mungkin supaya tidak berlaku kesilapan pelaksanaan dan kefahaman terhadapnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Persepsi Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan Dari Dimensi Input

Penilaian persepsi keusahawanan dari konstruk dimensi input melibatkan sub konstruk isi kandungan kurikulum, bahan PdP dan kemudahan prasarana. Kajian penilaian ini mendapati ketiga-tiga elemen ini mempunyai min yang tinggi. Ini menunjukkan isi kandungan kurikulum, bahan PdP dan kemudahan prasarana yang berkaitan kurikulum keusahawanan adalah sesuai dan menepati keperluan pelajar. Isi kandungan kurikulum yang sesuai dan menarik dapat memberi rangsangan dan boleh menarik minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Nurzulaikha dan Noor Aslinda (2021) yang mendapati bahawa faktor isi kandungan kurikulum adalah penting dalam menarik minat pelajar terhadap keusahawanan. Dapatan ini disokong lagi oleh Kolb (2014) dan Mumtaz et al. (2016) yang menyatakan kejayaan sesuatu kurikulum keusahawanan adalah bergantung kepada kesesuaian isi kandungan kursus yang ditawarkan sama ada dari teori dan praktikal di dalam kurikulum yang boleh diaplikasikan oleh pelajar.

Dari segi penyediaan bahan PdP, secara keseluruhan pelaksanaan kurikulum keusahawanan Kolej Komuniti telah dapat menyediakan bahan PdP dengan baik. Ini dapat dilihat berdasarkan hasil dapatan kajian yang menunjukkan skor min yang tinggi. Di peringkat Kolej Komuniti, walaupun para pelajar sudah dianggap dewasa dan boleh memahami isi kandungan pelajaran tanpa adanya bahan bantu PdP, namun penyediaannya sangat diperlukan untuk menarik minat pelajar dalam subjek atau kurikulum yang ditawarkan. Kesediaan bahan audio visual, bahan rujukan, nota dan bahan rujukan di Kolej Komuniti telah membantu melancarkan pelaksanaan kurikulum keusahawanan. Ini disokong dengan kenyataan bahawa peralatan seperti aplikasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

komputer dan multimedia amat diperlukan bagi merangsang persekitaran PdP yang seronok, berkesan dan lebih bermakna kepada pelajar (Subahan Mohd Meerah dan Syed Ismail Syed Mustafa, 2017). Oleh itu penyediaan bahan PdP dalam kurikulum keusahawanan perlu dipertingkatkan lagi khusunya bahan-bahan berbentuk digital seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

Dapatan kajian ini juga secara keseluruhannya, pelajar berpuas hati dengan kemudahan prasarana yang disediakan oleh pihak Kolej Komuniti dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan. Persepsi pelajar terhadap kemudahan yang disediakan adalah pada tahap yang tinggi berdasarkan analisis pada bab empat. Persekitaran yang baik dan kemudahan prasarana yang mencukupi adalah sangat penting untuk menjaga kualiti pelaksanaan sesuatu program pendidikan dan keberkesanan pembelajaran (Supramaniam & Khaidzir, 2020; Che Nidzam et al., 2013; Amina & Shehla, 2011). Begitu juga pandangan Alias, Nik Mohd. Rahimi dan Ruhizan (2011) menyatakan untuk menjayakan satu program pendidikan, kelengkapan pembelajaran hendaklah sentiasa mencukupi dan mudah didapati oleh guru dan pelajar. Dapatan kajian ini juga seiring dengan kajian oleh Talip dan Taat (2021) yang mendapati kemudahan prasarana yang baik mempengaruhi keberkesanan pembelajaran. Dua kajian yang dilaksanakan di dua buah Kolej Komuniti iaitu Kolej Komuniti Paya Besar oleh Wong (2021) dan Kolej Komuniti Kuala Langat oleh (Siti Nor Hayati & Karimah, 2018) juga memperoleh dapatan kajian yang mendokong kajian ini iaitu kemudahan prasarana yang disediakan di Kolej Komuniti adalah amat baik. Namun dapatan kajian ini kontra dengan kajian yang dijalankan oleh Syed Khalid (2018) yang mendapati kemudahan prasarana dalam kajian beliau adalah pada tahap sederhana sahaja. Manakala dalam kajian Anantha Raj dan Abdul Ghani (2012) mendapati pelajar tidak berpuas hati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan kemudahan bilik kuliah yang disediakan. Oleh itu, berdasarkan penilaian pelajar dalam kajian ini, dapatlah dirumuskan bahawa kemudahan prasarana yang disediakan telah membantu pelaksanaan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti yang terlibat.

5.3.3 Persepsi Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan Dari Dimensi Proses

Dapatan kajian dari aspek dimensi proses menunjukkan persetujuan yang paling tinggi berbanding ketiga-tiga dimensi yang lain. Ini bermakna proses pelaksanaan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti adalah sangat baik. Proses pelaksanaan dari aspek dimensi proses dalam kajian ini melibatkan kaedah PdP, kaedah pentaksiran dan penggunaan bahan PdP. Dalam kaedah PdP, proses pelaksanaan penyampaian kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti adalah ditunjangi oleh pensyarah pelaksana. Dapatan dalam kajian ini berkaitan kaedah pengajaran dan pembelajaran oleh pensyarah adalah sangat baik. Antara kaedah yang digunakan oleh pensyarah kurikulum keusahawanan ialah menggunakan kaedah pembelajaran secara berkumpulan, menyatakan objektif dengan jelas, melaksanakan aktiviti penyelesaian masalah, membuat kajian lapangan, merancang hari usahawan, mengendalikan kelas dengan menyeronokkan dan memberi pendedahan kepada pelajar tentang keusahawanan secara atas talian. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Ahzilah et al. (2017) dan Nurzulaikha dan Noor Aslinda (2021) yang mana faktor penyampaian PdP yang baik boleh memberi kepuasan dan minat kepada pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambahan pula, ciri-ciri kaedah PdP yang disampaikan oleh pensyarah dalam kajian ini disokong dengan kenyataan Wardana et al. (2020) yang menyatakan dalam kurikulum keusahawanan memerlukan kajian lapangan seperti membenarkan pelajar menjalankan temu duga dengan usahawan yang berjaya. Kaedah ini digunakan untuk memastikan pelajar mendapat ilmu daripada pengalaman seorang usahawan sebenar. Kaedah ini juga boleh meningkatkan kebolehan dan kemahiran keusahawanan pelajar (Potishuk dan Kratzer, 2017). Menurut Syed Zamberi et al. (2018), terdapat kaedah yang baik dalam proses PdP keusahawanan seperti projek perundingan dan pembelajaran berasaskan masalah seperti dinyatakan dalam soal selidik kajian ini. Sebagai rumusan, kaedah PdP yang disampaikan pensyarah daripada aspek dimensi proses kurikulum keusahawanan telah dilaksanakan dengan baik. Pensyarah telah menggunakan pelbagai kaedah bagi memudahkan kefahaman pelajar terhadap keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek pelaksanaan kurikulum dari segi kaedah pentaksiran pula menunjukkan min yang tinggi berdasarkan hasil analisis pada bab empat. Elemen-elemen dalam kurikulum seperti strategi promosi, harga dan produk telah diterapkan dalam pentaksiran oleh pensyarah kepada pelajar. Di samping itu, pensyarah telah menerapkan elemen dorongan dan pengalaman keusahawanan dalam pentaksiran berbentuk tugasan kepada pelajar. Ini bermakna pensyarah telah menggunakan kepakaran dan kemahiran mereka dalam memberikan pentaksiran yang berkesan kepada pelajar. Bertepatan dengan kajian Yeh dan Mohd Zahuri (2018), yang menyatakan bahawa pensyarah mestilah berpengetahuan dan berkemahiran dalam menjalankan pentaksiran kepada pelajar. Kajian ini juga selari dengan Norazman, Nor' ain & Nur Fazliana (2012) yang menyatakan pentaksiran yang baik dapat memberi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maklum balas tahap prestasi pelajar. Dalam konteks Kolej Komuniti, pentaksiran yang dibangunkan telah melalui proses tapisan berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan. Ini termasuklah pematuhan kepada format soalan, hasil pembelajaran kurikulum dan peratusan pemarkahan. Oleh itu secara keseluruhannya, proses pentaksiran dalam kurikulum keusahawanan telah berjalan dengan baik dan memenuhi keperluan pelajar Kolej Komuniti.

Berdasarkan dapatan penggunaan bahan PdP dalam kajian ini, pensyarah mempunyai tahap yang tinggi dalam penggunaan bahan PdP semasa proses penyampaian pembelajaran kurikulum keusahawanan. Ini dapat dilihat apabila hasil analisis menunjukkan persepsi pelajar terhadap proses penggunaan bahan PdP oleh pensyarah adalah tinggi. Dalam proses pembelajaran kesahawanan, pensyarah telah menggunakan internet, slide *Powerpoint*, video dan nota yang menarik minat pelajar. Penggunaan bahan PdP oleh pensyarah sangat membantu dalam proses pembelajaran. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Siti Aminah dan Fazlinda (2015) yang mendapati guru menggunakan kemudahan bahan PdP berbentuk multimedia, internet dan *Powerpoint* bagi memudahkan kefahaman pelajar dalam pembelajaran. Dapatan ini juga menyokong kenyataan bahawa bahan PdP berbentuk multimedia dapat menggalakkan kerjasama sesama pelajar dengan lebih baik, membentuk kemahiran berfikir kritis dan meningkatkan pengetahuan dalam proses pembelajaran yang berpusatkan pelajar (Park dan Gentry, 2017; Fathia et al., 2016). Secara tidak langsung, ini akan meningkatkan persepsi positif terhadap bahan PdP yang digunakan dan seterusnya memberi kesan positif terhadap sikap pelajar (Keller, 2016; Eunjoon et al., 2012). Sebagai kesimpulan dalam kajian ini, penggunaan bahan PdP dalam pelaksanaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kurikulum keusahawanan telah dilaksanakan dengan amat baik dan menepati keperluan pelajar dalam proses pembelajaran kurikulum ini.

5.3.4 Persepsi Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan Dari Dimensi Produk

Dapatan dari dimensi produk dalam kajian ini juga menunjukkan tahap persepsi pelajar yang tinggi. Ini menunjukkan sub konstruk dalam konstruk dimensi produk yang melibatkan penguasaan kefahaman pelajar, motivasi pelajar menjadi usahawan dan kesediaan pelajar menjadi usahawan mencapai tahap yang tinggi seperti ditunjukkan dalam analisis bab empat. Tahap min penguasaan kefahaman pelajar berada pada tahap yang tinggi, ini bermakna pelaksanaan kurikulum keusahawanan telah berjaya memberikan kefahaman yang baik kepada pelajar. Kefahaman pelajar terhadap pembelajaran kurikulum keusahawanan amat penting untuk menarik keinginan menjadi usahawan. Ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Virginia (2018) di Sepanyol berkaitan pemilihan kerjaya usahawan dalam kalangan remaja mendapati bahawa kefahaman asas dalam bidang keusahawanan mampu menarik golongan remaja mempunyai kecenderungan untuk memilih kerjaya sebagai usahawan.

Kefahaman terhadap ciri-ciri usahawan, rancangan perniagan, pemasaran, pengurusan kewangan dan kos perniagaan yang dinyatakan dalam soal selidik dalam kajian ini adalah penting. Elemen-elemen ini merupakan sukatan yang disampaikan dalam kurikulum keusahawanan Kolej Komuniti. Dari aspek kefahaman dalam pemasaran, dapatan kajian ini bertepatan dengan pendapat Sharifah dan Suzana (2015) dan Fadilla Che Faizu dan Norasmah Othman (2020) dalam kajian mereka mengenai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuan pemasaran membolehkan pelajar untuk mengenal peluang keusahawanan seperti penentuan harga dan teknik promosi yang wujud dalam dunia keusahawanan. Dari aspek kefahaman terhadap rancangan perniagaan, menurut Arasti et al. (2012) rancangan perniagaan adalah salah satu tajuk utama yang diberi penekanan dalam mempelajari kurikulum keusahawanan. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian oleh Fadilla Che Faizu dan Norasmah Othman (2020), namun bertentangan dengan kajian Tih Sio Hong et al. (2014) yang mendapati pelajar mempunyai tahap kefahaman yang rendah terhadap rancangan perniagaan dan tidak mampu mengenal pasti elemen keusahawanan di sekeliling mereka.

Dapatan daripada sub konstruk motivasi pelajar untuk menjadi usahawan juga menunjukkan keputusan yang amat baik dengan min yang tinggi seperti hasil analisis dalam bab empat kajian ini. Kajian yang dilakukan oleh Gelaidan & Abdullateef (2017) mempunyai persamaan dengan dapatan kajian ini iaitu tentang motivasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar di Malaysia menunjukkan berada pada tahap yang tinggi. Motivasi merupakan hubungan antara niat dan tindakan (Malinda, 2018). Aspek keyakinan diri, motivasi dan semangat untuk menjadi usahawan antara soalan yang diukur dalam soal selidik kajian sub dimensi ini. Ini bermakna hasil pelaksanaan kurikulum keusahawanan ini membolehkan pelajar bermotivasi untuk menjadi usahawan. Berdasarkan penguasaan kefahaman pelajar yang baik terhadap pelaksanaan kurikulum ini, maka motivasi pelajar juga berada pada tahap yang baik. Walaubagaimanapun, faktor kemahiran dan pengetahuan pelajar terhadap sukatan kurikulum tidak cukup untuk membolehkan pelajar bertindak sebagai seorang usahawan. Ini selaras dengan kenyataan Zhang dan Zheng (2017), bahawa untuk membolehkan seseorang mengambil tindakan atau mempunyai tingkah laku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keusahawanan perlu mempunyai elemen motivasi yang mencukupi untuk berbuat demikian. Kenyataan ini disokong lagi oleh Garcia-Rodriguez et al. (2013) yang menyatakan bahawa tingkah laku yang dirancang boleh menjadi asas kepada motivasi dan kesediaan keusahawanan. Seseorang individu mungkin mempunyai kemahiran dan sifat keusahawanan, tetapi tanpa hubungan antara niat dan tindakan iaitu motivasi, seseorang individu tidak dapat mengambil risiko untuk mengeksploitasi peluang tersebut. Sebagai rumusan, elemen keberhasilan dari sudut motivasi pelajar untuk menjadi usahawan amat penting sebagai salah satu kayu ukur kejayaan pelaksanaan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti.

Sub konstruk terakhir dalam konstruk dimensi produk ialah kesediaan pelajar menjadi usahawan. Sub konstruk ini juga mendapat tahap min yang tinggi berdasarkan hasil analisis yang dijalankan namun yang terendah berbanding dua sub konstruk yang lain dalam dimensi produk. Setelah melalui proses pelaksanaan kurikulum keusahawanan, amatlah penting pelajar mempunyai kesediaan untuk menjadi usahawan sebagai persediaan kerjaya mereka. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Norudin et al., (2011) yang menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar mempunyai kesedian untuk menjadi usahawan selepas tamat pengajian. Ini bagi membuktikan sesuatu kurikulum yang dilaksanakan itu adalah berkesan untuk melahirkan graduan yang berkualiti khususnya kepada sebuah institusi teknikal seperti Kolej Komuniti. Kenyataan ini selaras dengan kajian Zhang dan Cain (2017), kesediaan keusahawanan merupakan pendekatan praktikal dalam mengkaji kelakuan keusahawanan dan membangunkan pendidikan keusahawanan yang berkesan. Pendekatan ini begitu signifikan kepada institusi pengajian tinggi (Rosliza et al., 2016)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan turut melibatkan institusi teknikal yang mengabungkan kurikulum keusahawanan dan teknikal kepada para pelajar (Nor Hanis et al., 2016).

Sebagai rumusan, penemuan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan kefahaman keusahawanan, motivasi keusahawanan dan kesediaan keusahawanan merupakan faktor yang signifikan dalam mendorong individu menceburi keusahawanan. Pelajar turut bersetuju bahawa kurikulum keusahawanan yang dipelajari telah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan mereka, yang seterusnya meningkatkan motivasi dan kesediaan mereka untuk terlibat dalam bidang usahawan.

5.3.5 Kesepadanan Model Persamaan Berstruktur Bagi Dimensi Konteks, Input, Proses Dan Produk Dalam Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan

Objektif kedua kajian ini adalah untuk menentukan kesepadanan model berstruktur bagi konstruk dimensi konteks, dimensi input, dimensi proses dan dimensi produk dengan data kajian yang diperoleh. Oleh itu, data kajian ini telah menjalani proses analisis statistik inferensi dengan melibatkan Analisis Faktor Penerokaan (EFA) dan Analisis Faktor Pengesahan (CFA) bagi membuat pengesahan model pengukuran terlebih dahulu. Model persamaan berstrktur ini terbentuk setelah melalui pelbagai proses penyingkiran item dan modifikasi indeks bagi mencapai kesepadanan dengan data kajian yang diperoleh.

Model berstruktur yang dibina adalah berdasarkan kerangka konseptual kajian ini dengan menggunakan anak panah satu hala yang menghubungkan dimensi-dimensi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang terlibat. Melalui analisis Pemodelan Persamaan Berstruktur (SEM), semakan menggunakan kriteria indeks kesepadanan (*Goodness of Fit Indexes*, GoF) yang mempunyai tiga kategori iaitu *Absolute Fit*, *Incremental Fit* dan *Parsimonious Fit* dijalankan. Model berstruktur didapati telah mencapai kesepadanan apabila nilai-nilai RMSEA, CFI, TLI dan Chisquare/df telah mencapai tahap yang ditetapkan. Ini mengesahkan bahawa model berstruktur yang dibina telah mencapai kesepadanan dengan data kajian yang diperoleh dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti yang melalui kurikulum keusahawanan. Kesepadanan ini membuktikan bahawa keempat-empat dimensi atau konstruk kajian ini yang terdiri daripada dimensi konteks, dimensi input, dimensi proses dan dimensi produk telah berjaya dihubungkan dengan berstruktur. Hasil perhubungan model ini menunjukkan bahawa item-item di dalam konstruk kajian ini mempunyai faktor *loading* yang memuaskan dan begitu bermakna untuk menilai setiap komponen di dalam konstruk tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai ringkasan terhadap apa yang dibincangkan, penyelidik dapat menyatakan bahawa seluruh sub dimensi atau sub konstruk yang menyokong setiap konstruk dalam kajian ini adalah hasil daripada dapatan kajian. Hasil kajian menunjukkan konstruk dimensi konteks diukur melalui empat sub konstruk iaitu (i) kepentingan kurikulum; (ii) objektif kurikulum; (iii) struktur penyampaian dan (iv) struktur pentaksiran. Dalam kajian ini setelah melalui proses kebolehpercayaan dan kesahan EFA, tiga item telah digugurkan. Bagi konstruk dimensi input telah menunjukkan dimensi input dapat diukur dengan tiga sub konstruk iaitu (i) isi kandungan; (ii) bahan PdP; dan (iii) kemudahan prasarana. Setelah dimensi input melalui proses kebolehpercayaan dan kesahan EFA, satu item telah digugurkan. Manakala bagi konstruk dimensi proses menunjukkan dimensi proses dapat diukur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan tiga sub konstruk iaitu (i) kaedah PdP; (ii) kaedah pentaksiran; dan (iii) penggunaan bahan PdP. Apabila dimensi proses melaui proses kebolehpercayaan dan kesahan EFA, tiga item telah disingkirkan. Seterusnya konstruk terakhir dalam kajian ini iaitu konstruk dimensi produk mendapati bahawa dimensi produk dapat diukur dengan tiga sub konstruk iaitu (i) penguasaan kefahaman pelajar; (ii) motivasi pelajar menjadi usahawan; dan (iii) kesediaan pelajar menjadi usahawan. Bagi dimensi ini setelah melalui proses kebolehpercayaan dan kesahan EFA, tiga item telah dikeluarkan.

Berdasarkan penyingkiran item dalam proses EFA, item telah disingkirkan kerana tidak berkolerasi dan telah berlakunya pertindihan sehingga terbentuk faktor-faktor tunggal sebagai suatu interpretasi baharu dalam faktor-faktor yang baharu (Zainudin Awang, 2012). Perkara ini bermakna, item-item yang diperoleh dari dimensi atau konstruk dalam kajian terdahulu mungkin tidak sesuai apabila kajian semasa dilaksanakan di persekitaran yang lain (Zainudin Awang, 2012; Zainudin Awang et al., 2018). Walaubagaimanapun, dalam kajian ini tiada penyingkiran item atau sub konstruk berlaku dalam proses CFA. Oleh itu, kajian ini telah dapat membuktikan kesepadanan model berstruktur yang menghubungkan antara setiap konstruk atau dimensi yang memberi kesan dan pengaruh dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan. Ini menunjukkan bahawa kajian ini telah berjaya memberikan maklumat terkini dalam suatu kajian yang baharu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.6 Pengaruh Dimensi Input Terhadap Dimensi Proses Dalam Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan

Dapatan kajian ini menunjukkan pengaruh dimensi input terhadap dimensi proses adalah kuat berbanding pengaruh dimensi konteks terhadap dimensi proses. Elemen dalam dimensi input sangat penting dalam meningkatkan pengaruh terhadap dimensi proses. Kecukupan sumber bahan PdP dalam pembelajaran, kemudahan prasarana yang jitu dan isi kandungan kurikulum yang mantap dapat menentukan keberkesanan proses pelaksanaan kurikulum keusahawanan kepada pelajar. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran mestilah mempunyai kepelbagaian dalam penggunaan Bahan PdP bagi menyokong kefahaman pelajar terhadap isi kandungan pembelajaran (Goh & Heng, 2016). Oleh itu, pensyarah dapat menggunakan kreativiti yang tersendiri dalam penggunaan bahan PdP yang sesuai dalam membantu proses pembelajaran bagi meningkatkan kefahaman pelajar terhadap keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian ini selari dengan Wiles dan Bondi (2007), yang menyatakan terdapatnya pengaruh yang kuat antara kaedah seorang guru menyampaikan pengajaran mereka dengan bahan PdP yang digunakan dalam proses pembelajaran. Dalam konteks kajian ini, Kolej Komuniti telah menyediakan kemudahan bahan PdP, selain isi kandungan kurikulum yang relevan untuk dilaksanakan. Hal ini membantu pensyarah untuk menyampaikan isi kandungan kurikulum dalam keadaan sumber yang mencukupi dan mudah dicapai. Untuk meningkatkan lagi kesan pengaruh yang positif dalam proses penyampaian pengajaran dalam dimensi proses, elemen-elemen dalam dimensi input haruslah dipertingkatkan. Ini termasuk manaiktaraf kemudahan pembelajaran, membekalkan bahan sokongan PdP yang berteknologi dan kemudahan prasarana yang lebih kondusif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini juga menunjukkan kemudahan prasarana telah memberi kesan pengaruh terhadap dimensi proses. Kemudahan prasarana yang disediakan di Kolej Komuniti bagi pembelajaran kurikulum keusahawanan adalah baik dan membantu dalam proses PdP pensyarah terhadap pelajar. Namun dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian oleh Khadijah dan Azimin Samsul (2013) yang mendapati kebanyakan prasarana tidak menyediakan persekitaran yang selesa bagi memenuhi keperluan pensyarah dan pelajar.

5.3.7 Pengaruh Dimensi Input Terhadap Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan

Kemudahan prasarana, bahan sokongan pembelajaran, dan isi kandungan pendidikan mempunyai pengaruh yang sangat besar terhadap kepuasan pelajar di institusi pendidikan (Anthony & Shaheen, 2013). Dapatan kajian ini mendapati dimensi input iaitu isi kandungan kurikulum, bahan PdP dan kemudahan prasarana mempunyai pengaruh positif yang signifikan terhadap dimensi produk iaitu penguasaan kefahaman pelajar terhadap kurikulum, motivasi pelajar menjadi usahawan dan kesediaan pelajar menjadi usahawan. Ini menunjukkan semakin ditingkatkan tahap dimensi input iaitu isi kandungan kurikulum, bahan PdP dan kemudahan prasarana maka tahap dimensi produk iaitu penguasaan kefahaman pelajar terhadap kurikulum, motivasi pelajar menjadi usahawan dan kesediaan pelajar menjadi usahawan juga akan semakin tinggi.

Dapatan dalam kajian ini mempunyai persamaan dengan dapatan kajian oleh Andrews, Boyne, dan Walker (2011) yang menyatakan produktiviti akademik pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan meningkat semakin tinggi apabila tahap penyediaan kemudahan prasarana yang diberikan kepada pelajar adalah mencukupi. Kemudahan prasarana dan pendidikan pada hari ini seperti pusat sumber, buku dan suasana persekitaran pembelajaran institusi merupakan kemudahan yang membantu dan mengekalkan kualiti penyampaian pembelajaran dan pengajaran (Mavondo, Zaman & Abu Bakar, 2000).

Dapatan kajian ini juga disokong Shaheen, Anthony & Zarina (2014) menyatakan kualiti kurikulum yang ditawarkan oleh institusi pendidikan boleh mempengaruhi motivasi pelajar, dalam masa yang sama kualiti kemudahan prasarana yang disediakan di institusi pendidikan merupakan faktor utama yang memberi kesan pengaruh yang signifikan terhadap motivasi pelajar dan kualiti pembelajaran. Mubbsher, Ishfaq & Muhammd (2011) menyatakan aspek kemudahan prasarana di institusi pendidikan membawa kesan pengaruh yang positif dengan kepuasan motivasi pelajar. Terdapat pandangan bahawa pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi akan berusaha bersungguh-sungguh dalam pembelajaran mereka. Ini menunjukan kemudahan prasarana dari dimensi input yang disediakan oleh institusi pendidikan dapat mempengaruhi kualiti pembelajaran dan motivasi pelajar (Rita Chopra, Mamta Chawla & Tejinder Sharma, 2014).

5.3.8 Pengaruh Dimensi Proses Terhadap Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan

Dapatan kajian ini menunjukan dimensi proses iaitu kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) pensyarah, kaedah pentaksiran dan penggunaan bahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran dan pengajaran mempunyai kesan pengaruh terhadap dimensi produk iaitu penguasaan kefahaman pelajar terhadap kurikulum, motivasi pelajar menjadi usahawan dan kesediaan pelajar menjadi usahawan. Kajian ini menunjukan kaedah pengajaran pensyarah merupakan faktor yang amat penting dalam usaha melahirkan pelajar berkualiti (Noor Erma dan Leong, 2014; Hudson, 2012; Hanagan, 2006; Ball, Heather dan Rowan, 2005).

Dapatan kajian ini juga memberi maksud kurikulum yang mempunyai tahap dimensi proses yang tinggi, maka dimensi produk juga akan berada pada tahap yang tinggi. Pandangan pelajar terhadap kaedah PdP yang diterapkan oleh pensyarah menunjukkan pensyarah mempunyai kompetensi yang baik dalam penyampaian pembelajaran kurikulum usahawan seperti pensyarah telah mengaitkan teori keusahawanan dengan situasi sebenar, pensyarah memberi pendedahan keusahawanan secara atas talian dan penyampaian pensyarah mudah difahami. Dapatan kajian ini dipersetujui dengan pandangan yang menyatakan penguasaan kaedah PdP pensyarah mempunyai pengaruh yang rapat dengan keberkesanan pengajaran pensyarah seterusnya melahirkan produk pelajar yang berkualiti (Noor Erma & Leong, 2014; Hudson, 2012; Khalid, 2009; Hanagan, 2006; Ball et al., 2005). Namun terdapat kajian yang bercanggah dengan dapatan kajian ini seperti kajian Norazman, Nor' ain & Nur Fazliana (2012) yang mengatakan pengajaran guru tidak mempengaruhi aspek produk iaitu keberhasilan atau pun pencapaian pelajar. Selain itu, dapatan kajian oleh Mohar Yusof et. al., (2009) juga bercanggah dengan dapatan kajian ini. Dapatan beliau menyatakan pengaruh proses pembelajaran dalam menentukan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan graduan untuk menjadi usahawan adalah lemah. Ia mungkin disebabkan kajian beliau hanya menumpukan kepada tiga elemen melibatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaedah pembelajaran, kandungan kursus dan peranan pensyarah sedangkan perlunya pelbagai faktor lagi yang perlu dikaji dan diketahui di dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Dalam dimensi proses, sub dimensi kaedah pentaksiran juga menyumbang kesan pengaruh dimensi proses terhadap dimensi produk. Ini menunjukkan semakin tinggi tahap pentaksiran maka semakin tinggi tahap kefahaman, motivasi dan kesediaan pelajar menjadi usahawan. Menurut Ernest & Tan (2013) kaedah pentaksiran memberikan kesan pengaruh kepuasan pelajar sebanyak 50%. Dalam konteks Kolej Komuniti, pensyarah telah memberikan tugasan yang melibatkan pengalaman keusahawanan sebenar dan tugasan yang diberikan mendorong pelajar menjadi usahawan. Ini berdasarkan soalan-soalan dalam soal selidik yang telah diberikan kepada responden kajian ini. Selain itu, tugasan yang diberikan kepada pelajar juga melibatkan strategi-strategi keusahawanan seperti strategi harga, strategi produk, strategi promosi dan strategi agihan. Elemen-elemen ini amat membantu dalam memberi kesan pengaruh terhadap penguasaan kefahaman pelajar, motivasi dan kesediaan pelajar menjadi usahawan seperti hasil dapatan kajian ini.

Satu lagi sub konstruk dalam dimensi proses yang memberi kesan pengaruh signifikan terhadap dimensi produk ialah penggunaan bahan PdP oleh pensyarah dalam proses pembelajaran. Berdasarkan hasil dapatan kajian ini menunjukkan penggunaan bahan PdP oleh pensyarah berada tahap tinggi seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Aspek penggunaan bahan PdP oleh pensyarah amat penting khususnya dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian membuktikan penggunaan peralatan teknologi seperti internet, video, *Powerpoint*, komputer dan seumpamanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ketika PdP menunjukkan kompetensi pensyarah yang baik dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan dari aspek dimensi proses. Dapatan ini dikukuhkan lagi dengan kajian dijalankan Robiatul Adawiah Jamali dan Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2016) yang mendapati kaedah penyampaian PdP yang dilaksanakan di dalam kelas menjadi lebih unik dan lengkap apabila guru menerapkan unsur bahan PdP yang sesuai. Keupayaan pensyarah dalam menggunakan nota-nota yang menarik berbentuk digital melalui internet memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan bahan PdP yang disediakan, menyumbang idea dan membuat perbincangan dalam kumpulan masing-masing. Pendekatan ini dapat meningkatkan kefahaman dan motivasi pelajar menjadi usahawan diri di samping menjadikan pembelajaran lebih efektif dan progresif. Dapatan kajian juga selari dapatan Kamarul Azmi et al. (2011) yang menjelaskan penggunaan bahan PdP yang berasaskan teknologi multimedia seperti internet dan *Powerpoint* dapat meningkatkan kualiti PdP.

Justeru itu, dalam kajian ini kebolehan pensyarah Kolej Komuniti adalah seiring dengan perkembangan teknologi dalam dunia pendidikan. Pengetahuan dan kemahiran yang ada pada pensyarah dalam penggunaan bahan PdP yang terkini juga telah mempengaruhi kefahaman, motivasi dan kesediaan pelajar menjadi usahawan dalam dimensi produk. Kualiti pelaksanaan kurikulum keusahawanan boleh ditingkatkan dengan meningkatkan sub konstruk dimensi proses seterusnya memberi kesan pengaruh dalam peningkatan sub dimensi produk. Ini bermaksud semakin tinggi dimensi proses kurikulum, juga akan memberi peningkatan kepada dimensi produk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.9 Pengaruh Dimensi Konteks Terhadap Dimensi Produk, Dimensi Input Dan Dimensi Proses Dalam Pelaksanaan Kurikulum Keusahawanan

Seterusnya, dapatan kajian ini menunjukkan terdapat pengaruh dimensi konteks terhadap dimensi produk. Konstruk dimensi konteks melibatkan sub konstruk kepentingan kurikulum, objektif kurikulum, struktur penyampaian kurikulum dan struktur pentaksiran kurikulum. Ini menunjukkan tahap dimensi konteks yang tinggi berkecenderungan menunjukkan tahap dimensi produk yang tinggi. Dapatan ini disokong oleh Rafidah dan Mohd Safiee (2016) yang menyatakan bahawa terdapat pengaruh antara struktur penyampaian kurikulum (konteks) dengan kesediaan keusahawanan (produk) dalam kalangan pelajar. Dalam kajian ini, ia menunjukkan dimensi konteks pelaksanaan kurikulum dalam keusahawanan mampu mempengaruhi kefahaman, motivasi dan kesediaan pelajar untuk menjadi usahawan. Dapatan ini disokong oleh Mohar Yusof et. al. (2009) yang menyatakan struktur penyampaian pembelajaran mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap kesediaan keusahawanan.

Dari aspek kesesuaian objektif dalam dimensi konteks, objektif kurikulum yang sesuai merupakan antara faktor dalam dimensi konteks yang memberi kesan pengaruh terhadap dimensi produk. Kajian ini menunjukkan objektif kurikulum keusahawanan mempunyai ciri-ciri seperti yang dihasratkan oleh pelajar. Dapatan kajian juga menunjukkan kejayaan dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti bergantung kepada pensyarah sebagai pelaksana untuk merealisasikan objektif kurikulum keusahawanan yang ditetapkan. Objektif yang sesuai dengan keperluan pelajar, relevan, mudah difahami dan boleh dicapai memberi kesan pengaruh signifikan dalam mempengaruhi kefahaman, motivasi dan kecenderungan pelajar untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi usahawan dalam dimensi produk. Ini bertepatan dengan saranan McCreesh dan Maher (1974) supaya semua guru sentiasa peka dengan objektif kurikulum yang ditetapkan agar objektif pengajaran pelajar sentiasa sesuai dengan keperluan pelajar.

Dari sudut struktur pentaksiran yang merupakan salah satu sub dimensi dalam dimensi konteks, dapatan kajian ini menunjukkan struktur pentaksiran yang dibangunkan dalam kurikulum adalah jelas dan difahami oleh pelajar. Ia merupakan satu elemen yang menyumbang kepada kesan pengaruh terhadap dimensi produk. Apabila pelajar jelas dengan pentaksiran yang akan dijalankan dalam sesebuah kurikulum, pelajar akan lebih bersedia dan memberi kesan pengaruh kepada kefahaman, motivasi dan kesediaan keusahawanan pelajar. Namun bagi memastikan pentaksiran adalah berkesan kepada aspek kemahiran dan pengetahuan pelajar, tahap kesediaan pelajar seperti minat dan pengetahuan sedia ada perlu dipastikan mantap terlebih dahulu (Mohd Tafizam, 2018).

Dapatan kajian ini juga menunjukkan terdapat kesan pengaruh dimensi konteks terhadap dimensi input. Ini menunjukkan sekiranya ingin meningkatkan elemen dalam dimensi input, maka elemen dalam dimensi konteks juga perlu ditingkatkan. Asas kepada sebuah kurikulum seperti kepentingan kurikulum itu sendiri, objektif kurikulum yang relevan, struktur penyampaian dan struktur pentaksiran yang jelas akan memberi pengaruh kepada pembangunan isi kandungan kurikulum tersebut. Selain itu, penyediaan bahan PdP dan kemudahan prasarana dalam pembelajaran kurikulum keusahawanan akan dapat disediakan dengan baik sekiranya sub konstruk dalam dimensi konteks seperti dalam kajian ini disusun dan diatur secara jelas dan terperinci. Hal ini bermaksud dokumen asas kurikulum yang jelas akan memudahkan pihak-pihak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terlibat seperti pihak pengurusan dan pensyarah keusahawanan Kolej Komuniti untuk menyediakan sumber-sumber pembelajaran dengan berkesan seperti dapatan dalam kajian ini.

Hasil dapatan kajian ini juga mendapati terdapatnya pengaruh dimensi konteks terhadap dimensi proses. Seperti yang dibincangkan dalam kesan pengaruh dimensi konteks terhadap dimensi input, faktor-faktor dalam dimensi konteks telah memberi kesan pengaruh dalam proses pelaksanaan kurikulum keusahawanan dalam kajian ini. Objektif kurikulum, struktur penyampaian dan struktur pentaksiran yang dinyatakan dalam dokumen kurikulum telah membantu pensyarah untuk menyusun strategi pelaksanaan PdP, kaedah pentaksiran yang relevan dan penggunaan bahan PdP yang sesuai. Faktor-faktor dalam dimensi proses ini dapat ditingkatkan kualiti proses pelaksanaannya dengan meningkatkan lagi kualiti dalam penentuan objektif, struktur penyampaian dan struktur pentaksiran dalam dimensi konteks kurikulum keusahawanan.

5.4 Implikasi Kajian

Dapatan kajian ini telah memberikan impak ilmu pengetahuan yang lebih mantap terhadap pelaksanaan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti. Dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan, elemen dalam dimensi proses merupakan sumber yang paling memberi impak utama terhadap dimensi produk. Kejayaan utama pelaksanaan kurikulum keusahawanan ini bergantung kepada kaedah penyampaian PdP, kaedah pentaksiran dan penggunaan bahan PdP oleh pensyarah. Pensyarah sebagai penggerak,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pencetus dan penjana untuk melaksanakan kurikulum keusahawanan bagi mencapai hasrat melahirkan pelajar berciri usahawan seperti yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Pensyarah juga perlu memastikan matlamat dan objektif kurikulum keusahawanan dapat direalisasikan berdasarkan kurikulum yang sedia ada yang berkuatkuasa. Oleh itu, dalam menilai pelaksanaan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti, dapatan kajian ini boleh menjadi panduan dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti untuk mencapai hasrat objektif dan matlamat yang ditetapkan. Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian ini memberi sumbangan dan implikasi terhadap perkara berikut:

5.4.1 Bidang Ilmu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Elemen-elemen dalam setiap dimensi dalam konteks, input, proses dan produk amat penting dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum. Kurikulum yang dirancang dan dilaksanakan perlu bertepatan dan bersesuaian dengan matlamat dan objektif kurikulum itu untuk melahirkan graduan Kolej Komuniti yang berilmu pengetahuan, berkemahiran, holistik dan berciri usahawan. Sehubungan itu, dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa kurikulum keusahawanan itu pada dasarnya mampu untuk melahirkan pelajar yang memahami keusahawanan, bermotivasi untuk menjadi usahawan dan bersedia untuk menjadi usahawan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan kurikulum keusahawanan yang telah dilaksanakan di Kolej Komuniti berjaya memberi impak dari sudut penguasaan kefahaman ilmu keusahawanan pada dimensi produk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini telah memberi satu sumbangan yang sangat bernilai kepada keilmuan yang berkaitan dengan penilaian kurikulum keusahawanan yang berkualiti. Peranan pensyarah dalam menyampaikan, memudah cara dan melaksana kurikulum keusahawanan sangat penting dalam menjayakan kurikulum ini di Kolej Komuniti. Pensyarah keusahawanan Kolej Komuniti telah menunjukkan peranan yang besar untuk melahirkan pelajar yang bersedia dan bermotivasi untuk menjadi usahawan. Ini dapat dilihat apabila peranan pensyarah dalam dimensi proses telah memberi sumbangan pengaruh paling besar terhadap dimensi produk. Berdasarkan persepsi pelajar dalam kajian ini berjaya mencungkil bahawa kualiti pensyarah keusahawanan Kolej Komuniti pada masa kini boleh dipertingkatkan dengan memenuhi ilmu penyampaian pengajaran, ilmu teknologi dalam PdP dan ilmu pembinaan item pentaksiran. Apabila pensyarah memiliki kemahiran dan pengetahuan dalam menyampaikan ilmu keusahawanan yang luas maka akan lahirlah pelajar yang berilmu keusahawanan, bermotivasi dan bersedia untuk menjadi usahawan.

Ilmu dan teknologi pada masa kini juga sentiasa berubah seiring dengan perkembangan zaman. Sebagai pensyarah di Kolej Komuniti, tugas untuk melaksanakan penyelidikan menjadi salah satu tugas yang penting. Penemuan dan pertambahan ilmu-ilmu baru dalam penyelidikan khususnya dalam proses PdP perlu dizahirkan dalam bentuk penulisan yang mampu untuk dikongsi dan dibincangkan bersama dengan pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti yang lain. Ini kerana kajian ini juga berjaya membuktikan bahawa kaedah pengajaran yang menarik dan berkesan amat diperlukan untuk memastikan pelaksanaan kurikulum keusahawanan yang dirancang mencapai objektif yang ditetapkan. Kaedah penyampaian pengajaran pensyarah yang menarik dapat merangsang kemahiran berfikir pelajar terhadap keusahawanan sesuai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dengan tahap pengetahuan sedia ada mereka. Proses pembelajaran yang berkesan dapat membantu pelajar membina keyakinan dan sikap yang betul untuk melatih mereka dalam kemahiran berfikir dan mengutarakan pendapat serta menambah minat dalam keusahawanan sesuai dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk melahirkan graduan yang holistik dan berciri usahawan.

Memandangkan terdapat beberapa kajian lepas yang menyatakan kelemahan terhadap pelaksanaan dan hasil kurikulum sebelum ini, dapatan kajian ini merupakan suatu dapatan baharu dalam kurikulum keusahawanan Kolej Komuniti yang amat penting kerana dapat mengenal pasti kekuatan pelaksanaan kurikulum keusahawanan yang dijalankan di Kolej Komuniti Malaysia. Dapatan kajian ini juga menunjukkan objektif dan matlamat pelaksanaan kurikulum keusahawanan tersebut adalah tercapai. Oleh yang demikian, pihak-pihak yang terlibat dengan pembangunan dan pelaksanaan kurikulum hendaklah memberi perhatian terhadap pelaksanaan, pemantauan, penilaian dan kerjasama pensyarah dengan pengurusan organisasi. Pegawai-pegawai dari JPPKK, pengurusan akademik Kolej Komuniti dan pengurusan organisasi perlu lebih kerap menjalankan bimbingan dan penyeliaan pelaksanaan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti bagi memastikan hasrat KPT dapat dilaksanakan dengan berkesan. Perkara ini amat penting untuk mengenal pasti kelebihan dan kekurangan dalam proses pelaksanaan kurikulum keusahawanan supaya langkah untuk membuat penambahbaikan dapat dilakukan secara berterusan dalam memastikan tahap kualiti kurikulum keusahawanan di peringkat Kolej Komuniti. Tanpa penyeliaan dan bimbingan yang berterusan, pelaksanaan kurikulum keusahawanan tidak dapat mencapai matlamatnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.2 Teoritikal



Rajah 5.1. Model Penilaian Kurikulum Berkualiti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan model penilaian KIPP yang digunakan dalam kajian ini, terdapat implikasi terhadap model yang digunakan dalam penilaian kurikulum keusahawanan. Dapatan kajian menunjukkan kesemua empat dimensi telah menyumbang kepada kejayaan penilaian kurikulum keusahawanan seperti dalam Rajah 5.1 di atas. Berdasarkan dapatan kajian, penyelidik membina satu model penilaian pelaksanaan kurikulum keusahawanan sebagai panduan dan rujukan kepada pihak penilai kurikulum, pembangun kurikulum, pelaksana kurikulum, pensyarah, pihak pengurusan dan pelajar.

Berdasarkan model penilaian kurikulum keusahawanan tersebut, untuk memastikan pelaksanaan sesuatu kurikulum itu berkualiti, terdapat empat aspek yang perlu diberikan perhatian dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum iaitu memastikan kurikulum adalah relevan, sumber yang mencukupi, kaedah penyampaian berkesan dan keberhasilan kurikulum. Dapatan kajian mendapati dimensi konteks mempengaruhi dimensi input, dimensi input mempengaruhi dimensi proses dan akhirnya dimensi proses mempengaruhi dimensi produk seperti gambaran model dalam Rajah 5.1. Namun hasil kajian menunjukkan hanya dimensi proses yang memberi kesan pengaruh terkuat untuk mempengaruhi dimensi produk yang menjadi fokus kepada kajian ini. Oleh itu, implikasi dan sumbangan kajian ini mencadangkan pengaruh dimensi proses terhadap dimensi produk harus dikekalkan. Manakala pengaruh dimensi konteks dan input terhadap dimensi produk harus dipertingkatkan walaupun persepsi pelajar terhadap dimensi konteks dan input adalah baik. Garis putus-putus dalam model mewakili keperluan untuk meningkatkan kesan pengaruh yang merangkumi sub konstruk dalam dimensi konteks seperti struktur penyampaian dan struktur pentaksiran. Peningkatan pemerkasaan terhadap sub konstruk dimensi input juga harus diberi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perhatian khususnya kepada isi kandungan kurikulum, bahan PdP dan kemudahan prasarana. Ini bagi memastikan masalah-masalah yang dinyatakan pada awal kajian ini dapat ditangani melalui aspek dimensi konteks dan dimensi input dengan memastikan kedua-duanya dapat mempengaruhi pelajar untuk bersedia menjadi usahawan iaitu pada dimensi produk.

Dengan terbinanya model penilaian kurikulum ini pihak penilai kurikulum, pembangun kurikulum, pelaksana kurikulum, pensyarah dan pihak pengurusan akan lebih yakin dalam melaksanakan sesuatu kurikulum di Kolej Komuniti. Hal ini kerana mereka mempunyai satu model yang menjadi panduan ke arah pelaksanaan kurikulum yang berkualiti. Dalam melaksanakan sesuatu kurikulum mereka boleh meneliti dimensi kesesuaian kurikulum dengan pelajar, memiliki sumber yang terbaik, kaedah penyampaian yang berkesan dan keberhasilan kurikulum terhadap pelajar.

5.4.3 Praktikal

5.4.3.1 Kualiti Pengajaran Pensyarah

Dapatan kajian menunjukkan dimensi proses yang melibatkan elemen-elemen penyampaian pengajaran memberi kesan pengaruh paling utama terhadap keberhasilan kurikulum terhadap pelajar. Ini telah memberikan gambaran secara menyeluruh bahawa warga pensyarah Kolej Komuniti perlu sentiasa berusaha mengekalkan dan menambah baik kurikulum keusahawanan sedia ada supaya lebih memberi impak kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelaksanaannya. Dalam melaksanakan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti, kekuatan yang ditemui dalam dapatan kajian ini dapat diperkukuhkan lagi dengan menganjurkan program seperti kursus dan latihan kepada semua pensyarah keusahawanan untuk memantapkan lagi penyampaian pengajaran dan meningkatkan pengetahuan teknologi dalam pengajaran.

Pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) perlu menyelaras kursus dan latihan dalam meningkatkan kepakaran pensyarah keusahawanan dan menggariskan kompetensi yang perlu dicapai bagi melahirkan pensyarah yang berkualiti. Selain itu, JPPKK perlu mengenal pasti pensyarah keusahawanan yang bukan dalam bidang sebenar untuk diberikan latihan keusahawanan secara teori dan praktikal bagi memantapkan lagi ilmu pengetahuan keusahawanan sedia ada. Galakan untuk pensyarah keusahawanan menyambung pengajian boleh melonjakkan kecemerlangan Kolej Komuniti dan menambah baik laluan kerjaya serta kebajikan pensyarah. Hal ini dapat menggalakkan para pensyarah menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran seterusnya menyumbang ilmu kepada pelajar dengan lebih berkesan.

Sehubungan itu, pensyarah keusahawanan Kolej Komuniti juga dapat memainkan peranan agar mampu menggunakan kemahiran dan kebolehan ke arah mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang lebih menarik minat pelajar. Pensyarah keusahawanan harus mampu untuk mencetus dan meningkatkan minat pelajar Kolej Komuniti untuk terus mengikuti kurikulum keusahawanan ini serta menerapkan nilai-nilai keusahawanan ke dalam diri pelajar sehingga selepas tamat pengajian. Sehubungan itu adalah perlu untuk pensyarah keusahawanan mendukung

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sepenuhnya pelaksanaan kurikulum ini supaya pelajar akan memperoleh segala pengetahuan dan kemahiran yang berguna serta dapat mengaplikasikan ciri-ciri keusahawanan dalam kehidupan seharian mereka. Pensyarah keusahawanan juga harus meningkatkan kualiti PdP dalam sesi perkuliahan dengan pelbagai idea dan kreativiti supaya pelajar dapat menguasi pengetahuan dan kemahiran serta dapat menterjemahkan ciri keusahawan dalam situasi sebenar.

5.4.3.2 Penyediaan Kemudahan Pembelajaran

Dimensi input juga mempunyai kesan pengaruh yang besar terhadap keberhasilan kurikulum ini. Elemen-elemen dalam dimensi input antaranya adalah berkaitan kemudahan pembelajaran. Pihak pengurusan Kolej Komuniti seharusnya mempunyai pelan perancangan yang komprehensif dalam menaik taraf atau menambah baik prasarana pembelajaran yang berkaitan dengan keusahawanan. Dengan ini memudahkan pensyarah untuk memainkan peranan yang lebih berkesan dalam penyampaian pengajaran mereka. Penyediaan kemudahan pembelajaran seharusnya bersifat terkini mengikut perubahan zaman.

Pihak pengurusan Kolej Komuniti melalui pentadbir dan pensyarah keusahawanan seharusnya dapat mengambil peranan dan inisiatif untuk membina hubungan yang baik bersama industri yang terlibat dengan keusahawanan. Ini penting bagi pihak Kolej Komuniti mendapatkan khidmat nasihat pakar dalam menyediakan kemudahan pembelajaran yang berkualiti kepada pelajar dan memantapkan lagi pelaksanaan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti. Pihak pengurusan juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seharusnya lebih terbuka bagi mendengar segala masalah dan kekurangan prasarana pembelajaran yang dihadapi oleh pensyarah dan pelajar dalam pelaksanaan kurikulum keusahawanan. Hal ini penting bagi memudahkan pensyarah menyampaikan proses PdP dengan lebih berkesan.

5.5 Cadangan

Beberapa cadangan dikemukakan berdasarkan penemuan yang diperoleh dalam kajian ini. Cadangan adalah untuk perhatian Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), pengurusan organisasi dan warga pensyarah di Kolej Komuniti. Pihak-pihak seperti penggubal kurikulum dan jawatankuasa kurikulum di peringkat pusat seharusnya dapat membuat penambahbaikan dan menggubal kurikulum keusahawanan secara kerjasama dengan agensi-agensi keusahawanan agar kandungan kurikulum tersebut selari dengan teknologi dan perubahan semasa. Kandungan kurikulum sedia ada sudah dinilai baik namun perlu dimasukkan elemen teknologi keusahawanan dan kaedah perniagaan terkini. Hal ini bertepatan dengan hasrat KPT untuk melahirkan graduan yang berciri usahawan dan holistik.

Pihak Kolej Komuniti perlu menyebarluaskan hasil dapatan kajian penyelidikan kepada pensyarah keusahawanan dan warga Kolej Komuniti serta membangunkan pasukan bimbingan dalam penyelidikan dan inovasi terkini bagi membantu pensyarah keusahawanan di Kolej Komuniti. Pihak Kolej Komuniti melalui pensyarah juga perlu menyusun semula program yang sesuai dalam membantu pelajar Kolej Komuniti memantapkan kemahiran keusahawanan. Program seperti hari keusahawanan pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perlu ditambah baik dengan membawa pelajar melakukan aktiviti keusahawanan di lapangan sebenar. Hal ini penting bagi memberi pendedahan kepada pelajar dari segi promosi dan persaingan sebenar dalam dunia perniagaan.

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan kepada hasil perbincangan dan dapatan dalam kajian ini, beberapa cadangan kajian lanjutan diperlukan untuk membantu melengkapkan aspek kajian yang tidak diberi penekanan dalam kajian ini. Penyelidik telah menyenaraikan beberapa cadangan bagi meneruskan kajian lanjutan dalam aspek-aspek berikut:

i. Kajian ini hanya melibatkan pelajar yang mengambil subjek keusahawanan dan tidak mewakili perspektif semua warga kerja dan pelajar Kolej Komuniti. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan supaya kajian lain turut menilai kurikulum dari pandangan penggubal kurikulum, jawatankuasa kurikulum, agensi keusahawanan terlibat dan pensyarah pakar keusahawanan yang terlibat kerana mereka juga adalah sebahagian dari penggerak kurikulum, pembangun kurikulum dan pakar dalam bidang.

ii. Kajian ini adalah terbatas kepada Kolej Komuniti kluster 1 di Semenanjung Malaysia sahaja. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan dengan melibatkan Kolej Komuniti Kluster 2 dan 3 di semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak. Ini bagi mendapatkan hasil kajian yang komprehensif dan menyeluruh berkaitan dengan pelaksanaan kurikulum keusahawanan Kolej Komuniti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Penyelidik juga mencadangkan kajian lanjutan dilaksanakan dengan memberi tumpuan khusus kepada kaedah pengajaran dan penggunaan bahan PdP dalam kalangan pensyarah keusahawanan. Tujuan utama kajian ini ialah mengenal pasti tahap kompetensi pensyarah terhadap pengajaran dan penggunaan bahan PdP ketika sesi pembelajaran dilaksanakan. Pendekatan kajian ini boleh dilaksanakan secara kuantitatif atau kualitatif dengan menemu bual para pensyarah keusahawanan.

iv. Kajian tinjauan kuantitatif merupakan reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian utama. Cadangan kajian akan datang adalah dengan menggunakan kajian kualitatif melalui temu bual kepada pensyarah dan pakar-pakar dalam bidang keusahawanan dengan lebih terperinci dan mendalam.

v. Kajian ini telah menggunakan model KIPP (Konteks, Input Proses, Produk) untuk menilai pelaksanaan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti. Untuk kajian akan datang dicadangkan proses penilaian kurikulum dijalankan dengan menggunakan model-model lain yang terkini atau model-model kurikulum yang dibangunkan oleh penyelidik-penyelidik dan pakar kurikulum.

5.7 Rumusan

Keseluruhan bab ini telah membincangkan dapatan kajian, implikasi kajian, cadangan serta cadangan kajian lanjutan untuk menambah baik kekuatan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti. Penilaian yang dijalankan ini dapat menjelaskan kepentingan penilaian kurikulum terhadap proses pendidikan. Kejayaan pelaksanaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kurikulum keusahawanan amat bergantung kepada elemen-elemen dalam setiap dimensi konteks, input, proses dan produk yang telah digariskan dan dibincangkan dalam kajian ini. Hasil perbincangan dan maklumat dapatan kajian ini dapat memberi idea dan membantu penggubal kurikulum dan pensyarah keusahawanan dalam mereka bentuk kurikulum baru pada masa akan datang. Diharapkan kurikulum keusahawanan di Kolej Komuniti akan terus menjadi satu kurikulum penting dalam sistem pendidikan TVET negara. Bagi mengekalkan kualiti pelaksanaan kurikulum keusahawanan ini disarankan pihak-pihak berkepentingan seperti pihak pengurusan institusi bersama-sama pakar-pakar keusahawanan melaksanakan penilaian pelaksanaan kurikulum di Kolej Komuniti secara berterusan dan melaksanakan bimbingan kepada pensyarah keusahawanan untuk memantapkan proses pembelajaran dan pengajaran dengan lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

A.Bachenheimeer, B. (2011). *A Management-Based KIPP Evaluation Of A Northen New Jersey School District's Digital Backpack Program*. University Of Florida.

AbdiShahshahani, M., Ehsanpour, S., Yamani, N., Kohan, S., & Hamidfar, B. (2015). The Evaluation of Reproductive Health PhD Program in Iran: A KIPP Model Approach. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, *197*(February), 88–97. https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.07.059

Abduh, M. (2012). A Case Study of Bengkulu University. *An Evaluation of the Entrepreneurship Education in Indonesia,* 871-882.

Abd Rahim Abd Rashid (2003). *Falsafah Budaya dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abdul Haris. (2018). *Pelaksanaan Kurikulum Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani Peringkat Sekolah Menengah Pertama Di Makassar, Sulawesi Selatan*. http://journal.um-surabaya.ac.id/index.php/JKM/article/view/2203

Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Pengajian Kurikulum*. Sekudai: Pencetakan Surya Sdn. Bhd.

Abdul Rahim Hamdan., Mohamed Najib Abdul Ghafar., & Li, L. T. H. (2010). Teaching competency testing among malaysian school teachers. *European Journal of Social Sciences*, 12(4), 610-617.

Abdul Fatah Abdul Malik dan Mohd Majid Konting (1993), Memahami Penyelidikan Pendidikan: Satu Pengenalan. Serdang: Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

Abdul Rahim Hamdan (2007), *Pengajian Kurikulum Ed.per-1*. Skudai, Johor: UTM.

Abd Rahman, S. S., Muhammad Sabri, M. F. & Nadzri, S. 2015. *Kompetensi Keusahawanan Diri Dalam kalangan mahasiswa yang mengambil kursus Keusahawanan Di Universiti. Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2ndICoMM) 2015(November)*: 372–384.

Abeles, H. F., Hoffer, C. F., & Klotman, R. H. (1994). *Foundations of music education,2nd ed*. New York: Schirmer Books.

Abma, T. A. 2005. Responsive evaluation in health promotion: its value for ambiguous contexts. *Health promotion International* 20 (40): 391-397.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Afsaneh Bagheri & Zaidatol Akmaliah. (2013). Role of University Entrepreneurship Programs in Developing Students' Entrepreneurial Leadership Competencies: Perspectives from Malaysian Undergraduate Students. *Journal of Education for Business*, 88: 51-61.

Ahamad Rahim, Abdul Razaq Ahmad, & Anuar Ahmad. (2010). Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Kurikulum Mata Pelajaran Sejarah Menengah Rendah Tingkatan 2 di Sekolah-sekolah Menengah Semenanjung Malaysia. *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah UKM*, *3*, 77–88.

Ahmad Mohd Salleh (2011), *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam: KPLI Pengajian Islam & JQAF*. Ed. ke-2. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.

Ahmad Raflis Che Omar, Abdullah Sanusi Othman, Suraiya Ishak, Jumaat Abd Moen, Mohd Rizal Palil, Mohamad Abdul Hamid, & Mohd Fauzi Mohd Jani. (2014). Mengasuh bakal usahawan Malaysia: Penentu keberkesanan pembelajaran kewangan di Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10 (2), 104-114.

Ahmad, S. Z. (2013). The need for inclusion of entrepreneurship education in Malaysia lower and higher learning institutions. *Education + Training*, *55*(2), 191–203. https://doi.org/10.1108/00400911311304823

Ahmad, S. Z., Ismail, M. Z., & Buchanan, F. R. (2014). Examining the entrepreneurship curriculum in Malaysian polytechnics. *International Journal of Management Education*, *12*(3), 397–406. https://doi.org/10.1016/j.ijme.2014.06.004

Ahzilah Wahid, Amlus Ibrahim, & Norashidah Hashim. (2017). The Review of Teaching and Learning on Entrepreneurship Education in Institution of Higher Learning. *Journal on Technical and Vocational Education*, 1(2), pp. 82- 88.

Ainon Hamzah, Kalaivani Nadarajah, Mahanem Mat Noor & Arina Anis Azlan. (2015). Students' Perception Of The Programme Offered By The School Of Biosciences And Biotechnology, Faculty Of Science And Technology, UKM. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(2), 111-117.

Akker, J.J.H. van den. (2003). Curriculum perspectives: an introduction. In J. van den Akker, W. Kuiper & U. Hameyer (Eds.). *Curriculum landscape and trends*. Dordrecht: Kluwer Academic Publishers.

